RISALAH

UNTUK KAUM MUSLIMIN

SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS

RISALAH
UNTUK KAUM MUSLIMIN

RISALAH
UNTUK KAUM MUSLIMIN

Syed Muhammad Naquib Al-Attas
M.A. (McGill), Ph.D. (London)
Profesor Universiti dalam Pemikiran dan Tamadun Islam;
Pengasas-Pengarah
Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam;
Penyandang
Kerusi Ternama al-Ghazali dalam Pemikiran Islam

INSTITUT ANTARABANGSA PEMIKIRAN DAN TAMADUN ISLAM
(ISTAC)
KUALA LUMPUR, 2001

KANDUNGAN

PRAKATA

Risalah yang berada di tangan pembaca ini adalah kata lisan yang telah dicatat dalam bentuk tulisan ringkas dan kemudian ditaip oleh setiausaha saya Cik Roselyn Hamzah ketika saya bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Mahaguru Penyandang Kerusi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu dan juga sebagai Pengasas serta Pengarah Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di Universiti itu. Kata-kata ini telah saya mulai pada awal tahun 1973 dan akhiri dengan perenggan 74 pada bulan Mac tahun itu, dibiarkan begitu sahaja tanpa terusan. Ini disebabkan oleh perasaan saya dewasa itu bahawa banyak perkara yang dihurai serta dibincangkan dalam Risalah ini bukan sahaja penting bagi bangsa kita, bahkan bagi Kaum Muslimin sedunia, kerana permasalahan yang terhurai dalamnya itu mengenai masalah kekeliruan mendalam yang sama sedang dideritai oleh Kaum Muslimin di merata dunia. Sedangkan kini pun, dalam suasana keadaan yang semakin meruncing ini, bangsa kita serta Kaum Muslimin amnya belum tampak sedar akan kekeliruan diri yang mengharunginya, kekeliruan diri yang berpunca dari penyelewengan faham mengenai Islām dan pandangan hidupnya—apatah lagi pula dewasa itu yang hampir tiga puluh tahun telah berlalu, bolehkan tiba pada nazar akali dahulu itu kesedaran yang diharapkan sehingga dapat menggerakkan diri ke arah pemulihan? Ternyata sekali kepada saya bahawa faham-faham yang terkandung serta terbayang dalamnya, yang merangkumi saujana luas yang terumus di situ dan yang belum pernah terlintas dalam renungan dewasa itu dan yang lampau, telah jauh mendahului masanya sehingga pelaksanaan kefahaman serta kesedaran mengenai kenyataannya memang luput dari pencapaian. Lagi pula keberanian jiwa,

keyakinan dan kemampuan akali yang sudah semestinya dikehendaki bagi melaksanakan kefahaman serta kesedaran dan tindakan sewajarnya belum terdapat.

Sebab utama yang mengakibatkan terjadinya keadaan begini adalah kejahilan masharakat kita kaum Muslimin mengenai Islām sebagai agama yang sebenarnya dan peradaban yang luhur lagi agung yang telah menghasilkan ilmu-ilmu Islamiah yang berdaya menayangkan pandangan alam yang tersendiri—kejahilan yang melenyapkan kesedaran akan tanggungjawabnya terhadap meletakkan amanah ilmu dan akhlak pada tempatnya yang wajar, sehingga sanggup membiarkan sahaja kekeliruan dan pelbagai macam penyelewengan dalam ilmu dan amal terus mengharungi pemikiran dan perbuatan para sarjana dan cendekiawan kita yang kebanyakannya masih terbelenggu pada gelang penghambaan ilmu-ilmu orientalis dan kolonial.

Muslim tergenggam belenggu kafir,
Akhirat luput, dunia tercicir,
Budaya jahil luas membanjir,
Banyak yang karam tiada tertaksir.

Barus dan Singkel, Pasai dan Ranir
Silam ditelan masa nan mungkir;
Lupa Jawaban dihafal mahir
Bagi menyangkal Munkar dan Nakir.

Shair yang merumuskan dengan ringkas keadaan kita ini telah saya tulis pada tahun 1959. Memang sedari awal lagi firasat membisikkan bahawa Risalah ini bukan untuk telinga pasaran masatu mahu pun masani yang sedang ribut dicabuli wabak sekularisme, akan tetapi dicorongkan pada pendengaran mendatang—pendengaran yang akan dapat membangkitkan kesedaran yang mampu membawa perubahan pada alam fikiran kita yang sedang terumbang-ambing di lautan keraguan.

Bagaimanapun, kita bukanlah kaum yang boleh putus harapan, dan dari itu maka tiada boleh berdiam sahaja membiarkan cabaran zaman berlalu berleluasa tanpa tantangan.

Kini kita sudah tiba semula di ambang sejarah, dan kesedaran umat sedang mulai membangkit. Dalam kematangan suasana kesedaran ini kelak tentu akan lahir para ilmuwan sejati yang mampu memainkan peranannya menuntut-bela keadilan dan kebenaran.

Sifat sejarah, menurut orang,
Ibarat pentas bermain wayang;
Cerita lampau dihurai dalang,
'Pabila tamat segera diulang.

Jika demikian mustahil pantang
Giliran Islam pula mendatang;
Lakonan lama indah gemilang,
Di layar dunia semula terbentang.

Kita harus insaf bahawa nilai-nilai yang merupakan daya penggerak 'lakonan lama' itu sebenarnya bersifat kulli, ya'ni *universal*, dan dari itu maka ia senantiasa *baharu* dan *kekal* dalam agama kita. Tetapi 'lakonan lama' itu pula tiada dapat dimainkan sekiranya para pelakonnya kaum Muslimin sudah kehilangan ma'na-dirinya, kehilangan peribadi dan wataknya; sudah lupa akan peranannya, lupa akan sejarahnya, akan nilai-nilai anutannya, akan ilmu-ilmu yang menayangkannya. Dan apa yang telah hilang itu tiada mungkin didapati semula hanya dengan sekadar melaungkan semboyan kosong yang kini sedang bergema dengan tema 'pembangunan'. Pembangunan, atau pembaharuan, atau pemulihan bukan bererti *penyesuaian* Islām dengan keadaan sejarah masakini; pembangunan bererti *penentangan* Islām terhadap keadaan sejarah masakini yang sudah jauh menyimpang dari jalan yang benar. Pembangunan yang saya maksudkan mensharatkan keberanian jiwa, keyakinan dan kemampuan akal nescaya berkuasa menjelmakan perubahan besar dalam sejarah sehingga bersesuaian dengan kehendak Islām. Dan ini semua mewajibkan bukan sahaja perjuangan jasmani, bahkan lebih dari itu pencapaian ilmu yang tulen yang mesti diperjuangkan oleh tiap Muslim.

Gerak-daya menuju ke arah pencapaian pembangunan yang saya maksudkan tentu akan mengambil masa yang lama justeru sebab pemikiran yang terbayang dalamnya merangkumi berbagai masalah ilmiah pokok yang belum ketara pada penglihatan batin sebahagian besar golongan ilmuwan kita; masih samar dalam pemikiran setengahnya; tiada disedari langsung oleh setengahnya lagi. Kemudian pula kepada mereka yang sedar akan terasa dengan jelas betapa besar dan hebatnya usaha yang harus dikerahkan demi menghadapi cabaran menggenting yang akan ketara pada penglihatan batinnya. Dan mereka inilah yang faham akan ertinya bersabar. Kepada mereka akan ternyata ruginya bergopoh dan untungnya beratur-rapih dalam melaksanakan perjuangan yang memanjang ini.

Oleh kerana firasat menggambarkan suasana dewasa itu belum sedia mengendahkan tujuan Risalah ini maka tiada saya teruskan perkembangannya dalam bahasa kita, bahkan lebih sesuai demi dapat menyampaikan maksud serta amanahnya kepada dunia Islām sekiranya perenggan-perenggannya dikembangkan dalam bahasa Inggeris. Dan itulah yang telah saya laksanakan pada kebanyakannya. Perenggan mengenai agama telah dikembang serta diterbitkan dalam bahasa Inggeris dengan judul *Islām: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality* pada tahun 1976, dan disampaikan sebagai suatu Sharahan pada Mu'tamar Islam Antarabangsa yang dianjurkan oleh Majlis Islam Eropah pada 5 haribulan April, 1976 di Dewan Besar Royal Commonwealth Society di London. Ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Turki, Jepun dan Korea. Kandungannya yang dikarang dalam bahasa Melayu dengan judul *Islām: Faham Agama dan Asas Akhlak* telah diterbitkan pada tahun 1977. Kemudian perenggan-perenggan lainnya hingga ke yang akhir telah saya kembangkan dalam buku-buku bahasa Inggeris seperti *Islām and Secularism* (1978) yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Turki, Farsi, Urdu, Hindi, Malayalam, Indonesia, Bosnia, Albania; *The Concept of Education in Islām* (1980) yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Turki, Farsi, Bosnia, Indonesia; *Islām and the Philosophy of Science* (1989), yang telah diterjemahkan ke dalam

bahasa Turki, Farsi, Bosnia, Indonesia; *The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul* (1990), yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Farsi; *The Meaning and Experience of Happiness in Islām* (1993), yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Turki, Jerman, Itali, Melayu; *Prolegomena to the Metaphysics of Islām* (1995), yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Rusia dan Farsi.

Tindakan saya untuk menyampaikan maksud serta amanah Risalah ini kepada dunia Islām dengan perantaraan bahasa Inggeris itu kini terbukti berkesan, memandangkan bahawa faham-faham yang telah saya kembangkan dari perenggan-perenggannya memang benar diakui mengandung ma'na yang amat perlu diendahkan oleh para ilmuwan bangsa-bangsa Islām sendiri di merata dunia, sehingga telah diterjemahkan oleh mereka ke dalam empatbelas bahasa termasuk bahasa-bahasa agung Islām.

Lebih-kurang tiga atau empat tahun yang lalu sebuah salinan naskhah asal Risalah ini telah saya amanahkan kepada Profesor Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud, Timbalan serta sahabat saya di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islām (ISTAC), untuk simpanan dan perhatiannya peribadi. Beliau telah meneliti serta menggunakannya sebagai bahan rujukan dalam beberapa karyanya yang sangat bernilai dan seringkali menganjurkan masanya kini telah tiba untuk Risalah ini diterbitkan bagi bacaan umum. Begitu juga pendapat Dr. Muhammad Zainiy Uthman, Profesor Madya dan Pustakawan Ilmiah ISTAC dan beberapa Sarjana Penyelidik kami Mohd. Zaidi Ismail, Mohd. Sani Badron, Wan Azhar Wan Ahmad, dan Md. Asham Ahmad, yang semuanya telah membaca dan ikhlas berusaha menguruskan penerbitan Risalah ini. Patut saya ingati juga di sini Haji Mat Ali Mat Daud, Pendaftar ISTAC, yang telah mentaati kerja di samping saya selama tigapuluh tahun, yang telah bersama menempuh pelbagai peristiwa genting dan mengenali benar riwayat lahirnya Risalah ini. Kepada mereka ini semua, yang budi dan baktinya membuktikan nilai diri yang saya hargai, saya menaruh kepercayaan meletakkan amanah pada tempatnya yang wajar untuk melanjutkan lagi memperkembang-

kan ilmu yang bermanfaat.

Maka kini Risalah ini dihidangkan kepada para pembaca yang budiman, semata-mata hanya sebagai catatan, untuk pertama kali sejak hampir tigapuluh tahun berlalu ia dirakamkan, termaktub tanpa sebarang perubahan pada ma'na dan kata dan gaya.

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan Nama Allāh
Yang Mahapengasih, Mahapenyayang

Segala pujian bagi Allāh nan mahaesa
Yang mahameliputi semesta semua,
Yang liputanNya menyangkal bicara
Dan Yang bagiNya tiada suatu pun tara.
Mahasuci dan mahamurni
Tiada terketika mahu pun terisi,
Tiada tercurai sebarang peri
Tiada tercapai sebarang budi;
Tuhan sarwa alam berganda
Yang mengambang hebat di angkasa,
Terpamer indah terjelma nyata
Dan yang terbunyi sunyi dalam rahasia;
Yang empunya arash yang mahatinggi
Pemilik kuasa yang mahakawi,
Yang berbuat sekehendak diri
Akan segala sesuatu mahamengetahui;
Yang menjadikan kejadian semesta
Mengadakannya daripada hal tiada
Dengan hanya titah sepatah kata
Kemudian memulangkannya kepada asalnya;
Yang memperlihatkan di alam tabii
Aneka tandaNya terlalu sani
Dari ufuk berganda ke diri insani
Menyatakan wajahNya yang mahaali;
Meskipun luhurNya jauh terala
Dari segala cita dan rasa dan indera,
Namun hampirNya begitu mesra
Lebih akrab dari aku dan kita.

Dialah Yang memberi petunjuk kepada hambaNya yang terpilih nescaya menuturi arah yang lurus dan benar; Yang memberkati mereka yang mengikrarkan keesaanNya dengan memeliharakan baginya kalimah shahadah dari kekabutan bisikan shak dan waswas; Yang memimpin mereka agar mematuhi jejak-langkah nabiNya pilihan, dan menganuti tauladan para sahabatnya mulia dengan mengarahkan langkahnya ke Jalan yang benar; Yang menyatakan diriNya kepada mereka yang memasangkan telinga dalam mushahadah dengan zatNya dan afaalNya dan aneka sifatNya yang mahaindah dan seni-seni; Yang mengenalkan kepada mereka bahawa Dia esa pada pihak zatNya, dengan keesaan yang menafikan kemungkinan adanya sekutu; sendiri, dengan kesendirian yang dikenali hanya oleh diriNya; tunggal tiada berbagai tiada berbanding tiada berlawan; mahaesa dan kadim tiada yang mendahuluiNya, dan tiada 'dahulu' bagiNya melainkan yang dahulu itu Ia jua; kekal azali tiada bermula, senantiasa wujud tiada yang kemudian daripadaNya, dan tiada 'kemudian' bagiNya melainkan yang kemudian itu pun Ia jua; kekal abadi tiada berkesudahan, wujud tiada hentinya, berada tiada akhirnya—bahkan adaNya kini seperti dahulu jua; dan tiada Dia terhenti dan tiadakan berhenti bagiNya diperikan dengan gelaran-gelaran keagungan yang terala.

Dan salawat yang tiada berputusan serta salam yang tiada berhabisan kepada ābdi dan rasulNya junjungan kita Muḥammad, pemilik panji kepujian yang mengikrarkan hakikat namanya sebagai mu'jizat nyata yang terus berlaku; yang

Meskipun zahir bentuk bashari,
Batinnya bangsa terlalu safi,
Kerana peri haknya ruhani
Pernah berkata lisannya murni:
Sebagai nabi aku terkandung
Dalam rahasia di Balai Agung,
Padahal Adam masih terapung
Antara air dan tanah lempung.

Meskipun rupaku anak Adam,
Darjatku asal terlebih kiram.

Tatkala Adam belum teringat,
Tatkala Kalam belum bersurat
Dan Papantulis belum tercatat,
Sudah terpandang oleh kunhi Zat
Seri wajahku di dalam mirat.

Sinaran sani cahaya kamalat,
Pancaran murni asma dan sifat,
Rumusan seni segala makhlukat
Yang zahir pada cermin hakikat—
Dalam diriku semua terlibat.

yang awal dicipta dan akhir menjelma, sehingga kedatangannya seperti yang datang dari Jauh ditunggu-tunggu; imam segala nabi dan khatimnya semua, laksana permata jawhar bercahayakan air asali menghiasi gelang para anbiya, laksana mohor Raja Agung yang pertama-mula menerapkan kalimah tawhid pada kalbu-diri Insan; yang terbit bagai bulan purnama cahayanya indah mengusir kegelitaan malam Jahiliah; yang katanya sungguh dan benar dan caranya betul belaka; tauladan terbaik bagi anak Ādam dan rahmat Ilahi bagi sekalian alam.

Seterusnya kepada keluarganya yang dipersuci kesuciannya, yang nasabnya tumbuh teguh dalam Sejarah, laksana pohon yang akarnya membenam merangkum bumi dan daunnya melambai di langit murni.

Dan kepada para sahabatnya yang bagai bintang tetap bertabur menghiasi langit kelam, laksana lantera laut memandu bahtera ke pantai Salam.

§1 Wahai Saudaraku!—seringkali telah kau tanyakan kepadaku perihal Islām dan Kaum Muslimin dewasa ini; seringkali telah kau tanyakan mengenai Islām dan peranannya sekarang di dalam dunia yang sedang giat berubah corak dan nilai, yang sedang pesat mengalami perubahan-perubahan meluas dan mendalam akibat perkembangan ilmu pengetahuan sains dan teknologi. Kau telah bertanya apakah ma'na Islām bagi Kaum Muslimin dewasa ini: adakah Islām itu sesuai untuk zaman aneka-rupa yang sedang kita tempuh ini?; tiadakah patut Islām pun harus mengalami perubahan seperti yang dialami oleh agama-agama lain di dunia?; tiadakah patut pula kita, dalam berusaha mentafsir semula Islām demi memperoleh panduan kehidupan kita dewasa ini, kembali sahaja terus kepada Al-Qur'ān dan Sunnah tanpa merujuk kepada sumber-sumber lain dalam perbendaharaan ilmu-ilmu agama Islām?; tiadakah harus kita kemukakan daripada hasil usaha kita sendiri faham-faham baharu, serta dalam pada itu kita ubah-gantikan petua-petua lama atau penunjuk nakali yang telah ditetapkan oleh beberapa Imam agung serta Mujtahidin kita penganut mazhab Ahlu'l-Sunnah wa'l-Jamā'ah?; mengapakah orang-orang Islām kini dikabuti kejahilan serta menderita kemunduran duniawi?; apakah sebabnya kita tercicir jauh ke belakang sedangkan bangsa-bangsa lain, khususnya orang-orang Kristian Barat, dapat berjaya menguasai kemajuan dunia dan hidup mewah sentosa?; di manakah letaknya keistimewaan mereka?; adakah kepercayaan kita terhadap qada dan qadar mempengaruhi daya kita berbuat dan bertindak, sehingga tiada sesuatu yang kita buat melainkan berdiam sahaja, kononnya membiarkan Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, melancarkan TakdirNya?; sebab apakah Umat Islām mundur dalam bidang ekonominya?; adakah pendapat-pendapat serta hujah-hujah ilmu pengetahuan sains itu menggugat dasar-dasar kepercayaan Islām?; apakah peranan kita Muslimin, khususnya belia kita, di masa hadapan?—dan banyak lagi soal-soal seperti yang di atas ini telah timbul keluar, dan akan terus ditimbulkan oleh orang-orang Islām sendiri, bukan sahaja di negeri kita ini bahkan di negeri-negeri lain yang Islām. Dan sesungguhnya ini semua membayangkan merebaknya penyakit

kekeliruan akal serta kesesatan kalbu, yang kini sedang menyerang dan menggemparkan Umat Islām dengan hebatnya. Apakah sebabnya hingga terjadi nampak seolah-olah demikian buruk nasib keadaan kita ini? Dan apakah jawapan yang harus dikemukakan bagi mengheningkan yang keruh-kelam, menjelaskan yang samar-keliru, meluruskan yang kusut dan menenteramkan jiwa yang tegang dan getar ini?

§2 Maka sesungguhnya hajatku kini tiada lain daripada berdayausaha menyampaikan kepadamu sekalian—wahai saudaraku Muslimin yang dikasihi—suatu risalah yang kecil ini dengan maksud untuk mengemukakan suatu pandangan yang kiranya diizinkan Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, dapat jua memberi sedikit sebanyak petunjuk, dan inshā' Allāh membantu pula memimpinmu ke jalan yang benar. Bahawa sesungguhnya banyak masalah-masalah Kaum kita dan kerumitan jiwa yang sekarang sedang dialami oleh orang-orang Islām itu adalah sebenarnya akibat kejatuhan maruah diri sendiri dan kekurangan ilmu dan akhirnya kekurangan iman. Dan kekurangan iman ini, sebagaimana juga telah dinyatakan oleh Ḥujjatu'l-Islām al-Imām al-Ghazālī, raḍiya'Llāhu 'anhu, dalam sesetengah karangannya yang agung itu, memanglah disebabkan oleh kekurangan ilmu, khususnya ilmu yang sebenar mengenai Islām pada keseluruhannya.

§3 Islām itu—iaitu pada hakikat batinnya—dengan kesuciannya, dan kemurniannya, dan keluhurannya, dan keagungannya, tetap sama Islām jua; tiada tersentuh oleh pencabulan masa dan kekaburan atau perubahan seperti yang telah berlaku pada agama-agama dan falsafah-falsafah lain. Oleh kerana Islām itu hakikat yang sebenarnya maka tiadalah dapat dia dipalsukan atau dirobah-ganti dan ditokok-tambah oleh akal insani atau oleh gejala-gejala peredaran masa dan sejarah. Akan tetapi justeru pada hakikat zahirnya Islām itu ditayangkan kepada dunia oleh para penganutnya Kaum Muslimin; dan Kaum Muslimin tiada senantiasa suci dan murni dan luhur dan agung. Maka kita ini ibarat rupa zahir yang kononnya membayangkan hakikat batin

Islām itu; kita ini umpama cermin bidal tamsil yang menangkap sinaran mentari Islām yang terang benderang itu. Akan tetapi andai kata cermin ini kelam dikabuti debu atau kacanya tiada diasah halus jernih maka sesungguhnyalah sia-sia cermin berdaya membayangkan mentari itu, dan hanyalah yang dibayangkannya itu yang kelam dan samar-samar jua. Maka yang jahil di antara manusia akan melihat dan menganggap bahawa bukanlah cermin *itu* yang kotor atau *kacanya* yang kasar berkarat, akan tetapi bahawa *mentari hakikat* yang dibayangkan oleh cermin *itulah* yang kelam dan kotor dan penuh dengan cacat dan noda kekurangan sifat-sifat kesucian dan kemurnian dan keluhuran dan keagungan sejati. Alangkah palsunya tanggapan demikian itu! Namun begitu tanggapan seperti itu memang nyata ada dan berjaya juga mengecutkan hati Muslimin yang lemah dan menggoncangkan imannya.

§4 Kepada pendengaranku telah sampai satu cerita yang biasanya diedarkan di kalangan para ahli tasawwuf peri seorang gadis perawan yang indah rupawan yang seringkali menunjukkan paras rupanya di jendela tempat kediamannya. Terlalu amat mashhur kecantikannya itu sehingga ramai orang dari merata negeri datang berduyun menziarahinya dan jatuh cinta kepadanya—tercengang berzikir merenungkan wajahnya jelita serta ta'jub terpesona olehnya. Kawasan tempat kediaman gadis itu menjadi seumpama pasar, riuh redam dengan manusia, yang hanya senyap apabila gadis itu keluar menunjukkan dirinya yang suci murni itu di jendela. Lama-kelamaan maka orang-orang itu pun sedikit demi sedikit menyingkir pulang meninggalkan tempat itu hingga tinggal lagi seorang-dua sahaja di situ; dan pasar yang ria ramai itu kini telah menjadi sunyi senyap seumpama tempat perkuburan. 'Mengapa', tanya seorang gharib yang menanya, 'kau tinggalkan tempat ini, sedangkan dahulu ashik kau berduyun memuja di sini?' Maka sahut yang menjawab: 'Gadis rupawan yang dahulu bersemayam berdaulat di singgahsana kalbu kini telah hilang kecantikannya; wajah laksana bulan purnama telah kini susut; jelingan mata jelita laksana panah menikam hati sanubari kini telah lenyap sinarannya, dan rupa yang indah

permai peri bidadari itu, yang menggetarkan tulang-sendi yang menatapnya telah kini kecut layu laksana mawar mengecup debu'. Lantas seraya berkata demikian maka yang menjawab itu pun berangkatlah pulang. Wahai saudaraku Muslimin!—ingatilah baik-baik tauladan cerita ini: kaulah rupa zahir Islām, dan jikalau tiada kau jaga baik dirimu, tiada kau asah halus dan persih kaca kalbumu nescaya layak menangkap dan menayangkan cahaya sinaran suria batinmu, sehingga dapat mengobarkan api cintakan Islām di dada saudara-saudaramu, maka banyak yang jahil di kalanganmu nanti, yang hanya terpesona oleh kulit luar belaka seperti orang-orang ramai dalam cerita tadi, akan meninggalkan agamamu, akan mengejek-ejek tingkah lakumu beragamakan agama yang dilihatnya seolah-olah sudah 'layu', sudah 'lenyap sinarannya', sudah 'kecut' dan tiada lagi layak bagi menjadi pedoman hidup zaman serba baru ini. Cinta sejati adalah suatu perkara yang merujuk kepada hakikat batin. Meskipun pada mulanya ia bernisbah kepada kenyataan zahir, namun demikian, kesedaran akan pengenalan cinta sejati hanya akan timbul tampak pada nazar keinsafan diri apabila hakikat batin itu telah dikenali. Sia-sialah berlagak menda'wa diri cinta sejati sekiranya cinta itu ditumpukan kepada rupa jasmani belaka. Ibarat cintawan handal yang jatuh cinta kepada gadis juita—menakjubkan sangat cintanya sedemikian laku hingga menanam membenih gigih dalam renungan para penyair, kemudian harum mengembang dalam khayalan menjelmakan irama-kata aneka-rupa indah belaka cerita cinta bagi tauladan manusia semua. Cintawan handal tekun berbakti kepada kasih-sayangnya mengikat diri pada perjanjian murni teguh berjanji hidup bersama dalam suka dan duka demi mengamalkan cintanya sejati itu. Menjelang kian tahun lamanya, pada suatu hari sewaktu sedang duduk damai ditemani buah hatinya berkata dia: 'Mengapakah kini baharu kulihat tampak cacat bintik pada matamu, padahal dahulu aku hanya sedar akan rupamu indah tiada bertara!' Maka sahut kekasihnya: 'Bintik di mataku sedia ada sedari dahulu, akan tetapi waktu cintamu berapi berkobar meluap nafsu tiada terlihat olehmu bintik di situ. Cacat di mataku ini mulai tampak pada penglihatanmu pada saat cintamu mulai

mendingin; ketika cintamu mulai bercacat—ketika itulah mataku bercacat padamu.' Dan demikian jugalah halnya dengan orang-orang yang tiada mengenali hakikat batin, dan yang hanya terpesona oleh kenyataan zahir; yang cintanya bercacat sebab mendingin kerana melihat cacat zahiri yang memang sewajibnya ada pada segala yang zahir fani—mereka akan berkata, mengejek orang yang beriman, seperti berkata orang-orang jahil tiada beriman yang disebut di dalam kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm (*Sūrah al-Baqarah*: Ayat 13);

أنؤمن كما آمن السفهآء

'Apakah harus kita ini percaya seperti
orang bodoh percaya?'

Akan tetapi kita harus jawab, sebagaimana Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā membalas jawab dalam tempat yang sama:

ألآ إنهم هم السفهآء ولكن لا يعلمون

'Sekali-kali tiada, sesungguhnya merekalah yang
jāhil, akan tetapi tiada mereka ketahui.'

Kau harus menginsafkan dirimu akan hakikat bahawa Islām itu tiada 'layu', tiada 'lenyap sinarannya', tiada 'kecut', dan tiada hapus kelayakannya bagi menjadi pedoman hidupmu dan seluruh manusia untuk zaman apapun; padahal yang tampak layu dan kelam dan lemah itu ialah Kaummu Muslimin jua, kerana kaulah yang sudah *jahil* dan *ẓalim* terhadap diri sendiri. Nanti pada tempatnya yang wajar akan kuhuraikan lebih lanjut sebab-sebab yang menimbulkan kelemahan dan kejahilan dan kezalimanmu terhadap diri sendiri ini. Kini kau harus turutku meninjau dahulu latarbelakang sejarah dan peribadi agamamu dari segi perbandingan dengan agama-agama lain, khususnya dengan seterumu di dunia. Tiada masalah yang tiada ditimbulkan oleh sebab-sebab tertentu, dan bagi mengatasi sesuatu masalah haruslah kau mengetahui sebabnya dahulu, kerana mengetahui

sebab itu adalah mencapai separuh daripada kejayaan bagi memecahkan masalah.

§5 Seperti juga dalam ilmu peperangan kau harus mengenali siapakah dia seterumu itu; di manakah letaknya kekuatan dan kelemahan tenaganya; apakah helah dan tipu muslihatnya bagi mengalahkanmu; bagaimanakah cara dia menyerang dan apakah yang akan diserangnya; dari jurusan manakah akan serangan itu didatangkan; siapakah yang membantunya, baik dengan secara disedari mahupun tiada disedari—dan sebagainya ini, maka begitulah kau akan lebih insaf lagi memahami nasib serta kedudukan Islām dan kau sendiri dewasa ini apabila penjelasan mengenai seterumu itu dapat dipaparkan terlebih dahulu.

§6 Ketahuilah bahawa sebelum terbit agama Islām di dunia maka agama-agama lain telahpun mendahuluinya, yang masing-masing dianuti oleh manusia seperti agama Yahudi dan Kristian di bahagian Asia Barat dan benua Eropah, dan agama Hindu dan Buddha di Benua Asia, dan juga ajaran-ajaran pendita-pendita seperti di antaranya Zaradusht di negeri Iran dan Kung Fu Tze di negeri China, dan lain-lain kepercayaan yang menjadi anutan bagi pelbagai bangsa manusia. Di dalam rumusan ringkas yang akan dikemukakan di sini hanyalah agama-agama yang terbesar di dunia sahajalah yang akan diperbandingkan dengan Islām, dan perhatian tiada akan ditumpukan kepada kepercayaan-kepercayaan lain yang tiada dianggap umum sebagai 'agama dunia' dengan ertikata yang luhur, iaitu seperti kepercayaan yang digelar orang 'animisme' dan 'paganisme'. Mengenai kepercayaan-kepercayaan ini memadailah rasanya di sini sekiranya diberikan hanya keterangan ringkas perihal istilah-istilah 'animisme' dan 'paganisme' itu. Istilah 'animisme' berasal dari perkataan bahasa Latin *anima*, yang mengandung erti *jiwa*, dan sebagai istilah 'animisme' itu memaksudkan kepercayaan terhadap adanya jiwa bagi tiap sesuatu yang mawjud; bahawa semesta alam ini, yang digelar oleh setengah ahli falsafah *Tabiat*, didiami oleh pelbagai jenis jiwa masing-masing mengikut martabatnya, dan segala jirim dan jisim masing-masing berjiwa.

Biasanya penganut kepercayaan ini memuja jiwa yang dipercayakan itu. 'Paganisme' pula suatu istilah yang juga berasal dari perkataan bahasa Latin *pagus*, yang bererti *kampung*, atau lebih tepat, *dusun*, dan istilah ini membayangkan kepercayaan manusia dusun yang belum lagi mencapai peringkat tamadun. Bahkan paganisme dan animisme biasanya mengandung maksud yang sama. Istilah ini mula-mula digunakan oleh orang Kristian pada abad keempat Masihi bagi menamakan kepercayaan dan amalan yang dianggapnya di luar lingkungan agama Kristian. Dalam menyatakan hendak menumpukan perhatian hanya kepada agama-agama dunia sahaja maka yang dimaksudkan ialah perbandingan-perbandingan yang sesuai dan munasabah bagi perbincangan kita di sini dengan agama Yahudi dan Kristian, tiada termasuk agama Hindu dan Buddha, sebab inilah kedua agama 'serumpun' dengan Islām pada pihak kandungan dan sejarah perkembangannya. Bahkan kita akan lihat bahawa dalam tinjauan alam sejarah kita ini hanyalah agama Yahudi dan Kristian serta falsafah dan kebudayaan Barat sahajalah yang akan menarik perhatian penuh kita. Kaum Muslimin harus insaf bahawa Islām itu senantiasa dalam keadaan berkonfrontasi atau bertentangan-muka dengan kebudayaan Barat, dan bagi menjelaskan kenyataan ini patutlah rasanya dihuraikan di sini sebab-sebab asasi yang mewujudkan konfrontasi itu, dan dirumuskan pula apakah sifat-sifat asasi kebudayaan Barat yang kita hadapi itu.

§7 Sebelum terbitnya Islām maka tentulah tiada shak lagi bagi kita bahawa penganjur-penganjur agama Kristian, agama yang merupakan suatu unsur penting bagi Kebudayaan Barat, telah lama menyedari akan peranannya di dunia, iaitu bahawa agama itulah sahaja yang mempunyai sifat-sifat dan bawaan yang mereka anggap dapat memberi hidayat serta panduan hidup bagi seluruh manusia. Berikutlah dari tanggapan ini kesedaran bahawa agama Kristian itulah sahaja satu-satunya agama dewasa itu yang berkemungkinan dapat mencapai kekuasaan dunia. Apakah bukti-bukti yang boleh dikemukakan bagi menyatakan sahnya tanggapan demikian? Bukti yang utama ialah bahawa agama-

agama lain dewasa itu tiada mewarisi bakat yang istimewa serta nasib duniawi yang gemilang seperti yang dibakati oleh agama Kristian. Agama-agama Farsi Kuno, Hindu dan Buddha tiada mengandung sifat daya menyebarkan dirinya masing-masing, iaitu sifat tabligh dan da'wah, kerana tiada mengandung ajaran-ajaran dan akidah-akidah yang menganjurkan da'wah dan memberikan ma'na baginya, seperti ajaran dan akidah perihal *Akhirat* dan *Hari Pembangkitan* dan *Hari Pembalasan*—iaitu *ākhirah* dan *yawm al-ākhir*, dan *yawm al-ba'th* dan *yawm al-dīn*—dan akidah-akidah lain yang bersangkut paut dengan perkara-perkara itu; sedangkan agama Yahudi pula tiada menganjurkan penyebaran ajaran dan akidahnya kepada bangsa-bangsa lain yang bukan terdiri dari golongan Banī Isrā'īl. Sanya dengan demikian maka agama-agama lain daripada agama Kristian itu semuanya telah menyekat ajaran dan akidahnya masing-masing bagi pihaknya sahaja, dan kenyataan sejarah pun memang mengesahkan pendapat tersebut. Bukankah sungguh benar kita lihat bahawa agama-agama Farsi Kuno, Hindu dan Buddha, dan juga agama atau cara hidup serta falsafah Cina, memang tiada keluar merebak dari batasan gelanggang benua Asia?—seolah-olah sifat ajaran dan akidahnya semua itu hanya membayangkan sifat kebangsaan dan bawaan orang-orang Farsi dan India dan Cina dan keturunan-keturunan masing-masing. Dan begitu jugalah halnya dengan agama Yahudi yang tiada tersebar ke mana pun melainkan dalam lingkungan segelintir golongan manusia yang merupakan bangsa yang kecil bilangannya berbanding dengan yang lain. Kenyataan yang demikian ini patutlah menjelaskan bagi kita bahawa agama Kristian, yang mengidami sangat kedaulatan duniawi, tiada akan lengah memandang bahawa dalam dirinyalah sahaja terpendam bakat bagi menda'yah dan menyebarkan ajaran akidahnya kepada semua bangsa manusia, dan dialah sahaja yang akan dapat mungkin merajalelai dunia dengan kepercayaannya. Sesungguhnya menurut firman Allāh, Subḥānahū wa Ta'ālā, di dalam Kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm bahawa adalah Nabi 'Īsā, 'alayhi'l-salām, itu justeru tiada lain dan lebih daripada rasulNya yang diutuskan hanya kepada Banī Isrā'īl sahaja (*Sūrah Āli*

'Imrān: Ayat 49):

ورسولا إلى بني إسرائيل
(سورة آل عمران: ٤٩)

Dan (melantiknya) sebagai rasul kepada Banī Isrā'īl

Akan tetapi agama Kristian yang berkembang kemudiannya telah sedari awal mulanya membukakan pintunya dan menyebarkan ajarannya kepada orang-orang yang bukan daripada golongan Banī Isrā'īl, iaitu kepada orang-orang Eropah Barat dan Timur, Arab, dan lain-lain lagi di Asia Barat dan Afrika Utara. Kita harus insaf tahu bahawa agama Kristian yang selama ini kita fikir-kelirukan sebagai agama yang ditanzilkan oleh Allāh, Subḥānahū wa Ta'ālā, itu sesungguhnya bukanlah agama yang semata-mata berdasar kepada Tanzil, bahkan bukan pula dia suatu agama yang ditanzilkan oleh Allāh, Subḥānahū wa Ta'ālā, sebagai agama yang mendapat pengesahan daripadaNya. Nabi 'Īsā, 'alayhi'l-salām, seperti yang telah kita rujuk tadi dengan bukti kenyataan Al-Qur'ānu'l-Karīm jua, hanya sesungguhnya diutus serta diberi pengesahan untuk membetulkan semula penyelewengan agama Yahudi sahaja, dan untuk menyampaikan Khabar Baik tentang kedatangan Guru Agung Insan—iaitu Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!—yang akan zahir sesudahnya dan yang akan menunjuk-ajar serta menjelaskan bagi insan semua untuk kali yang terakhir Jalan Yang Lurus dan Benar dan Agama yang Sebenarnya. Jadi bukanlah Nabi 'Īsā, 'alayhi'l-salām, itu ditugaskan untuk menjelmakan agama baru, untuk menzahirkan agama yang digelar Kristian, akan tetapi dia ditugaskan membawa Amaran dan Peringatan dan Kesedaran akan zahirnya kelak Kebenaran Yang Mutlak (Agama Islām) dan menyediakan para pengikutnya akan Kedatangan Nabi Terakhir Muḥammad, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam! Murid-muridnya yang rapat dengannya selalu menanya-nanyakan tentang sifat Agama yang akan datang itu, dan tentang sifat Guru yang Termulia yang dinyatakan namanya dengan nama Aḥmad:

يا بني إسراءيل إنّي رسول الله إليكم مصدّقًا لّما بين يدىَّ من التوراة
و مبشرًا برسول يأتي من بعدي اسمه أحمد
(سورة الصف: ٦)

Wahai Banī Isrā'īl! Aku ini pesuruh yang diutuskan kepadamu bagi mengesahkan semula Taurat yang telah datang sebelumku, dan bagi menyampaikan Khabar Baik tentang seorang Pesuruh yang akan datang sesudahku bernama Aḥmad.
(*Sūrah al-Ṣāff*: Ayat 6).

Di kalangan pengikut para muridnya itu—meskipun yang belum pernah menatap wajahnya—memang ada terdapat orang yang taasub kepadanya sehingga memperdewakan dirinya, dan mereka inilah yang kemudian menggubah dasar agama baharu, *berdasarkan kenyataan yang disampaikan oleh Nabī 'Īsā 'alayhi'l-salām mengenai Islām*, dan dengannya mereka mendirikan asas-asas utama pelbagai akidah agama yang kemudiannya mendapat gelaran 'Kristian'. Mereka sesungguhnya bertujuan untuk *menyangkal* kedatangan Agama Islām itu dengan cara menjelmakan suatu agama baharu rekaan sendiri yang mengandungi sifat *persamaan* dengan Agama Islām, yang sifatnya telah mereka dapat tahu dari ajaran dan kenyataan Nabi 'Īsā, 'alayhi'l-salām, mengenainya. Mereka bertujuan *menggagalkan* Islām apabila ia terbit kelak dengan cara *mendahului kezahirannya* agar supaya *meniru sifatnya* sehingga dapat kemudiannya mereka menda'wa itu semua dikhabarkan oleh Nabi 'Īsā, 'alayhi'l-salām, dan bukan Islām yang dikhabarkannya, dan bahawa Guru Agung Insan yang ditunggu-tunggu kedatangannya itu kononnya tiadalah lain daripada dirinya sendiri jua, yang mendatang kembali sesudah Pengangkatannya ke langit. Dengan demikian mereka ingin menafikan kedatangan Islām sebagai 'tiada perlu lagi', sebagai 'melebihi apa yang sudah jelas ada.' Sanya sesungguhnya mereka

telah melakukan pendustaan besar kepada insan, dan kepada diri mereka sendiri, dan mereka telah mendustakan Kebenaran dan Kenyataan Tuhan Yang Hak dan Ajaran Para Anbiya. Mereka telah membuat rencana pemalsuan, dan Allāh, Subḥanahū wa Ta'ālā, pun membuat Rencana Pembenaran, dan tiada yang dapat menyangkal RencanaNya, dan Mahasuci Dia dari sebarang penyangkalan dan dari apa yang mereka perikan! Dan dengan demikian maka agama Kristian yang dida'yahkan oleh penganjur-penganjurnya itu telah jauh melampaui amanah yang ditugaskan kepada Nabi 'Īsā, 'alayhi'l-salām, dan telah mengemukakan *rekaannya sendiri* dengan tujuan menguasai politik dunia. Maka jelaslah kepada kita bahawa lama sebelum terbit agama Islām justeru agama Kristian telah digubah untuk mengambil peranan yang kemudiannya *sebenarnya* ditugaskan Allāh, Subḥānahū wa Ta'ālā, kepada Islām; iaitu peranan menyebarkan ajaran dan akidahnya yang merupakan sifat agung Islām bagi *seluruh manusia.* Pada waktu fajar Islām mulai menyingsing maka agama Kristian itu sudahpun menguasai kawasan yang luasnya melingkungi Eropah Barat hingga ke Timur, termasuk Asia Barat dan Afrika Utara. Siapa yang akan dapat menyangkal bahawa agama Kristian rekaan Barat itu memang *menyedari benar* peranan politiknya dewasa itu bagi merebut kekuasaan dunia? Bukankah terdaya agama itu sanggup hinggakan bertolak ansur dengan Konstantin, Imperatur Rumawi, demi kepentingan memeluk kekuasaan duniawi? Justeru meskipun sudah mulai agama itu berpuak-puak dan berpecah-belah akibat pertelingkahan sesama sendiri mengenai masalah-masalah asasi perihal akidah, namun tiada juga ada timbul pada saujana mata dewasa itu agama lain yang dapat memegang serta memainkan peranan agama Kristian.

§8 Akan tetapi impian agung dan idam-idaman yang tentu giat membujuk hasrat dan ghairah penganjur serta penganut-penganut agama Kristian Barat itu tiba-tiba getar gugur hancur akibat terbitnya Islām. Islāmlah agama yang mula-mula menda'wakan peranannya sebagai agama yang bersifat menyeluruh bagi anutan segenap masharakat insani; agama yang merupakan fitrah atau

mengandung bawaan asal sifat insani; yang mula-mula menda'wa bagi membetul dan melengkapkan agama-agama lampau, khususnya agama Yahudi dan Kristian; yang mula-mula menggugat dan melaberak dasar-dasar akidah agama Kristian. Banyak *Ayat-Ayat* Kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm yang terus terang menafikan kebenaran agama Kristian itu, dan di antara Sūrah-sūrah awali yang diturunkan di Makkah, *Sūrah al-Ikhlāṣ* menggugat dengan tepatnya asas agama Kristian:

قل هو اللّٰه أحد؛ اللّٰه الصمد؛
لم يلد و لم يولد؛ و لم يكن لّه كفوا أحد
(سورة الاخلاص)

'Katakan (olehmu) bahawa Dialah Allāh Yang Mahaesa
Allāh Yang Mahameliput Semesta Semua.
Tiada Dia Beranak dan diperanakkan pun tiada
Dan tiada dapat ada bagiNya itu suatupun taṛa!'

Kemudian gugatan serta laberakan batin terhadap agama Kristian itu disusuli segera pula dengan cabaran zahir yang merupakan perkobaran Islām, dalam masa sejarah yang sesingkat lebih-kurang lima puluh tahun sahaja, laksana api yang merebak menjalar keluar dari tanah Arab ke Mesir; ke Afrika Utara (al-Maghrib); ke Sepanyol; ke Iraq; ke Syria; ke Farsi; ke India dan China sehingga sampai juga ke Kepulauan Melayu-Indonesia ini! Dalam masa hampir dua ratus tahun sesudah Hijratu'l-Nabīy, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, maka jajahan dan kawasan Islām itu luasnya lebih jauh besar dari jajahan dan kawasan agama dan imperaturia manapun dalam dunia, dan melingkungi kawasan-kawasan di Eropah Barat dan Timur termasuk negeri Turki. Orang-orang Islāmlah yang pertama mena'lukkan orang Barat; yang pertama memainkan peranan besar dalam menyanjung tinggi pelita ilmu pengetahuan ke Eropah, dan dengan demikian menerangi suasana gelap gelita yang menyelubungi dunia Barat dewasa itu; yang pertama melangsungkan pembicaraan akliah

menerusi ilmu kalam dengan para failasuf dan ahli teologi agama Kristian Barat. Dan pengaruh-pengaruh pembicaraan serta pemikiran para ulama, failasuf dan ahli tasawwuf Islām itu sangatlah besar kesannya terhadap gerak-daya pentafsiran semula akidah-akidah agama Kristian oleh pemimpin-pemimpinnya sendiri, dan kekal mesra terpendam dalam jiwa sanubari Kebudayaan Barat itu hingga kini. Pukulan zahir dan batin yang mahahebat yang telah dikenakan oleh Islām kepada agama Kristian dan Kebudayaan Barat itu tentulah terasa oleh hati sanubarinya bagai sebatan cemeti yang terlalu amat pedih menggeleparkan, hingga lalu memaksa meragut keluar dari dalam kunhi jiwanya suatu laungan mahadahshat yang ngilunya masih dirasai olehnya kini! Shahadan maka sesungguhnya tiada hairan bagi kita jikalau agama Kristian Barat dan orang Barat yang menjelmakan Kebudayaan Barat itu, dalam serang-balasnya terhadap agama dan orang Islām, akan senantiasa menganggap Islām sebagai bandingnya, sebagai tandingnya, sebagai taranya dan seterunya yang tunggal dalam usaha mereka untuk mencapai kedaulatan duniawi. Dan kita pun tahu bahawa tiadalah dapat Islām itu bertolak-ansur dalam menghadapi serangan Kebudayaan Barat, justeru sehingga Kebudayaan Barat itu tentulah menganggap Islām sebagai seterunya yang mutlak; dan kesejahteraannya hanya akan dapat terjamin dengan kemenangannya dalam pertandingan mati-matian dengan Islām, sebab selagi Islām belum dapat ditewaskan olehnya maka akan terus ada tanding dan seteru yang tiada akan berganjak daripada mencabar dan menggugat kedaulatan serta faham dan dasar-dasar hidup yang dida'yahkan olehnya itu. Saudara-saudaraku Muslimin sekalian:—sayugialah kau insafi nasib dan kedudukan agamamu di dunia; janganlah hendaknya kau terus lena dan alpa akan tugas dan perananmu sebagai Umat Islām, dan bulat-bulat menerima dan mengharapkan harapan yang sia-sia peri bantuan dan kerjasama serta persahabatan yang ikhlas dari yang lain. Renungkanlah benar-benar firman Allāh, Subḥānahū wa Ta'ālā, dalam Al-Qur'ānu'l-Karīm yang ditujukan kepada Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, ketika Baginda di Madīnah:

و لن ترضى عنك اليهود و لا النصارى حتى تتّبع ملّتهم

(سورة البقرة: ١٢٠)

Tiada akan orang Yahudi dan Kristian itu rela
menerimamu melainkan kau jua yang dikehendaki
mereka mengikut cara agamanya.
(*Sūrah al-Baqarah:* Ayat 120)

dan seterusnya di tempat yang sama:

قل إنّ هدى اللّه هو الهدى ولإن اتّبعت أهوآءهم بعد الذي جآءك من العلم
ما لك من اللّه من وليٍّ و لا نصير

(سورة البقرة: ١٢٠)

Katakanlah (olehmu): 'Sesungguhnya Petunjuk Allāh—
itulah satu-satunya Petunjuk'. Andai kata kau mengikut
hawa-nafsu mereka, sesudah sampai kepadamu Ilmu
yang Sebenarnya, maka tiada akan kau dapati bagimu
Pelindung mahupun Penolong yang akan
dapat mencegah tindak-balasan Allāh.

Bukankah di zaman kita ini pun jelas bahawa orang-orang Yahudi dan Kristian—yang keduanya menjelmakan sifat asasi Kebudayaan Barat—memang tiada rela menerima baik seruan Islām dan Kaum Muslimin, melainkan kita jua yang dikehendaki mereka mengikut *cara agamanya*?—menganuti sikap hidup yang berdasarkan semata-mata keutamaan kebendaan, kenegaraan dan keduniaan belaka. Dan agama dijadikannya hanya sebagai *alat* bagi melayani hawa-nafsu. Bukankah Ilmu yang Sebenarnya sudah sampai kepada kita? Maka mengapa pula kita membiarkan sahaja nasib Umat kita dipimpin oleh pemimpin-pemimpin politik, kebudayaan dan ilmu pengetahuan dan juga para ulama yang lemah dan palsu yang sebenarnya tiada sedar bahawa

mereka sedang mengekori hawa-nafsu Kebudayaan Barat! Mereka membayangi Kebudayaan Barat dalam cara berfikir, dalam sikap beragama, dalam memahami nilai-nilai kebudayaan dan mengelirukan faham serta tujuan ilmu. Kepada Kebudayaan Baratkah akan kita berlindung, akan kita memohon pertolongan, yang akan dapat mencegah tindak-balasan Allāh kelak? Waspadalah saudaraku Muslimin sekalian!

§9 Kebanyakan orang Islām belum lagi mengetahui dan mengenali apa dia sebenarnya Kebudayaan Barat itu. Sebelum dapat kita mengukuhkan diri terhadap serangan yang ditujukan kepada kita oleh Kebudayaan Barat maka perlulah bagi kita mengenali sifat-sifat asasi kebudayaan itu. Biasanya yang disebutkan orang sebagai Kebudayaan Barat itu adalah hasil warisan yang telah dipupuk oleh bangsa-bangsa Eropah dari Kebudayaan Yunani Kuno yang kemudian diadun pula dengan campuran Kebudayaan Rumawi dan unsur-unsur lain dari hasil cita-rasa dan gerak-daya bangsa-bangsa Eropah sendiri, khususnya dari suku-suku bangsa Jerman, Inggeris dan Perancis. Dari Kebudayaan Yunani Kuno mereka telah meletakkan dasar-dasar falsafah dan kenegaraan serta pendidikan dan ilmu pengetahuan dan kesenian; dari Kebudayaan Rumawi Purbakala mereka telah merumuskan dasar-dasar undang-undang dan hukum serta ketatanegaraan. Agama Kristian, sungguhpun berjaya memasuki benua Eropah, namun tiada juga meresap ke dalam kalbu Eropah. Justeru sesungguhnya agama yang berasal dari Asia Barat dan merupakan, *pada tafsiran aslinya,* bukan agama baharu tetapi suatu terusan dari agama Yahudi itu, telah diambil-alih dan dirobah-ganti oleh Kebudayaan Barat demi melayani ajaran-ajaran dan kepercayaan-kepercayaan yang telah lama dianutinya sebelum kedatangan 'agama Kristian'. Mereka telah mencampuradukkan ajaran-ajaran yang kemudian menjelma sebagai agama Kristian dengan kepercayaan-kepercayaan Kuno Yunani dan Rumawi, dan Mesir dan Farsi dan juga anutan-anutan golongan Kaum Biadab. Agama Kristian itu satu-satunya agama yang telah beralih pusat asalnya, iaitu dari Dāru'l-Salām di Palestin ke Rum di Itali; dan inilah juga

menayangkan hakikat terjadinya pengambilalihan nasib agama itu sebagai falsafah hidup bangsa Eropah. Islām pun telah menyumbangkan pengaruhnya pada Abad Pertengahan Eropah dengan menyebarkan unsur-unsur penting ilmu pengetahuan dan sains dan teknologi, akan tetapi perkembangan pengaruh Islām dalam bidang-bidang ini kemudian diperolah semula nescaya menuturi bawaan jiwa Eropah. Dalam bidang-bidang sains dan teknologi hasil perolahan ini telah menjelmakan sifat-sifatnya seperti yang dibayangkan oleh bangsa-bangsa Amerika dan Rusia. Maka sesungguhnya Kebudayaan Barat itu berteraskan dasar *falsafah* dan bukan *agama*, kerana inilah tiada terdapat dalam jiwa pengalaman mereka itu beragama sesuatu ketetapan mengenai *keyakinan*. Mereka hanya menegaskan dasar *teori*, iaitu ilmu pengetahuan atau hasil akal-nazari yang berlandaskan dugaan dan sangkaan-sangkaan dan penerokaan akal-jasmani yang *mungkin* benar atau tidak benar. Maka dari itu dasar 'ilmu' yang demikian dan sikap hidup yang menjadi akibatnya tiadalah akan dapat membawa kepada keyakinan. Meskipun agama Kristian telah mencuba berdaya-usaha menitikberatkan masalah keyakinan mengenai Tuhan, akhirat, dan akidah-akidah asasi agama seperti yang tersebut, namun cinta melulu kepada kekuasaan dunia yang melahirkannya telah memaksa agama itu mengendahkan serta melayani bisik-pujukan hasrat duniawi jua: dan dalam sejarah perkembangannya di Eropah, dari zaman Konstantin terus hingga ke zaman sesudah terbitnya Islām, ketua-ketua Gereja Kristian senantiasa berusaha untuk merebut kekuasaan duniawi sambil meniru-niru cara hidup serta adat-istiadat keagungan golongan raja-raja dan sistem feudalnya. Oleh kerana jiwa Barat itu, sedari zaman Yunani terus ke zaman Rumawi, dan zaman kedaulatan bangsa-bangsa Eropah, tetap berdasarkan kepada kebendaan dan keashikan hidup duniawi melulu, dan oleh kerana ajaran-ajaran akidah-akidah agama Kristian itu sendiri lemah dan kabur serta penuh dengan kesangsian, maka unsur-unsur keyakinan dan akidah-akidah mengenai hal-hal ruhaniah agama itu semakin lama semakin lemah merosot—apatah lagi apabila ilmu pengetahuan sains dan lain-lain unsur akliah yang dibawa masuk oleh Islām mulai

merangkum merajalelai jiwa dan fikiran Barat. Kemudian Kebudayaan Barat itu telah menggunakan hujah-hujah ilmu pengetahuan bagi menafikan ajaran-ajaran karut agama Kristian, dan telah menganjurkan semula kepada dirinya falsafah hidup yang memungkirkan keistimewaan agama dalam masharakat serta menggugat kewibawaannya, dan mendirikan sebagai gantinya kewibawaan falsafah dan keistimewaan manusia dan dunianya serta cara-cara meninggikan lagi indera kesedapan manusia meni'mati dunia ini. Falsafah hidup yang lambat-laun muncul akibat pergolakan nilai-nilai Abad Pertengahan di Eropah itu ialah suatu faham pandangan hidup *sekular*, yang biasa digelar dengan nama *humanisme*. Faham humanisme ini mementingkan hanya dasar keistimewaan kemanusiaan dan keduniaan serta kebendaan, dan tiada meletakkan agama dan ajaran-ajaran serta kepercayaan Ketuhanan sebagai yang utama dan penting selain daripada menjadi alat bagi kesejahteraan manusia dan ketenteraman masharakat demi mencapai maslahat negara. Dari segi politik, faham humanisme ini berasaskan sejarah agama dan orang Eropah, menyalurkan dirinya menerusi dua tafsiran: yang satu biasanya digelar dengan nama *kapitalisme*, dan yang satu lagi dengan nama *sosialisme*. Kedua-dua faham ini sesungguhnya berdasarkan kepada falsafah hidup yang sama, iaitu kepada humanisme, sedangkan cara-caranya bagi mencapai tujuan akhirnya masing-masing berlainan—malah tampak seolah-olah bertentangan keduanya itu, padahal dasar-tujuannya sama jua. Intisari falsafah hidup Kebudayaan Barat ini berdasarkan kepada penerimaan faham *dualisme*, atau penduaan yang mutlak peri hakikat, termasuk penduaan nilai kebenaran, sebagai kenyataan yang dianggapnya benar dan mutlak. Faham dualisme ini mengikrarkan adanya dua hakikat dan kebenaran yang bertentangan dan yang mutlak. Sebab inilah kita lihat dari asal-mulanya, dari sejak timbulnya falsafah Yunani Kuno, sifat penting Kebudayaan Barat ini telah nyata kelihatan, di mana pembezaan serta pengisbatan mutlak telah dijelaskan antara yang ruhani dan yang jasmani; antara yang bersifat benda dan yang tiada bersifat benda; antara Tuhan dan insan; antara ilmu dan tanzil; antara agama dan negara; antara hukum dan undang-

undang dan akhlak. Maka kita lihat penduaan ini wujud dalam segala segi hidup Kebudayaan Barat termasuk penilaian kebenaran, dan inilah juga yang dimaksudkan dengan pandangan *shirik* berbanding dengan *tawhid*. Selain dari sifat-sifat asasi yang telah disebutkan di atas, iaitu pertama: bahawa Kebudayaan Barat itu berdasarkan falsafah dan bukan agama; kedua, bahawa falsafah itu yang menjelmakan sifatnya sebagai humanisme, mengikrarkan faham penduaan yang mutlak dan bukan kesatuan sebagai nilai serta kebenaran hakikat semesta; maka ketiganya, Kebudayaan Barat juga berdasarkan pandangan hidup yang *tragik*, iaitu yang menerima pengalaman *kesengsaraan hidup* sebagai satu kepercayaan yang mutlak yang mempengaruhi peranan manusia dalam dunia. Sedari zaman Yunani Kuno lagi kita lihat bahawa bangsa-bangsa Yunani itu menganggap tragedi sebagai satu unsur penting kehidupan manusia: bahawa manusia ini merupakan pelakon dalam *drama* kehidupan dan pahlawan-pahlawannya membayangkan watak yang tragik. Faham tragedi kehidupan ini disebabkan oleh kehampaan kalbu akan ni'mat iman. Kehampaan iman ini adalah akibat dari falsafah penduaan mutlak yang mengikrarkan adanya dua hakikat yang saling bertentangan satu sama lain hingga menimbulkan shak serta ketegangan jiwa. Keadaan jiwa yang tiada tenteram ini mengakibatkan pula perasaan takut dan sedih mengenangkan nasib dirinya. Keadaan jiwa yang tegang ini jugalah yang menganjurkan orang Barat, yang mensifatkan Kebudayaannya, untuk mencari jawapan bagi soal-soal abadi, untuk giat berusaha menyelidik dan mengkaji dan mereka teori-teori baharu, mengemukakan masalah-masalah asal-usul alam dan manusia dan lain-lain renungan yang dianggapnya sebagai ilmu pengetahuan—terus madang mencari dengan tiada akhirnya! Pengembaraan dalam alam fikiran dan renungan yang tiada berakhir ini merupakan *semangat* Kebudayaan Barat, dan sesungguhnya mereka tiada ingin mengakhirkan pengembaraan itu justeru sebab pengembaraan itu sekurang-kurangnya meringankan beban kekosongan dan kesunyian kalbu, seolah-olah bagai penawar hati jiwa yang tegang. Semangat Kebudayaan Barat itu membayangkan sesuatu yang 'menjadi' tetapi tiada juga

'jadi'. Dan inilah memang sifat sesuatu yang mengikrarkan hakikat kefanaan dan membatalkan kebakaan—melainkan kefanaan itulah jua yang baka. Maka berikut dari sikap dan semangat yang demikian ini, tentulah pula kefahaman mereka mengenai segala sesuatu yang lain pun akan terpengaruh olehnya, seperti faham-faham kebudayaan yang memainkan peranan penting dalam masharakat, khususnya faham-faham 'pembangunan', 'perubahan', 'kemajuan' dan lain-lain sebagainya, yang kini juga sedang menyeludup ke dalam perbendaharaan fikiran dan renungan masharakat kita.

§10 Sesungguhnya Kebudayaan Barat telah sejak dahulu kala menceraikan agama dari kehidupan sehari-hari, dan hanya memeluk tradisi atau perbendaharaan adat yang diwarisi berturun-temurun, kesenian, falsafah dan ilmu pengetahuan sains dan teknologi sebagai dasar hidup mereka. Pemungkiran dari kepercayaan terhadap agama, yang telah menjadi sifat bawaannya itu, kemudian diperkukuh pula oleh kekecewaannya dalam pengalaman beragamakan agama Kristian, yang tiada berhasil menjamin keyakinan dan yang penuh dengan dugaan. Justeru pada kala bijak-pandai bangsa Yunani pertama-mula merenungkan masalah kejadian manusia dan alam sekelilingnya, mereka memang insaf bahawa mereka tiada sebenarnya beragama, dan darihal demikian menderita kelemahan jiwa bagi hidup segar sentosa dalam dunia. Mereka insafi betapa perlunya sumber-sumber kepercayaan yang teguh harus didapati untuk menyuburkan keulungan semangat bagi menangkis dan menentang serangan-serangan serta pencerobohan-pencerobohan hebat yang dilakukan terhadapnya oleh bangsa-bangsa Farsi dan lain-lain yang mengelilingi perbatasan negara-negara mereka. Dengan demikian maka timbullah golongan ahli-ahli falsafah di kalangan mereka yang merenungkan masalah hakikat serta kejadian alam semesta. Mereka telah memunculkan soal-soal seperti: apakah hakikat-dasar alam ini?; adakah alam ini jadi dengan sendirinya?; adakah Tuhan yang menjadikannya?; wujudkah Tuhan itu?—dan bagaimanakah cara manusia dapat mengetahui perkara-perkara ini, dan mencapai ilmu yang yakin

mengenai jawapan soalan-soalan masalah-masalah tersebut? Renungan-renungan dan fikiran-fikiran mereka berkisar dalam mauduk perihal memecahkan rahsia soalan-soalan seperti ini. Akan tetapi, bagaimanapun handalnya cara ilmiah yang menyusun serta mengatur jawapan-jawapan yang dikemukakannya itu, namun tiada juga dapat mereka menyentuh perkara asasi yang menjadi pucuk pemikiran mereka, iaitu: apakah *ilmu* yang dapat membawa kepada *keyakinan*? Justeru sesungguhnya pada akhirnya segala gubahan fikiran murni itu hanyalah merupakan suatu *teori* belaka, dan bukan ilmu, iaitu suatu *dugaan* atau *sangkaan* yang *kebenarannya* tiada dapat disahkan. Lambat-laun, terus hingga ke zaman Socrates dan murid-muridnya seperti Plato dan Aristotle, ahli-ahli falsafah Yunani hanya dapat mengemukakan jawapan, terhadap soal-soal yang sulit-rumit seperti yang tersebut tadi, bahawa oleh kerana perkara keyakinan tiada dapat tercapai oleh falsafah, dan perkara-perkara alam ghaib itu menghendaki sharat wajib diyakini, maka manusia hanya dapat merenungkan serta meneroka alam yang nyata belaka, dan mengenakan rencana serta tatatertib hidupnya yang zahir ini, dengan menyusun suatu cara hidup bermasharakat yang terkawal oleh undang-undang dan pimpinan yang berkewibawaan. Maka demi kesejahteraannya haruslah dia berikhtiar memikir serta mengemukakan rencana-rencana bagi menegakkan suatu *negara* yang sempurna: Mengenai masalah kesunyian jiwa yang hidup tanpa keyakinan itu, mereka menganjurkan bahawa manusia harus menerima hakikat itu sebagai nasibnya yang mutlak, yang tiada dapat dielakkan, dan yang harus dihadapi dengan keteguhan diri. Maka pendirian inilah juga yang merupakan pucuk-bibit pemujaan *tragic hero*—pahlawan tragik—yang menjadi unsur utama dalam nilaian kesusasteraan Barat. Mereka menegaskan bahawa bagi manusia untuk mencapai kesejahteraan hidupnya tiada perlu dia mengetahui dan mengenali perkara-perkara yang ghaib yang tiada dapat diyakini, bahkan memadailah manusia mengetahui dan mengenali perkara-perkara yang zahir sahaja, atau yang dapat diperhatikan oleh ilmu-ilmu zahiri falsafah menerusi *ratio* atau akal hayawani. Bahawasanya perlulah bagi manusia mempunyai

budipekerti yang tinggi nilainya, mengenali *keadilan* yang sempurna, yang patut dibayangkan dalam rencana Negara yang Sempurna itu. Mereka menegaskan bahawa manusia, demi mencapai kesejahteraannya, harus dididik dalam 'akidah-akidah' falsafah yang telah digubah olehnya, dan seterusnya menda'wa bahawa tujuan pendidikan dari awal hingga ke akhirnya ialah demi memupuk *warganegara* yang sempurna, dan segala kepercayaan yang difahami olehnya serta dianggap orang sebagai 'agama' haruslah digunakan semata-mata sebagai alat demi mengukuhkan faham 'warganegara yang sempurna' itu, serta menjamin wujudnya 'negara yang sempurna'. Maka dengan demikian jelaslah kepada kita bahawa yang lebih mereka utamakan itu tiadalah lain dari menghasilkan wujudnya suatu Negara yang Sempurna—dan segala daya usaha lain haruslah berteraskan kepada dasar ini. Intisari falsafah yang terkandung dalam hasrat mendirikan Negara yang Sempurna ini terdapat dalam faham *keadilan*; bahawa keadilanlah yang menjadi pucuk-bibit masalah kesejahteraan manusia; bahawa manusia hanya dapat mencapai kesejahteraannya apabila dia hidup dalam suasana dan keadaan yang adil. Apakah yang dimaksudkannya dengan konsep atau faham keadilan itu? Setelah merenungkan bawaan dan tabiat alam semesta, mereka dapati perbezaan yang menyesalkan antara keadaan tabiat alam seluruhnya dan keadaan alam manusia. Keadaan tabiat alam seluruhnya terkawal oleh undang-undang alam yang tertib teratur dan mutlak, yang mereka gelar dengan nama *kosmos*. Tiada sezarah pun jua yang akan dapat berganjak atau berkisar dari tempat atau keadaan yang telah ditetapkan baginya—andai kata terjadi perganjakan atau perkisaran yang dimaksudkan itu nescaya akan kabur hancur-leburlah alam ini seluruhnya. Sedangkan demikian, dilihatnya pula bahawa dalam alam keadaan manusia, yang dita'rifkannya sebagai 'haiwan yang berakal,' justeru tiada terdapat keadaan terkawalnya oleh undang-undang yang tertib teratur dan mutlak yang dapat menetapkan supaya tiap-tiap manusia berada masing-masing pada tempat atau nasibnya yang tepat. Keadaan kekacauan ini mereka gelar dengan nama *khāos*. Akal hayawani yang menjadi sifat kemanusiaannya itu tiada jua dapat mengatur

manusia dengan saksama peri tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam masharakat. Di dalam masharakat manusia terlihat keadaan di mana seseorang boleh diberikannya tauliah dan pengesahan untuk memegang tanggungjawab yang sebenarnya tiada layak baginya; ternampak di mana tugas yang diberikan kepada seseorang itu tiada berpatutan dengan daya kebolehannya; terdapat di mana amanah yang diletakkan kepada seseorang itu dikhianatkan kerana si pemegangnya tiada mempunyai sifat bawaan beramanah. Apabila kita renungkan keadaan manusia ini demikian maka sesungguhnyalah benar bahawa sharat utama bagi menegakkan keadilan itu adalah *ilmu*. Sebab keadilan bererti 'keadaan di mana sesuatu itu berada tepat pada tempatnya', sehingga mewujudkan suasana harmoni atau kesaksamaan, maka berikutlah bahawa sifat ilmu sahajalah yang dapat *tahu* menempatkan masing-masing pada tempatnya yang tepat. Plato pernah menarik perhatian dengan menyatakan bahawa untuk seseorang menjalankan tugasnya dengan sempurna dalam sesuatu bidang kehidupan maka perlulah dia mempunyai ilmu yang lengkap pula mengenai bidang itu: seseorang doktor atau jurutera, misalnya, tentulah dikehendaki menempuh beberapa banyak tahun pelajaran dan latihan dan ujian sebelum dapat tugas-tugas kedoktoran dan kejuruteraan itu diamanahkan kepadanya. Selang demikian, aneh sekali bahawa dalam mengamanahkan tugas yang *terpenting* dalam kehidupan masharakat—iaïtu tugas *memimpin*—tiada pula sekali-kali diperlukan bagi seseorang itu menempuh pelajaran, latihan dan ujian yang khusus yang akan dapat membimbingnya ke arah peringkat *keahlian* memimpin masharakatnya. Dan dalam soal inilah tertumpu punca yang mengakibatkan terdapatnya kezaliman dalam masharakat; justeru kerana yang memimpin tiada mempunyai ilmu yang dapat memberitahu kepadanya tempat yang tepat bagi tiap sesuatu dan layak bagi tiap seseorang. Maka dengan ini pula nyatalah bahawa yang dikatakan 'kezaliman' itu adalah keadaan di mana orang-orang diberikan tanggungjawab, tugas dan amanah yang tiada layak baginya masing-masing, kerana kedudukan dan bawaan dirinya tiada memadai bagi sifat tanggungjawab, tugas dan amanah yang

diberikan kepadanya itu. Kita lihat juga di sini betapa kerapnya pertalian antara faham-faham *ilmu*, *tugas*, dan *tanggungjawab* dengan *negara* dan *masharakat*, dan berdasarkan kepada faham-faham inilah jua maka timbul sistem-sistem pelajaran dan pendidikan, undang-undang dan hukum, dan akhlak, yang semuanya diharapkan dapat memupuk dalam diri seseorang warganegara itu apa yang digelar *budipekerti*. Semua faham-faham seperti inilah yang sebenarnya menjadi dasar falsafah humanisme Barat, meskipun tafsirannya menuturi berbagai jurusan yang pada akhirnya terumus dalam suatu penduaan bentuk-bentuk rencana politik kepada sistem kapitalisme dan sosialisme. Namun demikian, kita harus jangan lupa bahawa dasar humanisme itu sama untuk kedua sistem politik Barat yang keduanya berintisarikan faham-faham manusia, negara, dan dunia semata-mata sebagai suatu kepercayaan teguh yang dianggapnya seakan-akan agama jua. Apabila sesuatu falsafah mendasarkan pandangan hidupnya atas dasar faham Negara yang Sempurna, dan berikut pula dari itu faham keadilan, faham ilmu, faham tugas, faham tanggungjawab dan faham akhlak dan budipekerti yang bersendikan kepada faham Negara yang Sempurna itu, maka dengan sendirinya rencana atau sistem pelajaran dan pendidikannya akan diarahkan menuju kepada matlamat mencapai sifat kesempurnaan *kewarganegaraan*. Dan segala fikiran dan idaman dan hasrat demikian yang ditumpukan demi manusia memperoleh kesejahteraannya dalam dunia yang dianggap dimiliki olehnya inilah yang membangkitkan dari dalam jiwa Kebudayaan Barat itu faham *kebangsaan*.

§11 Telah disentuh tadi perihal bagaimana falsafah humanisme itu percayakan kebenarannya sehingga menganggap sifatnya itu seakan-akan agama. Yang difahamkan sebagai agama itu dapat dirumuskan kepada tiga pengertian: yang pertama adalah bahawa agama itu berasas pada satu Tanzil daripada Tuhan Yang Hak kepada insan yang dilangsungkan dengan perantaraan wahyu yang diturunkan olehNya kepada nabi atau rasulNya—pengertian begini dipegang oleh mereka yang *percaya* akan kebenaran agama; yang kedua adalah bahawa agama itu sehimpunan

kepercayaan-kepercayaan tahyul, termasuk cara-cara melangsungkan ibadat atau penghambaan diri sebagaimana yang telah ditetapkan—pengertian begini dipegang oleh mereka yang tiada *percaya* akan kebenaran agama; yang ketiga adalah bahawa agama itu sehimpunan pendapat-pendapat dan undang-undang yang disusun dan direka oleh para bijaksana dan failasuf bagi keperluan kesejahteraan dan ketenteraman khalayak ramai masharakat insan, bagi mencegah hawa-nafsu, dan bagi membina serta menjamin tatatertib dalam pelbagai golongan dan lapisan masharakat insan—pengertian begini dipegang oleh mereka yang *bersikap tiada peduli* terhadap agama sebagai *agama*, akan tetapi menganggap agama itu penting hanya bagi kegunaannya sebagai *alat negara*. Menurut pengertian yang pertama agama itu adalah satu kebenaran sebenar-benarnya yang patut dianuti dengan keyakinan dan dianjurkan bagi kesejahteraan serta kesempurnaan kehidupan insan. Agama patut disebarkan dan dipertahankan dengan seberapa daya. Menurut pengertian yang kedua agama itu adalah satu kepalsuan yang berbahaya bagi insan, dan insan harus membebaskan dirinya dari genggaman belenggunya nescaya dapat hidup sempurna. Menurut pengertian yang ketiga agama itu adalah satu alat bagi mencapai kesejahteraan dan ketenteraman khalayak ramai, dan berguna bagi pihak yang berkuasa yang tiada terpengaruh olehnya, untuk memerintah negeri. Pengertian yang pertama menegaskan bahawa agama adalah kepercayaan dan keyakinan terhadap *kebenaran* yang dipercayai; yang kedua menda'wa bahawa agama adalah kepercayaan terhadap *kepalsuan* yang dipercayai; yang ketiga mengaku bahawa agama adalah kepercayaan terhadap *kegunaan* yang dipercayai. Rumusan yang ringkas mengenai tiga pengertian terhadap agama ini bukanlah dimaksudkan sebagai penjelasan mengenai *intisari* agama, akan tetapi, bagaimanapun, memadailah maksudnya di sini bagi menjelaskan bahawa Kebudayaan Barat itu sesungguhnya lebih giat menerima pengertian-pengertian yang kedua dan ketiga yang tersebut di atas. Dan kedua pengertian yang diterimanya itu juga dapat dirangkapkan pada sistem-sistem sosialisme dan kapitalisme mengikut gilirannya masing-masing.

§12 Takat ini, perlu rasanya suatu perbandingan dibuat antara Islām dan Kebudayaan Barat mengenai sikap-sikapnya masing-masing terhadap perkara-perkara yang telah dikemukakan sebagai rumusan dalam kedua perenggan 10 dan 11 di atas. Perkara-perkara yang dimaksudkan itu merujuk kepada soal-soal Ketuhanan; tujuan hidup kita; sikap kita terhadap agama; cita-cita kita mengenai kesejahteraan duniawi; faham-faham kita mengenai ilmu, keadilan, tugas, tanggungjawab, budipekerti; tujuan akhir kita mencapai ilmu pengetahuan; dan faham kita mengenai peranan negara dan masharakat. Terlebih dahulu patut diakui di sini bahawa ada banyak titik pertemuan antara renungan-renungan para failasuf Yunani dengan penjelasan-penjelasan Islām, khususnya mengenai faham keadilan dan perkaitannya dengan faham ilmu dan tugas dan tanggungjawab dan akhlak, dan dengan negara dan masharakat. Sebenarnya faham-faham failasuf Yunani itu bukanlah sesuatu yang berasal timbul dari akal nazari mereka, akan tetapi berasal dari wahyu yang telah diturunkan kepada para nabi dan rasul terdahulu yang telah diutus menyampaikannya kepada semua bangsa insani. Ajaran-ajaran para anbiya dan mursalin terdahulu itu, meskipun terdapat ada yang telah bercampur-aduk dengan rekaan khayalan kebudayaan bangsa masing-masing, tetap ada terdapat terselip di sana-sini dalam renungan insan purbakala sehingga sampai juga ke dalam tinjauan serta tilikan nazari para failasuf. Begitu jugalah kita insafi adanya beberapa persamaan antara Islām dan agama lain. Namun begitu kenyataan ini tiada harus diertikan bahawa perbezaan antara Islām dan falsafah Barat, dan Islām dan agama lain itu tiada besar dan mutlak. Perbezaan antara Islām dan yang lain itu—walaupun mungkin tiada bercirikan sifat-sifat yang tampak jelas—tetap besar dan mutlak, dan adalah suatu kewajipan bagi kita mengenalinya demi menghindarkan kekeliruan dan keraguan dan kesesatan yang akan mengharu kita andai kata masalah perbezaan ini diteledorkan. Mengenai soal sikap kita terhadap agama, kita berpegang kepada pengertian pertama yang tersebut di perenggan 11 itu, iaitu bahawa agama itu berasas pada Tanzil daripada Tuhan kepada insan yang dilangsungkan dengan perantaraan wahyu yang diturunkan

olehNya kepada nabi atau rasulNya (Muḥammad, ṣalla'Llahu 'alayhi wa sallam) bagi anutan segenap manusia. Berikut dari pengakuan ini maka kita mengikrarkan bahawa agama Islām itu bukan *teori,* bukan hasil renungan-renungan para bijaksana dan failasuf, bukan hasil *renungan* insan, bukan hasil ciptaan insan sebagaimana kebudayaan itu hasil usaha dan dayaciptanya dalam menghadapi keadaan sekeliling.

§13 Menurut bibit-ma'na punca perkataan *al-dīn* (الدين) —yang difahami umum sebagai memberi erti 'agama' dalam rangka pengertian Iṣlām sebagaimana terdapat dalam Kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm—maka perkataan itu mengandung ma'na, antara lain, 'keadaan diri berhutang', dan 'mena'lukkan diri menurut perintah', dan 'menjadikan diri lebih bersifat keinsanan' bertentang dengan sifat kebinatangannya—iaitu menjadikan manusia lebih berperikemanusiaan. Apabila disabitkan bibit-bibit ma'na ini kepada faham agama dalam Islām maka agama (الدين) membayangkan keadaan insan yang insaf bahawa dirinya dalam 'keadaan berhutang'. Apa yang dimaksudkan dengan ini?—kepada siapakah dia berhutang, dan apakah yang dihutangkannya? Dia senantiasa berhutang diri, budi, dan daya kepada Allāh, Subḥānahū wa Ta'ālā, yang telah menjadikannya daripada tiada kepada ada:

و لقد خلقنا الانسان من سلالة من طين؛ ثمّ جعلناه نطفة فى قرار مكين؛

ثمّ خلقنا النطفة علقة فخلقنا العلقة مضغة فخلقنا المضغة عظاما

فكسونا العظام لحما ثمّ أنشأناه خلقا آخر

فتبارك الله أحسن الخالقين

(سورة المؤمنون: ١٢ - ١٤)

Bahawa sesungguhnya insan itu telah Kami jadikan daripada intisari tanah. Kemudian Kami tempatkan dia sebagai mani di suatu tempat kediaman kukuh menetap. Kemudian Kami jadikan mani itu seketul darah mengental, dan darah itu Kami jadikan (janin) segumpal, kemudian dari gumpalan itu Kami jadikan tulang, dan tulang itu Kami salut dengan daging; kemudian Kami tumbuhkannya kepada suatu makhluk lain. Mahabahagialah Allāh, Khalik yang Terbaik. (*Sūrah al-Mu'minūn*: Ayat 12–14)

Jikalau kita fikir dan renungkan baik-baik tentang asal-usul kita semua, maka akan kita insafi bahawa lebih kurang seratus tahun dahulu, semua manusia yang kini berada dalam dunia ini sesungguhnya tiada, dan lagi tiada yang ketahui akan ada sebagaimana kita kini berada. Dan begitu jugalah nasib yang lain sebelum zaman kita ini. Maka sesungguhnya perasaan berhutang diri dan budi dan daya itu bukan pula kita tumpukan kepada ayah dan bonda, kerana kita tahu bahawa mereka pun timbul dari sumber ketiadaan jua, dan mengalami nasib kejadian yang sama; sedangkan mengenai diri kita pula kita tahu bahawa tiada kita berkuasa menumbuh dan membesarkan diri dari peringkat seketul darah mengental terus membentuk kepada peringkat-peringkat lain hingga kepada keadaan kita sekarang. Kita tahu bahawa bukan kita yang menggerak merobah diri dari satu peringkat ke peringkat lain, kerana kita perhatikan bahawa selang dalam peringkat kedewasaan, kekuatan tenaga, dan kewarasan serta kefahaman akliah pun, maka tiada juga kita berdaya menjadikan bagi diri kita pendengaran atau penglihatan atau lain-lain indera jasmaniah—apatah lagi dalam keadaan kita lemah dan tiada sempurna itu, tentulah tiada dapat kita jadikan apa yang tiada terdaya bagi kita dalam keadaan sempurna. Maka kepada mereka yang insaf, yang telah diberikan petunjuk yang benar menerusi akal semulajadinya, ya'ni akal ruhaninya, akan jelas terbukti bahawa bukanlah insan yang menggerakkan dirinya dari satu peringkat ke peringkat lain, akan tetapi justeru ada Yang Lain yang menggerakkannya; bahawa baginya bergerak itu hukumnya wajiblah dia menghendaki suatu Penggerak yang membawa dia

setingkat demi setingkat hingga keadaannya kini. Dan insan yang telah mencapai keinsafan akan hakikat ini mengakibatkan pena'lukan dirinya nescaya menurut perintah Khalik Yang Mahapemurah, Yang Mahapengasih lagi Mahapenyayang yang telah menjadikannya itu. Insan yang dimaksudkan ini bukanlah insan yang liar biadab tiada kenal diri berhadapan dengan Tuhannya Yang Hak, akan tetapi insan yang mengenali dirinya dan menyerahkan dirinya nescaya ta'luk kepada Perintah Allāh, Subḥānahū wa Ta'ālā, Tuhan Semesta Sekalian. Dengan penyerahan dirinya seperti demikian ini maka dapat insan menyerapi jiwanya dengan tatasusila keagamaan yang luhur. Penyerahan dan pena'lukan dirinya kepada Perintah Tuhan itu, mengikut faham agama Islām, bukanlah bererti pembelengguan dirinya kepada suatu kuasa yang menafikan kebebasannya, kerana tujuan kebebasan sesuatu ialah untuk mencapai sifat bawaan asali sesuatu itu dengan sempurnanya, dan sifat bawaan asali diri yang sempurna tiadalah lain daripada pena'lukan kepada Undang-undang Pencipta Agung yang telah merencanakannya nescaya seimbang dan sebati dengan sifat asal dan bawaan terindah tiap-tiap makhluk. Dengan ini maka penyerahan dan pena'lukan diri kepada Perintah Allāh, Subḥānahū wa Ta'ālā, itu justeru membawa kepada kebebasannya, dan menjadikan diri itu sempurna mengisbatkan hakikat semulajadinya. Justeru sesungguhnya diri zuriat Ādam, 'alayhi'l-salām, telahpun mengangkat sumpah mengakui serta menyaksikan bagi pihaknya sendiri Ketuhanan Tuhan Yang Hak terhadapnya:

و إذ أخذ ربّك من بني آدم من ظهورهم ذرّيّتهم و أشهدهم على أنفسهم
ألست بربكم قالوا بلى شهدنا

(سورة الاعراف: ١٧٢)

Apabila Tuhanmu mengeluarkan daripada anak Ādam—
daripada tubuhnya—zuriatnya dan menyuruhnya
mengangkat saksi terhadap dirinya dengan berkata:
'Bukankah Aku Tuhan kamu?' — Maka mereka berkata:
'Ya!— kami saksikan!'
(*Sūrah al-A'rāf*: Ayat 172)

Maksudnya bahawa insan telah membuat Perjanjian dengan Tuhannya Yang diakuinya sebagai Khalik Yang membina serta memeliharanya, dan Perjanjian ini adalah pengakuan penerimaan tugas serta tanggungjawab insan kepada dirinya terhadap Tuhannya; dan inilah sifat bawaan semulajadi insan yang suci-murni sebelum dia terkena noda hayawani, sebagaimana dikatakan seterusnya di tempat lain:

لقد خلقنا الانسان في أحسن تقويم؛

ثمّ رددناه أسفل سافلين

(سورة التين: ٤ - ٥)

Sesungguhnya telah Kami jadikan insan dalam acuan
yang terbaik, kemudian telah Kami hinakan dia sehingga
menjadi lebih rendah daripada yang paling rendah.
(*Sūrah al-Tīn*: Ayat 4 - 5)

Manusia yang ghafil akan hutang diri dan budi dan daya, serta tugas dan tanggungjawabnya, yang patut semata-mata ditujukan dan ditumpukan ke Hadrat Tuhannya, telah memungkiri Perjanjiannya, dan dengan demikian telah juga menzalimi dirinya dan nasibnya merugi (خسر) dan keadaannya lebih sesat daripada haiwan:

أولئك كالأنعام بل هم أضلّ أولئك هم الغافلون

(سورة الأعراف : ١٧٩)

Mereka itu seperti lembu—bahkan justeru lebih sesat daripadanya; mereka inilah yang ghafil
(*Sūrah al-A'rāf*: Ayat 179)

Kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm mengibaratkan kehidupan duniawi ini seumpama suatu Perdagangan atau Modal (التِّجَارَة), dan insan sebagai orang dagang yang melangsungkan amanah jual-beli (بَيْعَة) dan kerja pertukaran barang jual-belian (إِشْتَرَى); dan beruntung atau tiadanya perdagangannya (رَبِحَ التِّجَارَة / مَا رَبِحَ التِّجَارَة), tergantung kepada pengenalan terhadap Ilmu yang Sebenarnya mengenai diri insan, serta penunaian Perjanjiannya kepada Tuhannya, yang seringkali disebut sebagai Pembalas (الدَّيَّان), yang akan melakukan PengadilanNya pada Hari Pembalasan (يوم الدين), yang juga disebutkan sebagai Hari Perhitungan (يوم الحساب). Insan senantiasa dalam keadaan rugi (خسر), kecuali mereka yang beriman dan melakukan amalan yang baik; dan kerja amal baik itu seringkali dikiaskan sebagai Pinjaman yang Baik (قرضًا حسنًا), yang dihaturkan ke Hadrat Tuhan Yang menerima dan menyimpannya, dan memberi serta menambahkan faedah berganda ke atasnya (أضعافًا كثيرة). Pengertian agama seperti yang dijelaskan di atas, dengan peribaratan kehidupan duniawi kepada faham perdagangan itu, membayangkan keadaan insan yang berada dalam suasana bertamadun; lengkap dengan undang-undang dan hukum, pemerintah dan keadilan, kesusilaan dan akhlak dan ilmu. Maka dari itu penyerahan dan pena'lukan dirinya itu ternampak sebagai dilakukan dengan kehendak dan kerelaannya sendiri; dan manusia begini—manusia yang insaf akan hutang budi dan dayanya kepada Yang menjadikannya—bukanlah manusia liar atau biadab; dan justeru agama yang dimaksudkan itulah yang meninggikan nilai sifat kemanusiaannya. Selain dari rumusan-rumusan ma'na yang tersebut mengenai erti perkataan 'agama' mengikut faham Islām, maka erti agama sebagai membawa kepada keadaan yang menjadikan insan lebih bersifat kemurnian insaniah, atau manusia lebih berperikemanusiaan, adalah berdasar kepada faham bahawa insan itu harus *rela dikawal* oleh undang-undang dan hukum dan kewibawaan yang dapat menjamin ketertiban dan

ketenteraman dan kesejahteraan. Justeru apabila kita renungkan faham ini sambil merujukkannya kepada faham para bijaksana dan failasuf yang telah disentuh tadi, maka tentu akan ternampak sekurang-kurangnya persamaan-persamaan zahir di antaranya. Namun begitu perbezaan besar pula patut juga nyata, iaitu bahawa dalam Islām undang-undang dan hukum dan kewibawaan yang dimaksudkan itu merujuk bukan kepada yang direka oleh manusia, akan tetapi kepada Al-Qur'ānu'l-Karīm dan Sunnah dan segala usaha dan dayacita Umat Islām yang berpandu kepada keduanya itu; dan ketertiban, ketenteraman dan kesejahteraan yang dimaksudkan itu merujuk kepada akibat keislaman, iaitu penyerahan diri sehabis-habisnya, ta'luk dengan mutlak kepada Sumber Undang-undang dan Hukum dan Kewibawaan itu sehingga menjadi selaras, selari, seia—bahkan *sebati* dengan *bawaan asali* atau *semulajadi* insan, yang memang dijadikan untuk mengabdikan diri kepada Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā:

و ما خلقت الجنّ و الإنس إلا ليعبدون

(سورة الذاريات: ٥٦)

Justeru telah Kujadikan Jin dan Insan itu tiadalah lain melainkan untuk mengabdikan diri kepada Ku.
(*Sūrah al-Dhāriyāt*: Ayat 56)

Bukanlah Dia yang memerlukan pengabdian daripada makhlukNya; sanya sesungguhnya makhlukNyalah yang memerlukan pengabdian dirinya masing-masing kepada Tuhannya, justeru kerana pengabdian diri itu adalah rahmat daripadaNya yang membebaskan insan daripada belenggu hayawani, dan memulihkannya semula ke taraf kemurnian asali, ke taraf yang dirujuk sebagai *aḥsani taqwīm*. Bahawa sesungguhnya bukan sahaja jin dan insan yang menyerahkan diri ta'luk kepada Perintah Tuhannya Yang Hak itu, akan tetapi seluruh makhluk senantiasa memuji serta menunduk taat, memainkan peranannya masing-masing merencanakan Kehendak PerintahNya, menayangkan Rencana Agung Yang Mahaindah

dan Mahasaksama:

تسبّح له السماوات السبع و الأرض و من فيهنّ و إنْ من شئ
إلا يسبّح بحمده و لكن لا تفقهون تسبيحهم
إنّه كان حليما غفورا
(سورة الإسراء: ٤٤)

Ketujuh Rencana langit dan bumi dan segala makhluk
dalamnya semua menjunjung pujian bagiNya; dan tiada
sesuatupun melainkan menjunjung pujian bagiNya jua;
namun demikian tiada juga kau fahami betapa gaya mereka
mengisbatkan KemegahanNya. Sesungguhnya Dialah
Yang senantiasa Mahabaik dan Mahamengampuni.
(*Sūrah Banī Isrā'īl*: Ayat 44)

dan lagi:

أفغير دين اللّه يبغون وله أسلم من في السماوات و الأرض
طوعا و كرها و إليه يرجعون
(سورة آل عمران: ٨٣)

Apakah mereka itu berdaya melagak mencari yang lain
daripada Agama Allāh?—sedangkan seluruh makhluk
di langit dan bumi semuanya, rela atau tiada rela, tunduk
kepada KehendakNya (menerima Islām), dan kepadaNyalah
akan kesemuanya itu dikembalikan.
(*Sūrah Āli 'Imrān*: Ayat 83)

Agama Allāh (دين الله) itu agama Islām, iaitu agama di sisi Allāh itu agama *Islām*: (إنّ الدين عند الله الاسلام) (*Sūrah Āli 'Imrān*: Ayat 19), yang mengandung ma'na 'ta'luk dengan rela dan sungguh-

sungguh kepada Perintah KehendakNya', dan insan yang rela sungguh mena'lukkan dirinya digelar *Muslim*, sedangkan yang tiada rela—meskipun pada hakikatnya dia ta'luk—digelar *Kāfir*, iaitu yang 'menutup akal yang menerima Kebenaran sehingga dirinya menolak apa yang diterima oleh akalnya sebagai Benar'. Justeru kerana Islām itu memperikan hakikat keadaan makhluk jelata yang semuanya ta'luk kepada Perintah Khalik, maka Islām itu adalah agama fitrah (دين الفطرة), agama yang melaksanakan hasrat bawaan tabiat makhluk jelata. Islām itulah sebenarnya *kosmos* yang dicari-cari tetapi tiada juga didapati oleh para bijaksana dan failasuf Yunani dalam kalangan masharakat manusia. Merujuk kepada perkara ini maka manusia yang *Islām* (Muslim) itu berma'na manusia yang menyelaraskan dirinya dengan ketertiban yang saksama, atau *kosmos*; sedangkan manusia yang *kufur* (Kafir) berma'na manusia yang mengingkari dirinya daripada penyelarasan dengan kesaksamaan tabiat semesta dan dengan demikian mengakibatkan kekacauan atau *khāos* terhadap dirinya. Faham 'tabiat semesta' itu biasanya kita rujukkan kepada hakikat ruhaniah, sedangkan Kebudayaan Barat pada umumnya selalu merujukkan faham itu kepada hakikat jasmaniah. Keterangan yang dikemukakan di atas sudah cukup jelas menunjukkan bahawa istilah 'agama' (الدين) dalam Islām tiada mengandung ma'na dan maksud yang sama dengan faham 'agama' dalam Kebudayaan Barat, atau lain-lain kebudayaan. Istilah *religion* berasal dari perkataan Latin *religiō* yang mengandung usul ma'na 'mengikat', dan kenyataan terhadap sikap yang 'diikat' dan dasar-dasar 'pengikatan' itu semua tiada jelas terkandung dalam istilah tersebut. Akan tetapi dalam sejarah agama Barat, yang menjelaskan sifat agamanya sebagaimana dialaminya, maka 'pengikatan' itu dilakukan dengan secara *paksaan* oleh satu golongan (paderi) terhadap khalayak ramai yang sesungguhnya *tiada merelainya*. Oleh sebab demikian maka agama dianggap sebagai belenggu yang menafikan 'kebebasan'. Maka 'pengikatan' yang berlaku adalah pengikatan manusia oleh manusia kepada manusia, dan penerimaan pengikatan itu oleh yang diikat bukanlah berdasarkan kerelaan diri sendiri. Dan dari itu maka yang diikat senantiasa berontak dan menuntut

kebebasannya, dan yang mengikat terpaksa bertolak-ansur mengendurkan ikatan itu menuturi kehendak zaman serta desakan masharakat; dan berdasarkan sejarah dan masharakatnya, telah pula menokoktambahkan asas-asasnya dengan dasar-dasar 'baharu' yang *sekular*, demi membujuk mengekalkan kesanggupan masharakatnya terus menerima—sekurang-kurangnya pada zahirnya—'pengikatan' itu. Maka agama Kristian, agama Barat—sebagaimana juga agama-agama lain yang bukan Islām—adalah agama kebudayaan, agama 'buatan' manusia yang terbina dari pengalaman sejarah, yang terkandung oleh sejarah, yang dilahirkan serta dibela dan diasuh dan dibesarkan oleh sejarah.

§14 Faham agama dalam Islām itu mempunyai pertalian yang erat dengan faham keadilan. Bagi Kebudayaan Barat keadilan adalah suatu perkara yang berlangsung dalam rangka dua pihak yang merujuk kepada negara dan masharakat, iaitu antara seorang dengan orang lain; antara rakyat dengan raja; antara masharakat dengan negara. Maka bagi mereka kezaliman pun adalah suatu perkara yang berkisar dalam rangka dua pihak itu jua. Justeru apabila timbul pertanyaan bahawa bolehkah kezaliman itu dilakukan atau berlaku terhadap diri sendiri?—maka Aristotle pernah menjawab bahawa yang demikian itu tiada boleh berlaku; bahawa seorang yang membunuh dirinya, misalnya, bukanlah dia dengan kelakuannya itu menzalimi dirinya, akan tetapi yang dizaliminya adalah negaranya, kerana dengan perbuatannya itu dia telah meniadakan bagi negaranya khidmat dan tugas dan tanggungjawabnya terhadap masharakat dan negara. Oleh kerana bahawasanya keadilan itu sesungguhnya menjadi dasar akhlak dan budipekerti, maka dari itulah negara dan masharakat sahajalah yang merupakan punca-punca nilai-nilai akhlak dan budipekerti bagi Kebudayaan Barat. Sedangkan Islām pula menegaskan dan mengisbatkan sebagai dasar yang kukuh suatu faham keadilan yang berbeza dengan faham Kebudayaan Barat, dan punca perbezaan ini sedemikian mutlaknya sehingga inilah yang menjadi biang bibit segala perbezaan lain yang meliputi pandangan hidup masing-masing. Bagi Islām keadilan itu

pertama sekali berpunca pada diri sendiri: bahawa seseorang itu boleh melakukan keadilan atau sebaliknya kezaliman terhadap dirinya sendiri. Faham ini berasal dari kenyataan Al-Qur'ānu'l-Karīm pada *Sūrah al-A'rāf*: Ayat 172 yang telah disebut tadi:

و إذ أخذ ربّك من بني آدم من ظهورهم ذرّيّتهم و أشهدهم على أنفسهم
ألست بربكم قالوا بلى شهدنا
(سورة الاعراف: ١٧٢)

Apabila Tuhanmu mengeluarkan daripada anak Ādam—daripada tubuhnya—zuriatnya dan menyuruhnya mengangkat saksi terhadap dirinya dengan berkata: 'Bukankah Aku Tuhan kamu?' —Maka mereka berkata: 'Ya!—kami saksikan!'

Di sini dinyatakan bahawa Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, berfirman kepada sekalian arwah zuriat Ādam, 'alayhi'l-salām—iaitu pada ketika sebelum dizahirkan sebagai insan—supaya mengangkat saksi terhadap diri masing-masing akan KetuhananNya, dan tiap diri itu telah menyaksikan hakikat itu terhadap dirinya nescaya rela terikat pada suatu Perjanjian Asali yang mutlak. Maka dengan itu barangsiapa yang memungkiri Janjinya kelak telah menjatuhkan ke atas dirinya hukuman bahawa dirinya itu telah menzalimi sendiri. Dan insan yang pertama-mula menggunakan istilah 'zalim' dengan merujukkannya kepada diri sendiri tiadalah lain daripada Nabi Ādam dan Siti Hawa, Bapa dan Ibu Asali kita sekalian jua:

قالا ربّنا ظلمنا أنفسنا و إن لم تغفرلنا و ترحمنا
لنكوننّ من الخاسرين
(سورة الأعراف: ٢٣)

Mereka berkata: 'Wahai Tuhan kami! - kami telah menzalimi diri kami, dan jikalau tiada Kau ampuni kami, dan cucuri RahmatMu kepada kami justeru sesungguhnya kami ini akan tergolong dengan yang rugi.'
(*Sūrah al-A'rāf*: Ayat 23).

Peristiwa yang diterangkan oleh *Ayat* ini menyatakan keinsafan Nabi Ādam dan Siti Hawa, 'alayhima'l-salām, akan kesalahannya akibat membiarkan diri mereka tertipu oleh hasutan Iblis. Dan adalah kebiasaan Al-Qur'ānu'l-Karīm mensifatkan orang yang salah, atau yang jahat, atau yang kafir dan sebagainya itu sebagai orang yang *zalim terhadap diri sendiri*. Maka orang yang benar, yang baik, yang beriman—iaitu *muslim* dan *mu'min*—ialah orang yang *adil terhadap dirinya*, kerana dia telah menempatkan dirinya pada tempatnya yang tepat, yang sebati dengan bawaan tabiat semulajadinya, dan dengan demikian telah dapat mencapai taraf kemurnian insaniah yang membawanya setingkat demi setingkat kepada makam diri yang tenteram sempurna meni'mati kesejahteraan hakiki. Harus tampak, harus jelas kepada tilikan renungan barangsiapa yang mempertimbangkan hakikat faham keadilan dalam Islām, bahawa dengan memuncakan keadilan kepada diri insan sambil merujukkan dasarnya kepada Allāh yang Mahaadil, maka akan lebih bertambah kukuh lagi nilai dan peranan akhlak dan budipekerti dalam rangka masharakat dan negara. Dalam faham Islām kita sekalian berakhlak dan berbudipekerti bukan semata-mata demi kepentingan masharakat dan negara, akan tetapi juga demi kepentingan diri kita di Akhirat dan demi Perintah serta Kehendak Tuhan. Maka dari itu punca kesetiaan kita serta ketaatan dan kerelaan kita hanyalah Tuhan Sarwa Alam dan Raja Yang memiliki manusia sekalian, Yang empunya Kerajaan Agung, Yang menghidupkan dan mematikan dan bermahakuatkuasa atas segala sesuatu. Apabila kita memusatkan faham keadilan itu kepada diri sendiri dahulu dan mengisbatkannya demikian, dan kemudian sahaja baharu kita kenakan faham itu kepada masharakat dan negara, maka kita telah mengikrarkan Perjanjian Utama yang telah mengikat kita dengan Tuhan Yang Hak, dan kemudian sahaja baharu perjanjian

dengan masharakat dan negara; dan ini juga menjelaskan bahawa Sumber segala kesetiaan, ketaatan dan kerelaan kita adalah Tuhan dan bukan bangsa dan masharakat dan negara. Maka akhlak dan budipekerti kita pun berpuncakan Tuhan dan bukan masharakat dan negara. Dan apabila dikatakan tadi bahawa dengan demikian maka nilai dan peranan akhlak dan budipekerti itu akan bertambah kukuh hingga menjadi mutlak, maka sanya dimaksudkan tiada lain sebab melainkan bahawa pusatnya, puncanya, paksinya dan sumbernya itu—iaitu diri sendiri dan Tuhan—tetap itu jua; tiada berubah, kekal dan tegas dalam dunia yang senantiasa tiada tetap dan berubah, senantiasa tiada kekal dan keliru ini. Jikalau pusat dan punca dan paksi dan sumber kesetiaan dan ketaatan dan kerelaan kita serta dasar keadilan itu dikisarkan pindah daripada diri dan Tuhan kepada masharakat dan negara seperti yang diamalkan oleh Kebudayaan Barat, maka masharakat dan negara berubah dan akan terus berubah, dan akibatnya sudah tentulah akhlak dan budipekertipun berubah-ganti dan akan menempuh perubahan—dan betapakah dapat amalan demikian itu berhasil memupuk dan mengasuh manusia yang benar-benar mencerminkan dalam kunhi dirinya akhlak dan budipekerti yang luhur dan suci-murni! Faham Islām mengenai 'pusat' dan 'punca' dan 'paksi' dan 'sumber' itu memanglah benar mengikut ma'na dan maksud bahasa dan fikiran, kerana apalah ma'na dan maksud 'pusat' dan 'punca' dan 'paksi' dan 'sumber' itu melainkan tiap sesuatu yang diistilahkan demikian itu haruslah *tetap* dan *sama* dan *kekal* tiada berubah atau berkisar atau berpindah-randah—dan tiada mungkin yang berubah dan berkisar dan berpindah itu benar-benar diertikan sebagai 'pusat' atau 'punca' atau 'paksi' atau 'sumber' sesuatu melainkan oleh fikiran yang keliru! Pertalian yang erat yang terdapat dalam faham agama dengan faham keadilan dalam Islām, dan perkaitannya dengan akhlak dan budipekerti, serta peranannya semua dalam memupuk dan mengasuh diri perseorangan dalam masharakat dan negara, menjelaskan dengan lebih tepat lagi perbezaan faham ilmu dan tujuan menuntut ilmu antara Islām dengan Kebudayaan Barat. Kebudayaan Barat, berdasarkan faham keadilan yang berkisar dalam rangka dua pihak yang

dirujukkan kepada masharakat dan negara sebagaimana telah dirumuskan tadi, iaitu pihak seseorang dengan orang lain dalam masharakat dan dengan pihak kerajaan atau pemerintah dalam negara, telah melandaskan dasar hidup yang digelar *sekular*, iaitu yang memisahkan hakikat agama dari kehidupan masharakat dan mengisbatkan kepentingan unsur hakikat jasmaniah, kebendaan dan keduniaan dan perubahan melulu dalamnya. Maka dari itu akhlak dan budipekerti diri perseorangan dan masharakat pun, selaras dengan sekularisme itu, haruslah berdasar kepada nilai-nilai kemasharakatan dan kenegaraan yang berpunca kepada nilai-nilai diri jasmani, kebendaan dan keduniaan dan perubahan jua. Sebab inilah maka berikut bahawa tujuan seseorang itu menuntut ilmu adalah tiada lain melainkan bagi mengasuh dan memupuk Warganegara yang Sempurna untuk membantu dan melengkapkan wujudnya Negara yang Sempurna. Rencana *al-Madīnatu'l-Fāḍilah* yang difahamkan dalam rangka Islām pula sesungguhnya membayangkan bukan timbulnya Warganegara yang Sempurna, akan tetapi lebih utama dari itu, timbulnya Manusia yang Sempurna sebagai pembina negara serta nilai-nilai kehidupan seluruh masharakat. Mewujudkan Manusia yang Sempurna dalam sesuatu negara itu adalah dianggap lebih utama daripada mewujudkan Warganegara yang Sempurna dalamnya, sebab penghasilan taraf Warganegara yang Sempurna belum tentu mengakibatkan penghasilan taraf Manusia yang Sempurna; sedangkan sebaliknya, pencapaian taraf Manusia yang Sempurna itu sudah tentu juga mengakibatkan taraf Warganegara yang Sempurna. Untuk mewujudkan Manusia yang Sempurna ini maka hasrat dan tujuan Islām dalam *al-Madīnatu'l-Fāḍilah* yang difahamkannya itu adalah tiada lain melainkan menegaskan dasar bahawa *tujuan menuntut ilmu* adalah bagi mengeluarkan, mengasuh dan memupuk Manusia yang Sempurna. Tujuan yang saling berbeza antara Islām dan Kebudayaan Barat dalam soal peranan menuntut *ilmu* ini tentulah menimbulkan perbezaan faham serta sikap terhadap ilmu itu sendiri, dan terhadap bahagian-bahagiannya serta keutamaan yang harus diletakkan pada masing-masing bidang ilmu pengetahuan.

§15 Kebudayaan Barat pada asal-mulanya bertujuan menggunakan ilmu pengetahuan sains dan teknologi bagi mengawal dan menguasai alam sekeliling demi maslahat dan kegunaan insan. Akan tetapi sifat ilmu sains itu juga demikian menarik pada nazar harapan bangsa-bangsa Barat bagi memecahkan rahsia-rahsia Ciptaan Raya yang menjadi pucuk-bibit renungan falsafah mereka, sehingga cara-cara dan bawaan ilmu sains itu jenuh dipuja dan diperkembangkan sehingga merangkum dan meliputi bidang-bidang lain dalam luasan ilmu. Perkembangan ilmu sains di Eropah sejak Abad Pertengahannya telah memberi harapan kepada Kebudayaan Barat bahawa ilmu itulah satu-satunya cabang ilmu pengetahuan dan falsafah yang akan dapat membawa keyakinan yang dicari-carinya itu. Maka dengan demikian mereka telah mengenakan *rasionalisme* dan *empirisisme*, ya'ni cara-gaya pendekatan dan penyelidikan ilmu sains itu, kepada bidang-bidang ilmu lain seperti ilmu-ilmu kemanusiaan dan kemasharakatan. Terus kemudian pengaruh ilmu sains dalam pemikiran mereka itu demikian hebat mendalam sehingga ilmu sains itu dijadikannya seolah-olah sebagai suatu nilai hidup yang utama bagi membimbing mereka ke arah kesejahteraan. Mereka lupa bahawa sains itu hanyalah *alat* bagi kegunaan manusia; dan alat tiada dapat dijadikan *nilai* kehidupan. Sebagaimana juga sebilah pisau adalah alat yang berguna bagi manusia, dan tiap-tiap rumah memerlukannya untuk dipakai di dapur, begitulah ilmu sains dan teknologi berguna bagi maslahat manusia di dunia. Akan tetapi, justeru demikian, kita harus tahu bahawa yang memberi nilai *kegunaan* bagi pisau itu tentulah manusia jua, yang menetapkannya berdasar kepada *tujuan* hidupnya. Dan tujuan hidup manusia inilah yang dinilaikan dengan nilai-nilai yang ditetapkan oleh budipekerti dan akhlak yang merujuk kepada agama. Kita katakan tadi bahawa pisau itu berguna bagi manusia sebab dengan adanya pisau maka kerja-kerja dapur dapat diselenggarakan dengan baik, dan juga kerja-kerja mengukir dan membuat perkakas-perkakas lain dapat mudah dihasilkan. Andai kata pula pada malam hari pencuri datang mengharu rumah dan dengan pisau dapur itu juga menikam tuan rumah itu hingga mati, maka apatah jadinya

penilaian kita terhadap pisau itu? Pisau itu akan dikeluarkan serta dipamerkan kelak di mahkamah tinggi, dan di situ akan dita'rifkan bukan sebagai *alat* yang *berguna*, akan tetapi sebagai *senjata* yang *berbahaya*. Maka sesungguhnya jelaslah bahawa pisau itu sendiri tiada mempunyai nilai-nilai dan sifat-sifat kebaikan atau keburukan yang khusus ada bagi pihaknya. Nilaian dan sifatnya itu samar-samar jua, tiada jelas, kerana ia kedua-dua baik dan buruk sekaligus; melainkan yang menjelaskannya, yang memberikan kepadanya nilaian baik atau buruk itu, hanyalah manusia belaka: jikalau yang menggunakannya itu manusia yang baik maka pisau itu 'alat yang berguna'—jikalau yang menggunakannya itu manusia jahat maka pisau itu 'senjata yang berbahaya'. Dan nasib baik atau jahatnya manusia itu bergantung kepada ajaran serta pendidikannya dalam ilmu-ilmu mengenai budipekerti dan akhlak yang bersumberkan agama. Maka sesungguhnya ilmu sains dan teknologi itu samalah sifatnya dengan pisau tadi: manusialah yang memperalatkannya nescaya menjadi 'baik' atau 'buruk', dan dari itu sangatlah lebih utama bagi kita menimbulkan dari dalam masharakat kita manusia-manusia 'baik' sebab mereka inilah yang akan menjamin baiknya penggunaan ilmu sains dan teknologi itu. Berikutlah pula bahawa ilmu-ilmu keagamaan itu haruslah dijadikan *dasar* hidup sebab dialah yang *menilai* kehidupan. Dari segi pandangan Islām, manusia yang baik ini ialah manusia yang insaf akan tanggungjawab dirinya kepada Tuhannya Yang Hak; manusia yang memahami serta menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan diri-diri lain dalam masharakatnya; manusia yang dalam serba-serbi tingkah-lakunya senantiasa mengasuh dirinya menuju ke arah kesempurnaan sebagai insan adabi, seperti telah dirumuskan maksudnya tadi dalam perenggan 13. Dalam sejarah Kebudayaan Barat, justeru sebab pengalaman buruknya dengan agama, maka ilmu sains itu telah disubur dan dimajukan sehingga dapat membawa insan merantau jauh ke alam-alam ajaib yang tiada terlintas pada saujana mata ilmiahnya dahulu. Meskipun banyak maslahat dan pendapat baharu yang tercapai dan terus akan merupakan perangsang bagi dayacipta fikiran insan, namun tiada juga dapat dinafikan bahawa dorongan

ilmu sains itu telah mendesak mereka membuka tembelang yang mengandung banyak bibit-bibit kekeliruan, huru-hara, dan kesengsaraan yang mahadahshat; bibit-bibit yang kini sedang menyebarkan penyakitnya di kalangan manusia, binatang, pohonan dan tumbuh-tumbuhan—pendek kata di alam tabii dan di dunia seluruhnya! Sebagaimana telah disebut tadi, ilmu sains telah mengelirukan cara berfikir dan falsafah mereka terhadap tujuan dan sifat ilmu pengetahuan yang bersangkut-paut dengan soal hakikat semesta. Kejayaan-kejayaan gemilang yang dihaturkan ke bawah duli manusia oleh ilmu sains dalam bidang ilmu alam jasmani telah membanggakan dirinya dan menimbulkan rasa sombong megah akan kuasa kemanusiaan dan akan kuasa akal hayawaninya. Mereka telah berjaya menguasai alam sekeliling; mereka telah dapat merobah muka bumi; mereka telah dapat merobah aliran sungai, menjinakkan tenaga air; mereka telah menembusi angkasa lepas dan mendaki gunung-gunung yang belum pernah mengalami bekas jejak insan. Akan tetapi mereka tiada dapat menguasai diri, mengenali diri, membawa ketentuan dan ketenteraman kepada diri. Dalam masa limapuluh tahun mereka telah menjadi lebih pandai dan handal dalam ilmu penerbangan daripada burung yang telah terbang lebih dari limapuluh ribu tahun. Akan tetapi burung tahu akan kadar sayapnya; tahu luasan dan batasan pengembaraan dan penaungannya; tahu akan tugas dan tujuannya sebab telah diilhamkan demikian sehingga tiada akan terjadi pengeliruan *tempat* masing-masing. Sedangkan manusia, yang kononnya berakal tetapi berpandukan hawa-nafsu, menafikan segala ketertiban hidup; penguasaan angkasa dan alam sekeliling olehnya telah disalahgunakan sehingga penguasaan itu dikenakan supaya melingkungi juga penguasaan terhadap sesama manusia. Sains yang sepatutnya disifatkan sebagai *alat yang berguna* telah menjadi *senjata yang berbahaya* di tangan manusia demikian, dan ketertiban seluruh dunia terancam. Apabila kita renungkan sejarah manusia kita lihat bahawa manusia dahulu, meskipun ilmu pengetahuan sains dan teknologinya tiada lengkap dan rumit seperti yang dipunyai oleh manusia kini, tampak seolah-olah lebih sempurna, lebih sentosa, lebih berbahagia. Bahkan kita

harus insaf bahawa segala keindahan dayacipta manusia, segala keluhuran fikiran yang merupakan petunjuk bagi kehidupan kita sekarang, segala rasa-cita yang seni-seni yang dijelmakan dalam pelbagai bentuk kecantikan dan keindahan yang murni itu semua adalah hasil usaha manusia dahulu yang kita warisi kini. Dan bukankah kenyataan ini juga suatu bukti yang mu'tamad yang menunjukkan bahawa sains dan teknologi itu bukan harus dijadikan pujaan dan landasan dan nilai bagi mengarahkan kehiḍupan? Dan bukan pula *manusia* itu sendiri, sebagaimana yang dida'yahkan oleh faham humanisme Barat, yang harus dijadikan pujaan dan landasan dan nilaian bagi mengarahkan kehidupannya nescaya tercapai kesejahteraannya, kerana mereka tahu, berdasarkan pengalaman hidupnya, bahawa segala 'kemajuan' dalam lapangan ilmu sains dan teknologi serta dalam lapangan ilmu pengetahuan umumnya yang telah dicapainya itu tiada menghasilkan kesejahteraan. Justeru pada hakikatnya sains kini serta teknologi yang dilahirkannya seolah-olah telah kehilangan sifatnya sebagai ilmu dan telah menjelmakan dirinya seakan-akan sihir. Seperti juga sihir menyarukan kepalsuan sebagai yang benar, sebagaimana juga sihir mempesona membenihkan aneka khayalan yang menggugat kepercayaan, yang menyelewengkan manusia dari jalan yang benar—begitu jugalah sains masakini serta teknologinya telah mengelirukan yang hak dengan yang batil, dan meragukan kebenaran yang diyakini oleh iman. Sesungguhnya memang diakui bahawa yang menjadi biang-bibit masalah kehidupan Kebudayaan Barat ialah soal ketegangan jiwa dan kegelisahan diri yang tiada dapat mencapai iman. Imanlah yang mendatangkan keadaan dan suasana aman, dan iman itulah juga yang menenteramkan jiwa dan diri (kalbu), sebagaimana firman Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, dalam Al-Qur'ānu'l-Karīm:

الّذين آمنوا وتطمئنّ قلوبهم بذكر الله

ألا بذكر الله تطمئنّ القلوب

(سورة الرعد: ٢٨)

Mereka yang beriman dan yang memperoleh ketenteraman kalbu dengan mengingati Allāh. Sesungguhnya tiada shak lagi bahawa dengan mengingati Allāh itulah sahaja akan kalbu itu memperoleh ketenteraman.
(*Sūrah al-Ra'd*: Ayat 28)

Tiada ubat bagi menyembuhkan penyakit kalbu yang sunyi dari iman melainkan iman jua. Dan oleh kerana sesungguhnya insan itu bawaannya pelupa—lupa akan Perjanjiannya kepada Tuhannya Yang Hak—maka cara yang dianjurkan kepadanya untuk menghindarkan kealpaan itu adalah dengan senantiasa mengingati Allāh (ذكر الله), ya'ni menyadariNya, kerana mengingati Allāh itu lebih besar kepentingannya bagi insan dari lain-lain cara ibadat (عبادة) dalam agama (ولذكر الله أكبر). Kebudayaan Barat telah memainkan lakonan hidupnya atas dasar duniawi melulu dan dalam dasar itu tiada diberikannya tempat yang sempurna bagi kedudukan agama di sisi masharakat dan orang perseorangan. Oleh kerana agama Kristian dan agama Yahudi tiada dapat memuaskan dahaga kehausan ruhani kalbu Kebudayaan Barat itu maka dianggapnya agama Islām pun samalah dengan agama-agama tersebut sebab Islām adalah agama 'serumpun' dengannya. Maka dari itu Kebudayaan Barat kini sedang giat mencari rumusan-rumusan bagi diolah dan dipupuk ke dalam jiwanya daripada kebudayaan-kebudayaan yang tiada berunsurkan Arab atau Yahudi, seperti kebudayaan-kebudayaan India dan Cina. Padahal, sebagaimana telah kusebut tadi pada perenggan 13, Islām itu bukan agama yang sebenar-benar 'serumpun' dengan mana-mana agama lain, kerana berbeza dengan agama-agama lain, Islām sahajalah yang merupakan Agama Tanzil, yang mendapat pengesahan dari Tuhan Yang Hak.

§16 Kau harus sedar bahawa konfrontasi Kebudayaan Barat itu hanyalah terhadap Islām sahaja, dan akan berterusan, dan kenyataan ini patut sudah terbayang jelas berikut dari keterangan yang telah dibentangkan sebagai rumusan di sini. Oleh kerana demikian maka kita dapati kini, seperti juga dahulu, Kebudayaan

Barat itu senantiasa berperang dengan Islām; dahulu kala peperangan itu merupakan yang zahir nyata sehingga dapat Kebudayaan Barat berjaya, justeru kerana kelemahan-kelemahan Kaum kita Muslimin jua, menjajahi negara-negara Islām, dan kini—meskipun negara-negara itu telah menghancurkan belenggu penjajahan Barat, namun tiada juga kita benar-benar bebas—kini Kaum Muslimin sedang menghadapi dan mengalami serangan batin yang jauh lebih hebat dari segala pengalaman serangan lampau yang telah kita hadapi dalam sejarah: yang kini kita hadapi bukannya bala tentera bangsa-bangsa Barat dan bukan pula hanya cerdik-pandai mereka, akan tetapi segala kehandalan, keutusan, kekuasaan dan kehebatan *kebudayaan* dan *tamadun* Barat itu *pada keseluruhannya.* Kebudayaan Barat telah menyeludup menyerangi hati sanubari kita, jiwa kita, dan caranya menghasilkan keadaan demikian ialah bahawa sewaktu bangsa-bangsa Barat menjajahi negara-negara kita mereka telah menjalankan dua tindakan penting yang membawa kesan besar pada nasib kita kini: pertama ialah memutuskan Kaum Muslimin daripada *ilmu pengetahuan mengenai Islām* dengan secara lambat-laun menerusi sistem pelajaran; dan kedua ialah memasukkan dengan secara halus ke dalam sistem pelajaran itu faham *ilmu* Barat dan *unsur-unsur, nilai-nilai,* dan *faham serta konsep-konsep* Kebudayaan Barat yang akan sedikit-sebanyak menggantikan unsur-unsur dan nilai-nilai dan faham serta konsep-konsep Islām, dan memutuskan hubungan kebudayaan Islām di kalangan Umat Islām seluruhnya. Dengan cara dan tindakan ini maka akan terjamin bagi mereka, pada masa Kaum Muslimin merebut dan menegakkan kemerdekaannya seperti kini, perubahan sikap terhadap ilmu dan tujuan hidup dan pengeliruan Muslimin terhadap Islām: bahawa orang-orang Islām itu tiada akan mengenali lagi hakikat Islām, khususnya hakikat Islām sebagai ternyata dalam sejarah dan kebudayaan dan tamadun yang agung dan terbaik, nescaya dengan demikian akan timbul di kalangan orang Islām perasaan hina akibat kejatuhan maruah diri sendiri. Dan dalam keadaan demikian maka akan timbul di kalangan orang Islām keinginan menegakkan semula maruah diri sendiri itu *atas dasar-dasar lain* yang telah

dida'yahkan oleh Kebudayaan Barat. Akan timbul di kalangan umat Islām pemimpin-pemimpin yang taraf pengetahuannya mengenai Islām sangat menyesalkan dan yang lebih berpengetahuan mengenai kebaratan sehingga pemimpin-pemimpin ini akan lebih lagi menyesatkan Kaum Muslimin keluar daripada Jalan yang Benar. Kaum Muslimin harus tahu bahawa sesungguhnya menjalarnya Kebudayaan Barat di merata dunia ini adalah akibat keruntuhan Kaum Muslimin jua.

§17 Sebagaimana dapat kita tinjau kini, cara Kebudayaan Barat menda'yahkan faham dan falsafahnya ke merata dunia, dan khususnya terhadap dunia Islām, ialah dengan merobah helah atau strategi lama dalam menghadapi sesuatu. Dahulu Kebudayaan Barat telah melangsungkan cara pembicaraan menerusi ilmu kalam dan falsafah dan juga dengan berperang terang-terangan menggunakan agama Kristian sebagai asas perjuangannya. Kini, sungguhpun agama Kristian itu masih dipergunakannya dalam menghadapi Islām dan dunia umumnya, namun terhadap agama Islām penggunaan da'wah agama Kristian itu adalah suatu *helah* yang sangat mujarab. Mereka tahu, bahawa dari segi ilmu kalam dan falsafah, agama Kristian itu tiada dapat mengatasi hujah-hujah Islām, dan dari itu bersifat lemah sebagai alat bagi melawannya. Namun demikian agama Kristian itu sebenarnya merupakan lambang humanisme Barat dan sedikit-sebanyak berjaya juga mengelirukan orang-orang Islām yang lemah dan kurang ilmu pengetahuan dengan pujukan-pujukan duniawi yang berlandaskan kebendaan. Dari itu maka Umat Islām tetap merasa perlu mengawas-awasinya. Yang dikatakan tadi bahawa penggunaan da'yah agama Kristian sebagai lawan terhadap orang Islām itu merupakan helah yang sangat mujarab, bukanlah yang dimaksudkan itu da'wahnya, akan tetapi kegunaannya sebagai *alat pengacah* Kaum Muslimin—yang dikehendakinya senantiasa menghadapi agama itu supaya tiada sedar akan serangan lain yang lebih hebat, yang dihumbankan dari jurusan lain yang tiada disangka-sangka oleh kita. Sambil Kaum Muslimin giat *menghadapi jurusan* gereja-gereja dan da'wah Kristian maka Kebudayaan Barat mengharu kita dari

pintu belakang menerusi sistem pendidikan dan pelajaran, dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Alat yang kini dipergunakannya bukanlah *agama* akan tetapi *ilmu pengetahuan*. Pada faham umum, ilmu pengetahuan adalah sesuatu yang bersifat tiada menyebelahi pihak manapun. Ilmu pengetahuan kononnya adalah *ilmu pengetahuan*, dan tiada menyebelahi pihak Islām atau kafir, putih atau hitam, kuning atau coklat. Cerdik-pandai bangsa-bangsa Barat tahu bahawa Islām itu merupakan lambang agung ilmu pengetahuan; bahawa agama Islām menyanjung tinggi ilmu dan menyebarkannya ke mana sahaja dia bersebar; bahawa Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, jenuh menggesa Umat Islām supaya menuntut ilmu di mana pun terdapatnya; bahawa orang-orang Islām sangat giat menuntut ilmu sebab menuntutnya itu adalah fardu bagi tiap Muslim lelaki dan perempuan. Maka darihal demikian, andai kata Kebudayaan Barat menda'wa bahawa dialah kini yang mewarisi khazanah ilmu pengetahuan, lantas mempengaruhi dunia dalam hal sahnya penda'waan demikian, maka tentulah pula Umat Islām pun tiada akan lengah berdaya usaha memperoleh ilmu itu daripada Kebudayaan Barat demi memperlengkapi dirinya yang kekurangan. Oleh kerana sifat ilmu itu memang seakan-akan tiada menyebelahi pihak manapun—iaitu bahawa ilmu itu bersikap *neutral* seolah-olah tawar; tiada manis-pahitnya, tiada baik-buruknya, tiada benar-palsunya—maka umat Islām dengan tiada lengah lagi, dan dengan tiada mengendahkan apa-apa perasaan shak wasangka terhadapnya itu, terus sahaja mengarahkan dirinya menyerapi ilmu yang disuguhkan itu. Keadaan ini memang difahami benar oleh Kebudayaan Barat, yang menjadikan ilmu pengetahuan sebagai harapan agungnya bagi menda'yahkan nilai-nilai serta faham dan konsep-konsep kebudayaannya. Siapa yang menyangka bahawa ilmu pengetahuan itu dapat dijadikan *alat yang sangat halus dan tajam* bagi menda'yahkan cara dan pandangan hidup sesuatu kebudayaan! Kita patut tahu, dan sesudah mengetahui patut insaf pula, bahawa ilmu pengetahuan itu *sebenarnya* tiada bersifat neutral; bahawa di antara pelbagai kebudayaan maka masing-masing mempunyai faham tertentu mengenainya—meskipun

kesamaan faham itu juga ada terdapat di antaranya semua. Dan di antara Islām dan Kebudayaan Barat terdapat faham yang berbeza mengenai ilmu, dan perbezaan yang terdapat itu demikian mendalam dan mutlak seakan-akan jurang yang tiada dapat dipertitikan, yang tiada dapat dipertemukan. Al-Qur'ānu'l-Karīm berkali-kali menegaskan perbezaan antara *ilmu* (*al-'ilm*) dan *dugaan* (*ẓann*) atau *tanggapan*, dan *pendapat* atau *rekaan sendiri* (*hawā*) dan hasil *pendapat-pendapat yang cuba untuk menafikan kebenaran sesuatu sehingga menimbulkan shak* (*mirā*). Sungguhpun ilmu atau *al-'ilm* itu memang terdapat dalam dasar fikiran Kebudayaan Barat, akan tetapi dugaan serta rekaan sendiri dan gaya menimbulkan shak terhadap kebenaran, iaitu *ẓann, hawā* dan *mirā* ketiganya merupakan rumusan yang lebih difahamkannya sebagai ilmu. Dalam falsafah mereka, yang membayangkan dasar fikirannya, maka ilmu atau *al-'ilm,* yang diistilahkannya sebagai *epistemē* itu, dicampuradukkan dengan dugaan atau *ẓann* dan yang lain-lain tadi seperti *hawā* dan *mirā*, yang ma'na dan maksudnya semua terangkum dalam istilah-istilah *methōdos* dan *theorīa*. Memang benar bahawa insan itu mempunyai bawaan semulajadi yang membolehkan dia menerima, menyusun dan merumuskan ilmu nescaya dapat memperoleh kebenaran. Sebab inilah dia dita'rifkan sebagai *al-ḥayawān al-nāṭiq*, iaitu 'haiwan yang berakal'. Perkataan *al-nāṭiq* yang terdapat di hujung ayat, yang telah diterjemahkan di sini sebagai 'berakal' itu, sebenarnya berma'na 'mempunyai daya berkata-kata', sebab fikiran itu menyalurkan fahamnya menerusi 'kata-kata' (*al-nuṭq*), yang dengan pengertian lain bermaksud 'bahasa'. Maka 'kata-kata' yang dimaksudkan itu merujuk kepada penyusunan dan tatatertibnya serta penggunaannya dalam membicarakan pemikiran. Dengan inilah maka maksud istilah *al-nāṭiq* itu merujuk kepada akal (*al-'aql*), dan dalam istilah para failasuf Yunani maksud ini difahamkan dengan perkataan *logos*, sedangkan dalam bahasa Latin, yang menjadi bahasa ilmu pengetahuan Barat pada Abad Pertengahan, perkataan dan istilah tersebut diterjemahkannya dengan perkataan *ratiō*. Sebenarnya, terjemahan faham *logos* (Yunani) atau *al-nuṭq* (Islām) ini ke dalam bahasa Latin sebagai *ratio* tiada tepat, dan mengelirukan,

oleh kerana ma'na yang terkandung dalamnya samar serta kabur, sebagaimana terbukti kekeliruannya dalam sejarah pemikiran Barat hingga kini. Nanti di tempat lain akan kubicarakan perkara ini. Memadailah di sini kita mengambil perhatian terhadapnya. Sebagaimana juga *logic* itu timbul dari perkataan *logos*, begitulah *al-manṭiq*, itu timbul dari perkataan *al-nāṭiq*, yang membawa ma'na: 'cara menyemak dan menyusun dengan tertib kata-kata hujah dalam sesuatu pembicaraan mengikut bawaan akliah', dan mempunyai tujuan bagi 'mengemukakan pendapat untuk membuktikan sahnya pendapat yang dikemukakan itu dari segi ilmiah'. 'Pembicaraan' yang dimaksudkan di atas itu dilangsungkan antara dua pihak mengenai soal yang sulit dan rumit, yang menghendaki jawapan yang dapat diterima sebagai sah, dan diistilahkan dalam bahasa Yunani dengan perkataan *dialogos* (dalam bahasa Inggeris *dialogue*, yang telah kita ambil kini sebagai *dialog*), sedangkan para ulama Islām menggunakan istilah *al-kalām* baginya, dan dari itulah maka para ahlinya semua digelar dengan nama *Mutakallimūn*. Akal dan kalbu dan fikiran serta cara-cara berfikir adalah alat-alat diri ruhani bagi menerima, menyimpan, mengekalkan dalam ingatan dan menyemak serta menyusun ilmu mengikut taraf penilaiannya dalam kehidupan diri. Ilmu adalah *suatu proses* atau *gerak-daya memperoleh* pengetahuan dan merujuk kepada *suatu sifat yang berada pada sesuatu (Insan) yang hidup,* yang membolehkan diri yang mengetahui itu mengetahui yang diketahui. Ilmu juga *pengenalan* atau *ma'rifat* terhadap yang dikenali sebagaimana adanya. Pengenalan ini pengenalan yang *yakin* tentang kebenarannya, dan merujuk kepada hikmah. Maka ilmu adalah sesuatu yang meyakinkan dan memahamkan dengan nyata. Mengenali dan mengetahui sesuatu itu adalah mengenali dan mengetahui *sebab-sebab wujud* dan *keadaan sesuatu* yang dikenali dan diketahui. Ilmu adalah *gerak-daya memperoleh* atau *menghasilkan sesuatu* menerusi tilikan akal—iaitu tilikan yang memandang hakikat sesuatu seperti adanya. Ilmu juga *perolehan kalbu* mengenai sesuatu, yang menggambarkan hakikatnya dengan secara tepat dan jernih, baikpun hakikat itu hakikat yang zahir di alam shahadah mahupun yang batin di alam ghaib. Ilmu adalah

penetapan diri atau *kalbu* tentang kebenaran sesuatu sewaktu shak dan ragu-ragu timbul mengenainya. Ilmu itu *kepercayaan yang teguh* dan *tiada berubah* di dalam kalbu. Ilmu adalah suatu *gerak-daya ke arah penjelasan, penetapan* dan *penentuan*. Ilmu itu *pengikraran* terhadap kebenaran. Ilmu itu *i'tiqad* mengenai hakikat sesuatu seperti adanya. Ilmu mengakibatkan *ketenteraman diri*. Ilmu itu merupakan *peringatan, gambaran akal, renungan, pandangan batin*. Ilmu adalah suatu sifat yang *menghapuskan kejahilan, shak* dan *dugaan*. Ilmu itu *kenyataan sesuatu* dari pihak dirinya sendiri. Ilmu itu *cahaya* yang diletakkan oleh Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, dalam kalbu. Ilmu itu *gambaran rupa-batin, faham* atau *ma'na* dalam fikiran, dan *gerak-daya yang membentuk* perkara-perkara tersebut itu. Ilmu itu perkara dalaman, bukan perkara luaran diri. Ilmu adalah *pengetahuan atau pengenalan yang tetap yang menafikan kemungkinan* pengetahuan dan pengenalan *sebaliknya*. Ilmu adalah *rahsia* yang diselipkan ke dalam diri dan *menetap* di situ, dan ilmu itulah yang *menjadi hasrat* dan kehendak diri. Cukuplah bagi kita kini untuk memahami bahawa ilmu menurut faham Islām itu dapat dibahagikan kepada dua perkara yang jelas; yang satu merujuk kepada *pengenalan* dan yang satu lagi kepada *pengetahuan*. Pengenalan berkisar dalam rangka diri yang hidup, dan berlaku terhadap diri itu berhadapan dengan diri-diri lain, yang juga hidup, *dan berdaya menyampaikan pengetahuan mengenai dirinya* kepada yang ingin mengenalnya, *menerusi kata-kata atau cara lain yang menjelaskan perkara yang hendak diberitahukan* olehnya. Pengenalan hanya dapat berlaku antara diri masing-masing yang *telah lama berhubung rapat* satu sama lain; dan hal ini berdasarkan *kepercayaan amanah* serta *keinginan agar difahami* oleh pihak diri yang memberitahu mengenai halnya sendiri terhadap diri yang ingin mengenalnya. Ibaratnya seperti seorang yang tahu akan seorang lain; tahu akan rupa bentuknya, rumah kediamannya, tempat kerjanya, jenis pekerjaannya dan sebagainya ini. Maka takat ini sahaja belum lagi orang itu dapat dikatakan sebagai seorang yang mengenali orang lain itu; dan meskipun dia memerhati dan menyelidik lebih lanjut hal orang lain itu dari yang lain pula, sehingga

menambahkan butir-butir keterangan yang sudah ada padanya mengenai orang lain itu seperti: berapa orang keluarganya, berapa umurnya, berapa gajinya, dan apa namanya, dan lain-lain keterangan perihal sebagainya, maka belum jugalah dapat orang itu dikatakan sebagai yang *mengenali* orang lain itu melainkan sesudah dapat dia *berhubung langsung* dengannya, dan *menjadi taulan* kepadanya, dan dengan lambat-laun, akibat *mesra* persahabatannya, mendapat banyak lagi butir-butir keterangan mengenai diri orang itu serta sikapnya terhadap keadaan hidup sekelilingnya. Kita juga sedia tahu bahawa bagaimanapun rapatnya seseorang itu dengan orang yang dikenalinya, dan bagaimanapun akrabnya keadaan yang merapatkan seseorang itu dengan yang dikenalinya—seperti antara seorang dengan sahabatnya, dengan sanak-saudaranya, dengan anak-isterinya, dengan ayah-bundanya, dengan kekasihnya—maka akan senantiasa ada sahaja butir-butir keterangan atau pengetahuan mengenai diri yang dikenali yang tiada akan dapat dicapai oleh seseorang itu melainkan dia diberitahu tentangnya oleh yang dikenalinya jua, dan yang dikenali pun tiada dapat memberikan kenyataan mengenai dirinya sendiri melainkan apa yang diketahui olehnya, kerana bahawasanya dia pun tiada benar-benar kenal akan dirinya sendiri. Bahawasanya sesungguhnya tiap-tiap diri seseorang itu umpama sebuah pulau yang terpencil sebatang kara di tengah lautan yang mahadalam, yang senantiasa diselubungi kegelitaan yang mahadahshat, dan kesunyian yang dialami oleh diri itu sedemikian mutlaknya justeru sehingga mengenai diri itu sendiripun tiada juga dapat dia mengenal dirinya dengan sepenuh lengkapnya. Maka ilmu yang dinisbatkan sebagai 'pengenalan' itu sebenarnya adalah ilmu yang *diberikan* oleh yang dikenali kepada yang mengenali, dan nilai dan banyak atau sedikitnya ilmu itu tergantung kepada nilai *pemberiannya* dan *penerimaannya* oleh pihak yang berkenaan. Walau sekalipun segala jenis haiwan dan pohonan serta tumbuh-tumbuhan itu dinisbatkan sebagai hidup, namun pengenalan kita terhadapnya itu samar-samar jua, dan ini disebabkan oleh tiadanya alat perhubungan yang jelas pada 'diri' mereka yang membolehkan mereka berhubung dengan manusia dengan secara jelas.

Kenyataan ini menjelaskan lagi bahawa ilmu yang disebut sebagai 'pengenalan' itu lebih sempurna sifatnya dalam rangka perhubungan *sejenis*, sebab yang dihubungkan itu adalah kenyataan, atau pengetahuan, atau butir-butir keterangan peribadi yang hanya dapat difahami dan dinilai oleh diri sejenis; dan kefahaman serta penilaian itupun dapat diperoleh berdasarkan pengalaman kehidupan sejenis. Ilmu yang dinisbatkan sebagai 'pengenalan' itu, memandangkan sifatnya sepertimana yang telah dihuraikan, tentulah merujuk serta mempunyai pertalian yang erat dengan akhlak dan budipekerti. Maka dari itu pula nilai kebenaran yang ada padanya haruslah lebih sempurna dan lebih memuaskan daripada nilai kebenaran yang ada pada ilmu pengetahuan umumnya. Takat sini perlu rasanya kita ingati bahawa penghuraian mengenai pengenalan ini berkisar dalam ruang penggunaan biasa sehari-hari di antara sesama manusia, sebagaimana juga jelas dalam penggunaan istilah 'kenal' dalam bahasa Melayu berbanding dengan istilah 'tahu'. Penghuraian ini haruslah kita anggap semata-mata sebagai peribaratan, sebagai perkiasan, mengenai Ilmu yang Utama, ilmu yang sebenarnya mensifatkan bawaan semulajadi insan, kerana ilmu seperti ini adalah pemberian Allāh Yang Mahasuci dan Mahamurni. Yang dimaksudkan dengan pengenalan itu adalah ilmu yang sedia semulajadi dengan Insan; yang merujuk dengan secara langsung kepada *akal* dan *kalbu* yang merupakan *intisari diri* seseorang. Ilmu ini ilmu yang mendatang sebagai ilham dan kashaf (*al-kashf*), iaitu penyataan, penerangan, pembukaan rahsia mengenai hakikat yang tadinya terselubung dalam kesamaran dan kegelapan, dan yang tadinya tertutup dari penglihatan akal dan kalbu. Ilmu ini merujuk kepada hakikat kebenaran, kepada keyakinan dan dari itulah maka dia bersabit dengan akhlak dan budipekerti. Oleh kerana pertaliannya yang erat dengan akhlak dan budipekerti maka ilmu yang difahamkan sebagai pengenalan ini haruslah memimpin diri insan dalam kehidupannya bersabit dengan ilmu-ilmu lain yang merupakan ilmu pengetahuan. Maka sebagaimana juga seseorang, sekiranya ingin dia mengenali seorang lain itu, harus mendekatinya, dan dalam mendekatinya pula harus dia berpandukan adab-tertib serta sopan-santun yang

berhiaskan akhlak dan budipekerti yang direlai oleh yang hendak dikenalinya, begitulah juga dan lebih lagi dengan Tuhannya Yang Mahalengkap—maka wajiblah dia mengamalkan adab-tertib dan sopan-santun yang berhiaskan akhlak dan budipekerti yang luhur yang direlai Tuhannya, iaitu amal ibadat yang telah ditetapkan oleh shariat. Ilmu pengenalan, sebagaimana dirumuskan dengan ringkas di sini, merupakan Ilmu yang Utama, dan kemuncaknya adalah pengenalan diri, sebab 'barangsiapa mengenal dirinya, maka sanya ia mengenal Tuhannya.' Dengan ini bukanlah dimaksudkan bahawa dirinya itu Tuhannya, akan tetapi sebagai peribaratan kepada *pengenalan* dirinya itu membawa kepada *pengenalan* Tuhannya, kerana dirinya itu yang asali memang sudah mengenali Tuhannya maka dapat dia mengakui KetuhananNya, seperti ternyata dengan penyaksiannya sendiri menjawab 'Ya' (بلى) pada Tuhannya yang berfirman: 'Bukankah Aku Tuhanmu sekalian?' (ألست بربكم). Mengenai pengetahuan pula, kita tahu bahawa ilmu yang disebut 'pengetahuan' itu tahu tentang benda atau butir-butir keterangan mengenai *benda* dan bukan *diri*. Oleh kerana benda bukan sesuatu yang hidup seperti diri (insan) maka tiada dia dapat berhubung dengan kata-kata atau cara lain yang dapat menjelaskan hakikatnya kepada diri yang ingin mengetahuinya. Maka diri yang ingin tahu itu haruslah melakukan pemerhatian dan penelitian dan pengkajian terhadap benda yang hendak diketahuinya itu. Dari segi umum dan memandang dengan pandangan kasar, maka ilmu pengetahuan adalah ilmu yang senantiasa tiada lengkap, senantiasa terbatas pada saat pengetahuannya, dan hanya memuaskan untuk masa tertentu dalam kehidupan diri. Faham 'tiada lengkap' dan 'senantiasa terbatas' yang disebut di atas itu bernisbah kepada hakikat yang dicari: sedangkan walaupun pengenalan juga tiada lengkap dan senantiasa terbatas, namun tiada lengkapnya itu dilengkapkan atau disempurnakan oleh *kepercayaan*, atau *Īmān*, dan senantiasa terbatasnya itu dibebaskan oleh *kashaf.* Tujuan ilmu pengetahuan, setakat dia itu ilmu pengetahuan belaka, bukanlah sesungguhnya bagi mencari *hakikat*, akan tetapi bagi mencari *kegunaan* untuk kehidupan, bagi memahami *ma'na* sesuatu, dan dengan demikian maka dia itu alat jua, dan nilaian

kegunaannya dan ma'nanya haruslah terletak pada ilmu pengenalan, ilmu yang memandu diri ke arah tujuan akhirnya, iaitu ke arah kesejahteraannya.

§18 Dalam perbincangan ringkas mengenai ilmu ini telah kucuba menyatakan perbezaan yang terdapat antara pengenalan dan pengetahuan, dan telah kunyatakan bahawa dalam Islām perbezaan ini nyata dengan ertikata ada bahagian ilmu yang merujuk kepada *hakikat ruhaniah* dan ilmu-ilmu yang merujuk kepada *kegunaan duniawi*; dan bahawa ilmu hakikat ruhaniah itu, termasuk pengenalan diri, adalah lebih utama bagi kita kerana dia membimbing kita ke arah kesempurnaan sebagai manusia; dan bahawa ilmu pengetahuan itu adalah kegunaan yang dapat membantu kita mencapai kesempurnaan, asalkan sahaja dia senantiasa dikawal, dinilai dan diarah oleh ilmu pengenalan. Maka perlu pula ditunjukkan bahawa antara ilmu pengenalan dan ilmu pengetahuan itu ada juga ilmu yang merupakan ramuan kedua-dua ilmu pengenalan dan pengetahuan. Ilmu ini suatu ilmu yang *memperkenalkan* kepada diri *batas kegunaan* serta *had ma'nawi* pengetahuan diri itu terhadap sesuatu perkara atau hal yang diketahui olehnya. Sebab menuntut ilmu pengetahuan, jikalau tiada dihadkan pada suatu batas kegunaan serta kefahaman dengan berpandukan tujuan akhir tuntutan itu sebagaimana dijelaskan oleh ilmu pengenalan, akan senantiasa terus-menerus menjadi kabur serta mengakibatkan kekeliruan yang membawa bibit shak dan waswas. Maka ilmu yang disebut sebagai merupakan titian yang menghubungkan ilmu pengenalan dan ilmu pengetahuan, itulah yang mengenalkan batas kegunaan serta had ma'nawi tuntutan sesuatu bidang pengetahuan, dan ilmu ini kita gelar *hikmah*, yang mematuhkan jejak-langkah ilmiah kita ke Jalan yang Benar. Hikmah adalah ilmu yang dikurniakan oleh Tuhan kepada hambaNya yang terpilih. Dia merupakan daya pertimbangan yang saksama, dia adalah satu kenyataan keadilan; dan ini berma'na bahawa dalam menuntut ilmu pun kita harus mengenakan keadilan terhadapnya—iaitu meletakkan ilmu yang dituntut itu pada tempatnya yang wajar—kerana dengan demikian sahajalah baharu dapat kita ini dianggap adil terhadap diri sendiri.

§19 Maka ilmu itu satu kesatuan jua dan mempunyai dua kenyataan yang menjelaskan sifat dan tujuannya. Yang pertama adalah ilmu pengenalan, yang perolehannya berdasar kepada tanzil dan wahyu dan sunnah; dan pemerhatian yang meneliti oleh kalbu (diri); dan ilham dan ma'rifat dan kashaf dan mushahadah; dan gerak-daya akliah. Yang kedua adalah ilmu pengetahuan, yang perolehannya berdasar kepada gerak-daya akliah; dan pemerhatian yang meneliti oleh kalbu dan pengalaman. Renungan yang meneliti, atau mushahadah, juga dapat dinisbahkan kepada ilmu pengetahuan. Ilmu pengenalan, meskipun bergantung kepada ilmu pengetahuan pada peringkat permulaannya, merujuk kepada kefahaman *bentuk batin* hakikat ruhaniah; kepada kefahaman dasar-dasar ilmiah yang jelas, tiada memerlukan bukti-bukti bagi mengesahkannya. Ilmu pengetahuan merujuk kepada *isi*, atau *kandungan* ma'lumat yang diperoleh akibat pengalaman dan renungan. Ilmu pengetahuan juga dapat disebut sebagai mengandung dua bahagian: yang satu merujuk kepada hakikat ruhaniah dan dengan itu menyabitkan pihaknya kepada ilmu pengenalan; dan yang satu lagi merujuk kepada benda dan kenyataan alam sekeliling serta pengalaman yang diperoleh daripada pertalian antara alam sekeliling itu dengan diri yang mengalami. Oleh sebab ilmu itu merangkumi tujuan yang meliputi kefahaman serta pengenalan ma'lumatnya dan erti atau ma'na sekalian ma'lumat itu dalam rangka kehidupan diri, maka akal yang merupakan seolah-olah *penglihatan* bagi kalbu itupun mempunyai dua tujuan yang meliputi *rencana-dasar* dan amalan. Rencana-dasar menimbulkan faham dan merencanakan hubungan hakiki yang terdapat antara alam jasmani dengan alam ruhani; antara yang khusus dengan yang umum; antara yang berlipat-ganda dengan yang bersatu; antara alam yang nyata dengan alam yang ghaib. Inilah juga yang merupakan kemuncak kashaf yang disebut tadi. Amalan yang ditimbulkan oleh akal ini adalah amalan akhlak dan budipekerti yang dengan berpandukan rencana-dasar itulah maka baharu mendapat taraf keluhurannya. Dalam Islām semua ilmu harus memimpin dan memandu ke arah keinsafan hakikat KetuhananNya yang Tunggal dan keyakinan terhadapNya serta

kerelaan beramal-ibadat untukNya. Dikatakan 'harus' sebab bukan semua ilmu itu baik; ada yang baik, ada yang diperkenan, ada yang tiada baik, ada yang tiada berguna, ada juga yang bukan ilmu, meskipun dikelirukan dengan ilmu. 'Ilmu' sihir dan guna-guna, misalnya, tiada baik dan dilarang oleh Islām kerana membawa mudarat. Ilmu sastera, jikalau hanya bertumpu kepada puisi atau sajak atau novel dan cerita pendek yang tiada mengandung nilai akhlakiah serta akliah, sesungguhnya tiada berguna. Untuk ilmu itu menjadi ilmu yang baik dan diperkenan maka haruslah dia mengandung isi yang luhur nilainya, yang merujuk kepada hakikat agama dan Tuhan; haruslah dia memandu dengan tepat ke arah pencapaian budipekerti dan akhlak yang luhur; haruslah dia tiada mengelirukan atau menimbulkan shak dan waswas, dan haruslah dia menganjurkan—dan bukan menghalang—amal ibadat hamba terhadap Tuhan Yang Sebenarnya. Ada kalanya ilmu-ilmu itu memerbahayakan bagi yang menuntutnya kerana yang menuntutnya jahil, atau belum cukup dewasa akal dan kalbunya—meskipun pada hakikatnya ilmu yang dituntut itu berguna, sebagaimana juga api itu berguna akan tetapi memerbahayakan bagi seorang kanak-kanak yang boleh menyalahgunakannya hingga membinasakan bukan sahaja dirinya, bahkan yang lain-lain lagi di sekelilingnya. Maka dari itu Islām telah membahagikan tugas menuntut ilmu—yang memang difardukan—kepada yang *fardu ain* dan yang *fardu kifayah*, iaitu yang diwajibkan bagi tiap seseorang diri, dan yang diwajibkan bagi sebahagian sahaja orang dan bukan bagi tiap seorang diri dalam masharakat. Yang menentukan ilmu apa yang patut dituntut sebagai fardu kifayah itu adalah kegunaannya bagi maslahat masharakat, dan kegunaannya itu harus senantiasa berpandukan tujuan akhir insan mencapai kesejahteraan hakiki, iaitu pembebasan dan penyucian dirinya dari belenggu kezaliman dan dangkal hawa-nafsu haiwaniah serta sifat-sifat yang digelar shaitaniah seperti hasad, dengki, takbur, benci, tipu helah, durja dan sebagainya. Kepada diri yang benar-benar berilmu, diri yang mendapat hikmah dan dianugerahi petunjuk Ilahi, maka menjadi mungkin bahawa ilmu yang fardu kifayah kepada orang lain itu

akan dituntut dan diamalkan olehnya sebagai fardu ain. Maka nyatalah bahawa keadaan ilmu fardu ain itu tiada statik; ia bertambah menyesuaikan keperluannya mengikut penambahan ilmu dalam kehidupan diri dari keadaan kanak-kanak hingga keadaan dewasa.

§20 Demikianlah, dengan ringkasnya penjelasan mengenai unsur-unsur penting faham ilmu dalam Islām. Dari awal hingga ke akhir penghuraian mengenai faham Islām terhadap ilmu itu, kita lihat betapa kerapnya, betapa mesranya, betapa mutlaknya, hubungan yang sedia ada antara ilmu dengan diri, dengan agama, dengan masharakat, dengan negara, dengan hikmah, dengan keadilan, dengan akhlak dan budipekerti sehingga tiada dapat dia dipisahkan daripadanya semua. Di sisi Islām maka ilmu, jikalau tiada bersabit dengan mengenal diri, mematuhi ajaran agama, menyempurnakan masharakat, membimbing negara, menyatakan hikmah, menegakkan keadilan, mengukuhkan akhlak dan budipekerti—hanyalah sia-sia belaka; di sisi Islām seseorang itu tiada dapat dikatakan berilmu, atau alim, jikalau tiada ia membayangkan dalam dirinya kesan ilmu itu pada seluruh segi kehidupannya sebagaimana dijelaskan di atas. Sekalipun seseorang itu pandai dan handal dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan, maka jikalau tiada dia mengenal diri, tiada mengamalkan ajaran agama dan tiada berakhlak dan budipekerti yang tinggi nilainya maka sia-sialah ilmunya itu, dan orang itu bukan berilmu; dia telah membohongi dirinya dan dengan demikian telah menyesatkan dan menzalimi diri sendiri. Berbanding dengan Islām Kebudayaan Barat tiada menjelaskan perkaitan antara ilmu dan diri dan agama dan hikmah dan keadilan dan akhlak dan budipekerti. Ilmu itu dianggapnya sebagai perkara akliah belaka, dan tiada bersabit dengan akhlak. Maka dari itu tiada dijelaskan olehnya tentang menuntut ilmu itu yang manakah fardu ain dan yang mana fardu kifayah, hingga pintu menuntut ilmu pengetahuan itu dibukanya luas-luas untuk sesiapa sahaja, tiada memandangkan taraf ilmu pengenalan yang telah dicapai oleh si penuntut, akan tetapi masing-masing dibiarkan merangkum-rambang apa sahaja yang hendak

dituntutnya. Lagi pula, hakikat ilmu yang kita sebut sebagai ilmu pengenalan itu tiada disahkan atau diterima oleh Kebudayaan Barat sehingga soal akhlak dan budipekerti pun tiada disabitkannya dengan Perjanjian Asali *diri* dengan Tuhan, akan tetapi dengan perjanjian *orang perseorangan* dengan *masharakat* dan *negara* belaka. Faham *diri* itupun menjadi berlainan antara Islām dan Kebudayaan Barat: bagi Islām *diri* memaksudkan hakikat ruhaniahnya, sedangkan bagi Kebudayaan Barat diri itu memaksudkan hakikat jasmaniahnya; dan kepada hakikat jasmaniah inilah jua dirujukkannya faham humanisme yang menuntut keutamaan serta kebebasan insan dalam kehidupan duniawi. Telah dinyatakan tadi bahawa Islām mewajibkan kita menuntut ilmu, dan dijelaskan bahawa ilmu yang dimaksudkan itu dapat ditinjau dari segi dua bahagian: yang satu ilmu pengenalan, iaitu ilmu hakikat ruhaniah yang merujuk kepada Tuhan dan diri, Ilmu yang sebenarnya; dan yang satu lagi ilmu pengetahuan, iaitu ilmu pencapaian akal yang merujuk kepada segala perkara, hal, benda dan sesuatu dengan maksud *mengerjakan* atau mengamal dan menggunakan ilmu itu bagi mencapai hasil kegunaannya, baikpun bagi diri ruhaniah mahupun bagi diri jasmaniah. Ilmu pengenalan termasuk ilmu yang wajib dituntut oleh *semua* orang Islām yang sudah baligh dewasa dan waras akal fikirannya, iaitu menuntut ilmu ini adalah fardu ain. Ilmu pengetahuan termasuk ilmu yang wajib dituntut oleh *sebahagian sahaja* orang Islām yang telah memadai sharat-sharat menuntutnya, dan menuntut ilmu ini adalah fardu kifayah. Menuntut ilmu yang fardu kifayah ini bergantung kepada darjat tabiat serta daya kebolehan diri yang telah menunaikan sharat-sharat serta pencapaian ilmu fardu ain, dan kepada kehendak zaman dan keadaan bagi maslahat umat. Dengan 'maslahat umat' dimaksudkan *giliran keutamaan* bagi kegunaan yang diperlukan pada tiap sesuatu ketika dalam kehidupan umat, kerana bukan semua ilmu dipandang sama giliran keutamaannya; ada yang terutama, ada yang utama, ada yang boleh ditangguhkan, ada yang tiada penting, ada yang tiada berguna langsung. Maka dengan demikian nyatalah bahawa umat Islām dikehendaki supaya insaf waspada akan kepentingan masharakatnya

merancangkan penuntutan ilmu itu dengan secara teratur serta disedari tujuannya, menerusi sistem pendidikan dan pelajaran yang mengikut corak-kandungan kehendaknya sendiri, bukan yang dipaksakan kepadanya oleh kebudayaan asing, atau yang bertokok-tambah serta bertolak-ansur seperti yang berlaku kini. Oleh sebab sifat ilmu pengetahuan itu, sebagaimana telah disebut tadi di perenggan 17, tiada neutral, maka jikalau dibiarkan sahaja dia diadun serta disuguhkan kepada kita oleh jiwa serta fikiran dan kebudayaan yang asing pada Islām, sanya sudah tentu akan terjamin bagi kita penyesatan kaum kita Muslimin. Janganlah hendaknya kau fikir—wahai saudaraku Muslimin—bahawa sekarang ini kononnya dengan tersingkirnya ciri-ciri zahiriah kolonialisme Kebudayaan Barat, pemimpin-pemimpin kita yang Islām yang telah kita amanahkan untuk menjalankan tugas membimbing masharakat kita itu, memang benar-benar menunaikan tugas mereka dengan secara yang tiada berlawanan dengan Islām. Kau harus insaf bahawa kebanyakan mereka itu mewarisi ilmu serta cara berfikir kolonial yang jahil terhadap Islām. Mereka belum lagi berhasil menunaikan sharat-sharat serta pencapaian ilmu yang fardu ain di sisi Islām, dan boleh dikatakan langsung sunyi daripada ilmu pengetahuan Islām yang harus dianggap sebagai ilmu fardu kifayah yang terutama bagi mereka, maka betapakah dapat mereka itu menghindarkan diri dan masharakatnya daripada terpesong ke jalan yang sesat! Dalam bidang ilmu pengetahuan yang merujuk kepada pendidikan dan pelajaran, pemimpin-pemimpin kita yang bertanggungjawab mengenainya tiada sedar bahawa banyak yang diajarkan di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi itu bukanlah sesungguhnya ilmu pengetahuan, akan tetapi ilmu yang batil yang berselaputkan dugaan yang mensia-siakan masa dan mengelirukan fikiran dan diri penuntutnya. Dan keadaan ini jikalau dibiarkan sahaja justeru akan membanyakkan serta mengekalkan adanya orang dan pemimpin yang keliru dalam masharakat kita yang akan menjerumuskan kita lebih dalam lagi ke dalam jurang kesesatan. Ilmu pengetahuan itu tiada neutral sifatnya; ada yang baik seperti ilmu perubatan dan ilmu-ilmu pertukangan dan sains dan ilmu hisab dan aljabar dan sebagainya.

Ilmu-ilmu sains dan hisab mengandung bibit-bibit kekeliruan pada dasar falsafahnya, dan dari itu patut diajarkan tanpa merujuk kepada masalah-masalah falsafah, sebab itu tiada penting bagi Islām. Begitu jugalah halnya dengan ilmu-ilmu kemanusiaan dan kemasharakatan, dan begitulah juga patut diselenggarakan cara mengajarkannya itu masing-masing. Semua ilmu pengetahuan harus diajarkan berdasar kepada, dan sesuai dengan cara serta tujuan ilmu pengenalan Islām apabila penuntutnya terdiri kebanyakannya daripada bilangan umat Islām, dan haruslah disharatkan sebagai yang utama bagi semua penuntutnya supaya menunaikan pencapaian ilmu fardu ain *terlebih dahulu sebelum* menuntut ilmu fardu kifayah. Mungkin ada yang mengatakan bahawa memang yang demikian itu sudah diselenggarakan; bahawa semua Muslimin penuntut ilmu fardu kifayah sudah mencapai ilmu fardu ain sebelumnya. Maka jawabnya ialah bahawa perkataan demikian itu tiada benar; cara mengajarkan serta kandungan pelajaran ilmu fardu ain itu kini sangat menyesalkan, dan pengajar-pengajarnya itu sendiri bersifat kekurangan dalam ilmu yang diajarkannya itu sehingga Kaum kita mudah dikelirukan dan digoncangkan iman dan keyakinannya. Tambahan pula ibu bapa kebanyakan Kaum kita Muslimin tiada membayangkan dengan amalan taraf tinggi kefahaman serta pengenalan ilmu fardu ain itu bagi pihak diri mereka sendiri sehingga tiada mungkin dapat memberi tauladan yang baik dan petunjuk yang benar kepada anak-anaknya. Maka sesungguhnyalah benar bahawa keadaan Islām kita dewasa ini hanyalah sekadar memahami sedikit serta setakat mengamalkan sedikit daripada perbendaharaan Islām itu, dan taraf keagamaan kebanyakan kita ini adalah taraf Muslim yang paling rendah yang perlu sangat dipertinggikan nescaya dapat menghasilkan bagi diri tiap seseorang kita ini Muslim yang sejati. Dan Muslim yang sejati itu ialah orang yang telah mencapai darjat *keyakinan* tentang yang diimankannya itu sedemikian teguhnya sehingga tiada terdapat dan tiada *akan* terdapat sebarang sesuatupun dalam daya manusia dan gaya dunia yang boleh menggetarkannya—sekalipun dia tinggal seorang diri sebatang kara dalam dunia yang telah menjadi kafir merata, maka keadaan seperti itu pun tiada

akan menggetarkan keteguhan iman dan keyakinannya. Kebanyakan masharakat dunia kini mengikut faham dan cara Kebudayaan Barat dalam soal ilmu pengetahuan dan pembahagiannya kepada pelbagai bidang serta juga penuntutannya dan rencana penyebarannya. Dan faham serta cara Kebudayaan Barat mengenai ilmu pengetahuan ini sesungguhnya tiada memadai kehendak diri, sebab menda'yahkan sifat bawaan Kebudayaan Barat dan tiada sesuai bagi kita, dan dari itu harus kita gugat serta tolak sambil kita semak semula dengan teliti demi tujuan membolehkan kita merencanakan faham dan cara sendiri yang memadai bagi kita dengan tiada menyalahi dasar ilmu serta kehidupan yang Islām. Janganlah hendaknya kita berikut-ikutan sahaja dalam memahami dan mencarakan kehidupan meskipun faham dan caranya itu menjadi anutan kebanyakan manusia di dunia, kerana kenyataan Al-Qur'ānu'l-Karīm menegaskan bahawa:

و إن تطع أكثر من في الأرض يضلّوك عن سبيل الله

إن يتّبعون إلا الظنّ و انْ هم إلا يخرصون

(سورة الأنعام: ١١٦)

Andai kata kau mengikut yang kebanyakan yang dalam
dunia, mereka akan menyesatkan kamu dari Jalan Allāh.
Tiada lain yang mereka tuturi melainkan dugaan jua: tiada
lain yang mereka buat melainkan mereka kepalsuan.
(*Sūrah al-An'ām*: Ayat 116)

Dan lagi

... ولكنّ أكثر الناس لا يعلمون؛ يعلمون ظاهرا من الحياة الدنيا

و هم عن الآخرة هم غافلون

(سورة الروم: ٦ - ٧)

...akan tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahui.
Mereka hanya mengetahui yang zahir belaka peri kehidupan
dunia, akan tetapi mengenai Tujuan Akhir
segala-galanya mereka abai-lupakan.
(*Sūrah al-Rūm*: Ayat 6 - 7)

§21 Dari perenggan 12 hingga ke perenggan 20 di atas telah kucuba membuat perbandingan-perbandingan antara Islām dan Kebudayaan Barat dalam perkara-perkara asasi mengenai sikap serta faham kehidupan masing-masing, yang merujuk kepada soal-soal pokok seperti faham Ketuhanan, tujuan hidup, faham kesejahteraan duniawi, sikap terhadap agama, faham ilmu dan tujuan mencapai ilmu pengetahuan, faham keadilan serta faham-faham akhlak dan budipekerti dan yang berkaitan dengannya semua seperti tugas dan tanggungjawab diri. Sebelum membicarakan masalah-masalah lain yang meliputi masharakat kita maka perlu pula dihuraikan satu lagi perkara demi memperjelas perbezaan dalam memperbandingkan faham-faham Islām dengan Kebudayaan Barat, iaitu mengenai faham *kebudayaan*. Dalam faham yang umum diketahui serta biasa diajarkan di kalangan para penuntut ilmu kaji manusia dan kaji masharakat ma'na yang terkandung dalam istilah *kebudayaan* itu merujuk kepada segala *hasil ciptaan insan* dalam usaha menyesuaikan dirinya menghadapi keadaan alam sekeliling. Erti yang dimaksudkan dalam faham 'segala hasil ciptaan insan' itu pula telah mereka kelirukan dengan memasukkan faham *agama* sebagai *sebahagian* dari kebudayaan. Mungkin pendapat mereka itu dapat dipertahankannya, asalkan dia dirujukkan kepada 'agama' mereka sendiri, sebab berdasarkan sejarah keagamaan memang tampak jelas bahawa ada yang disebut sebagai 'agama' yang sebenarnya merupakan kebudayaan. Kita harus tolak faham mereka itu mengenai agama dengan menyatakan bahawa *intisari* agama itu bukanlah keagamaan, akan tetapi bahawa yang menjadi hakikat agama itu adalah yang menjadikan insan itu seperti adanya: bahawa agama itu semulajadi dengan insan dan bukan hasil renungannya—bahkan segala dayaciptanya dan hasil renungannya itulah yang sebenarnya ditimbulkan oleh bawaan

diri semulajadinya itu. Maka dengan pengertian ini faham agama yang bernisbah kepada kebudayaan seperti yang biasa difahamkan dalam pengalaman Kebudayaan Barat itu tiada pula dapat dikenakan kepada agama Islām, sebab Islām—berbeza dari yang lain yang sesungguhnya merupakan keagamaan belaka—bukan *hasil renungan* atau *teori*, bukan *hasil agung dayacipta insan* sebagaimana kebudayaan itu hasil usaha dan *dayacipta*nya dalam tindakan menyesuaikan dirinya menghadapi keadaan alam sekeliling. Islām adalah agama dalam erti kata yang sebenarnya, iaitu agama yang ditanzilkan oleh Allāh Yang Mahasuci lagi Mahamurni dengan perantaraan wahyu menerusi PesuruhNya yang Terpilih, dan dasar-dasar akidahnya dinyatakan dalam Kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm, dan amalan-amalannya dicarakan dalam Sunnah NabiNya yang Agung itu. Dipandang sebagai suatu peristiwa sejarah pun maka Islām itulah yang mengakibatkan timbulnya *kebudayaan* Islām, dan bukan sebaliknya: bukanlah sesuatu kebudayaan itu yang mengakibatkan timbulnya agama Islām. Orang dan masharakat yang Islām itu adalah orang dan masharakat yang mengenakan pengaruh *keislaman* ke atas segala bidang kehidupannya, dan hasil pengaruh serta dayacipta keislaman inilah yang difahamkan sebagai *kebudayaan Islām*. Islām itu membawa faham agama yang merupakan kemuncak segala kemurnian faham keagamaan dalam sejarah kehidupan insan. Islām membawa Kebenaran dan membasmi kepalsuan dan kebatilan; Islām membebaskan diri ruhani dari belenggu kejahilan, kekeliruan, kekarutan dan kesesatan yang semuanya mengukuhkan kezaliman terhadap diri; maka berikut pula bahawa Islām membawa keadilan, dan faham keadilan itu berpunca kepada diri dan seterusnya kepada masharakat; Islām itu adalah Lambang Agung Ilmu, dan ilmu itu merujuk kepada peranan akal terhadap pengenalan diri serta pengetahuan alam semesta, dan menjadi dasar keadilan. Faham keadilan yang berdasar kepada ilmu dan akal dan diri dan kebenaran dan Tuhan Yang Hak yang ditegaskan oleh Islām itu juga mencarakan dengan mutlak sifat hukum dan undang-undang serta akhlak dan budipekerti yang menjadi keistimewaan Islām. Oleh sebab Islām itu juga merupakan agama akhlakiah yang

kewibawaannya merangkumi segala bahagian kehidupan diri dan masharakat, baikpun kehidupan itu yang ruhani mahupun yang jasmani, maka pengaruhnya terhadap orang serta kebudayaan Islām itu menyerapi seluruh faham kehidupannya.

§22 Insan telah dilahirkan ke dalam suatu keadaan semulajadi, dan keadaan ini kita gelar keadaan sekeliling. Maka keadaan sekeliling ini meliputi semesta alam kehidupan kita dan tampak zahir kepada pandangan umum sebagai terbahagi kepada dua bahagian yang jelas: iaitu yang bersifat hayati dan yang tiada bersifat hayati. Dari kerana insan telah dikurniai serta dianugerahi oleh Yang menjadikannya dengan suatu sifat, suatu hakikat, suatu diri yang bersifat akliah dan bawaan diri yang berdayacipta, maka dia telah juga sanggup merobah dan mereka semula keadaan alam sekeliling demi kegunaannya, serta mencipta keadaan baru baginya demi hasrat menyesuaikan diri dengan alam sekeliling itu. Sungguhpun jenis haiwan yang lain serta binatang-binatang dan makhluk yang bersifat hayati itu semua juga merobah dan, sebanyak-sedikit, mereka semula keadaan alam sekeliling semulajadi yang menghadapinya namun tiada pula dapat daya serta kesanggupan dan kebolehannya itu diperbandingkan dengan darjat daya kesanggupan serta dayacipta insan. Maka insan menimbulkan suatu keadaan lain yang baru ke dalam keadaan alam semulajadi yang terbahagi kepada yang bersifat hayati dan yang tiada bersifat hayati itu, dan keadaan lain yang baru ini adalah hasil tenaga dayacipta yang timbul dari perasaan dan fikirannya. Jumlah hasil tenaga dayacipta insan inilah, yang meliputi segala benda dan perkara yang tiada semulajadi termasuk rumah dan bangunan-bangunan lain, pelbagai jenis senjata dan alat pertanian dan pertukangan dan kenderaan, perkakas rumah tangga dan sebagainya, dan ilmu pengetahuan dan falsafah dan seni dan yang sepertinya semua— inilah kebudayaan. Maka kebudayaan itu adalah *jumlah segala hasil dayacipta insan* serta *cara-cara menyesuaikan dirinya dengan keadaan dan kehidupannya.*

§23 Tinjauan yang ringkas terhadap sifat kebudayaan mengikut pengertian yang tertera di atas menjelaskan dengan secara kasar bahawa kebudayaan terbahagi pula kepada dua bahagian yang nyata: yang bersifat benda dan yang tiada bersifat benda. Hubungan dayacipta antara yang satu dengan yang lain itu adalah rapat kerana nisbah antaranya itu nisbah saling mempengaruhi, meskipun kita katakan bahawa yang tiada bersifat benda itu merupakan sebagai dasar kepada yang bersifat benda. Sebuah buku atau lukisan atau pahatan dan ukiran itu memang benda, akan tetapi fikiran dan perasaan yang terkandung dalam buku itu dan yang terbayang pada lukisan dan ukiran itu tiada bersifat benda dan menjadi dasar kepadanya semua. Tentang kedua bahagian kebudayaan ini timbul soal peri keutamaannya bagi manfaat insan. Oleh sebab keutamaan yang dimaksudkan itu merujuk kepada *manfaat* insan maka teranglah bahawa ertinya bersangkut-paut dengan soal *penghargaan*, iaitu soal *penilaian* mengenai kebenaran dan kebaikan dalam kehidupan insan yang membawa kepada taraf kesempurnaan jiwa insaniah. Dan lagi pula keutamaan bahagian kebudayaan itu bersendikan *kekekalannya* dalam rangka kehidupan insan dan *kemesraannya* dengan diri insan. Maka yang bersifat benda diperbandingkan dengan yang tiada bersifat benda tiadalah kekal melainkan lebih mudah berubah jua, dan tiadalah lebih mesra dengan diri insan daripada yang tiada bersifat benda itu; dan perubahan-perubahan yang berlaku itu dipengaruhi oleh *kemajuan* dalam lapangan ilmu-ilmu pengetahuan dan pertukangan (teknologi). Kemajuan dalam lapangan ilmu-ilmu tersebut tiada pula akan mengandung erti dan guna bagi insan jikalau tiada menuturi tujuan-tujuan tertentu yang menghasilkan kebenaran dan kebaikan dan kebahagiaan, dan tujuan-tujuan tertentu itu direncanakan oleh bahagian kebudayaan yang tiada bersifat benda berpandukan faham akhlak dan budipekerti yang semuanya berpunca kepada ajaran-ajaran agama. Ajaran yang mengasuh dan mendidik insan supaya berkelakuan baik serta menyempurnakan budipekertinya terletak dalam bidang akhlak, dan akhlak itu adalah hasil agama. Justeru jelaslah bahawa kemajuan itu bukanlah suatu gerak-daya sejarah yang hanya mara dengan tiada tentu haluan: kemajuan

menuturi tujuan tertentu, iaitu pelaksanaan tujuan akhir kehidupan: *kesempurnaan diri insaniah.* Kemajuan tiada lain dari *kebijaksanaan*, tiada lain dari *hikmah.*

§24 Pengertian berlainan yang direnungkan oleh para ahli fikir terhadap faham agama telahpun dirumuskan pada awal tadi di perenggan 11; bahawa agama itu kebenaran yang ditanzilkan oleh Tuhan Yang Hak kepada insan dengan perantaraan wahyu kepada nabi atau rasulNya; bahawa agama itu sehimpunan kepercayaan-kepercayaan tahyul, termasuk cara-cara melangsungkan ibadat atau upacara adat-istiadatnya; bahawa agama itu sehimpunan pendapat-pendapat dan undang-undang yang direka dan disusun oleh para bijaksana dan failasuf bagi keperluan kesejahteraan dan ketenteraman khalayak ramai masharakat insan, bagi mencegah hawa-nafsu, dan bagi membina serta menjamin tatatertib dalam pelbagai golongan dan lapisan masharakat insan. Kita hanya mengikrarkan pengertian yang pertama tersebut sebagai yang sah untuk dikenakan kepada agama Islām. Pengertian yang kedua dan ketiga itu telah kita katakan sebagai membayangkan kelaziman anutan Kebudayaan Barat dan pengalamannya dalam bidang keagamaan, dan kita harus tolak pengertian-pengertian itu sebagai memberikan faham agama. Pengertian agama seperti itu memanglah hasil ciptaan insan, memanglah sebahagian dari kebudayaan. Mereka fikirkan kononnya perasaan ta'jub-takut yang mengharu diri manusia purbakala berhadapan dengan pameran hebat alam semesta yang meliputinya itulah yang pertama-mula menimbulkan fikiran yang merekakan bibit-bibit agama, iaitu perasaan dan fikiran manusia telah menghasilkan cara sihir dan faham animisme. Kemudian pula cara-cara melangsungkan upacara serta adat-istiadatnya yang berdamping erat dengan bunyian dan tarian dan lain-lain hasil seni telah memperkembangkan faham kepercayaan itu lambat-laun kepada faham agama yang lengkap dengan akidah serta sistem ibadat dan golongan yang berkuasa atas pentafsiran serta penyelenggaraannya. Maka ada yang menitikberatkan peranan orang perseorangan dan ada pula yang membesarkan peranan masharakat dalam memupuk faham agama itu, sebagaimana juga

ada yang mengutamakan diri perseorangan dan diri yang merupakan suatu 'kumpulan' diri-diri masharakat, yang semuanya telah mewarisi perasaan dan fikiran diri-diri lampau yang telah menerus dari zaman yang silam masing-masing, menerap serta menetapkan bawaan sifatnya ke dalam diri yang datang kemudian. Erti 'diri' yang mereka fahamkan itu ialah 'diri' jasmaniah jua yang direnungkan dari sudut ilmu jiwa atau psikologi. Ada yang mempertahankan agama itu sebagai suatu *kegunaan* dan ada yang menolaknya sebagai *impian belaka*. Bagaimanapun juga renungan mereka dalam soal intisari agama maka sesungguhnya *kebenaran hakikat* yang dibayangkan oleh agama itu mereka tolak bulat-bulat, ataupun mereka waswaskan sehingga penerimaannya senantiasa terus tertunda. Lagi pula kita lihat bahawa yang menjadi soal pokok mereka dalam merenungkan masalah asal usul agama itu adalah penumpuan kepada perasaan dan fikiran manusia, kepada sifat dan peranan orang perseorangan dan golongan serta masharakat manusia, kepada dunia belaka dan kepada sejarah manusia. Bagi kita maka pendapat yang mereka kemukakan itu semua menjelaskan perkara-perkara yang sebenarnya merupakan *akibat* atau *hasil* hakikat kebenaran yang dibayangkan oleh agama, dan *hakikat kebenaran* yang dibayangkan oleh agama itulah yang sebenarnya merupakan *sebab* bagi agama. Maka mengetahui *sebab* itu adalah ilmu, sebagaimana telah diterangkan tadi di perenggan 4, dan bagi Islām sebab agama dan Sumbernya ialah Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, sebagaimana juga sebab kebudayaan dan sumbernya adalah agama. Memang benar bahawa kenyataan Ayat-ayat Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm menegaskan iaitu bahawa *alam semesta* dan *diri insan* dan *sejarah* kesemuanya merupakan bahan ilmu, namun demikian kita mengatakan bahawa ilmu yang dimaksudkan itu hanyalah sesungguhnya ilmu yang tiada tersia-sia apabila dapat dia memandang *perkaitan* yang sedia ada *antara* segala perkara yang merujuk kepada ilmu pengenalan dan pengetahuan alam semesta dan diri insan dan sejarah itu *dengan* Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, sumber segala makhluk dan peristiwa; ilmu yang tiada melihat akan perkaitan yang

dimaksudkan itu sesungguhnya ilmu yang sia-sia belaka.

§25 Kita mengatakan bahawa penerimaan akal insan akan hakikat kebenaran yang dibayangkan oleh agama itu, iaitu pengikrarannya akan wujudnya Tuhan Yang Hak, justeru berdasarkan bawaan semulajadinya. Maka dari itu tiadalah dapat dia itu dianggap sebagai 'mencipta' wujudnya Tuhan Yang Hak sebab yang mencipta itu haruslah tahu dan kenal akan hakikat serta sifat-sifat yang diciptanya. Jangankan terhadap Tuhannya Yang Hak, justeru sedangkan sesungguhnya terhadap dirinya sendiripun insan tiada benar-benar tahu dan kenal akan hakikat serta sifat-sifatnya! Jikalau ada yang bertanya, apakah bukti bahawa ciptaan raya ini adalah perbuatan suatu Pencipta, kita akan jawab, seperti di perenggan 13, bahawa insan yang kini berdiri tegak sempurna ini pada suatu ketika dahulu setitik mani, kemudian seketul darah mengental, kemudian janin segumpal, kemudian tulang dan darah dan daging. Kita tahu bahawa insan tiada mengubah dirinya sejurus demi sejurus dari satu keadaan ke yang lain itu, justeru kerana kita lihat bahawa sungguhpun dalam keadaan sempurna lengkap tiada juga dia dapat mencipta bagi dirinya indera pendengaran atau penglihatan atau yang lainnya. Dan jauh lagi pula berdaya dia, dalam keadaan lemah dan kekurangan itu, dapat secara disedari menggerak merobah dirinya hingga menjadi lengkap sempurna. Maka dengan ini telah terbukti bahawa bukan insan yang menggerak merobah diri dari satu keadaan ke yang lain, bahawa wajib baginya bergerak itu ada suatu *penggerak* yang menggerakkannya hingga menjadi sempurna. Jikalau ada yang bertanya, mengapakah kamu mengaku bahawa Pencipta itu tiada sama seperti ciptaanNya, atau Khalik itu tiada sama seperti makhlukNya, maka kita akan jawab bahawa andai kata Khalik sama seperti makhluknya nescaya tentulah Dia pun kena menempuh perubahan sama seperti yang dinisbahkan kepada makhlukNya, baikpun dalam semua perkara ataupun dalam sebahagian sahaja. Bagaimanapun halnya maka tiadalah mungkin bagi 'khalik' yang bergerak-ubah seperti demikian itu bersifat kadim. Dan kerana Khalik yang sebenarnya itu Kadim maka mustahil Dia sama seperti makhlukNya yang

senantiasa berubah binasa. Kemudian jikalau seseorang bertanya pula, mengapakah kamu mengaku bahawa Khalik segala sesuatu itu Esa atau Satu atau Tunggal, maka kita akan jawab bahawa dua 'Khalik' tiada akan merencanakan ciptaannya dalam cara yang senantiasa sama, dan tiada pula dua 'Khalik' itu akan senantiasa menuturi rencana serta undang-undang dasar yang sama. Adalah wajib bagi salah satu daripadanya itu, atau kedua-duanya, bersifat kekurangan. Justeru kerana jikalau yang satu berkehendak untuk menyelamatkan seseorang dan yang satu lagi untuk membinasakannya, maka hanya boleh jadi bahawa kehendak yang satu atau yang satu lagi, atau kehendak kedua-keduanya itu, ataupun tiada kehendak yang satu mahupun yang satu lagi itu dapat berlaku terlaksana. Maka kedua pilihan yang akhir tersebut itu mustahil dapat berlaku, hanyalah kemungkinan yang pertama tersebut itu dapat berlaku; dan jikalau kehendak yang satu dapat terlaksana berlaku mengatasi kehendak yang satu lagi, maka kejadian itu membuktikan bahawa yang satu itu Khalik dan yang satu lagi bukan khalik, sebab dia telah terkecewa dengan sifat kekurangan yang patut tiada terdapat pada khalik. Maka jelas bahawa Khalik Yang mencipta alam semesta itu Esa dan Satu dan Tunggal, tiada dua atau berseteru atau berbagai—dan Mahasuci Dia daripada apa yang mereka perikan! Hujah-hujah ilmiah dan bukti-bukti akliah sebagaimana terpapar dengan secara ringkas di atas itu semuanya berdasarkan Ayat-ayat suci Al-Qur'ānu'l-Karīm:

و لقد خلقنا الانسان من سلالة من طين؛ ثمّ جعلناه نطفة فى قرار مكين؛
ثمّ خلقنا النطفة علقة فخلقنا العلقة مضغة فخلقنا المضغة عظاما
فكسونا العظام لحما ثمّ أنشأناه خلقا آخر
فتبارك الله أحسن الخالقين
(سورة المؤمنون: ١٢ - ١٤)

Bahawa sesungguhnya insan itu telah Kami jadikan daripada
intisari tanah. Kemudian Kami tempatkan dia sebagai mani di
suatu tempat kediaman kukuh menetap. Kemudian Kami
jadikan mani itu seketul darah mengental, dan darah itu Kami
jadikan (janin) segumpal, kemudian dari gumpalan itu Kami
jadikan tulang, dan tulang itu Kami salut dengan daging;
kemudian Kami tumbuhkannya kepada suatu makhluk
lain. Mahabahagialah Allāh, Khalik Yang Terbaik!
(*Sūrah al-Mu'minūn*: Ayat 12 - 14)

Dan lagi:

لو كان فيهما آلهة إلّا الله لفسدتا

فسبحان الله ربّ العرش عمّا يصفون

(سورة الأنبياء: ٢٢)

Andai kata ada di dalam langit dan bumi ini tuhan lain
selain daripada Allāh, justeru sesungguhnya akan
terdapat huru-haralah dalamnya kedua! Akan tetapi
Mahasuci Allāh, Tuhan Yang empunya Takhta
Mahligai Mahaagung: jauh Dia lebih murni
daripada apa yang mereka perikan itu!
(*Sūrah al-Anbiyā'*: Ayat 22)

Dan daripada dasar ayat-ayat Suci inilah dapat imam agung kita al-Ash'arī, seribu tahun dahulu, merumuskan hujah-hujah bagi menangkis, memberantas dan menjawab golongan yang keliru berpuak-puak, yang menyeleweng dan yang menyebarkan bidaah. Hujah-hujah ini, dari segi akal dan ilmu dan falsafah, tetap sah kini dan di masa kemudian sekalipun, dan tiada dapat digugat dengan cabaran ilmiah yang sah oleh sesiapapun—maka oleh itu kita timbul serta gunakannya lagi sekarang untuk mengingatkan Kaum kita Muslimin supaya jangan terpedaya dan bimbang akibat hasutan golongan yang keliru dan menyeleweng, yang terkena pengaruh faham-faham Kebudayaan Barat sehingga

sanggup menyebarkan pelbagai bidaah serta kepalsuan di kalangan kita kini.

§26 Kita harus mengambil tauladan dari riwayat Nabi Ibrāhīm Khalīl Allāh, 'alayhi'l-salām, peri intisari agama yang sebenarnya, dan mengambil kesimpulan daripadanya bahawa agama yang sebenarnya berbeza dari 'agama' yang hanya merupakan 'ke-agama-an' belaka, yang sebenarnya kepalsuan yang menyaru sebagai yang benar, dan yang menjadi hasil ciptaan manusia yang sempit akal serta keliru dan jahil:

و إذ قال إبراهيم لأبيه آزر أتتّخذ أصناما آلهة
إنّي أراك و قومك في ضلال مبين
(سورة الأنعام: ٧٤)

Sanya berkata Ibrāhīm kepada ayahnya Āzar:
'Engkau terimakah patung sebagai tuhan? Sedangkan kulihat
kau dan kaummu dalam kesesatan yang nyata.'
(*Sūrah al-An'ām*: Ayat 74)

و كذلك نري إبراهيم ملكوت السماوات
و الأرض وليكون من الموقنين
(سورة الأنعام: ٧٥)

Demikianlah juga Kami perlihatkan bagi Ibrāhīm
kuasa dan undang-undang serta keagungan langit semesta
dan bumi, supaya dia boleh memperoleh keyakinan.
(*Sūrah al-An'ām*: Ayat 75)

فلمّا جنّ عليه الّيل رأى كوكبا قال هذا ربّي
فلمّا أفل قال لا أحبّ الآفلين
(سورة الأنعام: ٧٦)

Apabila malam menyelubunginya, terlihat olehnya suatu
bintang. Dia berkata: 'Inilah Tuhanku'. Akan tetapi
apabila bintang itu surut maka berkata pula
dia: 'Tiada kukasih-suka akan yang surut.'
(*Sūrah al-An'ām*: Ayat 76)

فلمّا رأى القمر بازغا قال هذا ربّي فلمّا أفل
قال لئن لم يهدني ربّي لأكوننّ من القوم الضآلّين
(سورة الأنعام: ٧٧)

Apabila dia melihat bulan meningkat indah terang
benderang maka berkatalah dia: 'Inilah Tuhanku'. Akan tetapi
apabila bulan itu surut, maka dia berkata: 'Melainkan Tuhanku
jua yang memberi petunjuk kepadaku, nescaya jadi termasuklah
aku ini dalam kalangan kaum yang sesat'.
(*Sūrah al-An'ām*: Ayat 77)

فلمّا رأى الشمس بازغة قال هذا ربّي هذا أكبر
فلمّا أفلت قال يا قوم إنّي برئ ممّا تشركون
(سورة الأنعام: ٧٨)

Apabila dia melihat mentari terbit terang benderang maka
dia berkata: 'Inilah Tuhanku; ini yang terbesar (daripada yang
lain semua)'. Akan tetapi apabila mentari surut berkata dia:
'Wahai kaumku! aku sesungguhnya membebaskan diriku
dari kesalahanmu menjadikan sekutu bagi Tuhan.'
(*Sūrah al-An'ām*: Ayat: 78)

Agama yang sebenarnya bukan ciptaan, tetapi timbul dari kesedaran semulajadi diri akali insan yang diberi petunjuk oleh Yang menjadikannya; dan akal-fikiran sahaja tiada dapat menduga kebenaran agama dengan pita ilmiahnya,—takat berhadapan dengan hakikat itu akal-fikiran ta'jub dan keliru, umpama kelawar silaukan mentari, dan diri insan harus menunggang Burak iman yang menunjuk jalan jikalau ingin dia berdaya meningkat pada tuntutannya yang murni :

> Di dalam tuntutannya yang murni, daya falsafah
> Boleh menduga samudera luas, boleh membilang
> Lautan pasir dan sinaran mentari, tapi Kau, Allāh,
> Tiada dacing ataupun pita yang boleh menjulang
> Ke angkasa ghaibMu; sesilaunya kandil akal —
> Sungguhpun terbit dari suriaMu—sia-sia 'nak 'ngiri
> Mengekori langkahMu nan tak terbatas dan kekal;
> Fikiran lenyap sebelum dapat menjulang tinggi,
> Seumpama saat lampau dalam masa abadi.

Dengan kepercayaan yang teguh serta rela mengakui wujudnya Tuhan Yang menjadikan sarwa semesta alam, iaitu kepercayaan yang semulajadi bagi diri insan, maka akan timbul dalam dirinya itu pengertian bahawa kehidupannya mengandung *tujuan* yang *tertentu*; bahawa tanggungjawabnya ialah bagi melaksanakan tercapainya tujuan itu; bahawa berjaya atau tiada ia dalam amalan dan segala perbuatannya bagi mencapai tujuannya itu akan tentu dinilaikan kelak pada Hari Perhitungan. Bersama dengan pengertian itu juga timbul kesedaran bahawa hidup insan tiada tersia-sia; bahawa kehidupan duniawi yang ditempuhnya kini merupakan satu daripada pengalaman-pengalaman dirinya—malah pengalaman yang terpenting—yang akan membawa dia setingkat demi setingkat kembali pulang ke Hadrat Sumbernya, seumpama rajawali yang terbang jauh kemudian taat menurut panggilan Tuannya menyayap pulang hinggap semula di lengan Raja. Dan lagi:

الذين آمنوا و لم يلبسوا إيمانهم بظلم

أولئك لهم الأمن و هم مهتدون

(سورة الأنعام: ٨٢)

Hanyalah mereka yang beriman, dan yang tiada mengelirukan imannya dengan kesalahan—merekalah sesungguhnya dalam keamanan, kerana mereka mendapat petunjuk hidayah.
(*Sūrah al-An'ām:* Ayat 82)

Iman membawa keadaan aman kepada diri. Diri yang beriman itu diri yang percaya akan hakikat agama, iaitu Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, dengan kepercayaan demikian teguhnya sehingga tiada lagi shak dan raib dan waswas dalamnya. Dan *kepercayaan* yang dimaksudkan di sini bukanlah hanya penerimaan akliah belaka akan hakikat ketuhanan itu, bahkan penerimaan seluruh diri akannya, yang tercara pada apa yang dibawa serta disunnahkan oleh NabiNya yang Benar, Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, yang mengakibatkan dia *bertindak* menurut perintah dan larangan yang disuruh oleh Tuhan Yang Hak. Kepercayaan yang diturut-serta dengan amalannya sekali, yang mencerminkan keadaan diri seperti inilah yang kita gelar *iman*. Adalah menjadi hasrat agung semua diri untuk mencapai iman. Seperti yang ternyata dalam riwayat Nabi Ibrāhīm, 'alayhi'l-salām, itu justeru akal nazari belaka tiada dapat merangkumi hakikat agama dalam dayanya memperoleh ilmu mengenainya. Andai kata tiada akal itu dibantu dengan petunjuk Wahyu, maka terkandaslah dia dalam pencarian yang buntu mengenai hakikat agama. Maka Wahyu itu Ilmu yang Sebenarnya, yang *diterima* jua oleh akal yang mendapat petunjuk Ilahi; dan hakikat agama itu ilmu hasil *penerimaan* akal, dan bukan hasil *pengolahan* atau *rekaan* akal itu, sedangkan kebudayaan itu sebenarnya hasil pengolahan serta rekaan akal jua. Dengan ringkasan ini maka faham agama yang sebenarnya itu telah kami asingkan dari kebudayaan: agama yang sebenarnya bukan kebudayaan dan tiada bergantung dengannya, agama yang sebenarnya adalah *bunda* kebudayaan.

§27 Dari pengertian yang berdasarkan faham Islām bahawa agama itu punca kebudayaan, maka dapat dihuraikan dengan lebih lanjut bahawa sesuatu kebudayaan itu, untuk mencapai keluhuran taraf kesempurnaannya, haruslah mencapai matlamat perolehan *pertimbangan* yang saksama dalam rencana penilaiannya terhadap bahagian yang bersifat benda dan yang tiada bersifat benda. Dengan tercapainya pertimbangan yang saksama dalam rencana penilaiannya itu baharulah akan lahir baginya suatu keadaan kemasharakatan yang diingini dan dihargai sangat oleh yang menjadi ahlinya sebagai keadaan yang memuaskan. Keadaan yang memuaskan itu demikian baiknya sehingga bukan sahaja hanya melaksanakan hasrat jasmaniah, akan tetapi lebih dari itu, keadaan demikian akan menambahtinggikan lagi taraf penilaian terhadap yang bersifat benda supaya lebih seimbang dengan penilaian-penilaian bahagian yang tiada bersifat benda, yang sebenarnya menentukan dasar-dasar penilaian itu. Penilaian-penilaian tersebut terletak dalam bidang-bidang ruhaniah dan akhlak dan budipekerti, dan dalam bidang fikiran akliah dan seni. Justeru dalam bidang-bidang inipun semua maka pertimbangan yang saksama atau keseimbangan penilaian antara yang ruhaniah dan fikiran akliah, dan antara akhlak dan budipekerti dan seni haruslah senantiasa ada berlaku. Maka dengan ada berlakunya pertimbangan yang saksama antara nilai-nilai yang tersebut itu sahajalah baharu dapat sesuatu kebudayaan itu mengandung erti yang luhur, kerana 'pertimbangan' yang saksama itu tiadalah lain dari *keadilan* jua. Selanjutnya pula faham pertimbangan yang saksama antara bahagian kebudayaan yang bersifat benda dan yang tiada bersifat benda harus senantiasa diingati dengan jelas supaya dapat menghindarkan kekeliruan yang mungkin akan timbul dalam menilai unsur-unsur kebudayaan dengan nilaian yang sempurna, baikpun dalam menilai keagamaan, atau hukum dan undang-undang, atau sistem politik, atau kesenian dan lain-lain lagi. Apabila kita menilai sesuatu kebudayaan dari segi sejarah, misalnya, haruslah jelas bahawa tinggi atau rendah tarafnya itu bergantung kepada kesempurnaan rencana akliah dan unsur-unsur ruhaniah yang dimilikinya. Penghargaan nilai hidup

yang ditaruh dalam sesuatu kebudayaan itu bukanlah terdapat dalam bidang fikiran dan perasaan yang menghasilkan teknologi dan seni melulu. Keindahan yang dibayangkan dalam bentuk seni tiada seharusnya membayangkan pula kehalusan budipekerti. Kebudayaan Yunani Purbakala terkenal dengan keindahan serta kehalusan rasa-seninya, dan hasil seni yang halus indah itu tiada juga menjamin taraf nilai kebudayaannya yang kemudian dicabar dan dikutuk oleh para failasufnya sendiri, justeru sebab kandungannya menjelaskan hakikat kemerosotan akhlak dan kehancuran unsur-unsur ruhaniah. Dalam Islām maka dasar pertimbangan yang saksama antara nilai-nilai kebudayaan itu bersendikan kesempurnaan akhlak dan unsur-unsur ruhaniah yang dimilikinya. Inilah sharat pertama pencapaian taraf keluhuran kebudayaan.

§28 Sharat kedua bagi kebudayaan untuk mencapai kesempurnaan ialah daya upayanya untuk berjuang menghasilkan suatu *tujuan hidup*; dan tujuan hidup ini senantiasa merupakan cita-cita—bukan cita-cita palsu yang senantiasa liar dari pencarian, yang mustahil dapat dihasilkan; dan bukan pula hanya cita-cita orang perseorangan, akan tetapi cita-cita yang merupakan suatu hakikat yang sudah jadi, yang disanjung oleh diri perseorangan dan diri-diri yang bergabung sebagai masharakat seluruhnya. Cita-cita ini di sisi Islām haruslah menuju ke arah pencapaian keseimbangan dalam menghasilkan sikap dan daya serta gaya hidup yang merujuk kepada dunia dan akhirat keduanya. Harus dapat kita merumuskan serta mentafsirkan dalam kehidupan diri serta masharakat kita nilai-nilai ruhaniah yang membimbing ke arah keakraban dengan Tuhan; ke arah penghasilan ilmu pengenalan dan pengetahuan; ke arah kemuliaan, keagungan dan penguasaan duniawi; ke arah kesempurnaan ekonomi dan kesihatan. Dalam menuntut penguasaan duniawi kita harus juga insaf akan hakikatnya dan hakikat kehidupan nescaya tiada akan terjerumus ke dalam pelbagai jeratannya yang terpasang di sana sini untuk memerangkap mereka yang lalai. Kepada si penjunjung nilai-nilai kebudayaan, maka cita-citanya itu senantiasa mengandung erti dan maksud untuk menyempurnakan

kehidupan, baikpun kehidupan ketika itu juga mahupun kehidupan kemudian kelak, iaitu kehidupan dunia dan akhirat, sebab kehidupan itu kekal abadi dan bukan hanya merujuk kepada dunia belaka. Akan tetapi justeru bagaimanapun sesuatu kebudayaan itu berupaya untuk menghasilkan pencapaian tujuan hidupnya, maka sharat bagi menganutnya ialah *penjaminan keamanan*. Kebudayaan tiada akan merupakan suatu daya upaya jikalau tiada dia pertama sekali memperoleh kebolehan bagi membina ketertiban dan adab dalam masharakat. Dengan adanya tatatertib dan adab dalam masharakat, maka baharulah akan timbul *kewibawaan*, iaitu kuasa pengatur, dan seterusnya akan terhasil penjaminan keamanan yang akan dikawal oleh perundangan dan hukum dan nilai-nilai adabi. Dalam keadaan keadilan seperti yang dimaksudkan itulah baharu mungkin sesuatu kebudayaan itu memperoleh kemajuan demi menuntut cita-citanya.

§29 Mungkin terlebih penting dari sharat-sharat yang tersebut di perenggan 27 dan 28 ialah sharat ketiga bagi kebudayaan untuk mencapai kesempurnaan, iaitu, *penguasaan alam* atau *keadaan semulajadi*. Sesungguhnya sharat inilah yang awali bagi kebudayaan, kerana kebudayaan bermula timbul sebagai akibat hikmat dan kepandaian insan merobah serta menggunakan alam sekelilingnya demi kepentingan dirinya. Akan tetapi andai kata hanya penguasaan terhadap alam luar semulajadi itu sahajalah yang dianggap sebagai satu-satunya sharat bagi hidupnya sesuatu kebudayaan, maka tentulah tiada dapat kita akui bahawa kebudayaan itu hanya dimiliki oleh insan belaka. Bukankah makhluk lain dalam gelanggang haiwaniah termasuk semut sekalipun jua berdaya merobah serta menggunakan alam sekelilingnya demi kepentingannya masing-masing? Tiadakah pula harus kita akui—sekiranya sharat penguasaan alam semulajadi ini merupakan sharat tunggal yang terpenting bagi ma'na dan maksud kebudayaan—bahawa di kalangan haiwan pun terdapat ciri kebudayaan? Benar atau tiada semut dan burung dan lain-lain itu menuturi suatu tujuan yang tetap bagi menganut dan mencapai kesempurnaan hidupnya, tiada usah dihiraukan di

sini. Akan tetapi kita merasa tiada percaya—fikiran kita memberontak terhadap kesimpulan bahawa mungkin haiwan pun berkebudayaan; dan tentulah tiada akan kita akui sahnya kesimpulan demikian. Sesungguhnya kenyataan bahawa kebudayaan itu hanya merupakan akibat penguasaan alam semulajadi—dengan ertikata alam yang di luar diri insan—belumlah boleh dianggap benar, kerana yang mencirikan sifat asasi kebudayaan itu adalah unsur-unsur ruhaniah yang senantiasa terpendam dalamnya. Unsur-unsur ruhaniah yang dimaksudkan itu berpunca kepada kesedaran diri insan akan penerimaan amanat *tugas* dan *perkhidmatan* yang ditujukan pertama kepada diri dan Tuhannya, dan kemudian kepada sesama insan—kepada masharakatnya. Sebagaimana telah dihuraikan di perenggan 13, diri insan menyedari keadaannya berhutang *diri*, *budi*, dan *daya*, kepada Yang menjadikannya, dan tugas dan perkhidmatan yang dirujuk di sini itu tiadalah lain daripada suatu cara yang ikhlas baginya untuk rela menunaikan pembayaran hutangnya—dan hasil segala kenyataan dirinya berhutang diri, budi dan daya, yang dihaturkan demi penerimaan amanat tugas dan perkhidmatan itulah yang merupakan intisari kebudayaan. Dalam Kitab Suci Al-Qur'ān'l-Karīm, Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā menyatakan bahawa:

إنّا عرضنا الأمانة على السماوات و الأرض و الجبال

فأبين أن يحملنها و أشفقن منها و حملها الإنسان

إنه كان ظلوما جهولا

(سورة الأحزاب: ٧٢)

Sesungguhnya Kami memang telah tawarkan
Amanat kepada Langit Berganda dan Bumi dan Gunung;
akan tetapi semua tiada sanggup memikulnya kerana takut
akan tanggungjawabnya: akan tetapi insan sanggup
memikulnya. Sesungguhnya dia itu benar-benar zalim dan jahil.
(*Sūrah al-Aḥzāb:* Ayat 72)

Kerana insan sanggup memikul tanggungjawab Amanat inilah maka dia dijadikan Khalifah Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā (*Sūrah al-Baqarah*: Ayat 30), dan dia telah membuat Perjanjian (*mīthāq*) denganNya (*Sūrah al-A'rāf*: Ayat 172–173; sila lihat juga perenggan 13). Akan tetapi dia zalim terhadap dirinya (*Sūrah Yūnus*: Ayat 44): إنّ اللّه لا يظلم الناس شيئًا ولكنّ الناس أنفسهم يظلمون (سورة يونس: ٤٤) dan jahil sanggup bersekongkol menggesa dirinya ke arah kejahatan (*Sūrah al-An'ām* : Ayat 123): و كذلك جعلنا في كلّ قرية أكابر مجرميها ليمكروا فيها و ما يمكرون إلا بأنفسهم و ما يشعرون (سورة الأنعام: ١٢٣) maka diri insan itu, sebagaimana dinyatakan juga dalam Al-Qur'ānul'l-Karīm, dipengaruhi dalam keadaan sifat insaniahnya oleh desakan hawa-nafsu bashariah yang mendorong ke arah kejahatan, yang disebut dengan nama: 'diri yang menyuruh ke arah kejahatan' (النفس الأمّارة بالسوء), iaitu *al-nafsu'l-ammārah*. Justeru oleh itu maka mengikut faham Islām mengenai kebudayaan dan sharat utama baginya mencapai kesempurnaan, penguasaan alam yang dimaksudkan itu termasuklah *alam insaniah*, dan bukan hanya alam luar semulajadi seperti mana yang diutamakan oleh Kebudayaan Barat; kerana betapakah dapat insan merencanakan kewibawaannya dan membina tatatertib segala hukum dan undang-undang dan nilai-nilai adabinya jikalau dia terhadap dirinya sendiri tiada menyempurnakan keadilan? Berikutlah pula bahawa dalam Islām penguasaan diri sifat insaniah itu harus diutamakan dalam daya insan menguasai alam semulajadi; dan penerimaan amanat tugas dan perkhidmatan tersebut di atas itu, pada peringkat yang murninya, bererti tugas dan perkhidmatan diri sebagai hamba ibadat kepada Tuhannya yang memulihkan keadaan diri itu ke peringkat kesempurnaan asali yang membawa kepada ketenteraman. Tugas dan perkhidmatan inilah yang digelar *'ubūdīyah* (عبودية), dan diri yang sampai ke peringkat ini disebut sebagai 'diri yang tenang-tenteram', iaitu: *al-nafsu'l-muṭma'innah* (النفس المطمئنّة).

§30 Dari kenyataan ini semua harus jelas kepada kita bahawa Islām menganjurkan suatu faham keperibadian insan yang berdasarkan kepada diri ruhani, dan berbeza pula faham

'individualisme' Islām ini dengan faham individualisme Barat yang lebih mirip pada dasar diri jasmani. Begitu pula faham *kebebasan* yang merujuk kepada keperibadian diri insan itu, mengikut pandangan Islām, merupakan kebebasan diri ruhani, dan dari itu maka 'kebebasan' bererti 'keadaan pemulihan serta penyaksian diri akan hakikat semulajadinya'. Gerak-daya yang digelar 'bebas' itu adalah gerak-daya yang menyerahkan diri jasmani nescaya tunduk ta'luk kepada diri ruhani dengan cara mematuhi undang-undang serta hukum akhlakiah yang ditetapkan oleh agama—dan bukan sebaliknya, seperti yang lazim difahamkan oleh Kebudayaan Barat, iaitu bahawa gerak-daya yang bebas itu harus membebaskan diri jasmani dari undang-undang serta hukum akhlakiah yang ditetapkan oleh agama, yang dianggapnya seakan-akan belenggu jua. Begitu juga dengan faham penguasaan alam yang diamalkan oleh Kebudayaan Barat; maka adalah yang demikian itu lebih merujuk kepada penguasaan alam tabii, atau alam luar semulajadi, yang merupakan dasar benda. Di antara ciri yang nyata yang menegaskan lagi pendapat bahawa Kebudayaan Barat itu lebih mirip pada dasar diri jasmani adalah kebiasaannya menganuti cara hidup yang mengutamakan *pemujaan kebeliaan* sebagai puncanya. Sedari zaman Yunani purbakala, yang mensifatkan suatu penjelmaan asasi falsafah kesenian serta pendidikan Barat, terus hingga kini tubuh badan manusia belia dijadikannya sebagai lambang agung keindahan insan; dan yang demikian ini jualah sifat yang telah mengilhami segala hasil utama kehalusan seni ukir serta seni lukis dan seni pahatnya. Dalam falsafah pendidikannya pun maka muzik serta senaman dan olahraga dan sukan semuanya mengambil peranan utama dalam memupuk diri jasmani belia yang sempurna. Di dalam rencana Negara yang Sempurna yang ditayangkan dan diamalkan oleh Kebudayaan Barat, maka tiada tempat yang sempurna di situ bagi orang tua, sebagaimana terdapat dalam kebudayaan-kebudayaan Timur. Rencana tanggungjawab seseorang manusia dan tugasnya terhadap kehidupan duniawi ini dalam jangkamasa hidupnya ditetapkan oleh rencana jasmani jua mengikut kenyataan ilmu kaji hayat; dan berdasarkan itu maka undang-undang peri

khidmatnya kepada masharakat dan negara dipupuk dan digubah oleh para bijaksana dan dikuatkuasakan oleh negara. Maka seseorang manusia itu dianggap dewasa dan bertanggungjawab untuk memikul serta menjalankan tugas akhlakiahnya kepada masharakat dan negara berdasarkan kenyataan undang-undang negara yang direka oleh manusia jua, dan bukan seharusnya berdasarkan kesedaran *diri* akan sifat-sifat *kebaikan* dan *keburukan* dan *kejahatan*, dan *kebenaran* dan *kepalsuan* dan *kesalahan*. Bahkan faham 'akhlak' dan 'amalan akhlakiah' yang dianuti oleh Kebudayaan Barat itu pun tiada sama seperti yang difaham serta diamalkan oleh Islām: kepada mereka maka akhlak itu bersumberkan falsafah, dan bukan agama, dan ia adalah sikap dan perbuatan dan penilaian serta pertimbangan yang juga lebih mirip kepada perkara jasmaniah dan masharakat dan negara semata-mata, dan yang senantiasa menempuh perubahan. Dasar faham akhlak mereka seolah-olah menuturi faham hakikat penduaan yang telah kita sentuh tadi; iaitu yang satu faham bahawa hakikat insan ini hanyalah akal jasmaninya melulu, dan yang satu lagi menekankan keutamaan hakikat insan ini hanya sebagai tabiat hayawaniah melulu. Dalam hukum Islām pula seseorang itu dianggap layak memikul tanggungjawab akhlakiah, terutama *bagi dirinya*, dan seterusnya bagi masharakat dan negaranya, apabila dia sudah mencapai *keadaan baligh*; dan keadaan baligh itu bukan ditetapkan oleh undang-undang rekaan manusia untuk dikuatkuasakan dengan secara umum, sebab tiap-tiap seseorang mencapai keadaan baligh dalam tempoh masa keadaan yang berlainan. Apabila seseorang itu sudah baligh maka dia dianggap layak memikul serta menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap *diri* dan *Tuhannya* dahulu, dan kemudian sahaja baharu tugas dan tanggungjawab itu dirujukkan kepada masharakat dan negara. Keadaan sudah baligh itu merupakan keadaan orang yang sudah dapat tahu membezakan sifat-sifat baik dan buruk dan jahat, dan kebenaran dan kesalahan dan kepalsuan—orang yang sudah dapat *memahami serta memikul tanggungjawab akhlakiah*. Dan kunci rahsia faham serta dasar akhlak dalam Islām itu sesungguhnya adalah Diri, yang merupakan tumpuan bagi kalbu dan ruh dan nafsi dan akal, yang

semuanya merujuk kepada suatu hakikat ruhaniah. *Perjanjian* peri *khidmat* insan dalam dunia ini, yang dikerjakannya mengikut faham *tugas* dan *tanggungjawab*, bukan merupakan suatu *kontrak sosial*, seperti yang difahamkan oleh kebudayaan Barat, akan tetapi menurut faham Islām maka perjanjian itu adalah suatu Perjanjian Asali diri kepada Tuhannya Yang Hak—suatu *kontrak individu*; dan khidmat insan dalam dunia ini, yang dikerjakannya mengikut faham tugas dan tanggungjawab itu, adalah khidmat diri kepada Tuhan, dan tugas yang diamanahkan kepadanya serta tanggungjawab yang dipikul olehnya itu, semuanya pemberian dan penetapan daripada Tuhan kepada *tiap-tiap diri* seseorang—kepada tiap-tiap orang perseorangan dan diri persendirian, dan bukan kepada orang atau diri yang bergabung sebagai masharakat. Sebab itu maka bersabitlah apa yang dinyatakan di atas ini mengenai faham Islām terhadap *khidmat* dan *tugas* dan *tanggungjawab* diri dengan kenyataan di perenggan-perenggan 10, 11 dan 12 mengenai faham Islām terhadap *tujuan insan* menuntut ilmu; iaitu justeru tiada lain kerana mencapai peringkat *kesempurnaan diri insaniah*, dan bukan kerana mencapai peringkat *kesempurnaan kewarganegaraan.*

§31 Dalam perenggan 9 tadi, suatu rumusan sepintas lalu tentang ciri-ciri asasi yang mensifatkan hakikat serta semangat Kebudayaan Barat telah dijelaskan dengan ringkas; dan dinyatakan di situ bahawa Kebudayaan Barat itu berteraskan pada dasar falsafah sebagai panduan hidupnya; dan dasar itu mengikrarkan faham penduaan hakikat serta nilai kebenaran; dan pandangan hidupnya berdasarkan kepada penerimaan pengalaman tragedi, atau kesengsaraan hidup, sebagai satu kepercayaan yang mutlak yang menentukan nasib serta peranan manusia dalam dunia. Dasar falsafah itu digelar dengan nama humanisme, dan semangatnya senantiasa gelisah bergerak, membayangkan sesuatu yang 'menjadi' tetapi tiada juga 'jadi'. Telah dinyatakan juga bahawa sikap dan semangat hidup yang menjelmakan Kebudayaan Barat itu merangkumi segala faham kebudayaan yang memainkan peranan penting dalam masharakat seperti faham-faham 'pembangunan', 'perubahan' dan

'kemajuan'. Takat ini dirasai kenalah pada tempatnya untuk menghuraikan erti faham-faham ini sebagaimana dialami dan dianjurkan oleh Kebudayaan Barat dengan tujuan untuk memperbandingkannya dengan faham-faham Islām mengenainya. Pengenalan terhadap faham-faham Kebudayaan Barat itu demikian penting bagi kita Umat Islām justeru kerana kini mereka yang mewakili Kebudayaan itu sedang menda'yahkan faham-fahamnya itu dengan pesatnya di kalangan kaum Muslimin menerusi pemimpin-pemimpin kita dalam pelbagai lapangan yang masih tiada sedar bahawa mereka membantu menyeludupkan faham-faham asing itu ke dalam perbendaharaan fikiran dan renungan masharakat kita. Andai kata kita biarkan sahaja keadaan ini supaya terus meresap ke dalam fikiran dan renungan kita maka sudah barang tentu yang demikian itu akan menjerumuskan kita ke dalam kancah kekacauan kelak. Sebagai titik permulaan mengenai penjelasan yang akan dipaparkan di sini, maka kita harus memalingkan pandangan kepada kenyataan sejarah—khususnya riwayat berkembangnya faham keagamaan di kalangan bangsa-bangsa Eropah. Kita mengambil sejarah perkembangan agama serta pemikiran mengenainya sebagai titik permulaan sebab agama memang mesra dengan diri insan; dan segala hasrat idamannya, segala harapan renungannya, segala suka-dukanya, segala segi hidupnya akan semuanya bersabit dengan pengalaman dan faham sikapnya terhadap agama. Sebagaimana telah sering disebut tadi, bangsa-bangsa Eropah menuturi kelazimannya menganuti dan mengalami faham bahawa agama itu adalah hasil kebudayaan. Walaupun agama Kristian menda'wa bahawa hakikatnya merupakan agama tanzil namun sesungguhnya kenyataan sejarahnya, termasuk sejarah pemikirannya menjelaskan bahawa agama itu adalah agama kebudayaan—agama yang telah kita sebut sebagai *keagamaan* belaka. Agama itu, meskipun berasal dari kenyataan tanzil, tiada lagi merupakan kenyataan sifat-sifat aslinya; malah yang dikatakan sebagai agama Kristian itu adalah hasil perolahan adat kebiasaan serta pemikiran manusia dalam menghadapi peristiwa-peristiwa sejarah. Agama itu adalah sebenarnya hasil ramuan pelbagai kepercayaan serta adat orang-

orang Yunani Kuno, Rumawi, Mesir Kuno, Farsi Kuno, Yahudi dan bangsa-bangsa Eropah umumnya. Perkembangannya sebagai agama Kristian bergantung kepada pelbagai unsur yang ditokok-tambah mengikut perolahan sejarah pemikirannya dan kepada sifatnya bertolak-ansur menuturi 'kehendak zaman'. Agama itu berubah mengikut perubahan kebudayaan para penganutnya. Pada awal-mulanya para penganutnya tiada pun tahu akan sifat agamanya itu sendiri; pada kala itu dahulu lambang salib belum lagi digunakan oleh mereka, dan mereka menggunakan lambang lain, dan kemudian nama gelaran 'Kristian' itu pun diberikan kepadanya oleh orang lain yang menentangnya dan yang menerapkan nama itu kepada penganut-penganut yang memahami samar-samar sahaja kepercayaan yang dianutinya itu. Cara melangsungkan sembahyang dan upacara istiadat yang bersangkutan dengannya tiada dapat mereka akui sebagai sunnah Nabi 'Īsā, 'alaihi'l-salām, sebab semuanya diambil dan direka dari adunan perbendaharaan kebudayaannya sendiri. Akidah-akidahnya pun juga hasil penggubahan dan tokok-tambah dan tolak-ansur yang lambat-laun diperhias serta diperhalus sehingga terbentuk sifat-sifat asasinya sebagaimana nyata kini. Maka nyatalah bahawa agama Kristian, dalam menempuh sejarah mencari sifat yang menjelmakannya sebagai agama yang kini wujud di hadapan kita ini, telah mengalami 'perkembangan' dan 'pembangunan', atau dengan erti kata lain, telah mengalami *development.* Seperti telah dikatakan tadi pada perenggan 7, agama Kristian yang dida'yahkan oleh penganut serta penganjurnya itu telah melampaui amanah yang ditugaskan kepada Nabi 'Īsā, 'alayhi'l-salām, dan telah mengemukakan rekaannya sendiri. Hakikat telah berlakunya *perkembangan* dan *pembangunan* sifat-sifat asasi dalam sejarah keagamaan Kristian itu juga membuktikan dengan nyata bahawa pada awal-mulanya agama itu belum jelas, belum terbentuk sifatnya, melainkan samar-samar jua sekalipun kepada para penganutnya sendiri. Maka hakikat pengalaman pembangunan dalam sejarah keagamaan Kebudayaan Barat itu memang menayangkan sifat kelazimannya senantiasa 'menjadi', tetapi tiada juga 'jadi'; mencari, tetapi tiada juga dapat; mereka, tetapi tiada juga puas

akan kesempurnaan rekaannya itu—sehingga terus menokok-tambah dan mengubah-ganti seolah-olah akal insaniah belum sempurna dan harus menempuh suatu macam evolusi zahiriah ke arah yang lebih sempurna; seolah-olah agama itupun belum sempurna dan harus juga menempuh suatu macam evolusi ke arah kesempurnaan. Dan mereka fikir atas dasar pengalamannya itu bahawa semua manusia dan agama harus jua menempuh pengalaman yang sama, sebab pengalaman *perubahan* itu kononnya merupakan suatu unsur *dinamik* dalam kebudayaan, dan menjadi dasar segala pembangunan. Berbanding dengan sejarah terbitnya Islām pula maka agama Islām itu telah sempurna lengkap sedari awal-mulanya. Nama gelaran *Islām* itu sebagai nama Agama terdapat termaktub dalam Al-Qur'ānu'l-Karīm sendiri, dan bukan pemberian orang lain yang menentangnya; nama gelaran penganutnya pun, iaitu *Muslim*, demikian juga sudah termaktub jelas dalam Al-Qur'ānu'l-Karīm dan bukan pemberian orang lain. Rukun-rukun islam dan iman dan segala hukum dan cara melangsungkan ibadat semuanya wujud serempak dengan terbitnya Islām, dan segala amalan yang dikerjakan oleh penganutnya, baikpun yang wajib mahupun yang sunnah, semuanya taat menuturi amalan yang dikerjakan dan ditauladankan oleh Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam. Dan kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm yang mengandung segala ajaran yang mensifatkan agama Islām itupun sempurna lengkap semasa dengan saat Islām menjelma sebagai agama yang tertubuh sempurna. Sebab itu dinyatakan bahawa:

اليوم أكملت لكم دينكم و أتممت عليكم نعمتي
و رضيت لكم الإسلام دينا
(سورة المائدة: ٣)

Hari ini telah Kusempurnakan bagimu agamamu,
dan telah Kucukup-lengkapkan ni'matKu atasmu,
dan telah rela Kupilih untukmu Islām sebagai agamamu.
(*Sūrah al-Mā'idah*: Ayat 3)

Dan dari itu maka pengalaman kita beragama adalah berlainan dari pengalaman penganut agama Kristian Barat yang merupakan lambang agung Kebudayaannya. Kita tiada akan menerima faham perkembangan dan pembangunan dalam agama sebagaimana difahamkan oleh Kebudayaan Barat, sebab sifat serta hakikat agama kita tiada menempuh atau menampung perubahan akibat perkembangan dan pembangunan dalam Kebudayaan. Islām sedari awal-mulanya memang sudah cukup lengkap dan sempurna dan tiada memerlukan tokok-tambah atau tolak-ansur atau ubah-ganti. Begitu juga mengenai insan dan akal insaniah—kelengkapan yang sudah ada semulajadi padanya itu sudah sedia sempurna seperti dinyatakan dalam ayat suci yang telah kita rujuk tadi:

لقد خلقنا الانسان في أحسن تقويم

(سورة التين: ٤)

Sesungguhnya telah Kami jadikan insan
dalam acuan yang terbaik.
(*Sūrah al-Tīn*: Ayat 4)

Dan segala perkembangan dan pembangunan dan *kemajuan* yang akan dan harus ditempuhnya itu justeru merupakan evolusi ruhaniah jua dan bukan evolusi jasmaniah. Dengan kenyataan ini kita tiada menafikan bahawa perubahan dan perkembangan dan pembangunan itu adalah berlaku di alam sekeliling kita, di alam benda, di alam kebudayaan mengikut perubahan dan perkembangan dan pembangunan ilmu pengetahuan yang telah kita hasilkan; dan kita tiada menafikan bahawa kita pun berubah cara dan berkembang dan membangun daya usaha kita untuk mencapai maslahat kegunaan ilmu pengetahuan dalam *cara* hidup kita—namun demikian, *sikap* serta *pandangan hidup* dan *amalan* serta *tujuan hidup*, *kepercayaan* serta *anutan* kita tiada pula harus 'berubah', dan 'berkembang' dan 'membangun', melainkan perubahan dan perkembangan dan pembangunan yang kita maksudkan itu merujuk kepada diri ruhani jua. Pada faham Islām maka perubahan dan perkembangan dan pembangunan itu merujuk kepada diri dan bererti *pemulihan* kepada kemurnian

asali ajaran agama serta tauladan orang dan masharakat Islām yang tulen; apabila terdapat keadaan di mana orang dan masharakat Islām sudah tersesat dan keliru dan jahil dan zalim kepada dirinya masing-masing, maka dayausaha serta kegiatannya untuk mengarahkan dirinya ke Jalan yang Lurus dan Benar yang akan memulihkannya kepada keadaan keislaman yang sejati asli—itulah pembangunan. Jadi pada pengertian kita Umat Islām maka *gerak-daya yang menuju ke arah dasar Islām yang tulen* itulah pembangunan, dan pembangunan demikianlah sahaja yang dapat kita kenali sebagai kemajuan. Kemajuan bukan ke-'menjadi'-an: bukan gerak-daya yang menuju ke arah sesuatu yang senantiasa menjadi, sebab ma'na 'tujuan' itu merujuk kepada sesuatu matlamat yang sifat-sifatnya *sudah* jelas, *sudah* jadi, dan dari itu maka dia tetap tiada berubah, atau senantiasa mungkir dan liar tiada dapat tercapai; dan istilah 'maju' membayangkan *arah tertentu* yang dituju, dan juga *matlamat terakhir* yang dicapai. Jikalau tujuannya masih samar-samar, masih merupakan kemenjadian, betapakah dapat digelar kemajuan? Orang yang bergerak meraba-raba dalam gelap bukan dia itu maju, dan barang siapa yang mengatakan dia itu maju telah membohongi ma'na dan maksud kemajuan dan telah juga membohongi diri sendiri! Maka kemajuan adalah ke'jadi'an dan hakikat ini tetap harus menjadi dasar pandangan hidup kita, baikpun dikenakan kepada alam jasmani dan alam zahir mahupun dikenakan kepada alam ruhani dan alam batin; baikpun ditilik dari segi pandangan biasa, mahupun ditilik dari segi pandangan falsafah ataupun nazar batin. Maka faham kemajuan yang berdasar kepada kemenjadian itu merangkapkan hakikatnya kepada yang fana—sebab yang fana senantiasa menjadi, tiada mencapai sifat jadi—dan dari itu maka hanya terpaksa merujuk kepada alam fana belaka, seperti yang telah disentuh tadi di perenggan 9. Kemajuan juga bukan gerak-daya yang dituju untuk jangka masa pendek, iaitu gerak-daya yang beransur-ansur seperti rancangan-rancangan lima tahun, atau sepuluh tahun dan sebagainya, yang dianjurkan oleh negara; kemajuan yang dimaksudkan adalah gerak-daya untuk mencapai tujuan yang tetap dan jelas dalam *jangka masa hidup* seseorang diri, dan

sekalipun mungkin jangka masa gerak-daya kemajuan itu direncanakan juga untuk masharakat dan melampaui jangka masa hidup seseorang diri, namun khususnya dan pada dasarnya faham kemajuan itu senantiasa dikenakan kepada diri dahulu dan bukan semata-mata diutamakan kepada masharakat. Kemajuan masharakat bergantung kepada kemajuan diri. Dan yang dikatakan 'dasar' itupun sesungguhnya yang *tetap* tiada berubah, yang *teguh* dan *sama* tiada berkisar dan menjadi lain. Kita mengatakan bahawa *unsur dinamik* yang mensifatkan perubahan, justeru sekalipun dalam kebudayaan, dan menjadi dasar pembangunan itu adalah unsur dinamik ruhani jua, yang senantiasa merujuk kepada diri: diri yang berubah menuju ke arah kesucian ruhani mengikut kadar yang ada padanya adalah diri yang membangun, yang dinamik. Menuju ke arah kesucian ruhani bukan bererti mengasingkan diri dari masharakat dan dunia yang penuh dengan pelbagai macam ujian dan jeratan, malah pengalaman yang diperoleh darihal menceburkan diri ke dalam pergolakan masharakat dalam kancah dunianya itulah yang merupakan pengalaman terpenting bagi menilai kadar ruhaniah diri itu, dan menguji kelayakannya untuk mencapai kemurniannya. Diri itu umpama besi waja yang penuh dengan kekotoran dan unsur-unsur yang merosak serta membinasakan nilai sifatnya; dan kancah dunia dan masharakat yang bergolak dalamnya itu umpama tempat peleburan; dan hanya sesudah pengalaman yang tulen tiada sia-sia—iaitu pengalaman yang senantiasa digembeling oleh amal ibadat serta akhlak yang luhur dan ilmu yang benar—baharulah dapat segala daki dan keladak dan sanga logam-logam campuran yang mesra dengannya itu lucut-lebur daripadanya, dan baharulah dapat kemudian pula dia dipalu, dibentuk, ditempa menjadi alat-senjata yang tajam dan kuat. Diri itu umpama batu yang keruh-kelam, dan hanya sesudah digisir dan diasah dan digosok baharulah dapat dia menjadi halus, persih, jernih laksana cermin yang dapat membayangkan wajah Pengasah Agung. Ibarat cerita peri seorang Raja yang ingin tahu yang manakah di kalangan golongan seniman dalam dunia yang benar-benar handal dan bijak dalam mencipta seninya. Pada akhirnya, sesudah diadakan pertandingan-pertandingan di

kalangan mereka, dua golongan seniman terkemuka dipilih oleh Baginda untuk bertanding. Diberi kepada mereka beberapa bulan untuk bekerja dan disharatkan bahawa kedua golongan harus bekerja berdekatan berhadapan satu sama lain tetapi dipisahkan keduanya oleh sehelai tabir besar, agar supaya yang satu tiada dapat melihat atau mengintip meniru yang lain. Dengan isharat daripada Baginda kedua golongan serempak memulai kerjanya; yang satu sibuk memalu, memahat, mengukir; dan yang satu lagi giat menggisir, menggosok, mengasah. Beberapa lama kemudian maka kedua golongan mengumumkan masing-masing sudah siap kerjanya, dan Baginda yang ingin menatap kedua karya hasil seni itu dengan pandangan sekaligus, menitah supaya tabir di antaranya itu dijatuhkan. Apabila lucut jatuh tabir itu maka Baginda memandang ke sebelah kirinya dan ta'jub kagum menatap keindahan serta kehalusan pahatan yang berlarik-larik dengan serba-serbi ukiran yang ajaib di situ—akan tetapi lebih-lebih lagi Baginda ta'jub kagum tercengang memandang hasil kenyataan yang di sebelah kanannya: di situ berdiri tegak sebidang marmar yang telah digisir halus dan digosok persih berkilap hingga segala keindahan penjelmaan kesenian lawannya yang berhadapan-muka dengannya itu semuanya tertangkap tercermin dalamnya; di situ tertawan penjelmaan jasmaniah; di situ rupa dan rahsia menjadi satu, di situ sifat jasmaniah mesra dengan sifat ruhaniah. Dan di situ juga diibaratkan keagungan dan kemenangan sifat ruhaniah yang berjaya merangkumi segala penjelmaan sifat jasmaniah. Di situ tertamsil kemuncak penjelmaan sifat jasmaniah yang telah mesra sempurna dengan sifat ruhaniahnya, sebagaimana diri yang mencerminkan Sifat-Sifat Khalik itu mengisbatkan sifat kesempurnaannya. Dan kepada diri yang demikianlah dirujukkan maksud sabda Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam:

المؤمن مرآة المؤمن

iaitu: 'Yang mu'min itu cermin bagi Yang Mu'min'; ya'ni diri yang mu'min itu mencerminkan *Yang Mu'min*, salah satu daripada Nama-Nama Indah Permai yang dimiliki Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, seperti tersebut dalam Ayat 23 *Sūrah al-*

Ḥashr dalam Kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm.

§32 Oleh kerana nilai-nilai agama yang dianuti oleh tiap seseorang diri yang Muslim itu mengarahkan hidupnya kepada Satu Hakikat, maka segala faham perubahan dan pembangunan dan perkembangan dan kemajuan semuanya bertumpu kepada Satu Hakikat itu jua, dan oleh kerana Islām itulah sumber yang mengalirkan nilai-nilai hakiki itu, dan masharakatnya terdiri dari diri-diri Muslim jua, maka Umat Islām dan masharakatnya, bilamana dan di mana sahajapun dia berada, akan tetap menganut satu tujuan hidup yang sudah jadi dan jelas. Hakikat Islām itu tiada berubah, atau menempuh perubahan, meskipun ada *kenyataan* Hakikat itu yang merupakan hasil renungan nazar akali insan yang berubah dan dirobah dari masa ke semasa menuturi pencapaian darjat kefahaman serta penerokaan ilmiah yang dihasilkan oleh insan. Hakikat yang tiada berubah itu bukan pula harus difahamkan sebagai suatu perkara yang bersifat mendiam atau *statik*, akan tetapi Dia senantiasa bersifat geliga, bergerak-daya menjelmakan pada DiriNya segala kelengkapan serta kemungkinan yang mensifati DiriNya. Justeru itu bentuk dan sikap masharakat Islām itu berbeza pula dengan bentuk serta sikap masharakat Barat. Oleh kerana falsafah hidup Kebudayaan Barat itu senantiasa liar, senantiasa berubah, senantiasa menjadi seperti yang telah diterangkan tadi, dan oleh kerana yang demikian itu menjadi sifatnya sebab tiada terdapat baginya Satu Hakikat yang benar-benar diakui sebagai panduan hidupnya, maka diri-diri yang bergabung menjadi masharakatnya itu masing-masing tiada bertentu haluan, melainkan nilai-nilai yang senantiasa fana itu tentu pula menentukan nasib orang dan masharakat Barat untuk terus mencari ma'na-hidupnya. Terdapat pada umumnya dalam bentuk dan sikap masharakat Barat yang kini menjelma ini pembahagian kepada tiga golongan tertentu yang telah mewarisi semangat masharakatnya yang lampau, iaitu golongan belia, golongan setengah umur, dan golongan tua; dan golongan-golongan ini masing-masing menandakan ruang perpisahan di antara tiap satu keturunan sehingga menimbulkan masalah peristiwa yang digelar *generation gap*. Masing-masing

golongan yang berpisahan yang merupakan masharakat Barat berkisar dalam keadaan mencari ma'na-diri dan kehidupannya; masing-masing golongan dari abad datang kepada zaman menyoal dirinya: 'Aku ini siapa?', dan 'Ke manakah akhirnya nasib hayatku?'. Dan soal-soal ini tiada mendapat jawapan yang memuaskan, dan masing-masing golongan itu menjadi mangsa dalam cakar penuntutan abadi, penuntutan mencari ma'na-diri dan kehidupannya, dan dalam tiap detik penuntutan itu maka yang mencari mengalami apa yang dikatakan sebagai penderitaan *identity crisis*, ya'ni kegentingan mengenali ma'na-diri. Golongan belia, yang sedang mengalami perubahan kehidupan, menganggap nilai-nilai yang diturunkan oleh golongan setengah umur itu tiada lagi berguna baginya kerana tiada cocok dengan kehidupannya. Maka dari itu mereka tiada dapat menganggap golongan-golongan lain itu sebagai pemandu kehidupannya yang dapat memberi hidayat kepadanya. Mereka harus mencari dan memupuk nilai-nilai sendiri bagi masa hadapannya, dan dari itu mereka menda'wa menuntut hak kebebasan untuk memilih nasibnya sendiri. Golongan setengah umur yang menjadi ibu-bapa golongan belia itu pula insaf bahawa nilai-nilai mereka pun, semasa mereka belia remaja dahulu, memang tiada memberi panduan hidup, dan dari itu mereka tahu yang mereka tiada dapat memberi panduan dan hidayat hidup bagi anak-anaknya, melainkan memberi hak kebebasan untuk memilih nasibnya sendiri jua, dengan harapan mungkin golongan belia akan dapat memupuk dan menganut nilai-nilai hidup yang lebih sempurna dari yang dipupuk dan dianutinya itu. Sungguhpun golongan belia menuntut hak kebebasannya untuk memilih nasib sendiri, namun mereka tahu bahawa mereka memerlukan panduan dan hidayat yang malangnya tiada diperolehnya daripada golongan lain itu. Dan bagi golongannya sendiripun tiada dapat mereka hasilkan penjelmaan seseorang di antaranya yang dapat memainkan peranan sebagai contoh yang sempurna yang boleh menunjukkan tauladan bagi ikutan dan anutan yang lain. Hal yang demikian menimbulkan keraguan terhadap masa hadapan bagi golongan belia itu, dan mereka berharap mungkin nanti apabila menempuh masa setengah umur kelak akan dapat mereka

rombak balik dunianya mengikut hasrat idamannya. Akan tetapi golongan setengah umur, yang memainkan peranan utama dalam memupuk dan membina masharakat dan negara dan dunianya, sedia tahu bahawa nilai-nilai hidupnya semasa belia remaja dahulu sesungguhnya tiada berlaku lagi padanya dalam membentuk hidupnya kini. Oleh kerana penuntutan mereka dahulu bagi mencari ma'na-dirinya tiada mencapai kejayaannya, maka hidupnya kini tiada meni'mati kesejahteraan sejati. Yang menjadi penghargaan bagi nilai hidupnya, yang menjadi ukuran bagi kejayaannya mencapai ma'na-dirinya, hanyalah masharakat dan negaranya; dan mereka berusaha mencapai kedudukan tinggi atau kemewahan harta benda. Usaha mereka ditumpukan kepada masharakat dan negara, dan faham hidupnya berdasarkan keduniaan dan kebendaan belaka. Dalam pada itu mereka sedar bahawa kewarasan akalnya sudah mulai merosot, kekuasaan jasmaniahnya sudah mulai mengurang, dan rasa kesal dan bimbang dan risau sudah mulai mengharu jiwanya yang membayangkan di hadapan pandangan jasmaniahnya, laksana wayang bergilir-gilir, gambaran keadaannya waktu bersara kelak, waktu menempuh kesunyian di masa tua nanti. Akibatnya mereka memalingkan pandangannya dengan renungan rindu kepada keadaan kebeliaan dan mengharapkan daripada golongan belia penjelmaan contoh yang sempurna yang dapat memainkan peranan memberi tauladan bagi ikutan dan anutan masharakat. Peristiwa inilah juga yang menimbulkan cara hidup yang mengutamakan pemujaan kebeliaan sebagai puncanya seperti yang tersebut di perenggan 30. Penderitaan mencari ma'na-diri, atau krisis identiti, yang dialaminya seakan-akan sama dengan yang dialami golongan belia, akan tetapi kebebasan hak memilih baginya sudah lebih tersekat, sebab masa senantiasa berjalan terus dengan mutlaknya, laksana tragedi Yunani mara merosak meremuk-redamkan jasad dan daya jasmani hingga ke saat akhirnya. Golongan tua pula merupakan makhluk yang dilupakan oleh masharakat, sebab keadaan mereka itu mengingatkan yang belia dan setengah umur perihal kemungkinannya kelak menanggung beban nasib yang sama. Yang belia enggan mengingati maut, dan yang tua mengingatkan akan maut, seperti

kata orang Farsi 'Yang muda remaja *mungkin* mati, yang tua *mesti* mati'. Golongan tua tiada terpuja; mereka telah kehilangan kuasa dan daya jasmani, telah kehilangan kejayaan, kehilangan ingatan, kehilangan guna atau fungsinya bagi masharakat, kehilangan rakan-rakan dan keluarga—kehilangan masa hadapan. Golongan tua, seperti juga golongan belia, tidak mempunyai peranan dalam masharakat. Apabila masharakat menentukan nilai-nilai kebendaan dan keduniaan sebagai dasar falsafah hidupnya, maka ma'na-diri dan kehidupan seseorang warganegara akan juga dinilai oleh kedudukannya sebagai warganegara, oleh kerjanya dan gunanya dan harganya; dan apabila ini semua hilang di masa tua maka ma'na-dirinya pun hilang juga. Ketiga-tiganya golongan yang merupakan isi masharakat Barat itu senantiasa tertawan dalam masalah penuntutan abadi mengenai ma'na-diri dan tujuan hidupnya; terus berputar-putar dalam daerah kekeliruan yang tiada berputus; masing-masing golongan tiada mencapai kesesuaian serta kepuasan dengan nilai-nilai hidupnya sendiri; masing-masing golongan tiada cocok dengan keadaannya tiada kena pada tempatnya.

§33 Justeru sesungguhnya masharakat Islām yang benar mematuhi ajarannya tiada akan menderita penyakit *generation gap* dan *identity crisis* seperti yang terdapat pada masharakat Barat itu. Meskipun ada orang belia dan setengah umur dan tua dalam masharakat Islām, namun tiada terdapat ruang perpisahan di antara golongan keturunan itu yang memisahkan dengan secara yang nyata dan seakan-akan mutlak kehidupan masing-masing. Bahawa keadaan yang demikian ini terus berlaku dalam masharakat Islām sanya kerana ma'na-diri serta nilai-nilai hidup yang dijadikan anutan baginya itu sudah jelas dan sama jua; dan hakikat kesamaannya itu berpunca kepada keadaan agama Islām itu memang sudah sedia jadi, sudah jelas sempurna sifat-sifatnya tiada memerlukan disempurnakan lagi. Maka yang setengah umur menurunkan kepada para belia anak-anaknya itu ajaran-ajaran nilai-nilai hakiki agama Islām bagi panduan hidupnya sebagaimana telah mereka terima sewaktu belia remaja dahulu

ajaran-ajaran itu daripada yang tua. Dan di samping itu pula orang dan masharakat Islām mempunyai contoh insan yang sempurna yang dapat memainkan peranan menunjukkan dan mencarakan tauladan bagi ikutan serta anutannya. Contoh ini jelas dalam cara, tingkah-laku, perangai, peribadi dan segala tauladan Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam. Nabi Muḥammad, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, adalah contoh manusia yang sempurna bagi semua orang Islām dari abad datang ke zaman dan dialah yang menunjuk serta mencarakan tauladan bagi ikutan dan anutan semua golongan dalam masharakat: bagi diri persendirian, bagi belia, bagi yang setengah umur dan bagi orang tua. Tiap-tiap diri seseorang Islām, baik lelaki mahupun perempuan, memandang Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, itu bukan semata-mata dari segi pandangan belia atau setengah umur atau tua, akan tetapi justeru sesungguhnya dari segi pandangan *manusia*, pandangan *insan*, pandangan yang merupakan suatu pandangan yang menyeluruh yang semata-mata ditilik dari segi sifat insaniah belaka; dan oleh demikian dialah contoh sempurna kita bagi *seumur hidup* kita, malah bagi seumur hidup semua keturunan Islām dari saat pertama mula menjelma Umat Islām hingga ke akhir zaman. Dialah benar-benar *uswatun ḥasanah* yang menyatu-padukan kandungan masharakat Islām dalam sejarahnya di dunia hingga ke akhir zaman; dialah satu-satunya insan yang senantiasa terpuji dan dipuji, dan dikasih-sayangi Umatnya lebih daripada kasih-sayang manusia kepada manusia lain, dan oleh itu tepat dan benarlah sungguh dia itu disebut sebagai rahmat Ilahi bagi semesta sekalian alam. Orang dan peranan yang dimainkannya sebagai pemberi contoh dan tauladan yang sempurna bagi manusia semua seperti yang zahir serta tertumpu sifat-sifatnya pada diri Sayyidinā Muḥammad Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, itu tiada terdapat pada agama dan dalam masharakat lain.

§34 Justeru sesungguhnya, walaupun agama Kristian senantiasa berdaya-upaya mencuba memberikan panduan serta bimbingan bagi Kebudayaan Barat nescaya diri perseorangan dan masharakatnya dapat memperoleh ma'na-hidupnya, namun

demikian agama itu gagal jua dalam usahanya sebab tiada berjaya menanamkan keyakinan yang sejati dalam kalbu diri dan masharakat Barat mengenai kebenaran dasar-dasarnya. *Keyakinan yang sejati* bererti keyakinan yang sungguh benar cita-rasa yakinnya; yang timbul dari dalam diri tanpa paksaan dan kemudian meliputinya dengan secara meningkat darjahnya demi setingkat hingga merajalelai diri itu; yang tiada dapat digugat kerana dia adalah akibat dari penerimaan akal dan kalbu akan hakikat kebenaran yang *munasabah diterima*, yang bersifat Ilmu jua, iaitu yang berdasar pada *pengenalan, pengetahuan,* dan *kefahaman* terhadap apa yang diterima itu. Penerimaan diri terhadap apa yang *tiada munasabah* tiada akan berdasar pada pengenalan, pengetahuan, dan kefahaman apa yang diterimanya, dan meskipun terdapat keadaan 'keyakinan' seperti itu yang meliputi dan merajalelai diri yang menerima, namun akhirnya dapat juga dia digugat oleh diri itu sendiri. Keadaan penerimaan demikian bukanlah keyakinan, bahkan bukan juga taklid, kerana taklid bererti mengikut menerima apa yang diterima dengan secara dikenali serta diketahui dan difahami. Keadaan penerimaan yang bukan keyakinan itu tiadalah lain daripada *kedegilan diri* yang menerima dengan *buta-tuli*: diri yang menutup penglihatan akal dan memempat pendengaran kalbu akan kenyataan hakikat Yang Mahaesa Yang senantiasa membisikkan kepada diri insan da'waan Abadi: '*Alastu bi Rabbikum*?'—'Bukankah Aku Tuhan kamu?' Agama Kristian gagal dalam usahanya menanamkan keyakinan yang sejati dalam kalbu diri dan masharakat Barat, sebab apa yang ditanamkan itu bukan keyakinan dalam ertikata keadaan yang terdapat dalam kalbu diri dan masharakat Islām. Sebab kedua yang menggagalkan agama Kristian dalam usahanya memberikan panduan dan hidayat hidup yang mentafsirkan baginya kesempurnaan ma'nanya, adalah kehampaan agama itu menjelmakan orang yang kamil yang dapat memainkan peranan sebagai contoh yang sempurna yang boleh menunjukkan tauladan bagi ikutan dan anutan manusia umumnya. Nabi 'Īsā, 'alayhi'l-salām, sebagaimana disifatkan dalam tafsiran agama Kristian, tiada dapat memenuhi sharat kemampuan memainkan peranan tersebut. Dan

peranan orang kamil yang dimaksudkan di sini haruslah merupakan *peranan abadi*; bukan hanya untuk sesuatu masa atau zaman dalam sejarah insan, akan tetapi peranan yang harus meliputi seluruh masa sejarah insan hingga ke akhir zaman. Maka sifat peranan begitulah sahaja yang dapat menetapkan *contoh* dan *tauladan* yang senantiasa sah bagi ikutan dan anutan manusia. Insan kamil seperti ini hanya terdapat dalam Islām, terjelma pada diri Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam.

§35 Pada permulaan risalah ini dari perenggan 4 hingga ke perenggan 6 telah kunyatakan cadangan untuk meninjau latarbelakang sejarah dan peribadi agama Islām dari segi perbandingan dengan agama-agama lain, khususnya dengan Kebudayaan Barat dan agama Kristian, dengan tujuan untuk menjelaskan sifat-sifat asasinya masing-masing, agar supaya maksud seruan yang disampaikan dengan perantaraan risalah ini menjadi terang dan nyata kepada pembaca Muslimin sekalian. Telah kutinjau secara merumuskan dengan ringkas tetapi tepat dan benar sifat-sifat asasi Islām dan agama Kristian serta Kebudayaan Barat sambil menjelaskan perbedaan mutlak yang terdapat antaranya perihal faham Ketuhanan, tujuan hidup dan sikap terhadap agama, faham kesejahteraan duniawi, faham keadilan dan ilmu dan tugas dan tanggungjawab dan budipekerti, faham akhlak dan peranan diri perseorangan dan masharakat dan negara, faham kebudayaan dan kedudukan agama, faham perubahan dan pembangunan dan kemajuan. Dan kini kita tiba kepada takat menamatkan tinjauan serta penjelasan terhadap sifat-sifat asasi masing-masing dan perbedaan yang ternyata padanya dengan kata-kata akhir mengenai faham serta peranan bahasa atau kesusasteraan dan kesenian sebagaimana terdapat berlaku dalam kehidupan Kebudayaan Barat dan Kebudayaan Islām.

§36 Kenyataan yang sebenarnya baharu disedari oleh Kebudayaan Barat mengenai *bahasa*—iaitu bahawa bahasa senantiasa menempuh perubahan yang membayangkan serta saling-mempengaruhi perubahan dalam kehidupan masharakat—

berma'na bahawa mereka telah tiba pada takat keinsafan akan hakikat *perubahan* yang dianggapnya merupakan dasar kehidupan semesta. Maka yang dimaksudkan dengan 'perubahan dalam bahasa' itu sesungguhnya adalah perubahan dalam ma'na serta bentuk *faham-faham* yang terkandung dalam peristilahannya, dan bukan sahaja perubahan bentuk luaran, ya'ni perubahan bentuk kata serta ejaan dan sebagainya itu. Apabila dikatakan tadi tentang *peristilahan* dalam sesuatu bahasa, maka yang dimaksudkan bukanlah perbendaharaan katanya yang biasanya tersimpan terumus dalam kamus; sanya yang dimaksudkan itu hanya sebahagian kecil kata-kata yang terdapat dalam keseluruhan perbendaharaan kata sesuatu bahasa itu; akan tetapi walaupun dia sebahagian kecil daripadanya, justeru kata-kata itu merupakan kata-kata yang menayangkan pandangan hidup bangsa yang memiliki bahasa itu. Maka dari itu kata-kata seperti itu, yang mempengaruhi penanggapan penggunanya terhadap pandangan alam yang ditanggapnya, dan yang juga terpengaruh oleh alam dan kehidupan yang dibayangkan olehnya itu, merupakan kata-kata *dasar* yang di sini disebut sebagai 'peristilahan' dalam bahasa sesuatu bangsa. Oleh kerana faham peristilahan itu mungkin dikelirukan dengan peristilahan khusus yang berkuatkuasa dalam pelbagai bidang ilmiah, sedangkan yang kita fahami di sini adalah peristilahan yang kuatkuasanya berkisar dalam bidang kehidupan yang lebih umum sifatnya meskipun ia merujuk juga kepada ilmu, maka akan kita bezakannya di sini dengan menggelarnya *peristilahan-dasar*, sebab dia membayangkan *faham-faham dasar* yang menayangkan pandangan alam serta kehidupan yang dialami oleh yang memiliki sesuatu bahasa itu. Perubahan faham-faham yang terkandung dalam peristilahan-dasar bahasa sesuatu bangsa atau tamadun membayangkan perubahan dalam cara berfikir dan dalam pandangan alam bangsa serta tamadun itu, sebab peristilahan-dasar itulah yang merencanakan alam pada tilikan akal nazari, dan yang mentafsirkannya pada tanggapan akal insani menurut kebiasaan ma'na yang telah menetap dalamnya. Sebagai contoh, kita tahu bahawa dalam beberapa ratus tahun ini memang telah berlaku banyak perubahan dalam peristilahan-

dasar bahasa bangsa dan tamadun Barat yang membayangkan perubahan pemikiran serta pandangan mereka terhadap alam dan kehidupan dan hakikat semesta. Dari itulah maka para sarjana dan ahli fikir Barat menyedari kenyataan adanya berlaku perubahan pemikiran yang dianggapnya menuju ke arah penambahan ilmu, ke arah kesempurnaan ilmu diri insani yang dipercayai akan membolehkannya meneroka rahsia hakikat semesta. Faham evolusi telah juga mempengaruhi tanggapan ini, dan mereka menyatakan pula bahawa aliran perubahan yang demikian itu tiada dapat dibendung, atas dasar kedaulatan masharakat pengguna bahasa dan peristilahan-dasarnya, dan harus dianjurkan agar terus berlaku mengikut bawaannya demi mencapai 'kemajuan.' Maksudnya iaitu bahawa pandangan alam dan hakikat semesta yang telah sedia ditayangkan oleh peristilahan-dasar dalam bahasa itu harus berubah justeru demi menepati perubahan-perubahan lain dalam kehidupan; bahawa pandangan alam dan hakikat semesta yang sedia ada dalam peristilahan-dasar itu sudah tiada menepati pandangan *baharu* yang dijelmakannya berdasarkan pengalaman hidup *masakini*. Dan pengalaman hidup masakini menjelma akibat perubahan pemikiran bangsa-bangsa serta tamadun Barat sejak Abad Pertengahannya, yang mengalirkan faham-faham sekular ke dalam bidang ilmu, dan yang bertujuan untuk lambat-laun mensekularkan peristilahan-dasar bangsa-bangsa lain. Perubahan pandangan alam dan kehidupan serta hakikat semesta menerusi penggantian peristilahan-dasar dengan faham-faham sekular akan menjamin perubahan kehidupan masharakat; dan perubahan tersebut dianjur-bantu oleh kemasukan peristilahan-dasar bangsa-bangsa Barat ke dalam bahasa serta kefahaman kita. Dan kini kemasukan peristilahan-dasar Kebudayaan Barat sedang pesat berlaku, disebarkan oleh bangsa-bangsa kita sendiri tanpa semakan dan penapisan yang teliti, sehingga tiada menghairankan jikalau kini kita sendiri jua yang sedang giat mensekularkan bahasa kita serta peristilahan-dasarnya secara yang tiada disedari. Faham asasi yang terkandung dalam cara-hidup yang sekular adalah faham perubahan, ya'ni *perubahan* dengan maksud *tiada sesuatu yang mutlak melainkan bahawa*

segala perkara itu harus ditinjau dari sudutnya masing-masing; segala perkara itu harus dinilai dengan nilaian nisbi yang berlaku sah menurut zaman dan kecenderungan diri masing-masing mengikut pengalaman serta kesedaran hidupnya pada sesuatu masa dalam sejarahnya. Maka perubahan yang dimaksudkannya bukan sebarang perubahan, ataupun perubahan yang berlaku akibat kejahilan atau kekeliruan dan kealpaan; akan tetapi perubahan yang dimaksudkannya itu perubahan yang sudah dianggap sebagai *hakikat yang mutlak*, perubahan yang sudah dijadikan sebagai *nilai* serta *ukuran* hidup; perubahan yang merupakan suatu *falsafah* hidup. Kenyataan ini patut jelas menayangkan kepada fikiran kita betapa faham perubahan serta evolusi dalam hayat dan diri insani itu merupakan dasar sekularisme Kebudayaan Barat. Padahal perubahan serta evolusi yang dianggap berlaku dalam hayat dan diri insani itu sebenarnya hanya membayangkan perubahan serta evolusi yang *dialami* serta *disedari* dalam hayat dan diri *orang-orang Barat* jua; dan tiada harus pula dijadikan sebagai ukuran kebenaran yang boleh dikenakan kepada semua orang dan kebudayaan, seperti yang kini sedang dida'yahkan dengan hebatnya. Mengenai faham yang disebut sekular, dan mengenai pensekularan dan sekularisme itu nanti akan dihuraikan dengan lebih lanjut di perenggan 71 seterusnya. Kita tiada menafikan bahawa perubahan memang ada berlaku pada bahasa dan kehidupan; yang kita nafikan hanyalah bahawa perubahan *harus* berlaku, dan *harus* dijadikan *nilai* serta *ukuran* hidup, dan *harus* diterima sebagai *falsafah* hidup konon sebab perubahan itu adalah *hakikat* yang dialami serta disedari dalam diri dan hayat insan; yang kita nafikan hanyalah perubahan yang menafikan *penetapan*, yang meninjau segala perkara dengan nilaian nisbi, dan yang menyaru sebagai hakikat kehidupan.

§37 Meskipun kenyataan bahawa perubahan kehidupan masharakat dan faham-faham yang terkandung dalam peristilahan-dasar bahasanya saling mempengaruhi pemikiran serta pandangan alam dan hakikat semesta yang ditanggap oleh sesuatu bangsa, kita harus insaf bahawa bahasa Arab yang

merupakan bahasa Al-Qur'ān al-Karīm itu sesungguhnya tiada menempuh perubahan dalam faham-faham peristilahan-dasarnya seperti yang ditempuh oleh lain-lain bahasa. Hakikat ini berdasar pada sebab bahawa bahasa Arab itu—yang memang sudah mencapai taraf tertinggi di kalangan bahasa-bahasa bangsa insani sejak sebelum terbitnya Islām lagi—telah mengalami pembaharuan dengan kenaikan taraf keluhurannya ke peringkat kesempurnaan yang tiada dialami oleh lain-lain bahasa dengan dijadikannya sebagai bahasa Tanzil. Dan oleh itu maka faham-faham peristilahan-dasar yang terkandung dalamnya suci daripada sebarang perubahan, sebab maksudnya merujuk kepada perkara abadi. Pentafsiran mengenai sesuatu faham yang terdapat dalam Al-Qur'ānu'l-Karīm, dan yang seolah-olah tampak berlainan dari masa ke semasa, bukanlah membayangkan perubahan dalamnya, akan tetapi membayangkan *pendalaman* kefahaman yang tiada berkisar berubah dari faham asal dan dari mauduk peninjauannya; dan juga membayangkan peninjauan serba segi faham asal itu jua, justeru kerana kefahaman dan diri insan masing-masing bermartabat dan berdarjat, bukan peninjauan yang berdasar pada nilaian nisbi, sebab yang menjadi nilaian faham seperti itu bukannya pentafsiran atau peninjauan atau pendalamannya, akan tetapi justeru *faham itu sendirilah yang menjadi nilaiannya.* Bahasa Arab yang dimaksudkan ini, bukan dia merujuk kepada bahasa Arab Jahiliah; atau bahasa yang berasal dari penggunaan dan perkembangannya oleh bangsa Arab, akan tetapi bahasa Arab yang *baharu*, yang telah *diperislamkan* oleh Tanzil dan yang terus terpelihara oleh Al-Qur'ānu'l-Karīm, baikpun dari segi ma'na mahupun dari segi lafaz, dan oleh rencana-bentuknya sendiri zahir dan batin, sehingga tiada dia menempuh perubahan asasi seperti yang ditempuh oleh lain-lain bahasa dari masa ke semasa, dan dari itu sanya tiadalah dia dapat dirumpunkan dengan hakikat serta nasib bahasa-bahasa lain. Apabila keinsafan tentang kedudukan bahasa Arab ini telah disedari, maka akan jelas pula bahawa pandangan alam serta hakikat semesta yang ditayangkan olehnya itu berasas-punca pada Al-Qur'ānu'l-Karīm yang menjadi sumber peristilahan-dasarnya yang tiada lain melainkan peristilahan-

dasar Islām jua. Dan peristilahan-dasar Islām ini, yang terkandung dalam bahasa Arab, merupakan pula, sebagai penayang pandangan alam serta hakikat semesta yang berkuatkuasa dalam faham orang-orang Islām pada keseluruhannya. Yang dimaksudkan iaitu bahawa bahasa-bahasa asli orang-orang Islām semuanya yang bukan Arab telah diperislamkan dengan dimasukkan ke dalam bahasanya masing-masing peristilahan-dasar kata-kata Arab yang merupakan pandangan alam Al-Qur'ānu'l-Karīm dan Islām; dan dengan demikian maka wujudlah kenyataan *bahasa Islām* di kalangan bangsa insani. Tiada bahasa orang Islām yang bukan Islām, sebab semua bahasa orang Islām mengandungi peristilahan-dasar Islām yang juga merupakan peristilahan-dasar bahasanya masing-masing. Dan peristilahan-dasar Islām inilah yang menjadi *dasar* bahasa orang Islām; dan selagi orang Islām tetap Islām dan *sedar serta faham akan keislamannya*, maka peristilahan dasar itulah yang menjamin *penetapan* pada sifat pandangan alam serta hakikat semesta yang ditayangkan oleh bahasa serta pemikirannya, dan oleh kesusasteraan serta keseniannya; dan kebudayaannya akan tetap merupakan kebudayaan Islām jua, sebab peristilahan-dasar Islām itulah yang menjelmakan *kebudayaan* Islām. Kita tiada menafikan bahawa bahasa-bahasa orang Islām, termasuk bahasa Arab itu sendiri, mungkin mengalami kemasukan faham-faham asing—yang berlaku dengan pengambilan masuk kata-kata baharu dari bahasa-bahasa asing dan faham-faham yang terkandung dalamnya; akan tetapi selagi peristilahan-dasar bahasa Islām itu tetap berkuatkuasa dalam pemikiran orang Islām yang memiliki bahasa itu—perubahan yang tentu berlaku pada bahasanya itu tiada harus dan tiada patut pula mempengaruhi perubahan pada peristilahan-dasarnya. Malah apa yang seharusnya dan sepatutnya berlaku dalam keadaan begini—sebagaimana berlaku dahulu kira-kira dua ratus tahun selepas Hijratu'l-Nabiy, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, seterusnya hingga selepas zaman al-Ghazālī, raḍiya'Llāhu 'anhu, dengan kemasukan faham-faham asing ke dalam bahasa Arab mahupun hingga menyentuh peristilahan-dasarnya—iaitu bahawa segala faham yang membawa perubahan

pada bahasa Islām itu disesuai serta diselaraskan dengan faham-faham yang sedia ada pada peristilahan-dasarnya dengan sedemikian caranya sehingga perubahan-perubahan akibat penambahan kata serta istilah baharu itu tiada merosakkan rencana-bentuk serta rangkuman ma'nawi sifat bahasa itu, dan tiada mengelirukan pandangan alam serta hakikat semesta yang ditayangkan oleh peristilahan-dasarnya yang bersifat Islām itu. Ini berma'na bahawa selagi orang Islām sedar dan faham akan keislamannya, maka tentulah penetapan pada peristilahan-dasarnya akan terus terjamin; dan hanya apabila orang Islām sudah menjadi alpa dan jahil-keliru terhadap ilmu mengenai Islām dan pandangan alam serta hakikat semesta yang ditayangkan olehnya—takat itulah pengacauan dan perubahan pada bahasanya secara meluas dan mendalam akan berlaku. Jadi kesimpulannya iaitu bahawa orang Islām hanya akan menempuh perubahan seperti yang dimaksudkan oleh Kebudayaan Barat itu dalam bahasanya, dan kemudian menerusi perubahan bahasa terus pula kepada perubahan pemikiran dan kehidupannya, apabila dia sudah menjadi *jahil* dan *keliru*—ya'ni apabila dia *papa dalam ilmu mengenai pandangan alam serta hakikat semesta yang ditayangkan oleh Islām*; sedangkan orang lain menempuh perubahan seperti itu apabila dia kaya dalam ilmu, ya'ni sebab ilmu akan senantiasa merupakan perangsang bagi bergiat terus demi mencapai kebenaran dan mengenali hakikat semesta, sedangkan orang Islām, yang *sudah mencapai kebenaran dan sudah mengenali hakikat semesta itu* pula tentu akan menjadi liar seperti yang lain apabila dia lupa dan jahil serta keliru akan kebenaran dan hakikat yang telah dicapai serta dikenali itu. Maka yang dimaksudkan mengenai perubahan pada faham-faham peristilahan-dasar dalam bahasa-bahasa Islām—sekalipun bahasa Arab—ya'ni bahawa dia berpunca pada kejahilan dan kekeliruan tentang kandungan aslinya; dan yang demikian juga merujuk kepada kesilapan atau kekeliruan terhadap ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya, dan bukan dia merujuk kepada perubahan masharakat dan kehidupan yang disebabkan oleh 'evolusi' dan 'kemajuan' dan sebagainya seperti yang sudah tadi diterangkan.

§38 Kedudukan istimewa bahasa Arab dalam daya-kebolehannya menangkis sebarang perubahan asasi terletak juga pada rencana-bentuk zahir dan batin bahasa itu, yang tiap katanya berpunca pada apa yang disebut sebagai *akar*. Faham akar-kata dalam bahasa itu sahaja pun harus dengan sendirinya membayangkan bahawa bahasa itu ibarat pohon yang berdiri kukuh berakar pada bumi. Dan sebagaimana tiap akar yang terbenam dalam bumi itu berkena-mengena dengan yang lain dalam rangkaian pernisbahan yang meluas, sehingga akhirnya berpunca jua pada batang dan dahan dan cabang dan ranting dan daun dan pucuk—begitulah tiap faham yang terkandung dalam akar-katanya itu berkena-mengena dalam rangkaian pernisbahan ma'nawi yang meluas, dan bertemu-menemu dalam faham yang lebih besar dan seterusnya, hingga faham-faham itu pada akhirnya bertemu pula dalam suatu faham agung yang merupakan punca peristilahan-dasar baginya—iaitu faham *tawhid*. Maka menepati ibarat ini kita terus tahu bahawa tiada mungkin akar itu berubah-ubah atau diganti dengan yang lain. Faham-faham yang terkandung dalam kata-kata yang merupakan peristilahan-dasarnya saling bersangkut-paut berkait-mengait mencarakan rencana yang menayangkan pandangan alam dan hakikat semesta. Sanya sesungguhnya bagi Islām dan bahasa-bahasa Islām, maka pandangan alam dan hakikat semesta yang ditanggapkan pada penglihatan akal dan kalbu terencana dalam susunan mutlak peristilahan-dasar Al-Qur'ānu'l-Karīm. Tiada satu pun kata-dasar yang mengandung faham-dasar dalam Al-Qur'ānu'l-Karīm itu berdiri sendiri tanpa merencanakan pernisbahan ma'nawi dengan yang lain, melainkan sanya semuanya saling bernisbah mengikut martabatnya dalam susunan ma'nawi peristilahan-dasar sehingga merujuk kepada kata-dasar agung lagi tunggal yang mengawal segala penumpuan faham kepadanya sendiri—ya'ni kata ALLĀH. Misalnya perkataan *alam*: maka perkataan ini berasal pada akar-kata 'ALM, yang juga merupakan akar bagi perkataan *ilmu*. Meskipun para ahli bahasa Arab tahu bahawa istilah *alam* itu terbentuk dari perkataan *alamat*, namun demikian perkataan *alamat* itu sendiri

berakar pada akar-kata 'ALM jua. Dan ma'na alamat itu merujuk kepada *tanda*, atau *ciri*, atau *bekas* yang *memberi tahu* tentang sifat yang meninggalkan bekas itu; dan dari itu maka nyatalah faham bahawa *alam* itu tanda, atau ciri atau bekas yang memberitahu tentang perkara yang dirujuk oleh tanda dan ciri dan bekas itu sehingga yang dirujuknya menjadi nyata *ketahuan*. Dengan demikian juga maka menjadi semakin jelas tampak perkaitan zahir dan batin antara perkataan dan faham *alam* itu dan perkataan dan faham ilmu, sebab *ilmu* diperoleh daripada tanda-tanda dan ciri-ciri serta bekas yang menyampaikan *pengetahuan* perihal *ma'na* yang ditandakan dan dicirikan oleh sesuatu itu. Dan ilmu memang merujuk kepada ma'na sesuatu, kerana ilmu tiada lain daripada *perolehan diri akan ma'na sesuatu;* ya'ni ilmu itu perolehan diri ruhani akan ma'na sesuatu yang menyebabkan diri itu mengetahui dan mengenali sesuatu itu seperti adanya. Maka ma'na yang ditandakan oleh tanda itu bermaksud pada *yang menjadikan* tanda itu, ya'ni *yang mewujudkan* tanda itu, kerana tanda wujud sebab ada yang ditandakan olehnya; dan demikianlah *alam* merupakan tanda yang menandakan Khaliqnya, ya'ni yang dengannya Khaliq jadi nyata ketahuan. Sebab itulah jua maka alam itu digelar *al-khalq*, ya'ni Kejadian Semesta yang dijadikan oleh Khaliq, dan yang bermaksud pada segala jenis makhluq pada keseluruhannya. Perkaitan ma'nawi dengan perkataan *khalq* merumpunkan faham alam itu dengan faham *Khāliq* dan *makhlūq* dan *akhlāq*, yang semuanya berakar pada kata KHLQ, yang bermaksud: 'memberikan kepada sesuatu sukatan yang tepat, atau ukuran yang sempurna baginya'—ya'ni bagi sifat asali atau bawaan yang sedia ada padanya. Jadi kita lihat dari ini bahawa Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, menjadikan (*khalaqa*) sesuatu itu dengan memberikan sukatan serta pertimbangan yang tepat yang sesuai dengan bawaan sesuatu yang dijadikan itu. Perkaitan ma'nawi antara faham *alam* dan faham *khalq* itu menjelaskan bahawa kejadian makhluq semesta yang merupakan alam ini berdasarkan pemberian sukatan serta pertimbangan yang tepat yang sesuai dengan sifat bawaan yang dijadikan. Dan keadaan ini mengaitkan maksudnya sehingga merujuk semula kepada faham *ilmu*, sebab ilmulah yang

berkuatkuasa memberitahu tentang sukatan serta pertimbangan yang tepat serta sesuai itu. Maka alam ini tiada jadi dijadikan dengan sewenang-wenang; sanya sesungguhnya dia akibat rencana Ilmu Yang menjadikannya, yang Mahatahu menetap serta meletakkan tiap sesuatu yang dijadikanNya itu tepat pada tempatnya masing-masing—pada sifatnya dan bawaannya dan *tabiatnya*. Dengan ini maka harus tertilik oleh pandangan akali betapa faham yang baharu disebut itu merujuk kepada faham *keadilan*, kerana yang terkandung dalam ma'na *adil* itu bermaksud pada *hikmat* dan *hukum* yang mengenakan pertimbangan serta penyukatan yang sempurna sesuai bagi sifat tiap sesuatu nescaya dia berada tepat pada tempatnya. Tadi kusebut perkataan *tabiat*; dan perkataan ini berakar pada kata ṬB'A, yang merujuk kepada *pengecapan*, ya'ni penerapan cap pada sesuatu sehingga cap itu menetapkan sifat bawaannya. Maka tiap-tiap makhluq telah diterapkan dengan capnya masing-masing yang menentukan sifat bawaannya; dan dari itu jugalah maka kejadian semesta—alam ini pada keseluruhannya—digelar dengan nama *tabiat*. Dan istilah *tabiat*, berbeza dengan *nature*—yang difahamkan sebagai menyamari Khaliq dan sebenarnya menafikan adanya Khaliq selain daripada *nature* itu sendiri, yang memahamkan bahawa alam tabii ini jadi dengan sendirinya. Istilah *tabiat* pula sebaliknya membayangkan adanya Khaliq yang menjadikan tabiat itu sendiri. Penghuraian ringkas ini peri perkataan *alam* dan faham yang terkandung dalamnya, yang dengan sendirinya menjelaskan kenyataan ma'nanya pada akarnya, pada perkataan-perkataan lain seperti *ilmu* dan *alamat*, dan seterusnya pada *makhluq* dan *Khaliq* dan *adil* dan *tabiat*, dan banyak lain-lain lagi yang tiada dihuraikan di sini, sudah cukup jelas menerangkan sifat peristilahan-dasar yang sedang kita bincangkan di sini; betapa dia kukuh berkait-mengait merencanakan dengan tepat serta tetap pandangan alam serta hakikat semesta yang ditayangkan oleh Islām itu. Dan bukan hanya istilah-istilah yang terbentuk dari perkataan-perkataan Arab itu sahaja yang mengambil peranan demikian, bahkan istilah-istilah yang terbentuk dari perkataan-perkataan bukan Arab dari bahasa asli *yang telah diperislamkan* itupun turut

menentukan maksud ma'nanya—ya'ni ma'nanya *di sisi* Islām—kerana istilah-istilah itu semua telah menerima pengaruh ma'nawi istilah-istilah Arab yang merupakan alat-alat dasar penayang fahaman kehidupan serta hakikat semesta yang direncanakan oleh Islām. Dalam menghuraikan sedikit sahaja perihal sifat bawaan bahasa Arab itu sebagaimana yang dikemukakan di atas, maka patut cukup jelas kiranya kenyataan bagaimana tiap kata dalam peristilahan-dasar Islām itu mempereratkan rangkaian pernisbahan ma'nawinya satu sama lain dalam menayangkan gambaran agung peri hakikat semesta yang ditanggapkan kepada akal dan yang digelar sebagai 'pandangan alam' itu. Dan tiada dapat pandangan alam itu berubah gambarannya dalam tanggapan akal, melainkan fahaman yang terkandung dalam tiap istilah peristilahan-dasar yang menayangkannya itu dirobah pula, yang mana memang mustahil dapat berlaku kerana perubahan pada satu-satu faham dalam peristilahan-dasar itu akan melibatkan perubahan faham pada tiap yang lainnya, yang tentu akan disedari oleh yang sedar menggunakan bahasa itu sehingga tiada akan dibiarkannya sahaja berlakunya kejadian seperti itu. Sebagaimana yang telah disebut tadi, sifat ilmiah bahasa Arab seperti yang terbayang dalam huraian ringkas di atas memang sudah mencapai taraf tertinggi dalam sejarah pelbagai bahasa sejak sebelum zahirnya Islām lagi di kalangan bangsa Arab; dan perlantikannya oleh Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, sebagai bahasa Tanzil sehingga menjadi suatu bahasa Arab *baharu*, meletakkannya pada taraf yang sangat luhur dalam pertuturan serta pemikiran bangsa insani. Oleh kerana Tanzil itu merupakan yang terakhir bagi insan semesta, maka faham-faham yang terkandung dalam peristilahan-dasarnya memang dimaksudkan agar mencapai nilai *penetapan* yang tiada menempuh perubahan dan yang munazzah atau suci dari terkena babitan gejala-gejala peredaran masa dan sejarah. Penetapan demikian itu merujuk kepada kejernihan faham-fahamnya, yang menjamin penjelasan ma'na bagi seluruh masa. Sebab itu maka Al-Qur'ānu'l-Karīm sendiri menda'wa bahawa bahasa yang terencana olehnya itu 'tiada berbengkang-bengkok' (*ghayra dhī 'iwaj*) tetapi tepat teratur tertib dan jelas (*Kitābun fuṣṣilat*

āyātuhu). Oleh kerana Al-Qur'ānu'l-Karīm itu juga merupakan kewibawaan yang tertinggi perihal menentukan bentuk serta nahu dan ma'na bahasa Arab dari segala segi penggunaannya, maka selagi dia terus dibaca serta berkuatkuasa dalam kehidupan kita sebegitulah akan terus peristilahan-dasar dalam pelbagai bahasa Islām semuanya itu berkuatkuasa dalam menayangkan pandangan alam yang terencana dalamnya.

§39 Bilamana Islām menyebarkan diri pada bangsa-bangsa insani maka yang pertama menerima kesan keislaman tertayang pada bahasa bangsa-bangsa itu, kerana pengislaman sesuatu bangsa nyata terjelma dalam rencana bahasanya. Maka di sisi kebudayaan pengislaman bahasa itu diutamakan oleh Islām justeru sebab pengislaman bahasa merencanakan pengislaman pemikiran. Dan pemikiran yang diislamkan itu merencanakan pandangan alam yang ditayangkan oleh peristilahan-dasar Islām menerusi bahasa Arab. Maka dengan ini nyatalah bahawa Islām sedari awal-mulanya memang mengenali sifat sesuatu bahasa itu sebagai merupakan suatu rencana pandangan terhadap alam dan hakikat semesta, yang masing-masing berbeza mentafsirkan hakikat pengalaman dan keadaan sekeliling menerusi tapisan bahasa jua; memang mengenali bahawa bahasa itu seakan-akan suatu tabir tipis beraneka-warna yang senantiasa berada di hadapan wajah akali si pemandang alam, baikpun yang dipandangnya itu alam zahir mahupun alam batin. Maka warna dan corak, sifat dan bentuk alam yang dipandang itu akan terpengaruh juga oleh sifat bawaan tabir tipis bahasa yang merupakan alat akali bagi mengawal merencana-bentukkan corak gambaran serta pengertian dan pentafsiran yang berlaku menerusinya itu. Dengan ini kita lihat jelas bahawa bahasalah jua yang menimbulkan masalah yang paling rumit dalam ilmu falsafah. Dapat juga direnungkan bahawa sesungguhnya nahu sesuatu bahasa itu merupakan bagi kebudayaan suatu rencana penerokaan terhadap hakikat kejadian semesta yang difahami serta difahamkan oleh kebudayaan, dan perbendaharaan-katanya mencorakkan faham-faham yang membina rencana penerokaan itu. Kesimpulannya sangat jelas bahawa pengislaman bahasa itu

merupakan unsur utama bagi kefahaman terhadap Islām dan kebudayaan serta tamadun Islām pada keseluruhannya. Sekiranya rencana ma'nawi serta pernisbahannya yang terdapat dalam peristilahan-dasar bahasa-bahasa orang Islām itu dikacau-kelirukan maksudnya, dan disaru-samarkan dengan rencana ma'nawi serta pernisbahannya yang dibawa masuk dari sumber-sumber asing, maka sudah barang tentulah akan berlaku apa yang digelar di sini sebagai *penafian pengislaman* dalam pemikiran dan fahaman; sebab keadaan demikian menafikan pengislaman yang telah dikenakan pada pemikiran orang Islām menerusi peristilahan-dasar bahasanya. Dan keadaan demikian ini memang kini sedang pesat berlaku di kalangan Kaum Muslimin.

§40 Mengenai faham kesusasteraan pula maka pada umumnya kebudayaan Barat membahagi pengertiannya kepada dua bahagian: yang satu merujuk kepada falsafah perihal rasa seni terhadap keindahan atau kecantikan, ya'ni *aesthetics*, dan yang satu lagi kepada kandungan ma'nawi mengenai apa yang dimaksudkannya dengan istilah 'kesusasteraan', ya'ni *literature*. Mengenai faham kesusasteraan yang merujuk kepada falsafah keindahan dan kecantikan mereka berpendapat, antara lain dari faham-fahamnya yang utama, bahawa kesusasteraan bermaksud pada merenungkan hal-hal mengenai puisi. Istilah *aesthetics* berasal dari bahasa Yunani: *aisthesis* yang berma'na *tanggapan pancaindera*. Ma'na-dasar ini menerangkan kepada kita pengertian bahawa renungan-renungan terhadap keindahan dan kecantikan dan kesenian itu merupakan hasil tanggapan pancaindera. Kemudian dikembangkan pula pengertian ini sehingga dapat melampaui batas pancaindera ke alam fikiran sebagai *falsafah* keindahan dan kecantikan dan kesenian, justeru kerana dia juga terlibat dalam perkara merenungkan masalah-masalah kefahaman yang berkait dengannya, serta pandangan-pandangan yang merupakan pelbagai teori mengenai sifat-sifatnya. Maka dia juga merujuk kepada ilmu yang memberitahu tentang keindahan dan kecantikan dalam alam tabii dan alam insani dan dalam kesenian; ilmu tentang sifat-sifatnya dan sharat-keadaannya serta gaya penyelarasannya dengan peraturan tetap

yang dapat mengawalnya. Meskipun persoalan pokok yang direnungkan oleh falsafah keindahan dan kecantikan dan kesenian itu berasal dan berkisar di sekitar alam fikiran, namun begitu perkembangannya ke zaman kita kini telah melibatkannya secara yang mesra dengan alam perasaan, ya'ni kini falsafah keindahan dan kecantikan dianggap harus bertujuan untuk melayani kesedapan indera jasmani dalam meni'mati kecantikan, dan harus bertujuan untuk melayani apa yang digelarnya sebagai 'dorongan' diri jasmani yang menganjurkannya agar menjelmakan hasil seni yang asli.

§41 Pada asal-mulanya, sebelum zaman zahirnya para failasuf, kesusasteraan dianggap sebagai sumber ilmu dan hikmat yang menyimpan rahsia nasib dan maut, yang menyimpan rahsia para dewa. Akan tetapi dengan zahirnya para ahli fikir dan terbitnya falsafah maka keutamaannya sebagai sumber ilmu dan hikmat telah digugat dan direbut oleh falsafah. Kesusasteraan dianggap sebagai bersifat meniru tabiat-raya, dan oleh itu maka hasilnya hanyalah benda tiruan, bukan ciptaan asli, dan dengan demikian dia juga menyamari kebenaran sehingga sebenarnya merupakan kepalsuan. Kesusasteraan adalah hasil indera khayali yang menanggapkan karya rekaannya dan menganjurkan penerimaan karya rekaan itu seolah-olah dia benar perkara yang ada berwujud hakiki. Walau bagaimanapun, dan meskipun diakui benar kesusasteraan itu bercirikan sifat meniru tabiat-raya, akan tetapi dipertahankan juga akan hasilnya bukan dia semata-mata tiruan, kerana kesusasteraan itu penjelmaan khayalan, atau tinjauan penglihatan batin dan penyataan rasa batin yang menjelmakan fikiran dan fahaman terhadap sesuatu yang dikemukakannya sebagai kiasan atau peribaratan. Kesusasteraan merupakan cita-cita mulia yang bermaksud untuk memupuk ketertiban budi; dia juga merupakan nilai abadi, sebahagian penting kebudayaan sesuatu bangsa, ukuran benar bagi menilai cita-rasa, budi, dan daya bangsa; dia merupakan 'falsafah' orang awam.

§42 Meskipun hingga kini masalah penjelasan mengenai perbezaan antara puisi dan prosa masih belum lagi dapat

diselesaikan, namun begitu mereka akui memang nyata disedari ada perbezaan itu. Dengan ringkasnya dinyatakan bahawa yang membezakan puisi dari prosa ialah bahawa prosa itu percakapan atau bahasa biasa, sedangkan puisi adalah percakapan atau bahasa istimewa. Yang menjadi pokok masalahnya di sini adalah masalah menjelaskan apakah dia 'keistimewaan' percakapan atau bahasa yang mensifatkan puisi itu? Antara ciri-ciri yang menyatakan keistimewaan ini termasuk susunan serta irama kata, rentak bunyi, dan daya penyataan yang mencara-gayakan sesuatu bentuk dan jenis puisi, dan yang membantu pada menentu serta membataskan kandungan ma'nanya nescaya terkawal tiada kabur. Satu lagi ciri keistimewaan percakapan atau bahasa puisi berbanding dengan prosa ialah bahawa kandungan ma'na yang terdapat dalam puisi tiada sama dengan yang terdapat dalam prosa kerana bentuk ma'nawi puisi tiada dapat ditimbulkan dalam prosa. Begitu pula ternyata bahawa tujuan akhir puisi dan prosa masing-masing berlainan: puisi bertujuan untuk menimbulkan kesan dalam diri si pendengar atau si pembaca yang berdaya menggeraknya agar mengalami rasa-suka kesedapan, agar menawan hati mena'jubkannya, agar melawaskan hatinya dari kerisauan pokok rasa takut dan hiba hati yang mengharung dirinya. Nilai prosa, sesudah kandungan ma'nawinya dikenali, boleh digubah dalam bentuk lain dan digunakan serta disimpan menerusi cara lain. Nilai puisi tiada dapat dipisahkan dari bentuk kandungannya.

§43 Kedudukan si pereka puisi, ya'ni penyair, dalam masharakat seakan-akan failasuf, kerana puisi memang sejak zaman prafalsafah lagi sudah sedia dianggap sebagai suatu kenyataan utama ilmu teologi atau ilmu 'ketuhanan'; dan si perekanya menda'wa mendapat ilham daripada 'Tuhan' dan kononnya merupakan penyingkap tirai yang menyelubungi rahsia luhur alam ghaib. Sesungguhnya benar bahawa pada zaman purbakala, dan juga di kalangan masharakat jahiliah yang masih meneruskan peninggalannya ke zaman kita ini, para penyairlah yang mengambil peranan utama dalam perkara kepercayaan dan agama. Akan tetapi dengan zahirnya golongan para failasuf yang

telah menerbitkan ilmu falsafah maka golongan penyair dan puisinya—seperti telah disentuh di perenggan 41—telah mendapat laberakan hebat daripada golongan failasuf, dan kedudukan utamanya di kalangan masharakat telah digulingkan. Perlu ditegaskan bahawa yang dilaberak itu bukan *puisi*, akan tetapi *golongan penyair* dan *puisinya*—yang pada umumnya memang benar menda'yahkan kepalsuan dan kekeliruan dan kerosakan akhlak. Maka dari itu golongan para failasuf telah selanjutnya menetapkan sharat-sharat puisi dengan mengutamakan keistimewaan unsur-unsur akliah dan pengeluaran hasil yang menimbulkan kebaikan, serta mensharatkan bahawa puisi itu harus menyatakan kebenaran, harus mencarakan susunan-tertib pada kandungan dan bentuknya, dan harus suci daripada keburukan. Selain dari sharat-sharat ini, kemudian ditambah pula pada zaman klasik itu sharat-sharat bahawa puisi harus mempunyai keseimbangan dan kesaksamaan antara pelbagai bahagiannya satu sama lain dan keseluruhannya, dan harus mengandung ketegasan ma'na. Akhirnya ditetapkan bahawa kemuncak kemurnian yang dapat dicapai oleh puisi merupakan *tragedi* jua, kerana tragedi melakonkan hakikat drama agung yang membayangkan keluhuran sifat kemanusiaan. Tragedilah kononnya yang dapat berjaya melawaskan hati dari kerisauan pokok yang mengharungi diri insani. Kelawasan hati yang dimaksudkan itu digelar dengan nama *catharsis*, dari bahasa Yunani *katharos* dan *kathartikos*, yang mengandung erti 'pembersihan' atau 'penyucian' seperti pembersihan atau penyucian yang diakibatkan oleh pencahar. Dan tragedi itulah dia yang mengambil peranan 'pencahar' bagi melawaskan hati nan getar khuatir dan sedih-hiba. Pada zaman pertengahan pula keutamaan unsur-unsur akliah dan amaliah ditekankan sebagai unsur-unsur wajib bagi puisi. Dari abad kedelapanbelas seterusnya pengaruh rasionalisme Barat tampak berkesan pada faham puisi, yang dianggapnya sebagai berintisarikan daya khayali yang merupakan 'bahasa gambaran' dan yang mencirikan peninggalan sifat manusia purba dalam 'evolusi' masharakat. Faham *dualisme* atau penduaan hakikat dan kebenaran, yang berpunca pada penduaan akal dan badan yang telah ditimbulkan

pada zaman sebelumnya, menaruh kesannya juga pada perbincangan lanjut mengenai puisi dengan mengarahkan puisi agar bertujuan mencapai keseimbangan antara kedua hakikat penduaan itu. Kebebasan bentuk-bentuk seni dipertahan serta dianjurkan dan faham seni untuk seni timbul merebak. Kemudian dengan menjelmanya faham sosialisme, seni untuk masharakat pula mendapat perhatian di alam suasana masharakat Barat, dan perbincangan mengenai keutamaan yang manakah yang harus dipertahankan masih berlangsung tanpa penyelesaian. Bahawa seni itu merupakan tiruan seperti yang telah dikatakan oleh para failasuf kala lampau memang tetap diakui kini, dengan erti bahawa 'tiruan' itu tiada semestinya sesuatu yang palsu, kerana tiruan kebenaran tiada palsu asalkan dia merupakan bayangan tepat yang diperoleh dari pandangan mata hati; dan pengakuan bahawa hasil tiruan seni itu adalah *ciptaan asli* berdasar pada *daya khayalan* yang menyusun serta mengatur semula bahan-bahan yang dinyatakan oleh kebenaran itu.

§44 Mengenai apa yang dimaksudkan dengan istilah *literature* yang difahamkan sebagai kesusasteraan, maka istilah itu pada dasar ma'nanya merujuk kepada 'huruf yang tertulis'; jadi maksudnya berkenaan dengan kata-kata yang tertulis atau tercetak. Yang tepatnya *literature* bermaksud *persuratan* termasuk sastera pertuturan; dia merujuk kepada kata-kata yang disebut dan dicatitkan; dia merupakan riwayat tertulis sejarah insan secara terbatas; dia adalah penyataan sesuatu perkara yang telah dibuat, disebut dan dirasai. Yang mereka maksudkan dengan 'perkembangan' atau 'kemajuan' dalam kesusasteraan itu ialah 'penambahan' pelbagai kemungkinan *cara penyataannya.* Kesusasteraan juga dianggap mereka sebagai suatu cara-helah bagi mempertahankan insan dari rasa sunyi diri, dari maut dan kehapusan abadi, dari desakan masa nan membinasakan daya dan upaya. Insan dijelmakannya sebagai pahlawan yang melakon lakonan kepupusan, yang berani menghadapi, menerima dan menempuh nasibnya ke saat akhirnya. Justeru adanya Mautlah maka kononnya seni itu menjelma sebagai suatu dorongan kegentingan rasa-perlu dalam diri bagi menangkis cabarannya.

Akhirnya, meskipun mereka sedari benar penglibatan mesra yang berlaku antara kesusasteraan dan sejarah pengalaman insan dalam kehidupan duniawi, dan meskipun mereka insaf akan berlakunya perubahan sifat-tugas serta tujuan kesusasteraan dan seni menurut perubahan yang dialaminya dari zaman ke zaman—ya'ni perubahan yang berlaku berdasarkan timbulnya nilai-nilai hidup baharu yang direkanya dari zaman ke zaman—sanya tiada juga dapat dijelaskannya perihal adanya atau tiadanya berlaku suatu peraturan tetap atau undang-undang ilmiah yang terlihat sebagai menentukan secara yang sama-tetap pertalian mu'tamad yang berlangsung antara keadaan masharakat dan tabiat raya dan kesusasteraan. Kesimpulannya iaitu bahawa keadaan kemasharakatan dan penyerapannya yang mesra dengan peredaran sejarah itu tiada merupakan penjelasan yang lengkap mengenai asal-usul serta kunhi sifat kesusasteraan.

§45 Kesimpulan yang harus ditarik dari gambaran ringkas yang jelas tampak mengenai tanggapan kebudayaan Barat terhadap bahasa dan kesusasteraan dan kesenian itu adalah hakikat *perubahan* yang dialaminya pada tiap zaman dan keturunan yang menjelmakannya. Pengalaman hidupnya menegaskan kepada dirinya seolah-olah perubahan itu *wajib* berlaku kerana Hakikat dan Kebenaran yang dituntutnya senantiasa liar, senantiasa luput dari pencapaian diri; atau lebih tepat lagi dan benar pula mengikut pengalamannya, seolah-olah hakikat dan kebenaran itu tiada yang mutlak, yang kukuh mu'tamad boleh menjadi pegangan yang berkekalan untuk semua diri dan dalam segala zaman, sehingga dapat dia menjadi *pedoman tetap* bagi hayat insani. Tiap hakikat dan kebenaran itu hanya untuk tiap diri dan zamannya jua, kerana dia berubah mengikut tafsiran baharu tiap zaman dan keturunan mendatang. Maka tiap nilai dan kepercayaan dan pegangan hidup akan senantiasa berubah berganti dengan yang lain, meskipun tiap satunya itu dianggap sah belaka bagi tiap diri yang menganuti mengamalkannya pada zaman dan keturunannya yang tertentu. Seolah-olah tiap ma'na-hidup lama dan ma'na-diri yang menjelmakannya serta juga dijelmakan olehnya, sudah tiada lagi menepati keadaan baharu,

sudah tiada lagi sesuai bagi mema'nakan kehidupan dan kedirian baharu yang dijelmakannya terus. Kehidupan itu ibarat pengembaraan tanpa persuaan, yang senantiasa ditempuh bagi mencari ma'nanya; dan kedirian itu ibarat yang menjelmakan serta juga dijelmakan oleh ma'nanya. Dan ma'na-hidup demikian—sekalipun mungkin tercapai oleh diri yang menuntut mencarinya—tiada dapat lari dari nasib terkena hukum nilaian nisbi jua.

§46 Walau sekalipun mungkin dapat kita menerima adanya faham-faham dalam Islām yang seakan-akan sama dengan yang terdapat dalam Kebudayaan Barat mengenai falsafah perihal rasa-seni terhadap keindahan dan kecantikan, mengenai kesusasteraan dan kesenian, sebagaimana yang telah dirumuskan dalam perenggan 40 seterusnya, namun tiada juga dapat kita ingkar dari menolak-nafikan beberapa faham asasi yang menjelmakan permasalahan dalam pengertian tentang sifat serta tujuan dan peranan kesusasteraan itu sendiri. Yang jelas bertentang dengan faham Islām iaitu faham perubahan dasar yang telah disebut di perenggan 36 dan 45. Kita tiada menafikan bahawa *rencana-bentuk* puisi itu menempuh perubahan; bahkan memang benar bahawa perubahan bentuk puisi dalam kesusasteraan Islām itu telah lama berlaku sehingga menjelmakan banyak jenis puisi yang memperkayakan perbendaharaan seni bahasa. Jadi perubahan demikian itu sedia dianjurkan, asalkan dia berasas pada cita-rasa asli kebudayaan Islām; asalkan dia timbul dari diri asli si Muslim yang sedar akan keperluan hasrat masharakatnya; asalkan jangan dia tiruan dari sumber asing tanpa timbang rasa keadaan sendiri; asalkan jangan dia itu sumbang berbunyi palsu tiada kena pada hakikatnya. Maka yang kita tolak-nafikan adalah perubahan *dasar*, perubahan *nilai* serta *pandangan* hidup. Oleh kerana Islām itu kenyataan Tanzil, maka dia sudah sempurna lengkap tertubuh kukuh dalam sejarah kehidupan insan; dan nilai-nilai hidup serta dasarnya, yang darinya terpandang hakikat hidup kita, telah pun ditetapkan sehingga menerapkan padanya sifat keabadian. Dengan itu maka segala nilai lain yang mesra dalam kehidupan harus diselaraskan dengan nilai-nilai dasar Islām itu. Kesedaran serta pengenalan akan sifat serta bentuk kebudayaan

Islām, yang seharusnya dimiliki oleh semua diri yang Muslim, berdasar pada ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya. Dan mereka yang berilmu sedia sedar dan tahu dan akan berjaya melangsungkan penyelarasan nilai seperti yang dimaksudkan itu. Sanya sebenarnya, kesusasteraan itu bagai bidan yang membantu melahirkan cita-rasa insani dari tubuh kesenian dengan peralatan halus bahasa murni. Sebagaimana dengan zahirnya falsafah dalam penjelmaan Kebudayaan Barat, kesusasteraan itu tiada lagi dianggap sebagai sumber ilmu dan hikmat yang menyimpan rahsia hayat dan maut dan nasib insani, yang menyimpan rahsia dewata raya, melainkan terpaksa juga dia ta'luk pada kewibawaan falsafah yang mengambil alih kedudukan utamanya—begitulah dengan zahirnya Tanzil dalam penjelmaan Islām, kesusasteraan itu tiada lagi dianggap sebagai sumber ilmu dan hikmat yang menyimpan rahsia alam ghaib, melainkan dia, dalam rencana-bentuk puisi atau prosa, merupakan tafsiran yang menghurai Tanzil jua. Maka kesusasteraan—dan falsafah sekalipun—bukan dia itu sumber ilmu dan hikmat, akan tetapi sanya dia *tafsiran hakiki* yang menghuraikan *ciri-ciri* atau *tanda-tanda*—ya'ni *ayat-ayat*—yang terkandung dalam Tanzil menerusi cara dan gaya seni bahasa yang menarik menawan pengenalan dan pengakuan diri. Yang dikatakan Tanzil itu adalah kenyataan Ilahi menerusi kata-kata SuciNya yang disampaikanNya kepada insan dengan perantaraan wahyu kepada PesuruhNya dan yang termaktub sebagai Kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm. Yang dikatakan ciri-ciri yang terkandung dalam Tanzil itu bukan sahaja yang merujuk pada kata-kata SuciNya, akan tetapi juga pada semesta sekalian Tabiat Raya. Maka sesungguhnya semesta alam inipun, seperti Tanzil itu jua, suatu kenyataan Ilahi yang terjelma sebagai makhluk yang mencirikan Khaliqnya; dan ciri-ciri Tabiat Raya yang nyata di hadapan kita ini seolah-olah seperti kata-kata Suci yang terjelma tercara sebagai suatu Kitab agung tabii yang terbuka terpamer pada penglihatan dan renungan, dan yang luasan peninjauannya, baikpun yang jasmani mahupun yang ruhani, terumus meliputi lintasan ufuk berganda dan diri insani. Kesusasteraan itu suatu penghuraian terhadap ciri-ciri dalam Tanzil dan dalam Alam

Tabiat Raya yang dilaksanakan menerusi bahasa luhur atau bahasa seni. Maka rangkuman peninjauannya meliputi seluruh kehidupan insani zahir dan batin.

§47 Kita harus perhatikan pula bahawa dalam Islām bukanlah tiada disengajakan akan kesusasteraan itu diberi nama *adabiyyat*, yang maksud pengertiannya berpunca pada faham *adab*. Adab itu *pengenalan serta pengakuan akan hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang, dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat, yang merupakan suatu hakikat yang berlaku dalam tabiat semesta*. Tiap yang dijadikan, tiap sesuatu dan seseorang, memiliki *hak* berada dalam keadaan dan kedudukan yang terencana dalam suatu susunan berperingkat martabat dan darjat, dan yang terukur keluhuran nilainya menurut sifatnya masing-masing. Dan adab itu *pengenalan akan hak itu*, serta juga *pengakuan akannya*; kerana andai kata pengenalan sahaja tanpa pengakuan, maka manatah boleh jadi benar akan hak yang dikenali itu tanpa diakui pula hakikatnya? Begitu jugalah halnya dengan pengakuan sahaja tanpa pengenalan, maka betapakah sah akan hak yang diakui itu tanpa dikenali pula hakikatnya? Jikalau pengenalan tiada diturut serta oleh pengakuan, atau sebaliknya pengakuan tiada diturut serta oleh pengenalan, maka sia-sialah belaka pengenalan dan pengakuan itu, kerana menyalahi maksud mengenal dan mengaku. Pengenalan itu merujuk pada *pendapatan* atau *perolehan diri akan hak sesuatu*; dan pengakuan pula merujuk pada *perbuatan diri terhadap hak sesuatu*. Pengenalan itu *ketaranya hak sesuatu bagi diri yang mengenal*; pengakuan itu *menerimanya diri untuk bertindak menyesuaii hak yang dikenalnya*. Pengenalan itu *ilmu*; pengakuan itu *amal*. Pengenalan tanpa pengakuan seperti ilmu tanpa amal; dan pengakuan tanpa pengenalan seperti amal tanpa ilmu—keduanya sia-sia kerana yang satu mensifatkan keingkaran dan keangkuhan, dan yang satu lagi mensifatkan ketiadasedaran dan kejahilan. Mengenai faham *hak* pula, maka yang dimaksudkan itu bukan sahaja ertinya sebagai *kebenaran*; akan tetapi juga semua ertinya yang lain seperti yang terdapat dalam penggunaan bahasa Arab dan peristilahan Islām, ya'ni khususnya

yang merujuk kepada ma'na *kewajiban, keperluan*; *tugas*; *sesuai dengan tabiat*; *tiada dapat tiada* dan sebagainya. Kebenaran ertinya *sesuatu yang benar yang sesuai* dengan *keperluan* ilmu dan hikmat; dia juga *sesuatu yang betul* yang *sesuai* dengan *keperluan* keadilan; dan dia juga terbukti wujud *tiada dapat tiada*. Yang benar itu mewajibkan dia diakui kebenarannya; dan yang benar itu mewajibkan bagi pihaknya menyesuaikan kebenarannya dengan keperluan ilmu dan hikmat dan keadilan. Maka yang benar itu mengandung sifat *tugas* miliknya sendiri terhadapnya sendiri, yang mewajibkan dia menyesuaikan bawaannya menurut keperluan ilmu dan hikmat dan keadilan. Sesuatu hak itu mensharatkan dia—olehnya sendiri dan oleh yang lain yang mengenali dan mengakuinya—dikenakan tepat pada hakikatnya. Jadi adab itu *perolehan diri akan keadaan atau kedudukan yang betul dan benar yang tiada dapat tiada sesuai dengan keperluan ilmu dan hikmat dan keadilan, serta perbuatan diri terhadap keadaan atau kedudukan yang betul dan benar itu menurut letaknya dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat yang mencarakan tabiat semesta*. Ta'rif *adab* yang dikemukakan di sini, dan yang lahir dari pengertian Islām, dengan sendirinya menjelaskan bukan sahaja harus dia itu ditujukan maksud pengenaannya pada bangsa insani belaka; bahkan dia juga harus dikenakan pada keseluruhan alam tabii dan alam ruhani dan alam ilmi. Sebab adab itu sesungguhnya suatu *kelakuan* yang harus *diamalkan* atau *dilakukan* terhadap diri, dan yang berdasarkan pada ilmu, maka kelakuan atau amalan itu bukan sahaja harus ditujukan kepada sesama insani, bahkan pada seluruh kenyataan makhluk jelata, yang merupakan ma'lumat bagi ilmu. Tiap sesuatu atau seseorang memiliki hak yang meletakkannya pada keadaan atau kedudukan yang sesuai bagi keperluannya. Ilmulah, dibimbing serta diyakini oleh hikmat, yang memberitahu atau memperkenalkan sehingga ketara tentang hak yang mensifatkan sesuatu atau seseorang itu; dan keadilan pula yang menjelaskan hukum tentang di manakah atau bagaimanakah letak keadaan atau kedudukannya. Apabila faham adab itu dirujukkan kepada sesama insan, maka dia bermaksud pada kesusilaan akhlakiah yang mencarakan kewajiban diri

berperangai mengikut keperluan haknya dalam susunan berperingkat darjat yang terencana, umpamanya, dalam keluarga, dalam masharakat, dalam berbagai corak pergaulan kehidupan. Apabila dia dirujukkan pada alam ilmi pula, maka dia bermaksud pada ketertiban budi menyesuaikan haknya pada rencana susunan berperingkat martabat yang mensifatkan ilmu; umpamanya pengenalan serta pengakuan akan ilmu bahawa dia itu tersusun taraf keluhuran serta keutamaannya, dari yang bersumber pada wahyu ke yang berpunca pada perolehan serta perolahan akal; dari yang fardu ain ke yang fardu kifayah; dari yang merupakan hidayah bagi kehidupan ke yang merupakan kegunaan amali baginya. Dan adab terhadap ilmu itu iaitu mengenali serta mengakui taraf keluhuran serta keutamaan yang terencana pada ilmu, nescaya dapat menghasilkan dalam diri pencapaian yang saksama terhadap meramukan, menurut taraf keperluannya, pelbagai macam ilmu yang membina keadilan dalam diri. Dan keadilan dalam diri itu menyesuaikan haknya pada kewajiban membimbingnya ke arah pengenalan serta pengakuan akan ilmu yang bersumberkan wahyu, yang menyesuaii hak diri jua, dan yang dengannya dapat menjelmakan akibat amali dalam diri sehingga menyelamatkannya dunia-akhirat. Apabila dirujukkan pada alam tabii, maka adab itu bermaksud pada ketertiban akal amali menyesuaikan haknya pada rencana susunan berperingkat yang mencarakan tabiat raya, sehingga dapat dia melakukan pertimbangan yang saksama terhadap meletakkan nilai serta kegunaan tiap sesuatu pada hakikatnya masing-masing, nescaya terhasil olehnya tindakan yang adil terhadap mengawalnya. Tindakan yang adil terhadapnya itu iaitu menilai serta menggunakannya menurut maksudnya terencana dalam susunan berperingkat sebagai Tanda Ilahi, sebagai bahan ilmu, sebagai bahan kehidupan, yang membawa manfaat besar bagi insan zahir dan batin. Apabila dia dirujukkan pada alam ruhani, maka adab bermaksud pada pengenalan serta pengakuan akan rencana susunan berperingkat darjat keluhuran yang mencarakan alam arwah; pada pengenalan serta pengakuan akan pelbagai makam keruhanian yang menandakan taraf keutamaannya terhadap pencapaian amal-ibadat di sisi Islām; pada ketertiban ruhani

menyesuaikan keperluan hak diri ruhani atau diri akali, yang mewajibkan penyerahan diri jasmani atau diri hayawani kepadanya. Apabila dia dirujukkan pada bahasa, maka adab itu pengenalan serta pengakuan akan hak kedudukan tiap kata pada keperluan maksudnya dalam kalimat atau dalam pertuturan, sehingga tiada membawa kejanggalan ma'na dan bunyi dan faham, sehingga masing-masing terletak pada tempatnya yang sesuai dengan keperluan hak ma'nawi. Maka adab, sebagaimana dita'rifkan di sini, mengenakan maksudnya pada seluruh segi kehidupan. Dan rencana-usaha bagi menjelmakan adab pada diri, bagi memupuknya dalam diri, tiadalah lain dari *pendidikan* jua. Pendidikan itu *penyerapan adab ke dalam diri.* Jikalau dalam Islām kesusasteraan itu diberi nama *adabiyyat*, maka kenyataan itu menjelaskan bahawa kesusasteraan itu dianggap sebagai penyimpan peradaban, penampung ajaran-ajaran serta kenyataan-kenyataan yang mendidik diri dan masharakat nescaya menyerapi adab, sehingga dapat mengangkatnya naik dari taraf rendah manusia liar ke taraf luhur insan adabi. Jadi kesusasteraan mempunyai tujuan serta tugas yang berangkap dengan pendidikan umum; dia mencara-senikan ajaran-ajaran serta kenyataan-kenyataan yang memupuk adab menerusi bahasa luhur, yang menegaskan keadaan serta kedudukan hakiki pada cita-rasa insani.

§48 Begitu juga dengan istilah *persuratan*, yang berpunca pada dasar kata *surat*, yang dengan jelas merujukkan nazar akali pada Ayat-Ayat Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm, yang bahagiannya masing-masing diberi judul dengan gelaran *sūrah.* Meskipun kita tahu bahawa *surat* itu dalam pengertian Melayu bermaksud pada faham *huruf-huruf yang tertulis*, justeru harus kita insafi pula bahawa pengertian asal yang terkandung dalamnya bermaksud pada faham *tanda* jua, seperti juga *ayat* itupun bermaksud pada faham *tanda.* Demikianlah huruf-huruf itu tiada lain dari tanda-tanda yang menyimpulkan perkara ma'nawi yang terterap pada tiap hakikat zahir dan batin. Telah dirujuk tadi bahawa Islām menganggap semesta alam ini seumpama rencana susunan pelbagai ayat yang terpamer di hadapan tanggapan nazar akali si

penonton, seolah-olah Alam ini suatu Kitab Agung terbuka yang 'berkata-kata' menyatakan ma'nanya; dan yang ma'nanya itu difahami oleh para yang empunya hikmah dan ilmu dan pengertian dan tilikan batin. Oleh itu maka alam ini, seperti suatu kitab jua, mengandung ilmu. Dan sebagaimana juga dalam kitab justeru bukanlah ilmu itu terkandung dalam huruf selaku huruf belaka, atau dalam bunyi selaku bunyi belaka, akan tetapi dalam ma'na; begitulah dalam alam ini ilmu itu terkandung bukanlah dalam benda-bendanya selaku benda belaka, akan tetapi dalam ma'nanya. Sebab itu maka kita guna istilah *pengalaman*—yang terbentuk dari kata serta faham *alam* itu—dengan maksud *pengilmuan*; dan kita hanya dapat mengalami pengalaman bukan secara memesrakan diri dengan benda yang mensifatkan zahir alam, kerana yang demikian itu memang mustahil dapat dilakukan—akan tetapi secara memesrakan diri dengan ma'na. Maka pengalaman itu tiada lain dari penyerapan ma'na pada diri, dan oleh itu dia merupakan suatu saluran utama bagi perolehan ilmu. Jadi ibaratnya, berdasar pada tamsil Alam sebagai Kitab itu, iaitu bahawa 'pembacaan' Kitab itu seperti 'pengalaman' Alam jua. Justeru ilmu yang terkandung dalam kitab itu sesungguhnya bukanlah mengenai intisari atau sifat hakiki huruf-hurufnya, yang tiap satunya telah dikait-mengait dihubungkan dengan yang lain sehingga menjadi perkataan, dan tiap perkataan itu pula seterusnya diatur tertib hingga menjadi kalimat, yang susunannya semua menyatakan maksud ma'nawi yang dikehendakinya masing-masing. Kerana huruf menandakan bunyi, dan bunyi mengisharatkan ma'na, maka huruf dan bunyi itu hanyalah *tanda*; dan ilmu letaknya pada *ma'na*. Ilmu itu *tibanya ma'na sesuatu pada diri,* dan *berhasilnya diri menyerapinya*. Andai kata kita menganut cara kajian bahasa seperti yang dianjurkan oleh kebanyakan golongan ahli 'Linguistik', yang hanya terpesona oleh huruf dan bunyi, yang hanya mashghul dalam pengkajian rupa dan bentuk dan bunyi sehingga penelitian serta perhatiannya tertumpu pada mauduk di sekitarnya melulu, maka sudah barang tentulah akan terluput bagi kita pencapaian ma'na, yang sebenarnya merupakan *tujuan* sebarang tuntutan ilmiah. Sekiranya kita mengkaji suatu kitab, umpamanya, dan dalam hal

kita membaca kitab itu maka perhatian serta penelitian ditumpukan pada rupa-bentuk dan bunyi hurufnya belaka, dan kemudian pula pada kertasnya dan da'watnya, maka yang demikian itu bukanlah mengkaji atau membaca, kerana perhatian serta penelitian telah terpesong terpencar ke arah lain haluan yang akan menyesatkan ke dalam lorong-lorong kekeliruan. Dan perbuatan demikian tiada akan membawa kepada kefahaman kandungan kitab itu, kerana tiada akan dapat dia menghasilkan pencapaian ma'na yang sebenarnya merupakan intisari kitab itu. Begitu jugalah halnya dengan pengkajian serta penyelidikan alam ini—sekiranya kita menumpukan penelitian pada bendanya seolah-olah benda itu sesuatu yang tiap satunya jadi berdiri sendiri dengan sifat kemutlakan yang khusus bagi pihaknya, maka sanya terkhilaflah tilikan kita mengenainya, kerana sesungguhnya tiada dia bagi pihak dirinya mempunyai wujud hakiki justeru sebab wujudnya bersifat nisbi jua, dan wujudnya bernisbah pada yang lain, serta pernisbahannya merencanakan ma'nanya dalam rangka pelbagai susunan martabat yang menyatakan Tabiat Raya, dan yang pada akhirnya menyatakan Kenyataan Khaliq Semesta Semua. Sebagaimana daya bagi mencapai pelbagai martabat ma'na yang terkandung dalam Kitab Suci Al-Qur'ānu'l-Karīm itu menimbulkan usaha luhur yang menghasilkan pentafsiran Ayat-Ayatnya, begitulah daya bagi mencapai pelbagai martabat ma'na yang terkandung dalam Kitab Agung Alam itu menimbulkan usaha luhur yang menghasilkan pentafsiran Ayat-Ayatnya. Dan pentafsiran Kedua Kitab itu ilmu, dan persuratan merupakan khazanah sebahagian besar ilmu itu, kerana dia memperkatakan huraian Ayat-Ayat yang terkandung dalam Kedua Kitab itu, yang dihasilkannya menerusi bahasa luhur yang dapat menarik kefahaman umum serta mempengaruhi kehidupan. Oleh kerana yang dimaksudkan dengan *ma'na* itu bukan sahaja dapat difahami dengan perantaraan cara bahasa yang merujuk kepada nazar akali, akan tetapi juga dapat difahami dengan perantaraan cara bahasa yang berhubung langsung dengan nazar kalbi, justeru itulah maka bahasa itu dipergunakan menuturi dwikaedah prosa dan puisi.

§49 Sebagaimana yang telah dinyatakan di perenggan 46, mungkin dapat kita menerima adanya faham-faham dalam Islām yang seakan-akan sama dengan yang terdapat dalam Kebudayaan Barat mengenai falsafah keindahan dan kecantikan; mengenai kesusasteraan dan kesenian dan lain-lain. Namun demikian, seperti yang telah dirumuskan dalam perenggan 40 seterusnya, harus juga tampak bahawa perbezaan antara Islām dan Kebudayaan Barat mengenai perkara-perkara tersebut itu memang nyata ada, dan memerlukan sedikit sebanyak penjelasan yang menegaskan masalah-masalah pokok. Beberapa masalah pokok atau perkara dasar yang merujuk kepada ta'rif serta tujuan kesusasteraan dan persuratan telahpun dijelaskan dalam perenggan 46 hingga perenggan 48. Dalam perenggan ini akan kututup perbincangan ini dengan meringkaskan perbezaan faham dalam lain-lain perkara yang berkaitan dengan faham serta tujuan kesusasteraan dan persuratan itu. Pertama sekali kita harus insaf akan terdapatnya perbezaan faham mengenai *kebudayaan*, yang telah dijelaskan di perenggan 21 hingga 29; dan kita telah mengambil kesimpulan bahawa Islām bukan hasil kebudayaan, akan tetapi bahawa dialah yang menghasilkan kebudayaan, yang menjelmakan kebudayaan Islām. Maka oleh kerana kesusasteraan dan persuratan itu sesungguhnya merupakan sebahagian besar kenyataan kebudayaan, nyatalah bahawa dalam Islām kandungan kesusasteraan dan persuratan itu bukan semestinya berdasar pada tradisi, atau adat kebiasaan purba yang diturun-temurunkan sebagai kenyataan kebudayaan bangsa, akan tetapi dia berdasar pada kenyataan Tanzil dan ajaran-ajaran yang berdasar padanya, serta pada tradisi atau adat kebiasaan Islām dan yang bersandar padanya, atau pada yang tiada bercanggah dengannya. Maka patut tampak jelas bahawa nilai-nilai yang terdapat dalam kesusasteraan atau persuratan Islām itu haruslah berdasar pada yang tersebut di atas itu. Berikutlah pula bahawa faham-faham mengenai hakikat semesta dan pandangan hidup insan dalam Islām itu tiada berdasar pada kenyataan-kenyataan falsafah, atau pada renungan akal nazari yang dihasilkan oleh para failasuf tanpa pengesahan kenyataan Tanzil, akan tetapi dia berdasar pada kenyataan serta ajaran dan tauladan Para Anbiya dan Mursalin

dan para pengikutnya, dan pada yang dianggap baik dan diperkenan olehnya. Dari itu maka si penyair dalam Islām tiada memainkan peranan yang sama seperti yang dilakonkan dalam Kebudayaan Barat, ya'ni sebagai penampung kebenaran dan penayang gambaran hakikat kepada masharakat awam— gambaran hakikat yang telah disaring dan ditapisnya dari gubahan renungan para failasuf, dan yang disebarkannya sebagai falsafah awam, sebagai panduan bagi kehidupan diri dan masharakat. Dalam Islām, yang memainkan peranan seperti itu bukanlah penyair, akan tetapi para ulama sejati, ya'ni orang-orang yang memiliki hikmat Ilahi dan ilmu hakiki mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya. Dan sekalipun mungkin ada penyair Islām yang memainkan peranan demikian, maka pada kebiasaannya penyair seperti itu adalah juga termasuk dalam golongan ulama sejati. Jadi jelaslah bahawa penyair dalam Islām itu, sekiranya dia ingin menerapkan kesannya kepada masharakat, haruslah juga melambangkan keislaman yang tulen dan mencerminkan ilmu yang benar, kerana sumber ilham yang menerbitkan rasa-cita luhur dalamnya adalah agama jua, dan bukan falsafah atau kesenian. Dalam perenggan 43 tadi telah kusebut bagaimana faham tragedi mengambil peranan utama dalam rasa-cita yang dilambangkan oleh Kebudayaan Barat, dan bagaimana dia mengalirkan pelbagai pengaruhnya menerusi kesusasteraan dan persuratan dan kesenian. Kita telah menyatakan bahawa tujuan tragedi dalam rangka hidup Kebudayaan Barat adalah untuk melawaskan kalbu dari kerisauan pokok yang mengharungi diri insani. Kononnya kerisauan pokok yang dimaksudkan itu dapat diusir dari dalam diri dengan jalan tragedi, yang dianggapnya ibarat pencahar yang melawaskan kalbu, dan yang pengalamannya harus senantiasa diulangi demi mencapai sedikit-sebanyak ketenteraman sementara. Kita pula berpendapat, atas dasar pengalaman sendiri, bahawa kerisauan pokok seperti yang dimaksudkan itu tiada dapat diusir dari diri yang menderita kesunyian kalbu dengan jalan tragedi yang bersandarkan falsafah dan kesenian, akan tetapi dia hanya dapat dihapuskan dengan jalan *iman*. Maka dari itu kita menolak-nafikan faham-faham dasar Kebudayaan Barat

termasuk antaranya faham tragedi, kerana diri dan masharakat Islām yang benar-benar berjiwa Islām sudah terbebas dari penderitaan kerisauan pokok diri insani, dan dari itu tiada memerlukan unsur tragedi dalam kebudayaannya sebagai ubat pencahar bagi melawaskan rasa risau-khuatir yang mengharungi kalbu tanpa iman. Hanya mereka yang keliru di kalangan Kaum Muslimin sahajalah yang tertarik oleh faham tragedi itu, meskipun tiada dikenalnya hujung-pangkalnya. Bersangkutan dengan faham tragedi, maka faham bahawa kesusasteraan itu merupakan suatu cara-helah bagi mempertahankan insan dari rasa sunyi-diri, dari maut dan kehapusan abadi, dari masa nan membinasakan daya dan upaya—faham seperti ini sudah memang jelas bertentang dengan dasar Islām. Begitu juga nilai perubahan asasi yang merupakan hakikat Kebudayaan Barat yang telah menyerapi jiwanya; itupun tiada sesuai dengan jiwa Islām, dan tiada patut diterima masuk sebagai nilai kebenaran ke dalam kesusasteraan atau persuratan dan kesenian Islām, sebab perubahan yang mereka maksudkan itu merujuk kepada perubahan demi mencari ma'na-diri yang senantiasa liar serta luput dari pencapaian. Bagi kita masalah ma'na-diri tiada timbul melainkan bagi mereka yang sudah lupa atau jahil dan keliru; kerana seorang Muslim sejati—ya'ni yang tiada lupa atau jahil dan keliru—telah pun mencapai ma'na-dirinya, yang kukuh menetap dalam jiwanya justeru sehingga tiada terlintas baginya soal perubahan.

§50 Jadi kealpaan, kejahilan dan kekeliruan mengenai hakikat Islām itulah yang merupakan masalah pokok bagi kita; dan kealpaan, kejahilan dan kekeliruan itu timbul akibat kesilapan, atau kekurangan, atau kehampaan ilmu. Jikalau benar demikian—dan kuikrarkan ianya benar—maka jawapan yang patut diberikan pada pelbagai soalan, seperti yang terumus dalam perenggan 1 mula-mula tadi, bukanlah semestinya jawapan yang menjawab secara langsung tiap soalan yang ditimbulkan itu; kerana tiap soalan, bagi berhak atas jawapannya masing-masing, mensharatkan tercapainya terlebih dahulu oleh yang menyoal, martabat kefahaman serta kelayakan ilmu yang dapat menetapkan

sama ada sah atau tiada baginya masalah yang dipersoalkannya itu. Yang dimaksudkan dengan sharat kefahaman serta kelayakan bagi menimbulkan soalan di sini iaitu umpamanya soalan mengenai qada dan qadar, yang seringkali ditimbulkan dan yang dijadikan sebagai alasan tentang masalah kemunduran Kaum Muslimin oleh golongan yang ingin mengelirukannya. Hampir tiada berkecuali bahawa mereka yang menimbulkan soalan ini, apabila ditanya tentang pengetahuan serta kefahamannya mengenai perkara-perkara pokok seperti rukun-rukun islam dan iman, dan pengenalan mengenai Sifat-Sifat Ilahi yang merujuk kepada tawhid, belum memahami dan mengenalnya dengan sempurna. Padahal pelajaran serta pendidikan mengenai perkara-perkara itu adalah merupakan yang asasi baginya, dan yang harus sudah ditempuhnya pada awal-awal lagi sehingga terhasil baginya pengenalan yang menyerapi kefahamannya. Sekiranya perkara-perkara asasi seperti ini belum lagi difahami serta dikenali, maka manatah dapat diakui sah akan haknya bagi menyoal perkara yang lebih tinggi dalam martabat ilmu? Maka tiap diri harus insaf bahawa bagi yang dalam martabat permulaan mengenai tawhid, hak menyoal yang dapat diakui sah harus merujuk kepada martabatnya yang sesuai; dan mengenai soalan tentang qada dan qadar, maka martabat yang sesuai bagi hak diri itu adalah kefahaman serta pengenalan dalam ilmu-ilmu asasi dahulu seperti ilmu kalam dan tasawwuf, yang masih belum diperolehnya, dan sayugia dia menimbulkan soalan-soalan mengenainya dahulu, dan bukan mengenai qada dan qadar. Jadi adalah hak diri itu untuk menyoal tentang ilmu-ilmu asasi itu, dan bukan tentang qada dan qadar; dan jawapan yang harus diberikan kepadanya adalah jawapan yang menginsafkannya akan hakikat ini, dan bukan yang membicarakan hakikat qada dan qadar, kerana sekiranya dia diberikan jawapan yang membicarakan hakikat qada dan qadar justeru nanti akan lebih mengelirukan lagi jawapan itu baginya. Sesungguhnya, sekiranya pelajaran serta pendidikan yang sempurna mengenai ilmu-ilmu asasi itu telah ditempuhnya, dan kandungannya difahami serta dikenalnya benar-benar, maka soalan mengenai qada dan qadar itu tiada akan timbul, kerana sudah dengan sendirinya terjawab baginya, dan

tiada merupakan masalah yang harus dipersoalkan. Dari kenyataan ini jelas bahawa didikan ilmu yang sempurna, yang diajarkan secara teratur rapi oleh guru yang memiliki kefahaman serta pengenalan ilmu tawhid, dan yang disampaikan menerusi cara-gaya yang betul, itulah sahaja yang dapat mendorong diri nescaya meningkat naik dari satu peringkat martabat ilmiah ke yang lain di atasnya, sehingga jawapan-jawapan bagi soalan-soalan yang timbul dari dalam diri mengenai hal-hal ruhani termasuk qada dan qadar itu dengan sendirinya menjadi nyata. Demikian jugalah halnya dengan soalan-soalan lain, masing-masing menurut mauduknya dalam bidang ilmiah; hanyalah dengan cara menempuh pelajaran serta pendidikan semula mengenai Islām dan pandangan alam serta hakikat yang ditayangkan olehnya itulah baharu dapat jawapan-jawapan mengenai soalan-soalan yang timbul itu memecahkan masalahnya. Jadi bukan qada dan qadar yang merupakan masalah, akan tetapi martabat kefahaman serta kelayakan yang menyoal itulah yang menjadi masalah sebenarnya. Dengan lain kata, kita harus insaf serta bersedia menempuh pelajaran dan pendidikan semula mengenai Islām dan pandangan alam serta hakikat yang ditayangkan olehnya demi menghindarkan timbulnya soalan-soalan yang membayangkan kekeliruan. Jikalau tiada secara demikian—ya'ni jikalau tiada dengan cara menempuh pelajaran serta pendidikan semula seperti yang dianjurkan—maka dalam keadaan kealpaan serta kejahilan Kaum kita Muslimin kini, jawapan bagi tiap soalan yang ditimbulkan tiada akan difahaminya, dan tentu akan lebih mengelirukan baginya. Walau bagaimanapun, merujuk kepada soalan-soalan yang terpapar pada perenggan 1 itu, sesungguhnya kesemuanya telah terjawab dalam risalah ini; dan mereka yang benar-benar meneliti kandungan risalah ini sambil merangkumi luasan peninjauannya akan tahu tentang kebenaran pelbagai jawapan yang dikemukakan.

§51 Gambaran latar belakang yang telah membayangkan dengan nyatanya hakikat serta sifat-sifat asasi Islām berbanding dengan kebudayaan Barat dan lain-lain agama, dan yang telah

kini tertayang pada akal-fikiran mungkin kiranya sempurna memadai bagi menjelaskan dengan sendirinya jawapan yang dapat merangkumi masalah pokok yang terkandung dalam semua soalan yang terpapar di perenggan 1 mula-mula tadi. Harus sudah kini jelas kepada kita Kaum Muslimin bahawa punca bibit masalah yang sedang kita hadapi ini sesungguhnya terletak pada mauduk di sekitar faham *ilmu*. Kekeliruan telah mengharungi akal-fikiran kita peri *sifat* dan *tujuan* ilmu; sifat dan tujuannya *yang sebenarnya* sebagaimana difahamkan dalam Islām. Orang Islām telah terpedaya secara tiada sedar menerima faham ilmu, yang dianggapnya sama untuk semua, daripada Kebudayaan Barat yang telah menyerapinya dengan sifat serta tabiat keperibadiannya sendiri; sedangkan sebenarnya faham ilmu itu berlainan bagi tiap sesuatu agama dan kebudayaan, berdasarkan pandangan hidup masing-masing, yang mencerminkan sifat serta tabiat keperibadiannya. Islām pun mempunyai pandangan hidup tersendiri yang mencerminkan sifat dan tabiat keperibadiannya sendiri, dan yang tentu tiada sama dengan pelbagai pandangan hidup lain-lain agama dan kebudayaan. Dan pandangan hidup sesuatu agama dan kebudayaan serta sifat dan tabiat keperibadiannya itu sesungguhnya direncanakan dan digambarkan serta dibentuk menerusi akal nazari dan bahasa oleh pelbagai faham yang pada akhirnya berpunca pada apa yang dianggap sebagai ilmu. Maka darihal demikian, faham ilmu itu sangatlah penting bagi dikenali dan diketahui benar-benar sebab dialah yang mempengaruhi *sikap hidup* kita. Andai kata kita menerima sahaja bulat-bulat apa yang diajarkan sebagai ilmu di sekolah-sekolah dan di pusat-pusat pengajian tinggi, dan yang dianjurkan oleh pihak-pihak berkuasa yang tertentu, padahal 'ilmu' yang diajarkan serta dianjurkan itu sebenarnya 'ilmu' yang dasarnya serta sifat asasi dan tujuannya telah dipupuk, diperolah, dibentuk digubah mengikut faham serta pandangan yang bukan Islām—malah berlawan pula dengannya—maka kejadian itu bererti bahawa kita *menerima* pandangan dan sikap hidup yang lain daripada Islām, yang akan lambat-laun tentu kelak membawa kita keluar dari Islām—walaupun secara tiada disedari—sehingga yang bukan Islām itu dipercayai, diperkukuh dan dipertahankan

sebagai Islām jua. Seperti yang telah diterangkan tadi di perenggan 16, Kebudayaan Barat telah menggunakan faham ilmu sebagai alat yang halus-tajam bagi menda'yahkan pandangan dan sikap hidupnya di dunia, dan strategi atau helah-daya ini ditujukan khususnya—bagi merobah pandangan dan sikap hidup Kaum Muslimin agar dapat seia dengan pandangan dan sikap hidupnya sendiri. Dan ini bererti bahawa mereka juga bertujuan merobah sifat serta tabiat dan keperibadian Muslimin yang ditetapkan oleh Islām jua. Perlu ditegaskan bahawa bukanlah *segala perkara* dalam faham ilmu, sebagaimana terdapat dalam sesuatu agama dan kebudayaan itu, berlainan belaka antaranya masing-masing; sebab sifat ilmu itu demikian mesra meliputi segala sebagai yang *kulli* atau *universal* sehingga memang terdapat pada umumnya persamaan mutlak yang mengalirkan sifatnya dalam faham akali insan semua. Namun demikian, ada juga dalamnya terselip, bahkan terterap, faham-faham *asasi* yang menayangkan *rencana* dasar fikiran serta tujuan dan sikap hidup dan nilai-nilai sesuatu agama dan kebudayaan yang merupakan baginya sebagai *gambaran hakikat*—dan pada faham-faham asasi inilah letaknya kebenaran atau kepalsuan gambaran hakikat yang ditayangkannya itu. Bagi Kebudayaan Barat faham-faham asasinya itu berakar-umbi pada dasar-dasar yang menjelmakan sifat serta tabiat dan keperibadiannya seperti yang tersebut di perenggan 9; iaitu pada falsafah dan daya kuasa akal hayawani belaka sebagai unsur mutlak bagi mencapai hakikat dan kebenaran; pada faham dualisme, humanisme dan drama dan tragedi, yang semuanya memainkan peranan penting dalam menimbulkan faham *evolusi* dalam rangka yang *sekular*, dan dalam mempengaruhi pengertian faham *pembangunan*, *perubahan* dan *kemajuan*. Dan ilmu yang ditayangkannya itupun sudah diadun, diperolah dan dicampur-mesrakan dengan faham-faham asasi ini, dan kemudian kini dihidangkan pula kepada kita dalam bentuk rupa yang sangat menarik. Sesungguhnya *ilmu* memang senantiasa benar ilmu; namun *campuran* faham-faham asasi Kebudayaan Barat yang telah diadun-mesra dengannya itu palsu, ya'ni ilmu samaran, dan harus diasingkan daripada yang benar, dan dibuang keluar sehingga apa yang dapat kita terima

tiadalah lain daripada ilmu *tanpa* campuran-campuran yang asing padanya dan asing pada Islām itu. Kiasan ibarat keadaan merosaknya akibat penerimaan atau kemasukan faham ilmu yang palsu itu pada perbendaharaan akliah dan sikap ilmiah kita justeru seumpama keadaan akibat menyeludupnya wang palsu dalam sistem kewangan sesuatu negara. Wang palsu menyaru mengambil peranan nilai yang benar dan mengenakan penghargaan pada sara hidup sebagaimana juga yang benar; dan jikalau dibiarkan terus dia merebak menjalar dalam sistem kewangan sesuatu negara maka sudah barang tentulah sistem itu dan perekonomian serta negara itu sendiri dan masharakatnya akan menempuh huru-hara kekacauan yang membawa kepada kemusnahan. Demikian jugalah halnya dengan akibat penyeludupan dan kemasukan faham-faham asasi Kebudayaan Barat dalam perbendaharaan faham Islām. Ilmu yang berpengaruh memasukkan faham-faham asasi Kebudayaan Barat bukanlah semestinya meliputi seluruh bidang ilmu yang kita gelar secara umum dengan nama *ilmu pengetahuan*. Yang memainkan peranan penting dalam menda'yahkan faham-faham asasinya khususnya hanya meliputi bidang *ilmu kemanusiaan*, termasuk ilmu-ilmu seperti ilmu falsafah, ilmu sejarah, ilmu kaji manusia dan kaji masharakat, ilmu ekonomi, ilmu pendidikan, ilmu bahasa, sastera dan sebagainya ini semua—pendek kata ilmu-ilmu yang berkait rapat dengan kebudayaan. Meskipun ilmu-ilmu sains pada umumnya kita anggap sebagai ilmu yang merupakan kegunaan sebagai *alat* bagi *kehidupan*, sedangkan ilmu-ilmu kemanusiaan pula sebagai ilmu yang merupakan kegunaan bagi *menilai kehidupan*, namun demikian ilmu-ilmu sains seperti yang dida'yahkan oleh Kebudayaan Barat telah dijadikannya sebagai ilmu yang menilai kehidupan, dan bukan semata-mata sebagai ilmu yang merupakan alat bagi kehidupan insan. Maka dari itu *dasar-dasar teori* ilmu-ilmu sains itupun harus kita anggap sebagai memainkan peranan penting dalam menda'yahkan faham-faham asasi Kebudayaan Barat; dan harus kita anggap serupa dan berkait rapat sifatnya dengan ilmu-ilmu kemanusiaan jua, kerana dia bersabit dengan ilmu falsafah yang dianggapnya mengambil peranan utama dalam menilai asal-usul serta

kehidupan dan tujuan akhir nasib insan dan alam sekelilingnya. Ilmu-ilmu yang mengambil peranan dalam mempengaruhi *penilaian* kehidupan itulah yang merupakan ladang-ladang subur yang dalamnya tersemai segala bibit faham asasi kebudayaan, yang segar menumbuh dan membentuk gambaran hakikat yang terpandang di hadapan tilikan akal nazari. Maka dari itu, yang harus kita perhatikan, yang harus kita pertimbangkan, yang harus kita beratkan dalam rasa-curiga kita, dan yang harus kita tinjau semula dengan tujuan memperolah semula bagi kegunaan kita, adalah bidang ilmu kemanusiaan dan ilmu-ilmu yang bersabit dengannya dalam peranan menilai serta mempengaruhi penilaian kehidupan. Dalam kenyataan yang berikut maka rujukan kepada faham ilmu dan faham-faham asasi Kebudayaan Barat yang telah mempengaruhi pemikiran kita dan mengelirukan pemimpin-pemimpin kita bermaksud khususnya kepada ilmu kemanusiaan dan para penganutnya.

§52 Saluran yang melancarkan penyeludupan faham-faham asasi yang asing itu adalah sistem pelajaran dan pendidikan yang dikuatkuasakan oleh kuasa-kuasa politik serta gejala-gejala pentadbirannya, dan seterusnya dibantu oleh golongan para guru dan pensharah dan golongan penulis yang menyamarkan faham-faham itu sebagai hasil sastera. Dan betapakah lagi kacaunya andai kata orang-orang yang mewakili kuasa-kuasa tersebut, dan guru dan pensharah dan penulis itu tiada pula memahami serta mengenali dan mengetahui benar-benar sifat serta hakikat *kandungan* faham-faham yang dikuatkuasakan dan dianjurkannya itu! Kaum Muslimin harus insaf bahawa sebahagian besar mereka yang memainkan peranan dalam menyebarkan kekeliruan dan kepalsuan ini—baikpun secara disedari mahupun tiada disedari—merupakan orang-orang yang bukan sahaja tiada memahami serta mengenali dan mengetahui benar ilmu Kebudayaan Barat, bahkan jua yang tiada mempunyai ilmu keislaman, dan yang pengetahuan serta amalan Islāmnya sangat-sangatlah menyedihkan sebab sekadar yang bertaraf kebudak-budakan belaka. Padahal golongan-golongan ini dibiarkan—malah diberikan amanah—oleh Kaum Muslimin untuk memim-

pinnya dalam pelbagai lapangan kehidupan! Sanya sesungguhnya keadaan demikian ini menjelaskan betapa Kaum Muslimin sendiri sudah jauh terpesong ke arah yang salah, sudah nyenyak lena dalam kealpaan sehingga tiada sedar akan hakikat ini; sehingga sanggup menyerahkan amanah memimpinnya dalam pelbagai lapangan kehidupan kepada mereka yang dengan tepat dapat diibaratkan sebagai Kaum Jahiliah Moden; sehingga mendatangkan akibat kekeliruan diri sendiri yang menyergah serta menghadapkan kita pada gerbang aneka masalah, dan menjerumuskan kita ke dalam liang pelbagai kesulitan hidup sebagai diri perseorangan, sebagai masharakat, sebagai bangsa, sebagai Kaum dan Umat. Di dalam kekeliruan ini, yang disebabkan oleh masuknya faham dan nilai dan pandangan hidup asing dan janggal yang diseludupkan oleh golongan Jahiliah Moden di kalangan kita sendiri ke dalam pengertian kita, dan yang bertentangan di situ dengan pengertian Islām yang sudah sedia ada, maka telah terjadi demi akibatnya itu keadaan *pengacauan tempat tiap sesuatu*, sehingga nilaian terhadapnya menjadi kabur. Di dalam Kitab Suci Al-Qur'ānul'l-Karīm, Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, memerintah kita dengan tegasnya:

إنّ الله يأمركم أن تؤدّوا الأمانات إلى أهلها

(سورة النساء: ٥٨)

Sesungguhnya Allāh menitah kamu supaya memulangkan amanah kepada ahlinya.
(*Sūrah al-Nisā'*: Ayat 58)

Istilah *tu'addu* (تؤدّوا —dari akar-kata *'addā:* أدّى) bermaksud: 'menyampaikan kepada tempatnya yang wajar', ya'ni 'mengembalikan', 'memulangkan', 'memberikan semula', 'meletakkan kepada yang berhak untuk memikulnya'. Misalnya seorang doktor mempunyai keahlian untuk mengubati orang yang sakit, dan dia *berhak* diberikan amanah mengubati si sakit; dan si sakit pula *bertanggungjawab* meletakkan amanah mengubatinya kepada doktor itu. Akan tetapi, sekiranya si sakit pergi berubat kepada tukang kayu dan bukan kepada doktor, maka dia telah

mencerobohi hak amanah si doktor, dan dia telah menzaliminya dan juga si tukang kayu itu, dan menzalimi diri sendiri pula; kerana dia telah mengelirukan hak amanah dan tanggungjawab masing-masing. Maka *mengenali keahlian* dan *hak amanah* dan *tanggungjawab* itu adalah suatu *sifat keadilan* jua; suatu kenyataan *hikmah;* dan barangsiapa tiada mengenalinya justeru dia itu sesungguhnyalah orang yang zalim terhadap diri sendiri dan terhadap si pemegang amanah yang haknya untuk melaksanakan tugas amanah itu tiada dipedulikan olehnya. Selanjutnya pula dia telah juga menganjurkan kezaliman bagi yang tiada layak memegang amanah itu. Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, telah memerintahkan kita meletakkan amanah kepada ahlinya, dan pelaksanaan Perintah itu merupakan tanggungjawab bagi kita. Akan tetapi Kaum Muslimin kita telah menjadi lalai keliru sehingga sanggup mengabaikan Perintah Yang Mahaadil, dan membiarkan sahaja amanah memimpinnya dalam pelbagai bidang kehidupan itu dipegang oleh mereka yang kebanyakannya tiada layak, tiada berhak memegang amanah agung itu. Sebilangan besar pemimpin politik dan pentadbiran, yang sudah tentu kerana sifat tugas masing-masing, secara langsung atau tiada langsung campur tangan dalam menyedia serta menyelenggarakan rencana-rencana penting yang pada akhirnya bersangkut-paut juga dengan hal-ehwal Agama Islām, tiada mempunyai ilmu keislaman dan tiada memahami benar dan mengamalkan dengan sungguh hati ajaran-ajaran Islām. Kadangkala di antaranya terdapat mereka yang menunggukan masa bersara kelak, bilamana baharu mulai bergiat berkumpul memanggil ustaz datang ke rumah masing-masing bergiliran untuk belajar asas-asas permulaan ilmu fardu ain, yang sesungguhnya wajib dipelajarinya sewaktu kanak-kanak dahulu. Ini bererti bahawa sewaktu mereka berkuasa memegang jawatan-jawatan yang menghendaki taraf tanggungjawab yang berat itu, menyedia serta menyelenggarakan rencana-rencana dan dasar-dasar negara, yang mahu tiada mahu semuanya mempengaruhi juga nasib Agama Islām di kalangan kita ini, mereka tiada tahu-menahu tentang Islām, dan tiada sedar akan *akibat* pengaruh rencana-rencana serta dasar-dasar negara itu terhadap perubahan-

perubahan yang akan melibatkan Islām dan Kaum Muslimin. Dalam menyedia serta menyelenggarakan rencana-rencana dan dasar-dasar negara itu pula tiada sedikit faham-faham serta tunjuk-ajar dan nasihat 'pakar-pakar' asing yang bukan Islām itu diterimanya dengan tiada dipertimbangkan akibatnya terhadap perubahan *pengertian* Kaum Muslimin, yang akan menyelewengkannya daripada Jalan Islām yang Benar. Dan keadaan ini menyatakan dengan gentingnya betapa bahayanya Kaum Muslimin sanggup meletakkan amanah pimpinan kepada orang-orang seperti ini tanpa mengenakan kepada mereka sharat *mengenali* serta *mengetahui* dan *menghidupi* Islām terlebih dahulu sebelum dapat diberikan amanah memegang tugas pimpinan itu. Dalam bidang pelajaran dan pendidikan, yang begitu penting dalam mempengaruhi arahan nasib hidup kita—terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi—sebilangan besar mereka yang dilantik menjadi pensharah dan profesor tiada sebenarnya mempunyai kelayakan ilmiah yang cukup dan tulen, dan yang bersharat kepada dasar ilmu Islāmiah, sehingga hanya sanggup sekadar mengulangi ajaran-ajaran ilmu Barat yang tiada benar-benar difahaminya, dan yang dijadikannya anutan secara membuta-tuli. Akal-fikiran mereka masih terjajah oleh imperialisme akliah Barat, yang memerangkap membelenggu mereka dalam kandang pengabdian fikiran dan pemujaan sarjana-sarjana Barat yang menyebarkan ilmu samaran. Dalam sistem pelajaran dan pendidikan, yang sudah sememangnya menyaru sistem Barat, dari sekolah rendah seterusnya, pengenalan serta pengetahuan Islām dan tamadun Islām bukan sahaja diabaikan, bahkan juga diperkecilkan sehingga membawa akibat yang menjatuhkan keagungan maruah Islām dan mengelirukannya dalam fahaman dan pengertian si penuntut, yang kemudian nanti di peringkat pengajian tinggi pula diteruskannya lagi, sehingga seolah-olah *dilengkapkannya* di situ pengeliruan serta peneledoran terhadap kefahaman serta pengertian Islām yang sempurna. Keadaan demikian ini meneruskan terus di kalangan kita pengeluaran golongan pemimpin dan taraf pimpinan yang akan mengekalkan kezaliman yang kita alami kini. Dalam bidang pelajaran serta pentadbiran yang merujuk secara langsung kepada

Agama Islām kita dapati golongan yang menggelar diri sebagai 'ulama', yang di kalangannya terdapat setengah daripada setengahnya yang tiada insaf bahawa mereka bukan sebenarnya ulama; bahawa ilmu dan amalan dan sikap yang nyata ada padanya tiada memadai bagi hak menda'wa diri sebagai ulama. Mereka tiada ikhlas kepada diri sendiri dan sanggup bertolak-ansur—disebabkan tiada sempurna kefahaman dan pengertian-nya—dalam perkara-perkara asasi mengenai Islām demi melayani kehendak hawa-nafsu yang ta'luk kepada kepalsuan-kepalsuan yang menyaru sebagai yang berkuasa dalam negara. Dan mereka inipun termasuk dalam golongan pimpinan yang salah asuhan, yang menzalimi diri sendiri dan Kaumnya; dan Kaum Muslimin pun, dengan mengabaikan tanggungjawabnya meletakkan amanah kepada ahlinya, menzalimi diri sendiri jua. Pengabaian meletakkan amanah kepada ahlinya oleh Kaum Muslimin ini membuktikan dengan sungguh jelas keadaan kejahilan yang sedang menyerapinya, kerana jikalau tiada demikian tiada mungkin Kaum Muslimin membiarkan sahaja penyalahgunaan amanah Islām secara yang sangat mengagumkan ini!

§53 Jadi dengan ringkasnya, kesimpulan penting yang harus ditarik dari kenyataan pendek tetapi tepat dan padat ini, iaitu bahawa masalah kegentingan Kaum Muslimin seluruhnya yang dialami dewasa ini berasal-punca pada sebab-sebab yang muncul dari dua jurusan: dari dalam dan luar. Mengenai sebab-sebab yang datang dari jurusan luar maka punca-puncanya telah dihuraikan dalam perenggan 7 hingga 9 mula-mula tadi dan tiada perlu diulangi di sini. Mengenai sebab utama masalah kegentingan yang timbul dari jurusan dalam maka memang boleh disimpulkan dengan mudah-ringkas sebagai masalah *keruntuhan adab*. Yang kami maksudkan dengan 'keruntuhan adab' itu iaitu keruntuhan adab yang harus berlaku antara diri jasmani dan diri ruhani; antara diri hayawani dan diri akali; sebab adab terhadap diri itu menentukan pengenalan serta pengakuan tempat yang wajar bagi diri terhadap diri sendiri; dan seterusnya pula terhadap keluarga, masharakat, Kaum dan Umat; adab menentukan

pengenalan serta pengakuan tempat yang wajar bagi diri bernisbah pada yang bersifat jasmani dan hayawani dan yang bersifat ruhani dan akali, dan pada kemampuan serta kelengkapan ruhani dan akali yang ada pada diri; adab juga menentukan pengenalan serta pengakuan hakikat bahawa ilmu dan kejadian semesta semua berperingkat-peringkat menurut rencana susunan martabat dan darjat masing-masing. Oleh kerana *adab* merujuk kepada *pengenalan* serta *pengakuan* adanya tempat yang wajar bagi tiap sesuatu, dan adanya kedudukan serta keadaan yang wajar dalam kehidupan, dan kepada *mengawal diri* dengan *menyelaraskan haknya* secara sukarela mengikut kehendak pengenalan serta pengakuan itu, maka pengenaan serta kejadian adab itu terhadap diri dan dalam masharakat pada umumnya membayangkan keadaan keadilan. Keruntuhan adab membayangkan keruntuhan keadilan, dan keadaan demikian membayangkan seterusnya kekeliruan mengenai ilmu. Di sisi masharakat, Kaum dan Umat kekeliruan faham ilmu dan pengenalan serta pengetahuan mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan oleh Islām itu menimbulkan keadaan yang membolehkan pemimpin-pemimpin palsu muncul keluar dan menjalar dengan subur di kalangan masharakat; dan keadaan ini menyebabkan berlakunya kezaliman. Pemimpin palsu ini melanjutkan terus berlakunya keadaan yang demikian itu nescaya mengekal, oleh kerana keadaan yang demikian menjamin timbulnya pemimpin-pemimpin palsu sepertinya terus-menerus untuk mengambil tempatnya di kemudian hari kelak. Dengan demikian maka penguasaannya terus berlaku merajalelai hal-ehwal Kaum dan Umat, dan akan sentiasa terus berlaku. Dari itu maka patut jelas bahawa rumusan sebab-sebab yang menimbulkan masalah kegentingan yang mengharungi Kaum kita Muslimin iaitu 3 perkara mengikut gilirannya masing-masing:

(1) Kekeliruan serta kesilapan mengenai faham ilmu, dan keadaan ini membawa akibat:
(2) Keruntuhan adab di kalangan Kaum Muslimin. Keadaan yang timbul dari (1) dan (2) tersebut di sini menjelmakan:

(3) Pemimpin yang tiada layak memikul tanggungjawab pimpinan yang sah, dan yang tiada memadai taraf kepimpinan yang dikehendaki oleh Islām. Pemimpin yang demikian ini mengekalkan terjadinya perkara yang dirumuskan dalam (1) dan (2) di atas, dan menjamin berlakunya terus pengeluaran dan penempatan pimpinan sepertinya.

Semua perkara yang merupakan punca masalah kita Kaum Muslimin yang tertera di atas adalah saling berkaitan satu sama lain, dan berikutan kejadiannya, sehingga dia berlaku terus tiada terputus-putus, seolah-olah sebagai suatu lingkaran rumit yang tiada hujung-pangkalnya. Akan tetapi, bagaimanapun, sebab yang utama antara ketiga yang tersebut itu ialah *kekeliruan serta kesilapan mengenai ilmu*, dan untuk mengatasi masalah ini, dan memutuskan rantai hubungan perkaitan sebab-akibat antaranya sehingga hujung-pangkalnya dapat dihancurkan, maka kita harus pertama sekali menyelesaikan masalah *keruntuhan adab*, kerana ilmu tiada dapat diajarkan serta ditanamkan dididik dalam diri seseorang dengan tiada dia terlebih dahulu memenuhi sharat adab, yang harus dikenakan pada diri orang yang menuntutnya, dan yang menjadi penampung ilmu yang dituntut itu. Oleh kerana inilah maka Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, sendiri berfirman dalam Al-Qur'ānu'l-Karīm bahawa Al-Qur'ān itu adalah Sumber segala ilmu yang benar, dan tiada boleh seseorang menyentuhnya sekalipun melainkan setelah memenuhi sharat adab menyucikan diri dahulu. Ilmu harus dihampiri dengan cara mengenakan tatasusila kehormatan yang luhur baginya, serta dengan sikap tawaduk rendah-diri, dan tiada ilmu itu boleh dimiliki dengan sikap gegabah, yang menganggap seolah-olah ilmu itu sembarangan sahaja, terbuka kepada semua orang tiada memandang tujuan maksud serta kebolehan dan kelengkapan dan kemurnian yang ada pada hak diri seseorang. Berkenaan dengan ilmu-ilmu mengenai Islām dan pandangan hakikat alam dan kehidupan yang ditayangkan oleh Islām, maka ilmu itu semua berdasarkan *kewibawaan;* ya'ni berdasarkan kita menerima kewibawaan orang-orang tertentu sebagai kewibawaan yang sah

dan benar. Oleh kerana Islām itu sudah jadi serta lengkap sempurna dari awal-mulanya dia terbit dalam riwayat insan, dan tiada pula dia memerlukan perubahan serta perlengkapan yang menuju ke arah yang lebih lengkap lagi dan lebih sempurna, maka kukatakan sekali lagi bahawa *ilmu yang memadai* mengenai Islām itu sentiasa *boleh tercapai* oleh semua orang Islām. Oleh kerana Islām dan ilmu mengenainya tiada menempuh perubahan-perubahan sejarah yang membawa tafsiran lain daripada yang asal, dan juga oleh kerana Islām itu bukan hasil kebudayaan yang sentiasa harus berubah demi menuturi perubahan zaman, maka ilmu mengenai Islām itu hanyalah sama ada yang *betul* atau yang *salah*, yang *benar* atau yang *palsu*; dan 'salah' dan 'palsu' itu bererti sesuatu *pengertian yang bercanggah dengan kenyataan hakikat* yang sudah tetap lengkap-sempurna, dan yang merupakan kebenaran yang nyata; dan 'betul' dan 'benar' berma'na *penyelarasan fahaman kepada kebenaran yang nyata* itu. Kekeliruan mengenai kebenaran hanyalah bererti *kejahilan* mengenainya, dan kejahilan ini bukan disebabkan oleh kesamaran dalam kebenaran itu, atau oleh kekeliruan dalam kebenaran itu, akan tetapi disebabkan oleh *kealpaan* terhadap kenyataan-kenyataan asali yang telah dijelaskan dari asal-mulanya Islām terbit. Maka apabila Kaum Muslimin melupakan kenyataan-kenyataan dalam Islām itu dari zaman ke zaman, keadaan itu menimbulkan kejahilan mengenainya. Maka tafsiran dan penjelasan ilmu mengenai Islām dan pandangan hidup Islāmiah itu diselenggarakan oleh yang memiliki kewibawaan, dan kewibawaan yang sah memang mengenali serta mengakui adanya rencana susunan martabat serta darjat keluhuran kewibawaan itu sehingga akhirnya berpuncak pada Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam. Maka sesungguhnya wajib bagi kita bersikap yang patut serta wajar terhadap kewibawaan yang sah, dan sikap ini iaitu sikap tawaduk, menghormatinya serta merendahkan diri berhadapan dengannya, dan kasih kepadanya serta ikhlas menerima dengan keinsafan akliah kebenaran-kebenaran ilmu yang ditafsirkan serta dijelaskan oleh kewibawaan itu. Sikap tawaduk rendah diri, hormat serta kasih dan ikhlas menerima secara akliah tafsiran

serta penjelasan kewibawaan itu hanya boleh berlaku dalam diri seseorang apabila orang itu mengenali serta mengakui hakikat bahawa susunan masharakat insan itu terencana berperingkat-peringkat mengikut darjat dan martabatnya, dan juga mengenali serta mengakui bahawa peringkat-peringkat itu terencana juga dalam gelanggang kewibawaan, yang berdasarkan *ilmu kenyataan akali* dan *hikmah* serta *keihsanan.*

§54 Tiada sekali-kali kumaksudkan dengan fahaman 'martabat' serta 'peringkat darjat' itu iaitu tiruannya yang menjelma di sana-sini, yang direka serta disusun dan dibina oleh manusia, di mana penindasan serta pencerobohan dan pengawalan yang zalim berlaku, di mana pereka dan penyusun dan pembina sistem itu berdusta menda'wa seolah-olah sistem martabat serta peringkat darjat yang direka, disusun dan dibina olehnya itu adalah suatu dasar yang ditetapkan oleh Tuhan Yang Hak. Bukan sebarang rencana susunan martabat dan darjat itu benar merupakan rencana susunan martabat dan darjat yang sah, kerana sebarang rencana susunan martabat dan darjat yang direka serta disusun dan dibina oleh manusia bukanlah merupakan suatu tatatertib yang benar; bahkan tiada dia lain daripada kekacauan serta kekeliruan, kerana bentuk rekaan dan susunan manusia yang dianggapnya sebagai rencana susunan martabat dan darjat itu sesungguhnya berdasarkan kejahilan serta kezaliman jua. Hanyalah sistem penyusunan masharakat dan negara yang membayangkan rencana susunan martabat dan darjat yang dasar-dasarnya telah dinyatakan oleh Tuhan Yang Hak menerusi Wahyu dan KitabNya yang disampaikan kepada PesuruhNya itulah yang sayugia diakui sebagai sistem yang sah lagi adil. Dan adab bukanlah bererti penyerahan diri ta'luk kepada kekacauan dan kekeliruan, kerana yang demikian itu menyalahi keadilan. Kekacauan dan kekeliruan hanya berlaku sebagai kenyataan terjadinya kezaliman. Walaupun rencana susunan berperingkat yang dibina oleh manusia itu memang berlaku menetap dalam masharakat insan, dan pada kebiasaannya menjelmakan kezaliman, namun demikian ini tiada seharusnya difahamkan bahawa *faham rencana susunan berperingkat martabat dan*

darjat dalam masharakat insan itu tiada sah; kerana mengikut kenyataan hakiki kejadian semesta maka rencana susunan berperingkat martabat dan darjat itu memang ada berlaku dan sah. Rencana susunan makhluk jelata dan keadaan berperingkat martabat dan darjat dalamnya itu merupakan rencana susunan Tatatertib Ilahi yang meliputi semesta semua, dan yang menyatakan berlakunya keadilan dalamnya. Mungkin ada yang bertanya: 'Sekiranya rencana susunan martabat dan darjat rekaan dan susunan dan binaan manusia itu tiada sah, dan menjelmakan kezaliman sebab berdasar kepada kejahilan, bagaimanakah pula dapat manusia mengenali dan mengakui adanya rencana susunan martabat dan darjat yang mengawal makhluk dalam suasana adab dan keadilan? Bagaimanakah manusia boleh mengenali dan mengakui rencana susunan martabat dan darjat yang sah dan benar, agar supaya boleh dia membatalkan dan menafikan serta menolak pengesahan yang palsu? Sedangkan hikmah yang memberi pengenalan dan pengakuan itu hanya diberikan kepada sedikit yang terpilih—bagaimanakah pula dapat orang awam mengenali susunan Tatatertib Ilahi yang harus diakuinya itu?' Maka jawabnya ya'ni agar supaya insan pada umumnya dapat mengenali serta mengakui adanya susunan tatatertib yang adil, maka Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, telah mengurniai para Anbiya dan PesuruhNya dan juga para Muhsinin hikmah dan ilmu hakikat ruhani yang dianugerahiNya nescaya dapat mereka mengenali dan mengetahuinya, supaya kemudian dapat pula mereka mengajar hasil ilmu itu kepada bangsa insani umumnya, yang harus tunduk ta'luk menyelaraskan diri dengan kenyataan ilmu itu, baikpun sebagai diri perseorangan mahupun sebagai masharakat. Dan penyelarasan ini, ya'ni *penyelarasan* diri pada tatatertib itu, tiadalah lain daripada tercaranya adab; dan keadaan yang berikut dari penyelarasan itu tiadalah lain dari keadilan.

§55 Adab dalam Islām berkait rapat dengan faham serta kenyataan *keadilan.* Jikalau keadilan bererti dan merujuk kepada suatu keadaan di mana tiap sesuatu berada tepat pada tempatnya, yang memang wajar baginya, maka *hikmah,* yang dikurniakan oleh Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, kepada hambaNya yang

terpilih, dan yang merupakan suatu daripada kenyataan *hidayah* yang dianugerahkan kepadanya, adalah hasil *ilmu* dan *amal* serta *pengalaman ruhani* yang merupakan suatu ilmu kurniaan Ilahi jua. Hikmah adalah ilmu yang memberitahu nazar akali diri yang mendapat tahu *di mana letaknya tempat yang wajar, yang tepat menyelarasi sifat sesuatu, bagi tiap sesuatu*—termasuk diri yang mengetahui itu sendiri. Dan dari itu maka hikmah itu adalah *pancaran* keadilan. Kenyataan keadilan dalam masharakat insani itu tampak pada *adab* yang berlaku dalamnya, kerana adab mengasuh insan, yang khusus dan yang umum, bagi menempatkan sesama insan tepat pada tempat yang wajar baginya masing-masing. Dari itu maka adab adalah suatu *kenyataan* keadilan, kerana dia menayangkan serta mencarakan berlakunya suatu keadaan yang mengenali serta mengakui adanya rencana susunan martabat dan darjat keluhuran diri masing-masing di kalangan insan semesta. Adablah yang menunjukkan adanya sikap yang adil yang menerima serta melakukan penempatan martabat dan darjat diri masing-masing pada tempatnya yang wajar. *Pengenalan serta pengakuan diri tentang adanya martabat di kalangan makhluk jelata, dan adanya darjat pada tiap pernisbahan yang berlaku dalamnya—itulah adab.* Andai kata tiada martabat dan darjat pada makhluk jelata, justeru sesungguhnya tiadalah mungkin keadilan dapat berlaku—sanya sia-sialah dia nescaya tiada akan mengandung ma'na, tiada akan wujud sama-sekali. Maka dari itu harus jelas tampak bahawa keruntuhan adab sesungguhnya membayangkan keruntuhan keadilan di kalangan masharakat insan. Kita telah lihat tadi kenyataan bagaimana, akibat perkara (1) dan (3) yang tertera di perenggan 53, Kaum Muslimin telah dan masih sedang menzalimi diri; dan kini kita akan lihat juga bagaimana keruntuhan keadilan di kalangan masharakat Islām itu terbayang dengan nyatanya oleh keruntuhan adab yang sedang menyerapi Kaum Muslimin dengan mesranya. Keruntuhan adab inilah jua yang mengukuhkan serta terus mengakibatkan kejahilan Kaum Muslimin dalam soal tiada mengenali dan mengakui ahli yang layak bagi memegang amanah memimpinnya; tiada mengenali dan mengakui hak yang patut dikembalikan kepadanya dan tiada kepada yang lain daripadanya.

§56 Kita harus mengenali dan mengetahui bahawa masharakat insan itu pada hakikatnya tiadalah terjadi daripada diri-diri yang sama taraf keluhuran martabat serta darjatnya. Begitu juga dalam alam tabii sekalipun, dari keadaan alam jamadi sampai ke alam nabati dan terus ke alam hayawani, kita lihat berlaku keadaan susunan berperingkat martabat dan darjat dari yang paling rendah terus hingga ke yang tertinggi. Dan di kalangan para malaikat justeru kita lihat juga adanya peringkat darjat yang meningkat naik sampai ke yang tertinggi yang paling akrab kepada Tuhan Yang Hak, ya'ni yang kita tahu dengan gelaran *al-Muqarrabūn.* Lagi pula di Akhirat pun, shurga dan neraka dan keadaan masing-masing penghuninya itu juga akan disusun mengikut martabat dan darjat peringkat yang sesuai bagi taraf masing-masing, daripada yang tertinggi hingga kepada yang paling rendah. Dan bukan sahaja alam tabii dan alam insani dan alam ruhani yang tersusun mengikut peringkat martabat dan darjat, bahkan ilmu pun juga disusun mengikut peringkat martabat dan darjat keluhuran taraf bahagiannya masing-masing.

§57 Kesilapan serta kekeliruan mengenai ilmu perihal Islām dan pandangan alam yang ditayangkan oleh Islām, apabila kita rujukkan pada diri orang perseorangan, biasanya membawa ciri keangkuhan yang mengikrarkan hakikat diri hayawaninya; dia berfikir bahawa dirinya itu sama taraf dengan yang lain yang sebenarnya lebih mulia dan luhur daripadanya, dan dengan sikap begini dia menyimpan dalam dirinya rasa sombong takbur dan tabiat kedegilan yang semuanya mendorong ke arah menafikan kewibawaan. Dia berfikir bahawa dia mengenali dan mengetahui keadaan serta kedudukannya bernisbah dengan dirinya dan yang lain, padahal dia sebenarnya tiada mengenali dan mengetahui makam dirinya, dan dari itu maka dia bercenderung pula kepada kelakuan hasad-dengki terhadap yang lain yang dianggapnya tiada patut melebihinya. Dalam keadaan ini dia membiarkan hawa-nafsunya merajalela mengawali tingkah laku serta tindakan-tindakan dan keputusan-keputusan yang diambilnya dalam kehidupan. Sedangkan Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, menjelaskan dalam Kitab SuciNya bahawa tiada Dia membebani

seseorang diri dengan beban yang lebih dari apa yang terdaya olehnya—yang menyatakan dengan tegasnya bahawa tiap diri itu tiada sama taraf keluhuran serta kadar kebolehannya—orang yang kita maksudkan di atas itu, terpacu oleh rasa takbur dan dibawa lari oleh hawa-nafsu kecenderungannya yang telah menjadi kabur, dengan tiada lengah lagi menyalahgunakan dirinya dengan membebani diri supaya sanggup memikul amanah serta tanggungjawab—baik pun amanah serta tanggungjawab politik atau masharakat, atau kebudayaan, atau agama, atau akali serta ruhani—yang dia pada hak dirinya tiada membakati kemampuan serta kadar kebolehan untuk menunaikan dengan sempurna. Apabila orang-orang seperti ini membanyak di kalangan masharakat kita akibat kemasukan faham serta pandangan alam dan kehidupan yang lain dari Islām dan yang mengelirukan kebenaran, maka sesetengah daripadanya termasuk mereka yang dianggapnya mewakili sifat sepertinya, lambat-laun tentu merebut tempat pimpinan menjadi pemimpin yang telah disebut tadi sebagai pemimpin palsu. Dan mereka ini mengukuhkan kedudukannya serta kedudukan orang-orang sepertinya dalam semua bidang tanggungjawab dan amanah dalam gelanggang kehidupan bermasharakat: iaitu dalam kehidupan politik, kehidupan masharakat, kehidupan kebudayaan, kehidupan agama dan kehidupan akali serta ruhani. Keadaan yang menjelma sebagai akibatnya, yang dideritai oleh masharakat, ialah keadaan yang telah disebut tadi sebagai keruntuhan adab, yang membayangkan keadaan telah merebaknya kezaliman dan berkekalnya kerosakan ilmu.

§58 Meskipun benar kita tahu bahawa ramai di kalangan Kaum Muslimin kini yang jenuh bersoal, apabila diingatkan tentang banyaknya pemimpin yang palsu yang telah mereka amanahkan dengan tanggungjawab pimpinan, menanyakan bagaimanakah dapat mereka ketahui tempat yang benar bagi meletakkan masing-masing menurut kelayakannya; bagaimanakah dapat mereka kenali perbezaan antara yang benar dan yang palsu nescaya dapat menentukan penempatan masing-masing menurut kebenarannya—yang benar pada tempatnya dan yang palsu pada

tempatnya—sehingga dapat menjamin kebebasan dari penyesatan serta kezaliman pemimpin palsu? Soalan seperti ini sahaja sudah cukup jelas membuktikan berlakunya keadaan kejahilan serta kekeliruan yang telah memerangkap Kaum Muslimin dalam cakarnya. Akal-fikiran yang menjadi mangsa cakar kejahilan dan kekeliruan itu harus senantiasa diingatkan bahawa Islām bukanlah Agama bagi orang bebal. Firman Allāh Ta'ālā yang telah dirujuk tadi di perenggan 52, perihal Dia menitah kita memulangkan amanah kepada ahlinya, membayangkan bahawa kita harus *sudah tahu* siapa ahli amanah apa; jikalau tiada demikian maka tiada akan disampaikan olehNya titah seperti itu! Sewaktu orang Islām memahami serta mengenali Islām dan mengamalkan ajarannya secara yang jauh lebih sempurna dari zaman kita, soalan seperti ini tiada mungkin timbul. Dan kini justeru jawapan mengenainya tiada akan mungkin difahami dengan sempurna—seperti juga jawapan bagi pelbagai soalan yang dikemukakan di perenggan 1 mula-mula tadi—melainkan sesudah Kaum Muslimin menempuhi pelajaran serta pendidikan semula mengenai Islām. Ilmu yang sempurna mengenai Islām dan pandangan hakiki terhadap alam dan kehidupan yang ditayangkan olehnya harus senantiasa dibekalkan dalam kefahaman serta pengenalan dan pengetahuan kita agar senantiasa segar menumbuh di situ; agar senantiasa baharu dan lengkap, sambil senantiasa mengawasi kesuciannya demi menghindarkan terosaknya oleh tafsiran-tafsiran yang janggal padanya, yang menyamar-kelirukan kebenaran dengan kepalsuan. Kita harus senantiasa meningkat naik ke taraf ilmu yang betul mengenai Islām dan keislaman, agar tercapai bagi diri keadaan sedemikian lakunya sehingga apa sahaja ilmu-ilmu lain yang diserapi olehnya akan senantiasa diletak pada nilai keseimbangan yang saksama dengan ilmu mengenai Islām dan keislaman itu, nescaya terbina dalam diri pertimbangan serta peraturan yang adil mengenainya. Cara yang kuanggap betul bagi mencapai keadaan keseimbangan ilmu ini dalam diri, sehingga dapat membina keadilan diri yang boleh mengatasi pelbagai kerumitan masalah kita, akan nanti dihuraikan dengan teliti di tempat lain pada akhir risalah ini.

§59 Telah dikatakan tadi bahawa peristiwa yang membawa kelemahan secara beransur bagi Kaum Muslimin dan dunia Islām pada asal-mulanya sudah memang terselip dalam unsur-unsur dalaman yang biang-bibitnya telahpun tumbuh keluar pada zaman awali Islām. Dan telah disebut juga selanjutnya perihal unsur-unsur dalaman ini bahawa dia merupakan penjelma serta pengantar keadaan yang melaku serta melancarkan keruntuhan adab. Alamat utama yang mencirikan sifat yang menjelmakan keruntuhan adab dalam Umat Islām adalah ternyata sebagai suatu gerak-daya *penyamarataan* yang dijelmakan serta diasuh, dilayani dan dibina dalam akal orang Islām dari masa ke semasa, dan diamalkan dalam masharakatnya. Dengan faham 'penyamarataan' kami memaksudkan suatu tabiat kecenderungan yang ada pada diri seseorang untuk menyamaratakan diri-diri lain semua dalam *pengertian akal*, dan untuk mengamalkannya dalam *sikap* sehingga diri-diri lain itu semua dianggap sama tarafnya dengan diri yang menyamaratakan. Maka penyamarataan ini berasal sebagai suatu perasaan batin yang berlaku dalam akal dan pengertian, dan kemudian pula nyata zahir dalam sikap seseorang. Keadaan diri seperti ini tentulah mempengaruhi fiilnya dan segala tindakannya berhadapan dengan diri-diri lain dan masharakat dan alam sekeliling dan faham-faham akali dan ruhani yang dianuti olehnya. Penyamarataan seperti yang dimaksudkan ini giat dianjurkan oleh golongan pemimpin palsu yang memang ingin meruntuhkan susunan kewibawaan yang sah. Dengan menyamaratakan semua orang, khususnya orang-orang yang memiliki martabat dan darjat keluhuran diri, kepada peringkat yang sama dengan mereka yang tiada memiliki sifat-sifat itu, maka susunan berperingkat martabat dan darjat *yang sah* itu akan runtuh binasa. Dan pemimpin-pemimpin palsu dalam semua lapangan giat menganjurkan penyamarataan ini, agar supaya dapat mereka berjaya melaksanakan hasrat hidupnya serta membanyakkan merebaknya pimpinan sepertinya dan serupa dengan tabiatnya. Oleh kerana dalam Islām susunan berperingkat martabat dan darjat itu berdasarkan kewibawaan yang berasas pada *ilmu* dan *amalan* serta *pengalaman akali dan ruhani* dan *keihsanan*—yang semuanya merupakan kurniaan Ilahi jua—

maka nyatalah bahawa kewibawaan yang sah itu dalam Islām bernisbah pada kewibawaan yang berpandukan ajaran serta hakikat agama. Dari kenyataan ini maka harus jelas bahawa pemimpin-pemimpin palsu yang giat mengamalkan dan menganjurkan penyamarataan itu pada asal-mulanya berpunca pada segolongan pemimpin-pemimpin agama—ya'ni para ulama—yang sebenarnya tiada membakati kelayakan yang sempurna bagi menunaikan tugas serta tanggungjawab pimpinan yang sah. Mereka dari kalangan ulama yang salah asuhan ini sesungguhnya kurang sempurna berkewibawaan yang sah, dan dari itu mengenakan penyamarataan pada ulama-ulama agung yang cukup sempurna berkewibawaan yang sah, sehingga disamaratakan yang cukup sempurna dengan yang kurang sempurna; dan seterusnya pula setelah disamaratakan yang cukup sempurna itu dengan yang kurang sempurna, maka direndahkan lagi taraf yang cukup sempurna itu kepada yang lebih kurang daripada yang kurang sempurna. Sifat keangkuhan diri hayawani dan hasad dengki yang sedia terpendam sebagai takbur batin yang membina kedegilan dalam diri itu memang cenderung ke arah mencabar serta memperkecilkan kewibawaan yang sah—dan sifat keangkuhan serta kedegilan diri hayawani ini merupakan suatu peninggalan serta penerusan tabiat Jahiliah yang muncul di sana-sini dari masa ke semasa dalam kalangan ulama-ulama melampau yang berpuak-puak. Apabila dengan pengaruh ajaran serta tingkah-laku ulama yang kurang sempurna berkewibawaan yang sah ini Kaum Muslimin telah menjadi keliru dalam kefahaman ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan oleh Islām, maka golongan ulama melampau itu semakin menjadi hangat di kalangannya, dan mengukuhkan kedudukannya dalam pemikiran masharakat awam serta menyeludup mengambil-alih tempat pimpinan agama. Kemudian, pimpinan mereka menerapkan kesannya dalam semua lingkaran kehidupan, sambil menganjurkan tauladan keangkuhan diri hayawani yang mengamalkan penyamarataan di kalangan Kaum Muslimin seolah-olah tabiat serta tingkah-laku itu kononnya menyelarasi ajaran Islām. Mereka yang menganjurkan sikap begini menyarukan apa yang dianjurkannya itu sebagai

tiada lain melainkan berdasar pada asas faham kesamatarafan insan yang merupakan salah-satu asas Islām jua. Padahal asas Islām mengenai martabat dan darjat insaniah tiada sekali-kali menyamai apa yang mereka maksudkan dan anjurkan; Islām tiada berasas pada faham bahawa insan itu semua sama tarafnya, sekalipun di sisi Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, apatah lagi pula di sisi sesama insan. Kita sebut: 'sesama' insan, dan maksudnya ya'ni: 'bangsa' insani, dan bukan harus difahamkan bahawa semua insan itu sama *tarafnya* sebagai insan, kerana meskipun sebagai insan dia itu bangsa insani jua, namun diri tiap seorang insan berlainan taraf keluhurannya, berlainan martabat dan darjatnya masing-masing, di sisi Khaliqnya mahupun di sisi khalayakNya. Penyamarataan taraf insani yang telah mereka kelirukan itu sesungguhnya jauh dari ajaran Islām, dan kesan ajaran yang telah mereka da'yahkan menyamari yang Islām itu telah menuju dan membawa ke arah kemusnahan, atau sekurang-kurangnya kerosakan, susunan kewibawaan yang sah dalam susunan insani. Yang telah mereka lakukan itu tiada lain daripada penyamarataan semua kepada tarafnya sendiri masing-masing, dan ini tiadalah lain daripada kezaliman jua. Di kalangan Muslimin awali yang telah melakukan penyamarataan terhadap pemimpin besar serta ulama agung sezaman dan juga yang telah mendahului zamannya, tumpuan penyamarataan yang dilakukan itu biasanya didasarkan kepada hakikat bahawa pemimpin besar serta ulama agung Umat Islām itu hanya manusia belaka, ya'ni yang bersifat bashari berdarah-daging serupa seperti orang biasa, dan oleh itu maka pemimpin besar serta ulama agung itu tiada sunyi dari kesilapan dan kealpaan yang merupakan sifat kemanusiaan jua. Setelah melaung-laungkan hakikat ini mereka pun lantas menitik-beratkan kesilapan serta kealpaan yang tentu terdapat di sana-sini dalam kelakuan serta ajaran dan pimpinannya, padahal kesilapan serta kealpaan yang terdapat itu—sekalipun benar kesilapan serta kealpaan—sebenarnya perkara yang kecil, apatah lagi jikalau dibandingkan dengan ilmu serta kebijaksanaan dan hikmah serta keihsanan yang ternyata ada pada diri para imam Mujtahidin dan ulama agung serta pemimpin besar Islām, dan juga jikalau dibandingkan dengan

sumbangan besar yang telah mereka turunkan terhadap ilmu mengenai Islām dan pandangan kehidupan serta alam hakiki yang ditayangkan oleh Islām. Selanjutnya pula tuduhan-tuduhan mengenai kesilapan serta kealpaan mereka itu sesungguhnya tiada dapat menafikan kebenaran serta kebijaksanaan ilmu yang terbayang dalam tulisan dan amalan dan kata-katanya; dan tiada juga dapat menggugat sahnya kedudukan serta hak keluhuran diri dan budi para agung Islām dalam susunan martabat dan darjat yang dikenali serta diakui oleh Umat Islām dari zaman ke zaman. Penyamarataan yang telah mereka lakukan itu bukan sahaja ditujukan kepada pemimpin besar serta ulama agung Islām seperti antaranya al-Shāfi'ī dan al-Ash'arī dan al-Ghazālī, raḍiya'Llāhu 'anhum, akan tetapi para awliya Allāh juga terkena babit, dan akhirnya para Sahabat Rasūlu'Llāh pun, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, termasuk yang akrab dengannya, raḍiya'Llāhu 'anhum ajma'īn, tiada dikecualikannya daripada cungkilan peribadi mengenai aneka kesilapan dan kealpaan yang dicari-cari serta dipamerkan kepada umum. Kita lihat bagaimana, misalnya, golongan yang kemudian digelar dengan nama Khawarij berkurangajar terhadap Sayyidinā 'Alī, karrama'Llāhu wajhahu, sehingga berani mencabar kewibawaannya yang sah; beberapa ratus tahun kemudian kita lihat pula bagaimana ibn Taimiyyah—mungkin pertama kalinya di kalangan ulama—seolah-olah tiada sedarkan martabat dirinya berani mencabar memperkecilkan kewibawaan Sayyidinā 'Umar, Sayyidinā 'Alī, raḍiya'Llāhu 'anhumā, dengan tuduhan bahawa kedua yang agung itu telah melakukan beberapa kesilapan. Dan tuduhan yang datang daripada orang yang jauh rendah martabat serta darjatnya berbanding dengan yang dituduh itu juga dilakukan tanpa memandangkan bahawa kedua Sahabat agung itu, menurut suatu hadith yang terkenal, memang termasuk antara sepuluh Sahabat yang telah dijanjikan shurga oleh Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā. Maka kita hanya tercengang kagum melihat bagaimana halnya sedangkan Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, Sendiri telah menjanjikan shurga kepada yang dikasihiNya, ya'ni dengan maksud bahawa kesilapannya tentu telah dihapuskan di sisi Pandangan Allāh Ta'ālā, mengapa pula patut seorang hamba

Allāh yang zahir beberapa ratus tahun kemudian masih tetap mengingat sambil menitik-beratkan kesilapan itu! Tiada shak lagi memang dapat ketokohan ulama-ulama penggugat para agung yang berilmu itu dipertahankan, memandangkan bahawa ulama-ulama penggugat zaman lampau itu, setengah daripada setengahnya memang juga agung dan berilmu mengikut kadarnya masing-masing. Akan tetapi adalah suatu kesalahan besar bagi kita sekiranya disamaratakan taraf masing-masing, ya'ni taraf ulama yang kurang sempurna kewibawaannya dengan yang cukup sempurna kewibawaannya yang sah—berlebih-lebih lagi pula salahnya jikalau kita letakkan yang kurang sempurna itu pada taraf yang lebih tinggi daripada yang cukup sempurna, sebagaimana biasa dilakukan dalam tanggapan zaman kita yang lebih jahil-keliru ini. Pada zaman kita ini, yang faham dan tahu sedia memahami dan mengetahui bahawa mereka di kalangan penggugat serta pencabar para alim-ulama agung Muslimin zaman lampau, yang lazimnya memang menuturi telatah-gelagat yang bercontoh pada sifat guru-guru mereka dalam kebiasaan tabiat mencabar serta menggugat pimpinan serta kewibawaan yang sah dan benar, sesungguhnya adalah orang-orang yang tiada terkecuali terdiri daripada yang lebih kurang sempurna kewibawaannya daripada guru-guru mereka yang kewibawaannya sudah memang kurang sempurna; orang-orang yang pandangan dan penilikan akali serta ruhaninya mengenai hakikat Islām dan pandangan-alam yang ditayangkan olehnya itu tiada sekali-kali layak dibandingkan dengan yang dibayangkan dalam pandangan serta penilikan guru-gurunya yang kurang sempurna itu—apatah lagi pula jikalau dibandingkan dengan para agung dan berilmu sempurna yang dikecam diperkecilkan olehnya, sedangkan guru-guru mereka sendiri mengambil menerima ilmu pinjaman daripada para agung itu dengan tiada pengakuan. Tiada satupun orang-orang ini, yang pada zaman kita menda'wa diri sebagai 'modenis' dan 'pembaharu agama' termasuk mereka yang menyaru sebagai ulama mujtahidin, sampai mencapai peringkat yang paling rendah di kalangan ulama agung zaman lampau yang dalamnya termasuk para ahli pengenalan ruhani yang semuanya telah menyumbangkan

demikian banyak jasa perihal ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang terterap padanya; tiada satupun mereka yang dapat kita bandingkan dengan nilaian kelayakan serta kesamatarafan dengan para agung zaman lampau, baikpun di sisi kebakatan sifat akali mahupun di sisi keluhuran budipekerti keihsanan serta pengenalan ruhani, dan sekalipun di sisi kebesaran serta kesuburan dayacipta penulisan dan persuratan yang bersifat asli, menayangkan tafsiran terperinci indah mendalam. Mereka tiada berkemampuan menghasilkan penulisan serta persuratan seperti yang dahulu yang dikecam diperkecilkannya itu; mereka sesungguhnya tiada terdaya menghasilkan dayacipta seperti itu, dan yang dihasilkannya hanyalah gubahan-gubahan yang bersifat kewartawanan dan yang terbentuk dan termaktub dalam kandungan faham kewartawanan jua. Justeru demi membujuk kepercayaan serta pengakuan awam yang mudah terkeliru, mereka yang menda'wa dan dida'yahkan sebagai 'modenis' dan 'pembaharu agama' dan yang menyaru sebagai para mujtahidin terpaksa juga meniru-niru para agung yang dikelirukan serta dilaberaknya di hadapan tanggapan awam itu; mereka juga giat membicarakan persoalan apakah Al-Qur'ān itu sifatnya makhluk atau bukan makhluk; mereka juga campur tangan konon dalam menyelesaikan masalah qada dan qadar—mereka terpaksa meniru-niru para agung dahulu untuk mengagumkan fahaman awam betapa handalnya pemikiran yang dipamerkannya itu! Dan orang-orang yang menimbang-terima mereka sebagai pemimpin agung zaman kita, yang menganjurkan kita supaya menerima mereka seperti yang dida'yahkan itu pula, bukanlah terdiri daripada yang mengenali sungguh pemimpin-pemimpin benar zaman lampau yang betul agung, dan dari itu maka tiada mempunyai kelayakan untuk menilai keagungan dan kebenaran. Orang-orang penganjur dan penda'yah yang baharu ini bukanlah harus disifatkan sebagai jawhari yang mengenali jawhar—mereka secara sedar atau tiada sedar merupakan penda'yah kesilapan yang memalu gendang kekeliruan di pasaran awam! Padahal semua persoalan mengenai pelbagai masalah yang golongan modenis dan pembaharu agama dan yang menyaru sebagai mujtahidin itu cuba timbulkan, dan kemudian

terkial-kial hendak menjawab, dan akhirnya gagal mengatasi itu, sudahpun dibicarakan dengan tilikan batin yang lebih tajam mendalam, dan dengan penerokaan akali serta kehalusan ruhani yang jauh lebih jelas mencarakan seni-budi keagungan dan kebenaran oleh orang-orang seperti al-Ash'arī, al-Ghazālī, dan para Ahli Tasawwuf yang luhur dan lain-lain guru agung zaman lampau. Lagi pula mengenai sifat Al-Qur'ānu'l-Karīm dan hakikat qada dan qadar dan persoalan lain yang bersabitan, maka persoalan seperti ini tiada dianggap sebagai *masalah* oleh para Muslimin yang *tahu* dan *kenal* dan *beriman;* dan hakikat bahawa persoalan ini *dikemukakan seolah-olah sebagai masalah* hanyalah membuka rahsia tentang adanya kekeliruan yang mengharungi kefahaman dan mungkin juga iman mereka yang mempermasalahkannya, dan menambah pula pada kekeliruan umum yang sudah menyerapi mengabuti fahaman serta iman kita. Gelagat mereka menyaru meniru-niru guru agung zaman lampau, demi membujuk pengakuan awam tentang kehandalan serta kelayakannya agar diterima sebagai pemimpin benar itu, hanyalah melayani hawa-nafsu yang mengada-ada menyama-tarafkan diri dengan gurunya. Mereka dan pengikutnya subur berkembang di mana terdapat keadaan kekeliruan dan kejahilan, di mana mereka semua dapat mengelakkan diri dari penilaian renungan teliti serta gugatan dan penafian ilmu. Justeru akibat terserapnya kekeliruan dan kejahilan dalam fahaman Kaum Muslimin zaman kita ini, maka kesempitan fikiran serta kegentingan diri yang kini mensifatkan Kaum Muslimin pada umumnya telah menanggapkan pada pandangan fikrinya seolah-olah golongan modenis dan pembaharu agama dan yang menyaru sebagai mujtahidin itulah dia yang pertama-mula membuka akal-fikiran Muslimin pada kefahaman Islām. Padahal Kaum Muslimin tiada sedar dan insaf bahawa orang-orang itu hanya merupakan tiruan belaka para agung zaman lampau—dan tiruan yang kurang baik pula! Kaum Muslimin tiada insaf-tahu bahawa orang-orang itu tiada membawa apa-apa yang baharu yang belum lagi dibawa oleh para agung dahulu; dan tiada pula orang-orang itu benar menjelas-tafsirkan Islām secara yang lebih terang pada pandangan yang kelam daripada pentafsiran serta penjelasan

yang telah dihasilkan oleh para guru zaman lampau yang jauh lebih luhur nilaian penerokaannya. Namun demikian halnya tetapi orang-orang selaku itulah yang paling riuh-ganas menuduh serta memperkecilkan zaman lampau dengan para agungnya sekali yang sungguh budiman dan yang termasuk dalam gelanggangnya para ulama tulen dan ahli fikir dan fukaha dan yang memiliki ilmu pengenalan ruhani. Fahaman golongan modenis dan pembaharu agama mengenai zaman lampau sesungguhnya telah terkena pengaruh faham-faham Barat mengenai evolusi manusia dan perkembangan sejarah dan ilmu-ilmu pengetahuan yang sekular. Kemasukan faham-faham ini merupakan kali yang kedua berlakunya penyeludupan faham-faham Barat yang asing pada Islām, sebagaimana penyeludupan kali yang pertama sepertinya telah dilakukan oleh golongan falasifah yang diberantas habis oleh al-Ghazālī. Bagaimanapun juga, golongan falasifah sekurang-kurangnya memahami pemikiran Barat jauh lebih sempurna daripada kefahaman modenis pembaharu agama mengenainya; dan meskipun mereka ini berhati-hati dalam dayausahanya untuk mengislamkan faham-faham Barat yang diseludupkannya masuk, namun demikian faham-faham mereka itu merupakan suatu bahaya besar terhadap kesetiaan Kaum Muslimin kepada Islām, sebab faham-faham yang diseludupkan masuk itu bukannya yang boleh diperolah-semula sehingga dapat benar-benar disebatikan dengan jiwa Islām. Mereka telah gagal mengislamkan faham-faham asing itu, dan dengan demikian telah membuka luas tanpa kesedaran gerbang yang mempelawa masuk sekularisme, justeru kerana tiada mengambil masa yang lama kemudian pengikut-pengikut mereka telah memperkembangkan lagi faham-fahamnya itu secara yang tiada terlintas pada dugaannya sehingga menjelmakan bentuk-rupa kehidupan sekular di kalangan kita. Sanya sesungguhnya para agung Muslimin zaman lampau itu tiada mereka tanggap sebagai tauladan akali sanjungan citanya; yang mereka sanjung dalam cita-akalnya sebagai tauladan adalah para failasuf Barat seperti Rousseau, Comte, Mill dan Spencer. Islām sudah bukan lagi melandaskan dasar pemikirannya, bahkan yang diusahakan ialah memadankan Islām pada cita-citanya.

Walaupun mereka menda'wa diri sebagai Muslim, akan tetapi taat-setianya ditumpukan kepada rantau dan negaranya dan dijunjungnya ke taraf yang sama dengan kesetiaan kepada Islām. Oleh kerana mereka tiada benar-benar membakati kadar akali serta ruhani yang mendalam, maka tumpuan usahanya berkisar dalam bidang kemasharakatan dan politik. Pengalaman mereka tentang keruntuhan pemerintahan Muslimin dan kehancuran imperaturia Muslimin di sana-sini menolehkan perhatiannya kepada ibn Khaldun dan menumpukan usahanya pada penerokaan faham *ummah* dan *negara* dalam Islām. Maka dengan sendirinya, dengan penumpuan usaha terhadap penerokaan faham ummah dan negara ini, mereka mengabaikan dan meringankan penelitian ilmiah terhadap faham diri dan peranan diri perseorangan dalam menjelma serta menegakkan ummah dan negara Islām. Memang benar bahawa ummah dan negara Islām itu diutamakan dalam Islām, namun demikian begitu jugalah diri perseorangan pun diutamakan dalam Islām—malah berlebih lagi, kerana betapakah dapat ummah dan negara Islām itu dijelmakan serta ditegakkan sekiranya diri-diri perseorangan yang Muslim itu telah menjadi keliru dan jahil mengenai Islām dan pandangan hidup Islāmiah sehingga tiada lagi mensifatkan Muslim yang *baik?* Apabila mereka berpendapat bahawa kemerosotan Kaum Muslimin itu disebabkan oleh kerosakan pimpinan, justeru memang jelas bahawa kesimpulan ini berdasarkan kesibukan tilikannya hanya kepada soal ummah dan negara, kerana soal ummah dan negara, yang merupakan lingkaran di mana berkisar masalah kemasharakatan dan politik, memang berkehendakkan penyelesaian masalah pimpinan. Tumpuan perhatian kepada perkara ummah dan negara mesti akan melibatkan perkara pimpinan dengan secara langsung; dan kesimpulannya memang sudah diketahui umum, tanpa berpura-pura mengenakan hujah ilmu, tanpa berlaga-laga dengan ilmu kemasharakatan dan politik seolah-seolah ilmu itulah yang mencelikkan matanya kepada kefahaman mengenai sebab kemerosotan Kaum Muslimin. Bagaimanapun helahnya maka kesimpulan bahawa *kerosakan pimpinan* itu *menyebabkan* kemerosotan Kaum Muslimin tiada betul benar, kerana pendapat ini berasaskan pandangan singkat

yang hanya melihat gejala-gejala luaran yang ditayangkan menerusi teropong ilmu kemasharakatan dan politik yang memang tiada berdaya menembus ke hakikat dalaman. Sesungguhnya kerosakan pimpinan bukan bersifat *sebab* kemerosotan Kaum Muslimin, akan tetapi dia adalah *akibat* padanya. Dan yang sebenarnya bersifat sebab kemerosotan Kaum Muslimin *dan* kerosakan pimpinannya tiadalah lain daripada *kekeliruan serta kekhilafan ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya*, seperti yang sudah disebut tadi di perenggan 53, mengikut giliran nisbi antaranya; ya'ni: kekeliruan serta kekhilafan ilmu itu menyebabkan keruntuhan adab, yang seterusnya menyebabkan kerosakan pimpinan, dan terus pula mengekalkannya dalam suatu lingkaran rantai yang antaranya tiada terputus berlaku pernisbahan sebab-akibat sehingga menjelmakan akibat yang sama jua. Kita harus tahu, untuk memutuskan gelang pokok dalam rantai pernisbahan sebab-akibat itu, bahawa yang memulakan gerak-daya yang menjelmakan rantai pernisbahan sebab-akibat itu adalah sebab dalaman, bukan akibat luaran; kerana jikalau kita tanyakan diri apakah yang 'rosak' dalam faham 'kerosakan' pimpinan itu, maka akan jelas jawapan bahawa ilmulah yang rosak. Penerimaan kenyataan ini juga menjelaskan bahawa akar-umbi masalah kemerosotan Kaum Muslimin itu bukanlah lagi tampak sebagai terbenam dalam hal politik ummah dan negara dan perkara pimpinan, sebagaimana yang mereka bayangkan, akan tetapi sebagaimana yang kini dinyatakan di sini, akar-umbi itu tumbuh berasal dalam kerosakan *ilmu*. Ini berma'na bahawa masalah pokok adalah ilmu dan bukan pimpinan; dan ilmu adalah sifat *insan* dan bukan dia sifat ummah atau negara: ilmu itu sedia tersifat pada insan *sebagai diri perseorangan* dan bukan sebagai masharakat. Kesimpulan yang harus ditarik dari kenyataan ini sangat berma'na bagi menetapkan arahan tumpuan tenaga kita dalam mengatasi pelbagai kerumitan yang kini sedang menyerang dari semua jurusan. Kau harus insaf bahawa *sebagai suatu strategi* atau *helah* menghadapi masalah zaman kita, dan memandangkan keadaan kita dewasa ini, maka adalah lebih afdal untuk kita menitik-beratkan keutamaan diri perseorangan, dan

bukan ummah dan negara, dalam mencari penyelesaian yang adil bagi masalah yang kita hadapi sekarang. Menitik-beratkan keutamaan diri perseorangan membawa erti bahawa sebagai prasharat bagi memahami serta mengatasi masalahnya, kau harus terlebih dahulu memperlengkapkan pengenalan serta pengetahuan dan kefahaman dengan ilmu mengenai *akal* dan *kalbu* dan *diri*, *budipekerti keihsanan*, dan *ruh*, dan mengenai *nasib terakhir* serta *tujuan diri insani*; kerana akal dan kalbu dan diri dan ruh dan ihsan itu semua merupakan hakikat yang sedia ada pada diri perseorangan. Ilmu mengenai ini semua bukan dapat diperoleh dari bidang kefahaman Barat yang mempersoalkan diri hayawani insan, seperti ilmu jiwa atau *psikologi*, kerana faham-faham yang dikemukakannya tiada berma'na bagi kita; akan tetapi kau harus memperolehinya dari ilmu yang bersumberkan faham kebiasaan Islām dan yang ditafsir serta dibayangkan oleh para guru agung kita zaman lampau yang memiliki pengenalan serta kefahaman ruhani. Hanya dengan cara inilah sahaja maka baharu dapat kita mengaitkan rangkaian kefahaman yang berma'na, dan menjelmakan suatu susunan pendidikan yang berdasarkan padanya, dan yang terlingkung dalam rencana yang dibayangkan oleh Al-Qur'ānu'l-Karīm dan berasas pada dasar-dasar Islām, sehingga mampu mendidik Muslimin yang akan datang berturun-temurun kelak nescaya menjadi Muslimin yang *baik*; nescaya menjadi insan yang dapat menjelmakan dalam dirinya sifat-sifat Islāmiah yang sempurna; sebagai Muslimin sejati yang terbebas dari kekeliruan dan yang berkefahaman benar serta mengerjakan amal-ibadat, lagi pula serba-sedia untuk mewujudkan tegak negara Islām dan memainkan peranannya sebagai suatu Ummah yang kukuh-segar, yang benar tunggal. Jikalau tiada demikian, jikalau tumpuan daya usahamu hanya diarahkan kepada faham ummah dan negara belaka, seperti yang mereka kerjakan, maka daya usaha seperti itu—yang sebenarnya bermaksud sama juga pada akhirnya untuk mencapai hasrat agung Kaum Muslimin—akan menempuh ranjau sepanjang jalan, akan senantiasa menderita kegagalan seperti yang sudah dan sedang kita alami. Dan seterumu dan yang jahil yang memang berniat mengusutkan pemikiranmu akan berkata, seperti yang sudah mereka katakan,

bahawa Islām tiada lagi 'sesuai' untuk zaman ini, dan bahawa faham negara Islām itu hanyalah suatu cita-cita yang tiada dapat benar diwujudkan dan dicarakan sebagai amalan yang boleh berlaku. Penekanan terhadap keutamaan masharakat dan negara membuka gerbang yang membawa masuk cara serta kehidupan dan pemikiran dan pendidikan sekular. Sanya sesungguhnya kita sudahpun memiliki pusaka tinggi yang diturunkan berlimpah-limpah peri ilmu mengenai akal dan kalbu dan diri dan ruh, dan kita juga tiada kekurangan—malah berlebihan—guru-gurunya yang terjelma pada diri para agung zaman lampau yang memiliki ilmu pengenalan akali serta ruhani dan yang menghiasi kehidupannya dengan ihsan. Dan ini semua—ilmunya dan guru-gurunya—demikian serba meliputi sifat mutu serta bawaannya sehingga apa yang mereka turunkan itu memang mempunyai nilaian yang sah bagi insan untuk seluruh masa, memandangkan bahawa Sumber-sumber ilmu itu, dan penarikan yang mendalam yang telah dihasilkan daripadanya oleh guru-guru itu, sedemikian serba meliputi sifatnya yang tiada bertara sucinya mengatasi peredaran sejarah dan gejala-gejala perubahan, sehingga dia senantiasa baharu, senantiasa 'moden'. Sekiranya golongan modenis dan para pembaharu benar-benar memahaminya, sekurang-kurangnya ilmu dan guru-guru itu akan membawa faedah jua baginya. Akan tetapi ilmu seperti itu dan orang-orang seperti guru-guru agung itulah yang diketepikan diabaikannya dengan tiada menyedari hakikat bahawa Sumber-sumber ilmu yang disebut tadi itu merujuk kepada Al-Qur'ān dan Sunnah. Sebaliknya pula mereka perkecilkan orang-orang itu dan mencari-cari cacatnya, kemudian mencelanya kerana cacatnya, meskipun jasanya lebih besar dari celanya. *Adab* itu pengenalan tentang jasanya dan bukan tentang celanya, kerana jasalah yang menetapkan kedudukannya dalam susunan peringkat martabat dan darjat insani.

§60 Meskipun dapat diakui benar bahawa ulama-ulama penggugat seperti ibn Taimiyyah dan beberapa ratus tahun kemudiannya, ibn 'Abd al-Wahhāb, yang bawaannya gemar mencabar kewibawaan yang sah dan menyamaratakan darjat

yang cukup sempurna ke taraf yang kurang sempurna, dalam ajarannya masing-masing tiada menganjurkan perpisahan dari faham bermazhab. Bahkan mereka tetap mengisbatkan ajaran para imam dalam gelanggang Ahlu'l-Sunnah wa'l-Jamā'ah, yang berpegang kepada ajaran sunnah dan para Sahabat dan Tabiin dan para Pengikut Tabiin. Akan tetapi kita lihat bagaimana perkembangan pengaruhnya, yang dibantu pula dengan terebutnya kuasa oleh para pengikutnya di negeri Arab lebih kurang dua ratus tahun ini, dan dengan timbulnya aliran baharu di Mesir akibat ajaran al-Afghani dan Muḥammad Abduh, maka semakin terjadi deras aliran yang menganjurkan perpisahan dari ajaran-ajaran ulama lama yang merupakan pelbagai pelita agung yang telah menerangi suasana Umat Islām berabad-abad. Dengan ajaran al-Afghani dan Abduh mulai menyeludup masuk pengaruh-pengaruh dari jurusan luar yang merupakan sebab-sebab tambahan yang membawa akibat keruntuhan adab di kalangan kita. Meskipun benar tujuannya demi mempertahankan Islām dari serangan-serangan Barat, dan maksudnya untuk menyerang-balas kebudayaan dan tamadun Barat dengan senjata-senjata ilmiahnya sendiri, namun demikian senjata-senjata ilmiah olahan Barat yang digunakannya itu demikian halusnya cara-gaya mengelirukan yang mensifatkannya sehingga tiada terdaya pelopor-pelopor aliran baharu itu menguasai serta mengawalnya—kerana kelengkapan ilmiah yang ada pada dirinya memang tiada menyamai taraf mutu yang dimiliki oleh para agung mujtahidin zaman lampau. Maka akibatnya bukannya kebudayaan dan tamadun Barat yang terkena serang-balas dengan senjata-senjata ilmiahnya sendiri, akan tetapi yang menyalahgunakannyalah yang terkena derita 'senjata makan tuan'. Faham-faham asing yang telah dipupuk ke dalam pemikirannya kemudian menjadi semakin menerap pada pemikiran para pengikutnya, dan antara lainnya dan yang terutama termasuk:

(1) faham keutamaan dan kelebihan akal hayawani, ya'ni *reason* yang berpuncakan *ratio*, dalam meneroka kebenaran dan hakikat, dan keutamaan diri hayawani. Ini menimbulkan pula faham:

(2) kebebasan manusia ya'ni diri perseorangan, yang juga cenderung ke arah mengisbatkan diri hayawani, ya'ni *freedom* dan *liberty*, untuk menentukan nasibnya sendiri; untuk mengemukakan pendapat serta pandangan sendiri. Ini bernisbah rapat dengan faham:

(3) hak-hak asasi manusia, ya'ni *human rights*, justeru kerana melindung serta mengukuhkan (1) dan (2) di atas. Kemudian faham:

(4) kesamaan taraf manusia, ya'ni *equality* dan *egalitarianism*, dalam rangka masharakat dan negara di sisi undang-undang yang direka oleh manusia. Faham-faham seperti ini semua memanglah membayangkan penerimaan faham:

(5) evolusi manusia dan sejarah dan dunianya, ya'ni *evolution*—gerak-daya tabii yang mendorong ke arah perubahan kepada keadaan yang lebih baik, ke arah kesempurnaan yang juga senantiasa berubah demi menjelmakan lagi kesempurnaan lain pula terus-menerus. Kemudian dengan pengaruh kemenangan serta kejayaan faham sosialisme di negara-negara Barat, ditambah lagi pula dengan faham:

(6) sosialisme Barat mahupun juga demokrasinya sebagaimana difahamkan dan dikelirukan dengan faham-faham kemasharakatan dan politik Islām oleh setengah daripada golongan cerdik-pandai yang beraliran modenis dan juga yang lainnya.

Pemikiran pelopor-pelopor yang menimbulkan aliran yang digelar 'baharu' itu, dan yang bertujuan untuk memulihkan ajaran Islām kepada kemurnian yang asal, sesungguhnya sudah jauh terkebelakang jikalau diperbandingkan dengan pemikiran pengikutnya golongan yang menda'wa diri sebagai 'modenis'. Sebenarnya faham-faham yang dikemukakan oleh Abduh mahupun yang lain sebelum zamannya sampai kepada ibn Taimiyyah sendiri tiadalah 'baharu'. Bahawa faham-faham itu dianggap baharu sudah dengan sendirinya membayangkan pemisahan pengetahuan Kaum Muslimin dari perbendaharaan

ilmu yang telah dikumpul-simpan oleh ulama lama yang secara lebih mendalam telah menyelami masalah tafsiran Al-Qur'ān dan Sunnah dan penyelesaian kekeliruan Kaum Muslimin. Faham-faham itu tampak baharu oleh yang jahil yang tiada sedar tahu bahawa yang disebut baharu itu sudahpun dijelaskan mengikut masalahnya. Yang benar baharu dalam faham-faham yang dianjurkan oleh pelopor-pelopor pengikutnya hanyalah yang asing pada Islām yang diseludupkan masuk menyamarinya. Ulama-ulama yang kewibawaannya kurang sempurna, yang menggugat dan menolak-nafikan faham serta ajaran yang lama, dan pelopor pembaharuan serta pengikutnya golongan modenis dan lain-lain yang sealiran dengannya di negeri Arab dan di Asia Barat, Timur dan Tenggara semuanya tiada berhasil mengemukakan faham baharu sendiri yang dapat menggantikan yang lama yang dilaberaknya itu, dan hakikat ini menunjukkan bahawa mereka tiada berkemampuan membimbing Kaum Muslimin ke arah kefahaman dan kehidupan Islām yang sejati. Tanpa berpandukan ajaran ulama lama dan para imam mujtahidin, tanpa merujuk kepada hasil pemikirannya dan mengamalkan tafsiran agungnya—yang semuanya berdasarkan penerokaan akali dan nakali terhadap Al-Qur'ān dan Sunnah—maka golongan yang beraliran dari ibn Taimiyyah, yang terbahagi kepada golongan ulama yang kurang sempurna kewibawaannya, dan golongan pembaharu yang dipelopori oleh yang menyeludupkan faham-faham asing ke dalam Islām, sesungguhnya tiada berkemampuan untuk menafikan sahnya pelbagai mazhab yang sah, dan mendirikan mazhab baharu yang berdasarkan faham sendiri merujuk terus kepada kedua Sumber Agung Islām itu. Mereka menuduh ulama-ulama sejati dan para imam mujtahidin telah membekukan dayaciptanya, telah membantutkan akal dan pemikirannya dengan faham taklid—padahal tiada sekali-kali benar tuduhan itu, sedangkan yang benar hanyalah bahawa mereka sendiri yang beku dayaciptanya dan bantut akal serta pemikirannya; dari itu maka tiada mereka berkelayakan untuk berijtihad. Mereka ashik dalam mempersoalkan perkara-perkara remeh, yang menanggapkan seolah-olah para imam mujtahidin itulah yang mempersoalkan keremehan—

padahal kekecilan pandangan dan tanggapan mereka sendirilah yang memperlihatkan pada fahamannya bahawa yang kecil itu besar sehingga yang benar besar itu tiada terlihat langsung! Mereka telah melakukan jauh lebih banyak kesilapan-kesilapan yang besar pula—dari kesilapan-kesilapan yang terdapat pada yang lama. Dan walaupun mereka jenuh memuja-muja keistimewaan akal nazari sebagai alat utama penerokaan hakikat serta kebenaran, tiada pula satupun di kalangannya yang melebihi—mahupun mendekati—hasil akal nazari ulama lama yang dikecam dituduhnya konon telah menindas faham kesamaan serta kesealiran atau kesejajaran pencapaian akal nazari itu dengan wahyu. Padahal memang benar bahawa pencapaian akal nazari itu tiada mungkin dapat disamakan dengan wahyu.

§61 Tiada banyak perbezaan dalam faham-faham dasar serta cara-cara mengemukakan masalah, dan dalam tabiat serta gaya-mutu kefahaman, yang terdapat antara golongan ulama pembaharu yang digelar modenis itu dengan pantarannya golongan ulama sezaman yang berpegang kepada sumber-sumber nakali Islām tanpa mengutamakan faham-faham luar yang bersumberkan pemikiran Barat. Ulama-ulama sezaman ini, yang menyaru sebagai mujtahidin dan juga ingin digelar pembaharu meskipun berpegang kepada sumber-sumber nakali, namun demikian hanya mengakui sah sumber-sumber yang tertentu yang pada akhirnya berpunca jua pada ibn Taimiyyah dan yang bersealiran dengannya. Dan meskipun mereka tiada mahu mengambil faham asing ke dalam pemikirannya, justeru masuk juga ke ṣitu faham asing itu menerusi aliran pemikiran golongan modenis yang mempengaruhinya jua. Kedua golongan ini—yang modenis dan yang berpegang kepada sumber nakali, yang keduanya menda'wa sebagai pembaharu di zaman kita—telah kugabungkan sebagai bersealiran kerana keduanya menarik tauladannya daripada pertuturan yang sama dari kalangan ulama yang kurang sempurna kewibawaannya, yang berkebiasaan menggugat mencabar-kecam serta memperkecilkan ulama agung yang sezaman dengannya, atau yang mendahului zamannya. Semua ini cenderung pada menyamaratakan yang lain, yang

sebenarnya melebihinya, nescaya sama taraf dengannya. Mereka berbuat begini dengan tiada menyedari kenyataan bahawa sekalipun di sisi Allāh Ta'ālā kita semua tiada sama dan setaraf. Bahawa sesungguhnya, kita semua memang sama hanya setakat bersifat makhluk Allāh, hanya setakat bersifat *bashariyyah*, ya'ni manusia yang terbentuk dari darah-daging. Akan tetapi nyawa dan diri kita, meskipun berasal dari satu Ruh itu jua, dan meskipun sama intisarinya, maka tiada sama pula pada hak *kadar* dan *kebesaran*, tiada pula setaraf meskipun sebangsa. Kita semua ibarat kandil yang banyak bilangannya; berbagai-bagai panjang-pendeknya, besar-kecilnya, warna-warninya, rupa-rupinya; lemak yang menjadikannya sama jua lemak, dan api yang ditununya sama jua api; tetapi kebesaran nyalanya dan cahaya yang disiarkannya tiada sama ukuran dan kadarnya. Dan kita menimbangkan kebaikan nilai kandil itu menurut kadar penyiaran cahaya yang terdaya olehnya; sebagaimana juga kita menimbangkan kemurnian seseorang menurut sifat-sifat yang *bukan sama*, tetapi yang *melebihi* yang lain, seperti keluhuran daya akalnya, keihsanannya, dan pengenalan ruhaninya. Maka tiadalah betul dan bukan pula benar bagi kita menganggap orang seperti itu sebagai hanya manusia biasa, berdarah-daging seperti mana sahaja tiap yang lain, kerana tiada dia seperti mana sahaja tiap yang lain sebab keluhuran daya akali dan keihsanan dan pengenalan ruhaninya mengatasi perbatasan darah-dagingnya, dan kebesaran jiwanya menyatakan kelebihannya dari yang lain. *Adab* itu pengenalan serta pengakuan adanya cahaya-cahaya seperti itu di kalangan bangsa insani; dan pengakuan adanya yang demikian itu mensharatkan adanya suatu sikap pada diri yang mengakuinya, ya'ni sikap hormat tawaduk, kasih-patuh, rendah-diri yang ikhlas-sejati; dia mensharatkan bagi diri itu mengenali makam yang wajar baginya bernisbah kepada yang menyorotkan cahaya seperti itu. Akan tetapi ulama golongan pembaharu aliran nakali zaman kita, walaupun merupakan hanya pelbagai kandil kecil sahaja, jauh mengurangi pelita-pelita agung zaman lampau; walaupun cahayanya justeru hilang langsung apabila dilawankan dengan kilauan cahaya lama, beria-ia sangat memainkan lakonan 'pembaharuan' kepada penonton yang keliru, yang tiada berdaya

menilai dengan sempurna kemurnian mutu 'pembaharuan' yang ditanggapkan kepadanya, melainkan dengan ukuran nilaian yang suntuk seperti yang lazim berlaku dalam suasana kekeliruan. Mereka telah menjadi angkuh bongkak dengan kepentingan diri. Ibaratnya seperti papan-tanda pada persimpangan jalan—Jalan yang menuju ke arah Kebenaran; bukannya papan-tanda itu menunjukkan si musafir di Jalan itu pada jurusan papan-papan-tanda lain yang terdahulu darinya, yang lebih jelas dan dekat pada Kebenaran, akan tetapi sebaliknya dia menunjuk pada dirinya, dan mengelirusesatkan perjalanan si musafir itu hingga tergendala berhenti di situ. Mereka dan pengikutnya yang sudah menjadi tebal-muka serta lebih takbur daripada guru-gurunya, telah melakukan suatu perbuatan janggal yang tiada pernah dilakukan oleh sebarang golongan atau mazhab, dan yang tiada terlintas pun pada renungan Muslimin dahulu. Perbuatan janggal yang dimaksudkan itu iaitu penyebaran faham kepada pengertian awam bahawa Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, tiadalah lebih dari manusia biasa seperti tiap orang lain. Mereka berbuat begini dengan cara selalu melaung-laungkan ayat dalam Al-Qur'ānu'l-Karīm di mana terdapat Kenyataan Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, berfirman menitah Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, supaya menegaskan bahawa dia 'hanyalah manusia seperti kamu semua'— إنما أنا بشر مثلكم (*Sūrah al-Kahf*: Ayat 110). Mereka menitik-beratkan ayat ini sambil senantiasa melaung-laungkannya konon untuk mengingatkan kita akan hakikat bahawa Muḥammad bukannya malaikat, mahupun tuhan, mahupun penjelmaan Tuhan, akan tetapi makhluk bangsa manusia jua. Mengapakah mereka berbuat demikian?—apakah kita ini semua sudah menjadi kafir sehinggakan perlu mereka mengarahkan perhatian kita pada merenungkan hakikat itu? Mereka harus tahu bahawa ayat yang keluar melancar melepas dari lidahnya seolah-olah baharu sahaja didapatkan untuk pertama kali itu sebenarnya dimaksudkan untuk *diarahkan kepada yang kafir* yang menolak Risalah para Anbiya dan Mursalin. Memang ada terdapat ayat-ayat lain dalam Al-Qur'ānu'l-Karīm yang menyatakan bahawa Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, juga telah menitah para Rasul dan Anbiya lainnya untuk

menegaskan perkara yang sama, dan semua penegasan seperti itu ditujukan ke arah golongan yang kafir. Para Mu'minin dan Muslimin sudah memang *sedia ma'lum* bahawa semua Anbiya dan Mursalin itu bangsa insani jua, dan *sudah sedia percaya* akannya semua dan akan Risalah yang dibawa olehnya, jadi tiadalah perlu memberitahu yang sudah tahu dan percaya bahawa para Anbiya dan Mursalin itu bangsa insani. Sanya sesungguhnya kerana itulah yang percaya itu *percaya* akannya. Sayugia golongan pembaharu aliran nakali diingatkan bahawa bagi para Mu'minin dan Muslimin Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, memberitahukan bahawa Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, itu Mohor Para Anbiya; Pesuruh Allāh yang Terakhir bagi Alam Semesta dan bagi Bangsa Insani; Pelita Agung yang menyebarkan Cahaya Murni; Rahmat Ilahi bagi Makhluk Jelata; Teragung Murni sifat khuluqiahnya sebagai Ukuran bagi menilai Insan; Tauladan serta Contoh yang terbaik bagi Anak Ādam— dan banyak lagi sepertinya. Dan Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, telah menetapkan kukuh dalam kalbu kita pengenalan serta pengakuan tentang kelebihannya atas seluruh bangsa insani. Maka sifat-sifat kelebihan yang terjelma pada diri Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, inilah semua yang seharusnya dititik-berat serta diingat-ingatkan kepada Kaum Muslimin lelaki dan perempuan, tua dan muda. Mungkin pula golongan pembaharu aliran nakali itu cuba mempertahankan pendiriannya dengan menuduh bahawa di zaman keterlaluan serta penyelewengan kepercayaan yang meliputi keadaan kita kini, zaman yang mereka fikir Kaum Muslimin sedang tertanya-tanya di pinggir jurang kufur, justeru memang wajar serta kena pada masanya bagi mereka mewaspadakan Muslimin akan hakikat kemanusiaan Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam. Kau harus jawab bahawa walau sekalipun benar apa yang dikatakannya mengenai keterlaluan serta penyelewengan yang sedang meliputi keadaan kita kini, dan meskipun mungkin benar murni niatnya, sekalipun berbuat yang janggal terhadap diri Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, akan tetapi malangnya tetap gagal jua mereka dan gelap mata tiada melihat bahawa keterlaluan dan penyelewengan dan kekeliruan Kaum

Muslimin kini bukanlah disebabkan oleh sebarangan kekeliruan tentang tanggapan Muslimin terhadap sifat serta keperibadian diri dan pengutusan Junjungan kita Nabi Muḥammad, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam. Kekeliruan iman yang berlaku di kalangan sebahagian besar Kaum Muslimin tiada kena-mengena dengan kefahaman serta tanggapan hatinya, atau berkisar di sekitar kepercayaannya, terhadap sifat makhluk serta kemanusiaan Baginda Rasūlu'Llāh. Sebab kekeliruan itu bukannya terletak pada kesilapan mengenai perkara seperti itu, akan tetapi berpunca pada *kejahilan* mengenai *tawhid*, dan mengenai rukun-rukun iman dan islam, dan lain-lain dasar kepercayaan, yang semuanya telah dijelaskan di sini sebagai terumus dalam bahagian ilmu berjenis fardu ain. Maka ini berma'na bahawa sebab kekeliruan ini merupakan salah-satu daripada kenyataan sebab-dasar yang meliputi lain-lain sebab, yang telah kunyatakan di sini sebagai kekeliruan serta kesilapan ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya. Masalah pokok yang patut jelas tampak adalah masalah *pendidikan*—ya'ni, kekurangan pendidikan Islamiah yang serba-betul dan serba-cukup—kerana pendidikan seperti yang dimaksudkan, apabila disusun-rapi teratur-tertib, akan tentu dapat menghindarkan terjadinya kekeliruan umum yang akan menyesatkan ke arah pelbagai penyelewengan serta keterlaluan dalam kepercayaan mahupun dalam amalan. Muncul-timbulnya pemimpin palsu dalam semua lingkaran kehidupan adalah akibat keruntuhan adab dan kekeliruan serta kesilapan mengenai ilmu; dan merujuk kepada perkara kekeliruan serta penyelewengan dalam iman dan amalan, maka keadaan demikian berlaku dengan timbulnya ulama palsu, yang menyekat ilmu (علم) hanya pada pengertian fikah (فقه). Ulama-ulama seperti ini bukan layak dianggap sebagai pengikut tulen para fukaha mujtahidin dan imam-imam agung, yang dengan daya-ijtihad diri masing-masing, serta fahaman dan penerokaan dan penyelidikan yang semuanya bernilai keluhuran budi dan hikmah, berusaha-jaya menegakkan kukuh pelbagai mazhab yang sah dalam Islām. Ulama-ulama palsu itu bukan terdiri dari orang-orang yang tajam akal-pemikirannya, yang mendalam pandangan batinnya; dan bukan pula mereka orang-

orang yang boleh dipercayakan dengan amanah pimpinan ruhani yang betul benar. Meskipun jelas dan berkali-kali Al-Qur'ānu'l-Karīm menyalahkan pertentangan, perselisihan, permasalahan dalam perkara-perkara yang mengelirukan fahaman, dan melarang kita berbuat demikian, akan tetapi ulama-ulama yang kurang sempurna kewibawaannya, yang biasa dijadikan ikutan oleh yang palsu, tiada hentinya gemar dalam pertentangan-faham dan pertelingkahan mempersoal-bicarakan perkara-perkara yang tiada patut dipermasalahkan, sehingga akhirnya ulama-ulama palsu pengikutnya pula melanjutkan kerja demikian secara terperinci sampai kepada yang remeh. Maka kerumitan busut-busut fikah yang telah mereka dirikan sehingga menjadi bukit itu dikusut-kasaukannya lagi, dan ke dalam lorong-lorong mati yang memerangkap si lalai di situ kebanyakan awam tertinggal buta, bingung tanpa bimbingan. Penyalah-panduan yang telah mereka lakukan itu membawa kepada penekanan terhadap *perbezaan-perbezaan* antara faham pelbagai mazhab, dan kepada kedegilan berpegang pada keremehan yang sebenarnya merupakan isi perbezaan-perbezaan itu; dan kemudian lambat-laun apabila perbezaan-perbezaan itu sudah diperbesarkan sehingga pandangan terhadap yang sah dan benar menjadi kelam dan kabur, maka keadaan demikian menggalakkan golongan pembaharu, yang modenis dan yang beraliran nakali, dan yang mengekorinya, untuk melaberak para mujtahidin yang dihasutnya dengan tuduhan palsu sebagai yang salah. Dengan ini juga mereka telah menggasir merosakkan dasar kewibawaan yang sah, dan memburukkan faham serta pengesahan hidup bermazhab dalam Islām. Sebenarnya ulama-ulama yang kurang sempurna kewibawaannya dan yang palsu semuanya tiada berkemampuan membina, memperkembangkan dan menambah lagi pada tafsiran-tafsiran yang telah dihasilkan oleh para mujtahidin, agar dapat dimajukan terus pada tujuan akhirnya menuturi garis-garis panduan yang sudah jelas. Kesibukannya senantiasa melanjutkan penekanan terhadap masalah-masalah palsu dan yang remeh telah membawa kepada pengabaian masalah pokok yang sebenarnya, iaitu masalah pendidikan dan penyusunan sistemnya yang sempurna. Mereka berpuas-hati sahaja membiarkan pendidikan

asasi Muslim dalam ilmu fardu ain itu mandek pada peringkat kanak-kanak, sedangkan sepanjang hayatnya si Muslim itu dibiarkan pula memperkembangkan menambah pencapaian ilmu fardu kifayah dengan berkali-kali ganda lebihnya dari yang fardu ain. Dengan demikian maka banyaknya ilmu sekular yang merujuk pada keduniaan melulu bertambah terus dan berkembang dalam hayat si Muslim tiada seimbang dengan ilmu agama; dan si Muslim itu menggunakan masanya menghayati kehidupan dewasa dengan lebih tahu banyak mengenai dunia dan kurang mengenai agama. Maka itulah kita terus melahirkan Muslim yang lemah dan pemimpin yang lemah memerbahayakan, yang kefahaman serta ilmunya mengenai Islām bantut pada taraf kebudak-budakan; dan kerana inilah juga Islām itu sendiri disalah-tanggap serta disalah-tanggapkan sebagai seolah-olah 'tiada-membangun' atau 'salah-membangun' atau dibiarkan 'mandek' tiada membangun maju berkembang. Membanyaknya ilmu fardu kifayah dalam kehidupan Muslimin sebanyak yang tiada seimbang dengan ilmu fardu ain, dan kebiasaan menitik-beratkan peranannya dalam kehidupan tanpa menghiraukan bahawa penuntutan serta pencapaian ilmu itu sayugia diatur sehingga seimbang dengan yang fardu ain pada tiap peringkat pendidikan dan persekolahan, dengan sendirinya mengarahkan perhatian semata-mata pada pelbagai perkara dan peristiwa negara dan masharakat, kerana negara dan masharakatlah yang merupakan tumpuan rujukan ilmu fardu kifayah. Kesibukan di zaman kita perihal hasrat terhadap mendirikan negara Islām dan menjelmakan ummah Islām—seperti juga yang terbayang di zaman lampau pada golongan ulama yang kurang sempurna kewibawaannya dan pada pengikutnya yang berlebih kurang kesempurnaan itu—memang merupakan suatu ciri yang jelas tentang keutamaan melampau yang diberikan kepada pencapaian ilmu fardu kifayah, yang memang lazim berlaku pada masa kekeliruan serta kehidupan yang tegang mendesak Kaum Muslimin dari semua jurusan.

§62 Merujuk kepada kedudukan istimewa yang diberikan kepada ilmu fardu kifayah itu juga, maka yang menagih perhatian

penuh melampaui hak tuntutan ilmu fardu ain secara yang tiada berpatutan sehingga menawan nilaian hidup serta kesedaran kita adalah ilmu-ilmu kemasharakatan, politik, dan hukum dan undang-undang. Dalam suasana demikian maka mudah sekali tampak bagi yang sedar sebab mengapa kecenderungan dalam pelbagai peristiwa kehidupan serta pandangan hidup Muslim terbawa ke arah 'pensosialisasian' Islām—ya'ni pemahaman serta pengalaman Islām sebagai suatu falsafah dan rencana-bentuk politik yang mengutamakan masharakat dan golongan awam; dan penyamarataan Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llahu 'alayhi wa sallam, ke taraf yang sama serupa dengan orang awam hanyalah merupakan akibat nisbi pensosialisasian itu jua. Berturut serta dengan peristiwa pensosialisasian maka cara-gaya 'rasionalisme'—ya'ni dengan maksud pengertian yang difahamkan oleh pemikiran Barat, dan yang terbentuk dari asal-faham *ratio,* bukan dengan maksud pengertian yang kita fahamkan dari faham *'aql,* seperti yang terbayang dalam kenyataan Al-Qur'ānu'l-Karīm—berkuat-kuasa menapis nilaian hidup serta kesedaranmu. Sedangkan dalam faham Islām akal itu bukan semata-mata hanya memaksudkan akal jasmani diri hayawani belaka seperti yang dimaksudkan oleh kandungan pengertian *ratio* itu, akan tetapi akal itu juga diri dan kalbu dan nyawa dan merupakan suatu kenyataan ruh nescaya dia bersifat ruhani jua pada hakikat aslinya. Jadi oleh kerana kita, menurut pandangan Islām, memahami pengertian diri itu sebagai memiliki dwi-sifat jasmani dan ruhani, hayawani dan natiki, maka akal yang menjadi hakikat diri itu juga menjelma sebagai dua kenyataan yang merujuk kepada dwi-sifat yang dimiliki oleh diri. Dengan ini maka akal itu juga *ratio*, dan dia juga *intellectus*; akal itu juga yang menilik, memikir-renungkan, mengatur, memberi ma'ṇa dan bertindak menguasai benda dan pernisbahannya di alam jasmani yang zahir padanya, dan dia juga yang menilik, merenungkan, mengenal hakikat dan pernisbahannya di alam ruhani yang batin dengannya. Akal itu *satu perkara*, dan bukan dua seperti *ratio* dan *intellectus* yang boleh diganti-gantikan penekanan keutamaannya sebagaimana yang telah berlaku dalam sejarah pemikiran Barat. Andai kata *intellectus* sahaja yang diberi

penekanan keutamaan justeru akal itu akan keliru dalam kekhayalan; dan andai kata *ratio* sahaja yang diberi penekanan keutamaan, maka akal itu akan keliru dalam kebendaan. Penekanan yang satu, apabila tiada diseimbangkan dengan yang satu lagi, mengakibatkan kekeliruan. Akal itu ibarat *penglihatan* menerusi *dua mata* yang tilikannya telah diseimbangkan sehingga menjadi *satu pandangan*. Mata yang satu melihat yang zahir dan yang satu lagi melihat yang batin; dan keseimbangan pandangan mengenainyalah yang harus dituntut, kerana jikalau tiada demikian maka pandangan yang terlihat nanti seperti pandangan yang buta sebelah, atau yang juling-keliru. Sedangkan faham Islām mengenai akal itu seperti yang telah baharu sahaja dirumuskan secara ringkas, tetapi golongan modenis, yang menuturi tauladan guru-gurunya pada penghujung abad yang kesembilan-belas, dengan tiada memahami benar faham-faham Islām dan Barat yang diperolahkannya, dan dengan tiada firasat akan timbulnya kekeliruan besar di masa hadapannya akibat penyebaran serta penerapan faham perolahan mereka itu pada pemikiran Muslim kini, dengan giat sekali menyadurkan faham *ratio* serta cara 'rasionalisme' itu—tanpa disesuaikan dengan faham akal dan pemikiran Islām. Dan lebih mengagumkan lagi mereka terus mengenakan cara rasionalisme itu pada 'mentafsirkan' Al-Qur'ānu'l-Karīm. Sia-sialah sahaja mereka berusaha merasionalisasi pelbagai Ayat Suci yang dianggapnya seolah-olah sesuai dengan tujuannya menyelaraskan Al-Qur'ān dengan teori-teori ilmu sains. Akan tetapi anehnya pula mereka diam bungkam berhadapan dengan Ayat-ayat Suci lain yang juga banyak terdapat, yang tiada dapat diselami mahupun dirangkumi oleh pengertian berdasarkan pada cara rasionalisme belaka. Kejadian ini membuktikan bahawa pemikiran mereka kurang lengkap dan keliru. Bagaimanapun, dengan cara itu juga mereka menayangkan kepada umum punca-punca penting mengenai perjalanan gaya hidup, ya'ni sirah, Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, sehingga tafsirannya membuangkan keluar unsur-unsur ruhaniah yang memang sudah tentu menyerapi riwayat hidup seorang nabi dan rasul. Maka dengan gegabahnya mereka memperlakukan Tanzil yang Mahaagung seolah-olah dia

itu suatu kejadian biasa; dengan memperlakukan Al-Qur'ān seolah-olah dia itu sama seperti kitab-kitab dan buku-buku lain; dengan memperlakukan riwayat hidup serta peribadi Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, seolah-olah tiada terdapat dalamnya kenyataan-kenyataan ruhaniah seperti mu'jizat dan lain-lain lagi sehingga disamakannya dengan riwayat hidup orang biasa—mereka telah menyediakan landasan bagi mendirikan suatu 'Islām sekular'. Ilham yang menjadi sumber penarikan faham-faham mereka mengenai negara dan masharakat dan manusia bukanlah semata-mata dari Islām dan sumber-sumber Islām, akan tetapi dari sumber-sumber Barat Eropah mengenai kebebasan (*liberty*) dan kesamatarafan manusia (*equality*) dan persaudaraan (*fraternity*); lagi mengenai perjanjian dengan masharakat (*social contract*) dan akidah hak-hak asasi manusia dan diri hayawaninya (*humanistic individualism*). Kejayaan sosialisme di negara-negara Barat juga mempengaruhinya menyama-samakan sosialisme itu dengan Islām—ya'ni sekurang-kurangnya sebagai suatu teori politik dan susunan kemasharakatan—seolah-olah pilihan cara hidup yang terbuka bagi Muslimin itu semata-mata hanya antara kapitalisme dan sosialisme! Mereka tiada sedari bahawa Islām itu bukan kapitalisme dan bukan pula sosialisme. Sekiranya benar mereka sedari hakikat itu, maka sayugianya bagi mereka menimbul serta mengemukakan faham-fahamnya sendiri mengenai negara dan masharakat dan insan yang berdasar pada dayacipta akal sendiri dan keaslian faham sendiri yang berasas pada Islām dan perbendaharaan sumber-sumber Islām seperti yang telah dihasilkan oleh para mujtahidin dahulu. Akan tetapi sesungguhnya mereka bermalas-akal, kekurangan dayacipta dan tiada berkemampuan untuk berijtihad; dan dari itu mereka lebih suka membiarkan ahli-ahli fikir Barat untuk memikir-renungkan sesuatu masalah itu dahulu, dan kemudian untuk mengemukakan cara penyelesaiannya, dan kemudian pula baharulah diambil-alih hasil pemikiran para pemikir Barat itu untuk disesuaikan dan diselaraskan dengan Islām—padahal 'pengislaman' demikian itu dilakukannya tanpa pengertian secara yang sangat teledor. Mereka lakukan yang demikian bukan sahaja pada takat perkara-

perkara fahaman atau teori yang merujuk kepada kemasharakatan dan politik dan perekonomian dalam lingkaran kehidupan, akan tetapi juga pada amalan atau praktis, di mana perkara-perkara pelajaran dan pendidikan dan perekonomian dan kewangan dan hukum dan undang-undang dan lain-lain lagi semua sesama terlibat. Dan anehnya orang-orang inilah yang ribut menuntut ijtihad sedangkan sebenarnya tiada menunaikan sharat-sharat bagi menjadi mujtahid!

§63 Meskipun golongan pembaharu aliran nakali tiada semestinya bersetuju dengan golongan modenis dalam segala hal mengenai perkara-perkara yang difikirkan dan dikatakan dan dianjurkannya, namun demikian mereka juga terpengaruh olehnya dan sama terjangkit menghidap penyakit memperdewa-kan masharakat dan awam, menghilangkan unsur-unsur ruhaniah dalam Islām dan menyamaratakan semua Muslim. Dengan itu maka mereka secara yang mungkin tiada disedarinya membantu gerak-daya mensekularkan Islām dengan daya usahanya menindas unsur-unsur akali dan ruhani dalam Islām itu. Mereka bersama dengan golongan modenis menyalah-tuduhkan *tasawwuf* khususnya sebagai sebab tunggal yang mengakibatkan kemerosotan Kaum Muslimīn. Sebenarnya mereka tiada memiliki daya akli mahupun pandangan ruhani untuk memahami tasawwuf; dan apa yang tiada difahaminya dituduhnya. Mereka mengatakan tanpa pengetahuan bahawa tasawwuf itu asing pada Islām, dan bahawa bagaimanapun ditiliknya tasawwuf mengandungi kuman-kuman kemunduran dan kemerosotan. Mereka buta terhadap hakikat bahawa tasawwuf itu suatu bahagian penting Islām yang tiada dapat diasingkan darinya; bahawa sebagaimana hakikat semesta dan kebenaran itu mempunyai kenyataan zahir-batinnya, begitulah tasawwuf merupakan luasan kenyataan batin Islām. Amalannya yang ikhlas serta betul dikerjakan tiadalah lain dari pendalaman pengenaan shariah pada diri yang mengamalkannya; tasawwuf itu penyataan ihsan dalam diri si hamba atau *'abd*; tasawwuf itu ibadat yang diperkukuh dan diterangkan oleh cahaya pengenalan akali ke arah pengertian ruhani tentang pelbagai hakikat; tasawwuf itu *amalan*

shariat di makam ihsan; dia berdiri teguh atas keyakinan kerana dia berasas pada hikmah dan ilmu ruhani pemberian Ilahi yang dianugerahkanNya kepada barang siapa yang dikehendakiNya dari kalangan hambaNya yang terpilih. Tasawwuf itu menghasilkan ilmu yang membolehkan yang empunya mengenali dan mengakui martabat dan darjat yang menyusun-tertib hakikat dan kebenaran, dan dari itu maka dia itu sumber adab sejati. Peristilahannya terbentuk dari Al-Qur'ānu'l-Karīm, yang merupakan Sumber utama baginya, dan faham-fahamnya serta pentafsirannya sebagai amalan berdasarkan Sunnah. Yang menjadi pentafsir serta pengamalnya yang tulen adalah para awliya Allāh. Mengatakan seperti yang mereka katakan bahawa tasawwuf itu mengandungi kuman-kuman kemunduran dan kemerosotan sebenarnya menyabitkan dan melibatkan Sumber-sumber agung tasawwuf itu sendiri—ya'ni Al-Qur'ān dan Sunnah—yang seolah-olah tersindir sebagai menampung kuman-kuman itu! Sanya sesungguhnya kuman-kuman kemunduran dan kemerosotan bukannya terkandung dalam tasawwuf, dan jauh lagi dalam Sumber-sumber agungnya, akan tetapi kuman-kuman kemunduran dan kemerosotan itu terkandung dalam akal-pengertian yang jahil, yang menyalah-fahami serta menyalah-kena dan menyalah-amalkannya sehingga membawa kepada pelbagai macam kekeliruan dan kerosakan dan keterlaluan dan penyelewengan dari ajaran sebenarnya dan dari Islām. Maka jikalau maksud mereka yang menyalahkan tasawwuf itu iaitu menyalahkan kekeliruan serta keterlaluan dan kerosakan dan penyelewengan yang dilakukan oleh yang jahil yang berlagak mengamalkannya, mereka harus menyatakan begitu dengan jelas, dan harus menerangkan perbezaan antara yang benar dengan yang palsu, dan kemudian *salahkan yang palsu*. Akan tetapi, sebagaimana juga mereka mengecam para mujtahidin sebab dilihatnya menerusi pandangan keremehan yang ditanggapkan oleh ulama yang kurang sempurna kewibawaannya dan oleh pengikutnya yang lebih berkurangan, begitulah mereka menyalahkan tasawwuf sebab dilihatnya menerusi pandangan kekarutan akal-pengertian dan amalan si jahil yang menanggapkannya. Seolah-olah sudah teradat pada tabiat mereka

untuk melihat apa yang difikirnya sebagai yang benar menerusi penglihatan yang palsu, dan dari itu maka tiada melihat yang benar. Dan dengan melihat sesuatu secara begini mereka pun terus mengaku memikul tanggungjawab bagi pihak dirinya untuk 'menyucikan' Islām dari apa yang mereka salah-sangka sebagai 'noda-noda kekotoran'. Tasawwuf sebagaimana yang tampak pada penglihatan mereka adalah 'noda-noda itu'. Akan tetapi 'pembersihan' dan 'penyucian' yang mereka hajatkan itu nampaknya telah kini menjadi 'perosakan' jua, justeru kerana sekiranya kita ingin membersihkan sebidang tembok putih misalnya, ingin menghapuskan pupus segala noda yang mencemarkannya, maka cukuplah dengan hanya menggunakan ubat pembersih yang mempunyai kadar setakat dapat menghilangkan noda itu sahaja; pertimbangkanlah apa yang akan terjadi apabila ubat pembersih yang digunakan itu terlalu banyak kadarnya, atau yang salah bukan jenisnya melampaui tujuan untuk hanya menghilangkan noda itu sahaja—maka tentulah kapur, atau cat putih, atau keputihan yang sedia ada pada tembok itu, dan akhirnya tembok itu sendiri sekalipun, akan terpupus, terkupas, terkopek bopeng-bopeng mukanya merosak yang asal. Serangan yang telah mereka lontarkan terhadap tasawwuf itu sesungguhnya difahamkan sebagai akibat-balas dari pengaruh buruk ajaran-ajaran keterlaluan setengah golongan tarikat yang membawa faham-faham yang menyeleweng dari ajaran Islām. Akan tetapi bagaimanapun, serangan-balas golongan ulama yang kumaksudkan di atas itu juga bersifat keterlaluan jua, sebab mereka tiada memandangkan benar-palsunya dengan teliti ajaran-ajaran yang menjadi asas faham yang menimbulkan serta mengembangkan tarikat itu dalam Islām. Maka sebagaimana yang telah diringkaskan tadi, bukan sahaja tarikat yang karut yang dilaberak seperti memang sewajarnya, bahkan *faham* tarikat itu pun dikecamnya sehingga mahupun ilmu tasawwuf sendiri tiada sunyi daripada gema gugatannya, tetapi dirangkum-rambang jua sekali dengan para ahlinya yang tulen. Oleh kerana mereka tiada memiliki kebakatan akali serta ruhani untuk memahami benar faham-faham pengertian ilmu tasawwuf itu, maka tiada berdaya mereka membuat penelitian yang

membolehkannya mengenakan perbezaan antara yang benar dan yang palsu, agar dapat melakukan tindakan terhadap yang palsu belaka. Maka dari itu serangannya itu meliputi keseluruhan ilmu tasawwuf. Akibatnya tasawwuf dipencilkan dari Islām dan pemalsuannya terus berlaku, sedangkan yang benar menderita hanyalah yang benar, bukan yang palsu. Dan keadaan begini menyatakan kegagalannya mengatasi masalah kekeliruan dan kesilapan ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya, yang telah kunyatakan berkali-kali di sini sebagai sebab pokok perihal kemerosotan Kaum Muslimin. Sebaliknya pula serangan mereka terhadap ilmu tasawwuf dan para awliya telah membawa akibat kemerosotan dalam amalan Islām yang mengisbatkan unsur-unsur ruhaniah seperti zikir dan muraqabah dan mushahadah dan salat sunnah dan nawafil dan sebagainya, yang semuanya memimpin seorang Muslim sejati ke arah pencapaian peringkat budipekerti ruhani yang merupakan makam ihsan. Demikian jugalah akibat gugatan terhadap para imam mujtahidin dan ulama yang benar serta para awliya itu membawa kesangsian serta kegoncangan dalam kepercayaan Kaum Muslimin terhadap mereka, terhadap kebenaran serta kejujuran pimpinan mereka yang sebenarnya merupakan pemimpin-pemimpin sejati kita sendiri. Sebagaimana yang telah disentuh tadi, gugatan serta kecaman terhadap para pemimpin agung ulama lama kita itu kebanyakannya berlandaskan pemencilan penilikan terhadap kesilapan-kesilapan kecil yang dibesar-besarkan justeru kerana kekecilan pandangan yang menggugat dan mengecam, yang melihat yang kecil itu besar dan yang besar itu tiada terlihat langsung olehnya! Maka samalah ibaratnya dengan kisah seorang murid yang bertanyakan shaikhnya mengapa tiada dia dinaikkan tarafnya ke darjat yang lebih tinggi, sedangkan sudah berpuluh-puluh tahun berguru dengannya. Shaikh menjawab sambil bangun mencoretkan beberapa titik di tembok di belakangnya: 'Wahai anakku, cuba beritahu apa yang kau lihat di sini', katanya sambil menunjuk kepada tembok. 'Hamba melihat beberapa coretan titik di situ', jawab si murid. Lantas shaikh berkata: 'Kau hanya melihat titik tanpa melihat bidang luas tembok yang putih melepak ini; kau

hanya memandang pada noda-noda kecil, tiada pada keputihan yang meliputi pandanganmu; kau hanya ashik pada memencilkan yang batil tanpa mengikrarkan hak yang nyata terbentang di hadapanmu! Maka dari itu bahtera pelayaranmu di lautan ruhani akan senantiasa tergendala tersauh cetek pada pantai permulaan.'

§64 Jikalau kita jelingkan pandangan sepintas lalu pada sejarah Muslimin justeru akan tampak bahawa yang menjadi sebab kemerosotan Kaum dan kemundurannya bukanlah tasawwuf. Keruntuhan adablah—sebagaimana yang telah kunyatakan—yang menjadi biang-bibit kemerosotan dan kemunduran itu. Dengan berlakunya keruntuhan adab di kalangan ulama yang kewibawaannya kurang sempurna dan di kalangan yang palsu yang menyaru sebagai ulama, maka bukan sahaja telah mereka menggasir merosak dasar kewibawaan yang sah dan kewibawaan para agung yang sempurna-benar, bahkan mereka telah juga mengabaikan pengajaran serta pendidikan ilmu yang betul mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya ke dalam fahaman serta pengertian Muslim menerusi rencana ilmu yang disusun tertib dalam bentuk susunan pendidikan yang berperingkat. Menambah pula kepada kejahilan serta kekeliruan umum yang menjadi akibat pengabaian itu, maka orang-orang yang memerintah Kaum Muslimin pun telah menyumbangkan banyak kekacauan besar di kalangannya. Seperti juga ulama-ulama palsu gemarkan pertelingkahan dan pertentangan faham yang tiada berputusan, saling-melontarkan tuduhan takfir satu sama lain, begitulah yang memerintah gemarkan pertikaian peperangan berpanjangan yang merosak bagi semua. Suatu contoh yang senantiasa mengagumkan ialah riwayat Timur, misalnya, yang perkasa pada zamannya dan mampu boleh mena'lukkan Rusia dan China, yang jikalau dilakukannya pena'lukan itu tentu akan merobah aliran sejarah dunia sehingga mungkin membawa kepada keadaan yang lebih baik kini, memandangkan peranan Rusia dan China dewasa ini dalam menyebarkan ketegangan. Akan tetapi bukannya Rusia dan China yang diserang dita'lukkannya; bahkan tanpa sebab yang sah yang diserang dihancurkannya tiada melainkan Farsi dan Turki dan

Mesir sesama Muslim jua. Dalam sejarah para ahli tasawwuf maka tarikat seperti yang kita ketahui kini mulai zahir pada abad ketigabelas Masihi setelah berlakunya banyak huru-hara malapetaka peristiwa sejarah Muslimin. Kerosakan yang berlaku dalam tarikat dan di kalangan para ahlinya mulai tampak selepas abad kelimabelas Masihi, dan kerosakan itu bukan seharusnya dilihat sebagai *sebab*, akan tetapi sebagai *akibat* kerosakan dan kemunduran dan kemerosotan *yang sudah mulai* berlaku pada abad-abad awali lagi akibat keruntuhan adab. Tasawwuf yang tulen sesungguhnya telah banyak berjasa dalam mengukuhkan iman serta kepercayaan Muslimin sewaktu kekabutan dan kekeliruan dan kezaliman memerangkap Ummah dalam jeratannya. Tasawwuf telah meneteskan adab ke dalam jiwa Muslim, dan telah menghiasi tamadun dan diri Muslim dengan kesusasteraan ruhani yang luhur murni bagai bingkisan mewah dengan keindahan yang seni-seni tiada bertara. Dan dari khazanah tasawwuf inilah mungkin nanti dapat kita merencana-bentukkan dasar-dasar pelajaran dan pendidikan diri seorang Muslim. Maka tasawwuf yang mereka cela bukanlah tasawwuf yang dikenali oleh para ahlinya yang tulen, dan oleh yang demikian maka bukan tasawwuf. Dari itu maka bukanlah tasawwuf yang harus dicela. Yang harus dicela adalah pertikaian politik dan pertentangan fikah dipacu digalakkan terus oleh timbulnya akidah-akidah asing yang menjalar menularkan racunnya bagi merosakkan ajaran Islām dari dalam; yang semuanya timbul berasal dari kekeliruan serta kesilapan ilmu mengenai Islām dan keruntuhan adab yang menjadi sebab kemerosotan dan kemunduran Kaum Muslimin. Kekeliruan serta kesilapan ilmu mengenai Islām dan keruntuhan adab masih kini berlaku di kalangan kita diteruskan oleh golongan pembaharu modenis yang beroleh ilham setengah daripada setengahnya dari Barat, dan setengah lagi pula daripada cara-gaya serta pemikiran ulama-ulama yang kurang sempurna kewibawaannya. Selain dari golongan pembaharu modenis serta pengikutnya, keadaan demikian dilakukan juga terus oleh golongan ulama pembaharu yang beraliran nakali yang beroleh ilham dari sumber-sumber dalaman dan juga dari pemikiran golongan modenis. Kedua

golongan ini kita rangkapkan bersama sebab keduanya menuturi nasab pemikiran yang sama dari aliran ulama-ulama yang kewibawaannya kurang sempurna yang muncul di sana-sini dari zaman ke zaman dalam sejarah Islām. Keduanya juga menda'wa berhasrat memulihkan pentafsiran Islām dalam faham dan cara dan amal kepada yang difaham serta dicara dan diamalkan oleh golongan *salafiyyah*—meskipun sebenarnya mereka tiada menghampiri hasrat yang mulia itu. Selain dari kedua golongan ini, dengan pengikutnya yang telah merebak luas di merata dunia Islām membayangkan telatah-gelagat serta kefahaman dan pencapaian guru-guru pemimpinnya, masing-masing mengikut tarafnya dalam keadaan kejahilan serta keangkuhan yang berperingkat-peringkat menyerap-meliputi pemikiran dan sikap mereka, maka telah timbul pula kini satu lagi golongan baharu yang menjelma sebagai sarjana-sarjana sekular dan cerdik-pandai di kalangan Kaum Muslimin. Sebelum menghuraikan lebih lanjut mengenai golongan yang ketiga ini patut pula rasanya kukemukakan pandangan ringkas serta nilaian tentang peranan kedua golongan itu dalam membangkitkan kesedaran kita akan masalah-masalah kepercayaan dan kefahaman dan kesetiaan yang kita hidupi sebagai Islām kini. Kita harus ingat bahawa suasana yang menjelmakan golongan-golongan itu di kalangan kita dalam masa lebih-kurang dua ratus tahun ini merupakan suasana kekeliruan dan kejahilan sedemikian genting keadaan meresapnya sehingga mungkin tiada tercontoh dalam keadaan sepertinya di kala-kala lampau dalam sejarah Muslimin. Kekacauan akal dan ilmu dan iman yang menggenggam diri Muslim diperhebat pula dengan penghinaannya atas tangan kekuasaan Barat yang mena'lukkannya, menjajahi mengawalnya, memecah-belahkan Ummah dengan faham-faham sekular termasuk faham-faham kenegaraan dan politik dan pendidikan dan ilmu. Maka dalam keadaan demikian sekurang-kurangnya kedua golongan itu merupakan tumpuan kewaspadaan Ummah akan kesedaran tugasnya di waktu genting agar supaya jangan bertempiaran; dalam keadaan di waktu keturunan anak zaman kehilangan haluan dan memerlukan bimbingan, sekurang-kurangnya mereka menyedarkan semula keinsafan kepercayaan

terhadap kebolehan diri mengatasi cabaran zaman sambil tetap setia kepada Islām. Dan walaupun kesilapannya menggugat zaman lampau itu memang besar, namun demikian tiada pula mereka memisahkan diri daripada sumber-sumber lampau dan keyakinannya terhadap keagungan serta keluhuran dan ketunggalan kebenaran Islām itu menanamkan dalam hati harapan sebagai ganti kekecewaan.

§65 Golongan sarjana sekular serta cerdik-pandai di kalangan Kaum Muslimin memperoleh ilham tentang cara-gaya dan pemikirannya hampir pada keseluruhannya dari Barat. Dari segi pandangan serta pengertiannya merencanakan cita-cita dasar mengenai masharakat dan negara, mereka menuturi faham aliran yang menurun dari pertuturan golongan pembaharu modenis dan pengikutnya, meskipun ada setengah daripadanya yang menuturi faham serta pandangan dan pengertian golongan yang beraliran nakali dan pengikutnya. Yang kebanyakan dari golongan sarjana sekular dan cerdik-pandai ini tiada memiliki kebakatan akali dan ruhani dan kebolehan bahasa yang mensharatkan penguasaan ilmu-ilmu Islamiah, mahupun kebolehan cara-gaya pendekatan serta faham ilmu yang Islām. Maka dari itu mereka terputus dari punca-punca kefahaman serta cara-gaya pendekatan ilmiah yang dapat membawanya kepada sumber-sumber asli Islām serta hasil-hasil akali pengajian Islām yang tulen. Dengan demikian maka ilmunya mengenai Islām berada dalam keadaan sekadar mencukupi kefahaman pada takat ukuran yang paling sedikit tiada memadai kedudukannya. Oleh kerana mereka memegang kedudukan penting dalam siasat hal-ehwal Kaum dan Ummah dewasa ini, dan melainkan pula mereka merobah secara yang sungguh benar cara-cara berfikir, berpegangan, berpendirian dan percaya, maka kedudukannya demikian menempatkan keislaman Kaum dan Ummah serta keselamatannya di sisi Islām dalam keadaan yang amat genting. Di kalangan mereka yang menghidapi penyakit keruntuhan adab, golongan sarjana sekular dan cerdik-pandai inilah yang paling gegabah kurang-ajar. Sanya sesungguhnya para agung Islām ulama lama, dan yang empunya ilmu pengenalan akali serta ruhani, dan yang mencapai makam

budipekerti keihsanan, dan sarjana sejati, dan para awliya dan bijaksana semua masih kini berbicara dengan kita melalui pelbagai karangan buah fikirannya; masih kini menunjuk-ajar, menasihati membimbing kita mentafsir-jelaskan sumber-sumber Islām sambil merintis Jalan ke arah Kebenaran, ke arah amal-kelakuan yang betul dan benar agar supaya tercapai bagi kita kemenangan dan keselamatan dunia-akhirat. Selang demikian adanya, dan justeru kerana tiada lagi memahami ma'na kata-kata hikmah mendatang dari dahulu itu, maka golongan sarjana sekular serta cerdik-pandai itu enggan mendengar menghiraukannya, walaupun sebaliknya mereka giat bergantung pada tiap patah-kata, telatah dan pepatah guru-gurunya dari Barat yang menunjuk-ajarkan pelbagai ilmu khususnya dalam bidang-bidang ilmu pengetahuan yang digelar ilmu kemanusiaan. Mereka ini seperti anak-anak yang apabila para ayahnya yang baik dan bijaksana itu sedang berbicara dengan sungguhnya kepadanya memempatkan telinga tiada mahu menghiraukan, padahal giat pula mereka memasang telinga yang tekun pada kata-kata orang gharib! Mereka tiada beradab kerana tiada mengenali serta mengakui adanya kewibawaan yang sah dalam susunan martabat dan darjat yang benar, dan mereka menyatakan sikap dan pendirian begini dalam ajaran dan tauladan dan menganjurkan kekeliruan dan kesilapan. Kesilapannya yang terbesar adalah penyamarataan jenis-jenis ilmu dalam Islām, ya'ni yang fardu ain dan yang fardu kifayah, sehingga tiada lagi jelas perbezaan asal dan nilai antaranya tetapi disamarkannya keduanya menjadi kabur yang mana satu mana, kerana cara-gaya pendekatan yang fardu kifayah telah dikelirukannya pada yang fardu ain. Dengan cara-gaya pendekatan yang didasarkannya kepada faham rasionalisme Barat maka mereka menganuti cara-cara berfikir dan berpegangan dan berpendirian dan percaya manusia Barat, dan mereka menganjurkan cara-cara itu kepada penuntut-pengikutnya dalam semua lingkaran kehidupan. Justeru sesungguhnya kebudayaan Barat memang tiada mengenali serta mengakui adanya ilmu berjenis fardu ain, sebab tiada dimiliki atau dikenalinya sekali pun adanya ilmu berjenis lain daripada apa yang telah kita jeniskan sebagai fardu kifayah. Hakikat

keadaan beginilah, sebagaimana telah dinyatakan dalam perjalanan sejarah pemikiran Barat dari zaman ke zaman, dan timbulnya falsafah serta ilmu pengetahuan yang sekular dalam kebudayaan dan tamadun Barat, yang menentukan gaya-bentuk faham ilmu yang berdasar kepada pengalaman serta kesedaran dirinya jua, dan yang membawanya secara tetap pada nasib kehidupan serta peristiwa pensekularan. Maka tiada shak lagi bahawa sekiranya golongan sarjana sekular dan cerdik-pandai membiarkan dirinya, atau dibiarkan oleh kita, dengan leluasa mengelirukan belia Islām dalam faham ilmu dan cara-gaya pendekatannya, justeru pemisahan akal Muslim dari keislaman akan terus berlaku dengan lebih genting lagi, lebih mendesak dan mendalam, dan si Muslim akan mengekori nasib yang sama seperti yang dialami oleh penganut kebudayaan dan tamadun Barat perihal kehidupan serta peristiwa pensekularan pada keturunannya yang akan datang kelak. Ramai sekali di kalangan golongan ini yang tiada benar-benar memahami sifat serta tabiat dan peribadi kebudayaan dan tamadun Barat yang merupakan sumber penarikan ilhamnya, dan yang terhadapnya mereka hanya berdiri tercengang menta'zimkan kehebatannya, menunduk menerima penerapan gelang penghambaan, mengakui taraf kehinadiriannya. Bahkan sesungguhnya tiada sekalipun mereka menangkap dengan sempurna pelbagai kandungan serta kesimpulan terakhir ajaran serta ilmu guru-gurunya yang asing itu, akan tetapi berpuashati sahaja sekadar dapat mengulangi ajaran serta ilmu itu menurut tafsiran akalnya sendiri yang menapis secara kasar belaka tiada berdaya menangkap kehalusan yang ada, dan dari itu maka menipu si penerima Muslim akan nilaiannya yang sebenarnya. Mereka ini bagaikan gagak pulang merantau. Contoh yang paling ketara yang mewakili sifat kebiadaban golongan sarjana sekular serta cerdik-pandai ini mengikut pelbagai asuhan suku-puaknya terdapat berlebihan di Malaysia dan Indonesia, di mana penafian pengislaman telah dikuatkuasakan secara teratur sejak beberapa ratus tahun penjajahan kolonial, dan di mana daya-cepat gerak ke arah pensekularan lebih terasa deras berlaku berbanding dengan keadaan yang berlaku di lain-lain bahagian dunia Islām. Di sini di

daerah Asia Tenggara yang kebanyakan penduduknya Muslim, keruntuhan adab di kalangannya disebabkan kejahilan mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya, sebagai agama dan kebudayaan dan tamadun, mungkin lebih larut dari keadaan sepertinya di lain-lain daerah Islām, terutamanya seperti yang ketara terbayang pada golongan sarjana sekular serta cerdik-pandainya. Keadaan ini terjadi kerana antara lain-lain sebab gerak-daya pengislaman melalui da'wah hanya mulai berkesan pada akhir-akhir sejarah kedatangan Islām berbanding dengan sejarahnya di daerah lain; dan juga bahawa pengislaman itu telah tergendala akibat kedatangan kolonialisme Barat serta penjajahan kebudayaan yang berikut dengannya. Tambahan pula kebanyakan ulamanya juga diserapi keruntuhan adab, yang tiada menghairankan memandangkan kebanyakannya itu merupakan penganut faham golongan pembaharu modenis dan yang beraliran nakali yang diikutinya secara buta-butaan. Maka dalam dayausahanya menafikan pengislaman di kalangan Muslimin, pentadbir-pentadbir Barat dan pereka teori-teori kolonialnya telah memulai tindakan ke arah pencapaian maksudnya dengan memutuskan hubungan antara faham ilmu serta pelajaran dan pendidikan dan pertaliannya dengan Al-Qur'ānu'l-Karīm dengan bahasa daerah tempatan—ya'ni bahasa Melayu—dengan cara mendiri-tegakkan suatu susunan pelajaran dan pendidikan yang sekular yang dalamnya disemaikan bibit-bibit taasub kepada bangsa dan adat-resam serta kebudayaan purba. Pada peringkat-peringkat tinggi dalam susunan itu maka ilmu gaya-bentuk bahasa, atau linguistik, dan ilmu kaji manusia, atau antropologi, mulai diperkenalkan sebagai alat-alat cara-gaya pendekatan ilmiah bagi mengkaji bahasa dan kebudayaan; dan ditambah pula lagi dengan pelajaran serta pendidikan nilai-nilai Barat serta contoh-contohnya yang dapat ditauladankan sebagai ikutan; kemudian diperkukuhnya dengan pelajaran serta pendidikan hasil-hasil penerokaan sarjana orientalis—ya'ni ahli pengajian Timur—dan ilmu bahasa, ya'ni filologi, bagi pengkajian kesusasteraan dan sejarah. Kemudian pula, sambil tetap mengenakan penekanan terhadap pengkajian bahasa dan kesusasteraan—yang merupakan wadah penampung bagi unsur-

unsur pengislaman yang membawa perpaduan serta ciri-ciri keseragaman kebudayaan Islām—dan terhadap pengkajian sejarah dan kebudayaan asli daerah tempatan, mereka memperkenalkan pula pelajaran dan pendidikan dalam ilmu kemasharakatan, atau sosiologi, dan teori-teori Barat mengenai ilmu pendidikan yang didasarkannya kepada ilmu jiwa, atau psikologi, mengikut faham Barat jua. Pelajaran serta pendidikan dan penda'yahan faham ilmu-ilmu ini semua, yang terbuka bagi anutan sarjana sekular serta cerdik-pandai kita, dan disalah-tempatkan dalam pemikiran mereka yang terpasang hanya pada cara rasionalisme belaka, sedangkan pula perlengkapannya dalam ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya sangat-sangat berkekurangan—ilmu-ilmu ini semua sebagaimana dimasukkan, difahamkan dan diterima dalam akal-pemikiran membawa kepada kemiripan terhadap merendahkan taraf Islām sebagai agama yang disamaratakannya dengan taraf lain-lain agama, seolah-olah Islām itu memang termasuk sebagai mauduk ilmu falsafah dan ilmu kemasharakatan, atau Islām itu suatu penyataan agama purba yang telah menempuh evolusi mencapai kesempurnaan dari asal-usulnya sebagai agama purbakala. Padahal Islām itu bukan suatu mata pelajaran yang terkandung dalam ilmu falsafah atau ilmu kemasharakatan—Islām itu sendiri Ilmu yang lengkap sempurna, dan ilmu-ilmu lain itu sepatutnya difahamkan sebagai terkandung dalamnya dan harus diperkembang dalam akal menerusi tilikan Islām jua. Padahal Islām itu bukan agama hasil kebudayaan seperti yang lain, yang memerlukan 'evolusi' ke arah kesempurnaan. Dan ilmu-ilmu inilah, dan yang lain lagi dalam bidang ilmu-ilmu kemanusiaan termasuk unsur-unsur falsafah yang dihasilkan oleh dayacipta akal nazari yang terkandung dalam ilmu-ilmu pengetahuan sains tabii, alam jasmani dan hayaṭi, apabila diserapkan masuk ke dalam akal perpinggiran sarjana sekular dan cerdik-pandai kita menjadi sedemikian rumiṭnya dalam fahamannya sehingga bukan sahaja dia menimbulkan kekeliruan yang boleh jadi dan yang berlaku pada peringkat nazari, bahkan juga kesilapan yang sedang jadi dan yang berlaku pada peringkat amali. Dengan terjadinya penyerapan serta penyebaran ilmu yang

tiap usul serta dalilnya tiada dikenakan pertimbangan serta nilaian sesuatu ilmu yang dapat mengislamkannya, dan dengan penyertaan giat sarjana sekular dan cerdik-pandai dalam memberi kesan terhadap perumusan serta penyebaran ilmu-ilmu itu, maka lancarnya penda'yahan keruntuhan adab terjamin di kalangan kita, dan memang sesungguhnya kini sedang berlaku secara meluas. Pemimpin-pemimpin palsu di kalangan kita ini, termasuk yang berkuasa memerintah negara dan yang berpengaruh dalam hal-ehwal kebudayaan dan pendidikan, sesungguhnya bertanggungjawab membawa perubahan yang menggantikan bahasa yang asalnya tertulis dalam huruf Arab kepada bahasa yang kini berhuruf Rumi, dengan demikian melancarkan pemutusan bahasa itu lambat-laun dari gaya-bentuk, penyusunan-kata serta penisbahan ma'nawi yang terikat-erat dengan Sumber-sumber Islām, dan dengan sumber-sumbernya sendiri yang merujuk kepada Islām dan dengan bahasa-bahasa lain yang berdasarkan Islām dan yang ditutur oleh bangsa-bangsa Muslimin. Mereka bertanggungjawab membawa sebab yang menafikan pengaraban dan pengislaman dan mengisbatkan perumian dan pembaratan pada bahasa, mengakibatkan kekeliruan pada ma'na peristilahan serta perbendaharaan katanya sehingga banyak faham-faham penting yang bersangkutan dengan Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya telah hilang kejernihan ma'nanya dan telah menjadi keruh. Mereka bertanggungjawab membawa sebab yang menimbulkan majalah dan surat khabar—yang keduanya begitu ketara maksud tujuannya berlawan dengan cara Islām baikpun di sisi faham mahupun di sisi maksud—dan memunculkan wartawan dan penulis dangkal kedusunan yang menyumbangkan kerosakan pada ukuran nilai-nilai serta penyataan cita-rasa sastera yang telah ditegakkan oleh Islām. Mereka bertanggungjawab membawa sebab yang meluaskan merebaknya Muslim perpinggiran dan masharakat perpinggiran yang gharib terhadap ummah dan yang mencerai-beraikan kesedaran terhadap perpaduan ummah. Mereka bertanggungjawab membawa sebab pemutusan kesedaran Muslim zaman ini akan pemikiran, kebudayaan, tamadun Muslim zaman lampau. Mereka

bertanggungjawab membawa sebab yang mendiri-tegakkan suatu susunan rencana pelajaran dan pendidikan di kalangan kita, dari peringkat yang paling rendah hingga ke yang paling tinggi, yang memang direka dengan tujuan maksud untuk menyerapkan serta mengekalkan rencana cita-cita dasar mengenai masharakat dan negara yang menjelmakan cara hidup sekular. Mereka bertanggungjawab membawa sebab yang menimbulkan pelbagai bentuk faham taasub kepada rupa-bangsa dan faham sosialisme, dan faham yang menggalakkan-semula semangat Jahiliah menganjurkan pemulihan kepada nilai-nilai serta adat-resam kebudayaan purbakala yang berlawan dengan Islām—dan banyak lain-lain lagi yang tiada perlu diperincikan di sini oleh kerana alasan-alasan yang dengan sendirinya nyata. Dan samalah halnya, dalam peristiwa ketiadaan adab mengikut darjatnya dan dalam sumbangan kekhilafan yang menjangkit menjalar dan kekeliruan ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya dan dalam penda'yahan ilmu samaran yang semuanya ini kini dilakukan oleh golongan sarjana sekular dan cerdik-pandai, dengan golongan sepertinya di mana sahaja terdapat di dunia Islām, baikpun dalam bahagian yang bertutur dalam bahasa Arab mahupun dalam yang tiada. Mereka semua secara sedar atau tiada sedar telah menjadi wakil kebudayaan dan tamadun Barat, dan dalam menyelenggarakan kerjanya merupakan apa yang telah dikenali tadi sebagai sebab-sebab *luaran* yang menjadi sumber-sumber kebingungan kita kini, yang menjelmakan keadaan serba-salah, bagai yang makan buah si malakamo. Meskipun dikata sebab-sebab 'luaran', namun demikian beradanya di kalangan kita sebagai sebahagian golongan kaum kita jua menimbulkan suatu keadaan di mana telah berlaku bahawa apa yang tadinya dianggap 'luaran' telah kini dengan secara teratur, rencana demi rencana, menjelma masuk sebagai hakikat *dalaman.* Dalam keadaannya begini dewasa ini maka mereka merupakan ancaman luaran yang telah menjadi tantangan dalaman, kerana seperti kias peribaratan akali *dār al-ḥarb*, ya'ni: kawasan tempat melakukan peperangan, telah mara meluaskan perbatasannya menjelajah masuk ke *dār al-Islām*, ya'ni: kawasan di mana keamanan berlaku—kawasan Islām. Mereka telah menjadi musuh dalam

selimut, dan berbeza dari jenis-jenis sepertinya yang dikenali Muslimin kala lampau, mereka telah kini keluar dari selimutnya; tiada lagi menyeludup tersembunyi, tiada lagi merayap di bawah tanah, tetapi sudah muncul ke atas dengan jumlah berbesaran ke dalam kecerahan kesedaran diri, mengi'lankan diri terang-terangan dengan ketaranya, mempamerkan kekeliruan yang diselaputi dengan kefasihan keilmuan, dan keangkuhan diri hayawani di hadapan umum sehingga tiada lagi mungkin boleh dianggap sepi. Asas-asas keilmuan yang telah menjadi senjata dalam tangannya dan yang digunakannya untuk menafikan pengislaman akal si Muslim sama jua di mana-mana, dan selain dari asas-asas falsafah dan ilmu pengetahuan sekular yang mengeluarkan serta mengasuhnya maka senjata-senjata itu adalah ilmu kaji manusia, ilmu kaji masharakat, ilmu gaya-bentuk bahasa, ilmu jiwa dan asas-asas serta cara-gaya ilmu pendidikan. Sekiranya asas-asas serta cara-gaya pendekatan ilmu-ilmu ini semua tiada dikenakan penimbangan serta penilaian dan perumusan ilmiah yang mengislamkannya dan menghilangkan kelirunya maka dengan diterima sebagai adanya sahaja ilmu-ilmu itu akan terus menyesatkan membawa bala mengancam keselamatan Kaum Muslimin di sisi Islām.

§66 Keruntuhan adab bukan sahaja membayangkan kehilangan ilmu, akan tetapi juga kehilangan daya serta kebolehan untuk mengenali dan mengakui pemimpin yang benar (sila lihat perenggan 58). Jikalau semua disamaratakan pada taraf awam, bagaimanakah dapat pemimpin yang benar itu berdiri tinggi mengatasi yang lain? Jikalau pemimpin yang benar tiada diberikan tempatnya yang sah di atas yang dipimpinnya, bagaimanakah dapat dia dikenali serta diakui? Dan pemimpin yang benar tiada boleh dikelirukan dengan yang palsu—bagaimanakah dapat si bulbul merdu jikalau dipaksakan masuk sekurung dengan gagak itu menyanyi? Meletakkan pemimpin yang benar pada tempat yang luhur dalam tanggapan kehormatan kita, dan meletakkan diri kita di bawahnya, memuliakannya, merendahkan diri kasih ta'zim kepadanya, mengisbatkan kebenaran yang ada padanya dan mengikrarkan dalam amalan

segala pepatah-nasihatnya yang bijaksana serta tunjuk-ajarnya yang bernilai keilmuan murni—ini semua bukanlah *memuja menyembahnya*, seperti yang dianggap oleh yang sempit akal di kalangan golongan pembaharu modenis dan yang beraliran nakali. Adakah para Malaikat memuja menyembah Nabi Ādam, 'alayhi'l-salām, apabila mereka semua sujud kepadanya di hadapannya? Sanya sesungguhnya mereka menurut Perintah Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, dan mengenali serta mengakui kelebihan ilmu yang ada padanya; mereka bukan sahaja melihat lempung yang merupakan sifat bashari insan pertama, akan tetapi mereka juga melihat ruh Khaliqnya yang telah ditiupkan olehNya ke dalam lempung itu sehingga dia hidup berilmu beriradat berqudrat berkata-kata berpenglihat berpendengaran. Kerana melihat itulah jua maka mereka sujud. Akan tetapi Iblis yang hanya melihat lempung itu belaka tiada mahu mengenali dan mengakui kelebihan Ādam, 'alayhi'l-salām, dan tiada mahu sujud di hadapannya meskipun menyalahi Perintah Ilahi. Maka pengenalan serta pengakuan kelebihan yang ada pada yang lain bukanlah berma'na pemujaan dan penyembahannya sebagai suatu *rabb* atau tuhan; dan bukanlah pula dia penerimaan kedudukan diri sebagai *'abd* atau hamba terhadapnya. Tiadalah yang demikian itu melainkan pengenalan serta pengakuan yang mengisbat serta mengikrarkan Ilmu Allāh Ta'ālā dan IradahNya dan QudrahNya dan TujuanNya yang Mahaadil, KemurahanNya, Kasih SayangNya mengurniakan kelebihan kepada yang satu mengatasi yang satu lagi, agar supaya yang satu itu membahagikan kelebihannya bagi maslahah yang lain jua. Justeru hanyalah yang mengenali serta mengakui adanya kelebihan pada diri seseorang itulah sahaja yang akan memperoleh faedah kebahagiannya, yang tiada tiadalah. Maka janganlah hendaknya kita menurut sunnah Iblis, yang buta sebelah melihat hanya sifat kekurangan dan kehinaan bashariah melulu, dan menafikan sifat kelebihan dan kemuliaan ruhaniah yang sebenarnya menjadi ukuran tetap dalam rencana susunan martabat dan darjat insani.

§67 Dari perenggan 53 hingga ke perenggan 66 telah dipapar-

kan suatu rumusan yang ringkas tetapi jelas mengenai pelbagai sumber serta sifat kerasmian berbagai masalah yang mewujudkan kegentingan umum yang kita alami kini; dan dalam pada itu telah diperkenalkan pula ciri-ciri kerasmiannya masing-masing sambil mengasingkan peristiwa kegentingan yang paling besar, agar supaya dapat kita memahami serta mengenali sebabnya, dan mengambil tindakan yang wajar dalam menyediakan suatu cara yang betul dan benar bagi mengatasi masalah itu pada keseluruhannya.

§68 Kita harus insaf tahu bahawa ketiga golongan utama yang sedang melancar serta mengekalkan perjalanan anasir kerosakan yang menuju ke arah keruntuhan adab itu bukan semata-mata pula hanya melancar serta mengekalkannya, bahkan juga memperkukuhkan perkembangan pengaruhnya yang melumpuhkan dayakuasa keturunan Kaum Muslimin sezaman. Dan mereka yang mewakili ketiga golongan ini sesungguhnya bukanlah pemimpin-pemimpin kita yang benar, dan dari itu maka tiada patut dianggap demikian. Dengan tiada mengenali langsung seorangpun dari kalangannya, dan dengan tiada sekali-kali mendapat sebarang bimbingan daripadanya, maka kita tetap akan dapat memperoleh ilmu yang sempurna mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya daripada para agung ulama lama yang tulen dan yang benar-benar merupakan pentafsir handal Sumber-sumber ilmu itu. Sebaliknya pula, dengan tiada mengenali para agung itu, dan tiada sekali-kali mendapat panduannya, maka hampir-hampir mustahil bagi kita untuk mencapai kefahaman yang betul lagi sempurna perihal ilmu mengenai Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya itu. Seolah-olah pemimpin samaran zaman kita ini seperti yang telah terbentuk dalam acuan Gurusihir yang pintar, sebagai pelita-pelita baharu menyamari yang lama untuk ditukargantikan dengan yang lama. Memang mereka itu pula menda'wa sebagai pelita-pelita baharu; dan janganlah hendaknya kita ini jahil membiarkan diri terjerumus dalam kesilapan seperti isteri Aladdin menukar-gantikan pelita-lama dengan yang baharu tiada menyedari akan kelebihan hikmat ajaib yang ada pada yang

lama yang jauh melampaui yang baharu itu semuanya sekaligus. Pemikiran serta cara-gaya dan tauladan yang ditayangkan oleh pemimpin-pemimpin samaran dan pengikutnya semua, sebagai adukan campuran kebenaran dan kepalsuan, yang hak dan yang batil—yang memang merupakan ramuan kekeliruan, dan yang dida'yah dianjurkannya ketika Kaum Muslimin sudah menjadi tenat keliru, putus-asa kewarasan akal serta semangatnya dalam keadaan kacau tiada berdaya meresapi lagi kekeliruan tambahan—telah membawa kesan buruk pada kefahaman awam yang terpengaruh olehnya. Kesan buruknya telah membawa awam pada memandang Islām menerusi tilikan yang meleding, menanggapkan gambaran alam dan hakikat dan kebenaran yang ditayangkan oleh Islām menerusi pandangan yang kelam. Kesan ajaran-ajarannya terhadap masharakat awam, khususnya terhadap golongan belia yang sedang mengalami akibat pembaratan, jelas ternyata dalam suatu sikap kebiasaannya yang kuat cenderung kepada penyamarataan semua dalam timbang-tanggapannya. Perkataan serta perbuatan tingkah lakunya memperlihatkan pandangan serta sikap yang menyamaratakan, bukan sahaja secara kesimpulan, akan tetapi dengan tegas erti, bahawa Al-Qur'ānu'l-Karīm itu sama setaraf dengan buku-buku lain; bahawa Islām itu sama setaraf dengan agama-agama lain; bahawa Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, itu sama setaraf dengan para Anbiya dan Mursalin lainnya, yang semuanya juga sama setaraf dengan orang-orang biasa; bahawa ilmu yang sebenarnya itu sama setaraf dengan ilmu-ilmu pengetahuan; bahawa pemimpin yang benar itu sama setaraf dengan yang palsu, dan yang lebih agung itu sama setaraf dengan yang kurang agung; bahawa kehidupan duniawi itu sama taraf kepentingannya dengan Akhirat. Penyamarataan beginilah, yang diteteskan sedikit demi sedikit ke dalam kefahaman awam tanpa mempertimbangkan nilai kefahaman itu, dan tanpa memperjelaskan dengan teliti pelbagai peringkat perbezaan sehingga kepada yang halus, yang memang ada terterap semulajadi dalam rencana susunan martabat dan darjat makhluk jelata—terutamanya dalam rencana susunan makhluk insani—yang membawa akibat 'pensosialisasian' Islām yang telah disebut tadi di perenggan 62.

Penafian unsur-unsur ruhaniah dalam menilai insan—penafian yang memang mesti berlaku sebagai prasharat gerak ke arah penyamarataan—telah dilakukannya mulai dengan penilaiannya terhadap diri Rasūlu'Llāh, ṣalla'Lāhu 'alayhi wa sallam, dan dengan kelakuan ini mereka telah mirip pada melibatkan Islām dalam suatu macam pensekularan yang mustahil. Sesungguhnya pelbagai golongan pemimpin palsu ini tiada yakin-tahupun apa yang harus mereka buat, tetapi sesama meraba-raba jua mencari penyelesaian bagi persoalan serta masalah umum yang kita hadapi kini, penyelesaian menerusi renungan yang sebenarnya merupakan cebisan-cebisan singkat yang dirangkaikannya secara bergopoh, yang belum tentu sah dan yang daya mustajabnya diragukan. Selang demikian lakunya tetapi mereka inilah yang telah menyalah-fahamkan pencapaian dayacipta ulama lama yang benar-benar agung, ya'ni pencapaian dayaciptanya menjelas-tafsirkan Islām dan pandangan alam yang ditayangkan olehnya. Kecenderungannya melihat hanya perkara-perkara kecil dalam pandangan nilaiannya terhadap yang melebihinya, telah mengakibatkan terlepasnya dari perhatiannya perkara-perkara besar, dan dari itu maka sebenarnya belum difahaminya dengan sempurna pemikiran para yang berkelebihan itu, meskipun disalahfahamkan, ditanggapnya di hadapan kita dengan gambaran ejekan.

§69 Tugas di hadapan adalah bagi kita memilih-semula serta memperlihatkan kebenaran pemimpin-pemimpin kita yang benar dengan sorotan cahayanya sendiri, supaya tercapai kefahaman yang sempurna mengenainya; bagi kita mengenakan keadilan dalam menilai keluhuran dan kelebihannya, yang daripadanya datuk-nenek kita semua telah memperoleh hidayah dan ilmu. Kita harus melakukan pemeriksaan semula terhadap tanggapan-tanggapan yang salah yang telah ditayangkan oleh ketiga golongan tadi mengenainya, merujukkan tiap hal terperinci kepada penilikan sumber-sumber asali yang kononnya telah dirujuk oleh yang membuat tanggapan yang salah itu. Kita harus tilik dengan teliti tiap dalil, tiap hujah, tiap natijah serta penarikan kesimpulan yang telah dibuat oleh ketiga golongan itu mengenai

pemikirannya, menjejak-semula langkah-langkah perjalanan fikiran akliah yang telah ditempuhnya nescaya dapat kita memutuskan sejauh manakah tanggapannya itu sama ada benar sah atau silap keliru meniru gaya pemikirannya yang kurang sempurna. Kita sendiri harus mengerti dan mengenali sumber-sumber asali itu agar dapat kita tanggapkan pandangan yang terdapat dalamnya pada ukuran peninjauan yang betul benar. Adalah tugas kita untuk bertekun mengkaji pemikiran dan fahaman para pemimpin kita yang benar, yang semuanya dikenali dan diakui oleh umat yang sedar bershukur terhadap baktinya, terhadap khidmatnya kepada Islām dan Kaum Muslimin yang diberikannya dengan penuh jasa. Mereka dikenali dan diakui oleh Umat sezaman yang mengetahui menilai jasanya, tanpa sifat keluhuran diri dan budinya itu dibuat-buat dalam rekaan orang yang datang kemudian, diperbesarkan lama sesudah mereka meninggalkan zamannya—seperti yang lazim berlaku pada zaman kekeliruan dan kepalsuan yang mencirikan zaman kita ini. Kita harus belajar dari para agung bapak-bapak kita zaman lampau nescaya memperoleh kebahagiaan diri menerusi ilmu dan hikmahnya. Ini tiada berma'na bahawa kita sendiri tiada akan dapat berijtihad melanjutkan sumbangan baharu ilmu yang dapat disumbangkan; akan tetapi ini berma'na bahawa kita harus terlebih dahulu menarik mendapatkan tenaga dan ilham dari ilmu dan hikmahnya, dan kemudian, apabila kita mulai dapat memberikan sumbangan ijtihad kita sendiri, sayugia pula kita mengenali dan mengakuinya sebagai mahaguru kita, dan tiada sekali-kali patut kita tuduh-perkecilkan, kerana ijtihad boleh dilaksanakan tanpa menggasir merosak dasar kewibawaan yang sah. Mereka itu semua laksana pelbagai obor nan menerangi menunjuk jalan yang sangat sukar ditempuh; apabila ada bagi kita obor-obor seperti itu, guna apa kita memasang kandil!

§70 Suatu perkara yang sangat penting, yang merupakan akar-umbi perbezaan faham mengenai ilmu antara Islām dan Kebudayaan Barat, adalah faham *akal* itu sendiri. Meskipun pada umumnya seolah-olah ada terdapat kesejajaran faham dengan Islām mengenainya, tetapi Kebudayaan Barat telah sedari awal-

mulanya menekankan keutamaan akal nazari dan akal amali hayawani sebagai merupakan punca perolehan ilmu. Keadaan begini lebih jelas ternyata dengan tersebarnya pengaruh pemikiran serta ajaran Aristotle, yang berasal dari kawasan Yunani dan kemudiannya tersebar masuk ke dalam kawasan Rumawi. Kesimpulan ringkas mengenai faham berkenaan dengan ilmu dan perolehannya, yang timbul dari ajaran serta pemikiran failasuf agung ini, dan yang kesannya masih besar hingga kini terutamanya pada pemikiran Barat, iaitu bahawa ilmu itu berdasar kepada kenyataan benda luaran dan pengalaman dan pancaindera dan pelbagai perolahan pertalian nisbi mengenainya yang berlaku dalam fikiran dan peringatan dan gambaran akal. Kebenaran itu ialah *penyamaan* apa yang ada *dalam* akal dengan apa yang nyata dan berlaku *di luarnya*. Tambahan pula sewaktu zaman Aristotle memang sudah lama berlaku kemerosotan dalam kepercayaan orang Yunani Purbakala mengenai jiwa dan nyawa dan dewa-dewa, yang dipercayakannya mendiami alam tabii dan mengawalnya serta juga nasib manusia. Kemerosotan dalam kepercayaan yang dimaksudkan itu terjadi akibat pengaruh pemikiran para failasuf beberapa ratus tahun sebelum Aristotle, yang mengenakan penekanan terhadap keutamaan akal hayawani yang mengisbatkan hakikat yang zahir serta pertalian nisbi yang berlaku dalamnya sebagai kebenaran ilmu. Maka dengan sendirinya pengutamaan akal hayawani mengakibatkan jiwa dan nyawa dan dewa-dewa yang kononnya mendiami alam tabii itu semua hapus diusir keluar darinya, sehingga apa yang tinggal dalam alam tabii itu hanyalah bendanya belaka, tanpa mengandung sebarang ma'na yang merujuk kepada perkara ruhani. Sungguhpun tiada semua para failasuf Yunani Purbakala menanggap alam tabii itu hanya sebagai benda belaka, dan kebanyakannya memang mengakui adanya ma'na yang merujukkan alam tabii kepada suatu hakikat ruhaniah yang merupakan dasarnya, namun demikian pemikiran serta ajaran Aristotle itulah yang terbesar pengaruhnya, apalagi di kawasan Rumawi, yang memang sudah memperbendakan alam tabii dan mengisbatkan akal hayawani melulu sebagai alat penerokaannya. Meskipun Aristotle percaya akan adanya Tuhan Penggerak

Semesta semua, namun demikian, Tuhannya itu diletakkannya *di luar* alam, sehingga dipisahkannya secara yang mutlak dari alam tabii. Kemudian pula dengan kedatangan agama Kristian di kawasan Rumawi, yang dijadikannya sebagai pusatnya, justeru sifat alam tabii itu direndahkan lagi tarafnya dalam tanggapan akal, sehingga bukan sahaja dia itu dipandang sebagai benda belaka, tetapi juga dia makhluk nista yang memikat manusia dalam jaringan pendurhakaan. Dengan tanggapan demikian maka sekurang-kurangnya agama Kristian telah mengakui sahnya pandangan terhadap alam tabii yang hanya melihatnya sebagai benda belaka, tiada mengandung ma'na yang merujuk kepada hakikat ruhaniah sebagai dasarnya, berlawanan dengan pandangan seperti yang dianggap oleh pemikiran Yunani Purbakala. Pengaruh pandangan alam Rumawi serta pemikiran Aristotle lebih menerap pada fahaman Kristian daripada pandangan alam Yunani Purbakala yang akhirnya terbentuk dalam pemikiran Plato. Meskipun benar bahawa pada zaman permulaan perkembangannya, agama Kristian telah terpaksa cuba melandaskan dasar-dasar akidahnya pada akal, namun demikian faham akal yang telah ditanggapnya itu kurang jelas, dan lagi pula terbahagi kepada dua unsur yang saling berpisahan dan berlainan sifatnya. Mereka menyatakan bahawa akal insan itu suatu penduaan yang terbahagi kepada alat yang merenungkan hakikat ruhaniah yang digelarnya *intellectus,* dan alat yang memahami serta menguasai alam zahir yang digelarnya *ratio.* Maka oleh kerana alam zahir yang difahamkannya juga sebagai alam tabii itu hanyalah benda belaka, tambahan pula makhluk nista, dan oleh kerana yang lebih diutamakannya hanyalah apa yang dianggap sebagai alam yang *di luar* alam tabii dan yang lebih luhur daripadanya—ya'ni alam ruhani yang terpisah putus dari yang jasmani—mereka telah menista sehingga meneledor serta mengabaikan penggunaan *ratio* atau *reason* dan pengkajian alam tabii yang berdasar kepadanya. Sebaliknya pula mereka telah menekan mengutamakan *intellectus* atau *intelligence* dalam merenungkan perkara-perkara ruhaniah. Akibatnya maka renungan-renungan menerusi *intellectus* yang dianggapnya merujuk kepada hakikat ruhaniah itu, tiada terkena semakan serta

penelitian dan penapisan *ratio* nescaya kabur merana dalam kekhayalan. *Intellectus* itu juga disebut *nyawa* atau *anima*, dan tempatnya bersama *ratio* dalam akal atau *mens*, ya'ni *mind*. Renungan-renungan yang dilakukan oleh *intellectus* itu tiada mungkin berlaku kecuali setelah mendapatkan bahan dari *ratio*. Maka *intellectus* itu suatu kuasa atau *kekuatan* atau *facultas* nyawa, yang dayakuasanya tiada tergantung kepada badan atau tempat jasmani, meskipun dia bergantung kepada alat-alat jasmaniah termasuk pancaindera yang memberikan bahan luaran. Tiada sesuatu yang dalam *intellectus* melainkan yang tadinya sudah diperoleh ada dalam pancaindera. Kenyataan-kenyataan pancaindera itu diperoleh serta dijadikan suatu fahaman oleh otak yang menayangkannya sebagai suatu gambaran, dan gambaran itu ditayangkan kepada *intellectus* oleh khayalan, peringatan dan kefahaman. *Intellectus* itu, meskipun dia esa jua, dipandang sebagai mempunyai dua bahagian yang *bertindak* menerangi gambaran khayalan, peringatan dan kefahaman dan merumuskan darinya sifat umum yang terdapat dalamnya; dan yang *menerima* rumusan itu dan membuat konsep atau fahaman tentangnya. Sedangkan tujuan *ratio* adalah perolehan ilmu pengetahuan: *scientia; intellectus* pula bertujuan memperoleh kebijaksanaan: *sapientia*. Penekanan terhadap *intellectus* dan penindasan terhadap *ratio* merupakan ajaran Augustine, yang terpengaruh oleh Plato, dan yang besar pengaruhnya pada zamannya abad keempat Masihi dan selepasnya hingga abad ketigabelas. Kemudian pada abad ketigabelas seterusnya hingga kini, dengan pengaruh ajaran Aquinas, seorang ahli teologi yang terkemuka dalam agama Kristian yang memasukkan pemikiran Aristotle serta pandangan alam Rumawi ke dalam pemikiran serta pandangan alam agama itu, maka penekanan terhadap keutamaan *intellectus* telah dikendurkan dan penekanan terhadap keutamaan *ratio* pula telah diketatkan. Jadi daya kebolehan *intellectus* disangsikan dan daya kebolehan *ratio* dipercayakan sebagai alat perolehan ilmu. Akan tetapi *ratio* yang hanya boleh bertindak terhadap memahami serta menguasai alam tabii itu memang diketahuinya tiada berdaya merangkum memahami serta menguasai alam ruhani, dan dari itu maka disangsikannya jua

daya kebolehannya bagi meneroka kebenaran-kebenaran ruhaniah. Sebagaimana telah mereka melakukan penduaan—ya'ni pemisahan sebagai dua hakikat dan kebenaran—terhadap alam tabii dan alam ruhani, begitu jugalah mereka melakukan penduaan terhadap *intellectus* dan *ratio;* dan apabila mereka menyangsikan daya kebolehan *intellectus* dan *ratio* keduanya untuk mencapai ilmu yang sah mengenai hakikat ruhaniah yang dipercayakannya, maka tiada lagi alat-alat akliah lain yang terpandang olehnya yang boleh menyakinkannya pada kebenaran ruhani. Dari itu maka mereka hanya dapat berpegang kepada apa yang dianggapnya sebagai *daya-kasih* atau *love* untuk menerima dasar-dasar kepercayaannya, yang justeru memang sukar diterima oleh akal, ya'ni oleh *reason* dan *intelligence*. Dari itu jugalah maka agama Kristian tiada mendasarkan kepercayaannya pada *ilmu* dan *keyakinan* yang diakibatkan olehnya, seperti Islām mendasarkannya demikian, akan tetapi mendasarkan kepercayaannya pada *dorongan daya-kasih* belaka. Oleh kerana keutamaan telah tadinya diberikan kepada penggunaan *ratio* dalam pemikiran mengenai akidah-akidah agama Kristian—penggunaan yang tadinya difikirkan boleh membawa penyelesaian akliah pada kekusutan masalah Ketuhanan—maka tiada berapa lama selepas abad ketigabelas, cara penggunaan *ratio* itu sebaliknya pula telah melaberak menafikan sahnya kepercayaan mengenai Ketuhanan serta lain-lain akidah agama Kristian yang bersabitan dengannya, dan selanjutnya memutuskan bahawa hakikat ruhaniah, termasuk Tuhan, tiada dapat dibuktikan wujudnya. Jadi penggunaan *ratio* dan cara pendekatan yang berikut darinya, yang dikenali sebagai *rationalism*, dan faham alam tabii atau *nature* yang telah dikosongkan dari sebarang nyawa dan jiwa dan dewa dan kesimpulan ruhani, ya'ni *naturalism*—yang telah diterima masuk ke dalam pemikiran serta pandangan alam Kristian itu—sebenarnya menandakan kemenangan pemikiran Aristotle dan pandangan alam Rumawi dalam jiwa kebudayaan dan pemikiran Barat; kemenangan yang kemudiannya menjelmakan falsafah sains dan pensekularan dunia Barat, dan mengakibatkan keruntuhan agama Kristian lama yang cuba membangkitkan

agama Kristian baharu atas dasar-dasar lain mengikut fahaman zamannya. Menurut perkembangan sekarang, baikpun di sisi agama Kristian mahupun di sisi falsafah dan ilmu pengetahuan sains dan pemikiran moden Barat, rasionalisme telah membawa kesimpulan mu'tamad bahawa segala yang dianggap sebagai hakikat ruhaniah, termasuk Tuhan, tiada dapat dibuktikan wujudnya dan tiada dapat disahkan kepercayaannya sebagai ilmu. Itu semua, bagi Kebudayaan Barat, merupakan *teori* belaka dan tiada dapat diyakini kebenarannya. Oleh kerana alasan-alasan yang dengan sendirinya jelas, maka tiada dapat dihuraikan di sini secara satu-persatu, dengan pemerincian yang berlanjutan, perjalanan sejarah pemikiran Barat dan perkembangannya berhubung dengan faham ilmu dan akal dan caranya memperoleh ilmu. Memadailah kiranya kini hanya dengan menyampaikan kesimpulan ringkas mengenainya, iaitu bahawa:

(1) Pada Kebudayaan Barat umumnya ilmu itu merupakan kumpulan bahan-bahan alam zahir atau alam luaran serta pernisbahan dan renungan yang berlaku mengenainya.

(2) Cara yang sesuai bagi memperoleh ilmu iaitu dengan pendekatan yang dilakukan oleh *ratio*. Ini berdasarkan pada pengalaman serta pemerhatian, pengkajian dan pemeriksaan dengan menggunakan pancaindera sebagai alat-alat penerima kenyataan luaran. Cara ini, sebagai suatu rencana selain dari rasionalisme, dikenali juga dengan nama *empiricism*.

(3) Tiada mungkin akal memperoleh ilmu yang yakin mengenai alam dalaman, alam batin, alam ruhani.

(4) Kepercayaan-kepercayaan mengenai hakikat dalaman, mengenai alam batin, alam ruhani, hanya dapat dibentuk menerusi pandangan akal nazari, yang menanggapkannya sebagai *teori* atau dugaan belaka, yang kebenarannya tiada dapat diyakini.

Kita harus insaf pula melihat bagaimana pelbagai istilah Latin yang telah digunakan dalam membicarakan faham ilmu dan akal

dan cara-gaya bagi memperoleh ilmu itu termasuk antara lainnya *anima* (*soul*), *mens* (*mind*), *intellectus* (*intelligence*), *ratio* (*reason*) semuanya berasingan dari segi bentuk istilah dan samar pula dari segi ma'nanya. Yang mu'tamad ialah bahawa *ratio* dan *intellectus* itu, sebagaimana difahamkan dalam perkembangan sejarah pemikiran Barat selepas Abad Pertengahannya, telah merupakan suatu penduaan faham dan cara, dengan *ratio* mengambil keutamaan mutlak sehingga lambat-laun, menurut kaedah bawaan maksudnya, menimbulkan suatu falsafah ilmu pengetahuan yang menjelmakan sains sekular dan menetapkan arahan pemikiran sekular serta mewujudkan pensekularan dunia masakini.

§71 Dalam risalah ini telah berkali-kali kusebut perkataan 'sekular' dan 'pensekularan' tanpa memerincikan maksud fahaman yang merujuk kepadanya. Maka dari itu perlu rasanya kini untuk menghuraikan dengan ringkas faham-faham yang memaksudkannya itu. Mengenai fahaman yang disebut *sekular* itu maka dia berasal dari perkataan Latin *saeculum*, yang bermaksud pada ma'na *masa* dan *keadaan dunia* di mana masa itu berlaku. Ya'ni dia memaksudkan *masakini di sini*, masakini bermaksud kepada kenyataan masa sekarang, dan di sini bermaksud kepada dunia ini. Jadi faham sekular itu merujuk kepada ma'na *kedisinikinian*. Dengan ini sahaja harus tampak bagaimana fahaman sekular ini memang sudah mengandungi bibit faham perubahan dan keduniaan; perubahan yang senantiasa berlaku *pada* dunia dan *dalam* dunia. Ini juga membayangkan kesimpulan bahawa perubahan yang dimaksudkan itu merujuk kepada perubahan dalam pemikiran manusia menurut perubahan-perubahan yang berlaku di alam sekeliling, ya'ni perubahan nilai serta kepercayaan dan ilmu, yang terus-menerus akan berlaku sebagai suatu evolusi. Mengenai *pensekularan* pula, maka dia menayangkan maksud *keadaan sekular*, atau *gerak-daya yang sedang berlaku yang mengisbatkan yang sekular*. Ciri-ciri utama pensekularan merupakan tiga kenyataan yang bersangkut-paut:

(1) Pertama, apa yang dianggap sebagai *pengosongan*

alam tabii dari jiwa atau nyawa atau dewa-dewa, atau sebarang kesimpulan yang merujuk kepada perkara ruhani; ya'ni *pengusiran dari dalam akal dan tanggapan fikiran terhadap segala faham yang merujuk kepada adanya dalam alam tabii itu nyawa atau jiwa atau dewa-dewa, atau sebarang ma'na yang membawa kesimpulan ruhani*, sehingga alam tabii itu terlihat hanya sebagai merupakan benda belaka, tanpa lain-lain ma'na.

(2) Kedua, *penafian tentang pengesahan kepimpinan manusia yang dikuatkuasakan oleh kepercayaan yang berdasar pada perkara ruhani*, seperti kepimpinan manusia-manusia yang mengaku sebagai keturunan dewa-dewa, atau yang mengaku bahawa kepimpinannya berdasarkan penganugerahan serta pengesahan tauliah dari alam ghaib atau Tuhan, seperti Anbiya dan Mursalin. Ini berma'na bahawa dari segi faham politik, tiap manusia berkebebasan untuk memegang tugas pimpinan tanpa kewibawaan dari alam ruhani.

(3) Ketiga, *penafian tentang kesucian serta kekekalan nilai-nilai hidup*. Ini berma'na bahawa tiada ada nilai-nilai suci dan kekal untuk seluruh masa, melainkan bahawa nilai-nilai itu senantiasa akan menempuh penyemakan semula serta perubahan mengikut zaman.

Pensekularan berma'na penolehan pandangan daripada alam-alam lain yang ghaib kepada alam tabii belaka, dan khususnya kepada dunia ini sahaja. Dia berma'na penghapusan segala faham dalam bahasa manusia yang merujuk kepada alam ghaib dan kepada agama sehingga bahasa itu, dan seterusnya akal manusia yang menggunakannya, akan 'terbebas' dari faham-faham yang dianggapnya membelenggu manusia kepada kepercayaan tahyul. Dia berma'na suatu gerak-daya yang membawa manusia dari peringkat 'kebudak-budakan' sehingga sampai ke peringkat 'kedewasaan' dan 'kewarasan fikiran'. Dia berma'na pengulang-kajian, penyemakan semula, dan penggantian segala nilai

mengikut keadaan zamannya. Dia berma'na perubahan 'evolusi' manusia yang menuju ke arah kedewasaan, dan dia menganggap sejarah sebagai suatu 'evolusi' perubahan masharakat dari taraf kuno ke taraf moden. Dia berma'na penghapusan kuat kuasa agama sebagai lambang penyatupaduan kebudayaan. Dia merupakan suatu gerak-daya sejarah yang lambat-laun tetapi pasti akan 'membebaskan' masharakat dan kebudayaan daripada terikat pada kawalan agama dan pandangan alam yang 'tertutup'—ya'ni yang merupakan yang lengkap serta tetap dan kekal. Dia merupakan 'perkembangan' serta 'pembangunan' ke arah 'pembebasan', dan perjalanan sejarah itu tiada lain kononnya dari gerak-daya pensekularannya. Jadi sejarah insan itu justeru pensekularannya jua. Yang merupakan gerak-dasar bagi pensekularan insan dan alam tabii itu—seperti yang telah tadi disebut—berkisar pada punca tiga kejadian yang memang telah dialami dan berlaku dalam kehidupan serta sejarah pemikiran orang Barat. Pertama, pada pengosongan alam tabii dan akal insani dari sebarang ma'na ruhani, sehingga memperpisahkan alam tabii itu dari Tuhan, dan memperbezakannya dari insan, agar dapat kononnya insan meniliknya bukan lagi sebagai alam yang mempunyai hubungan ma'nawi dengan Tuhan, nescaya dapat dia seterusnya bebas berleluasa mempergunakan alam itu menurut kehendak rencana serta keperluannya. Dengan demikian pula dapat dia mewujudkan perubahan sejarah yang membawa 'perkembangan' dan 'pembangunan'. Kedua, pada penafian segala pengesahan terhadap kekuasaan dan kewibawaan politik yang berdasarkan sumber-sumber ruhani dan agama, sehingga penafian itu dapat merupakan suatu prasharat bagi menimbulkan perubahan politik, dan seterusnya perubahan masharakat, yang membolehkan timbulnya gerak-daya perubahan sejarah. Ketiga, pada pengenaan nilaian nisbi, yang senantiasa akan berubah, terhadap segala ciptaan kebudayaan dan tiap rencana-bentuk penilaian, termasuk rencana-bentuk penilaian agama dan pandangan alam yang mempunyai tujuan akhir yang tetap dan ma'na-hidup yang mu'tamad, sehingga dengan demikian kononnya dapat sejarah dan masa hadapan itu 'terbuka' bagi perubahan, dan dapat insan itu 'bebas' untuk membuat perubahan

sekehendak hasratnya, serta dapat dia memesrakan dirinya dengan perubahan itu sebagai menunaikan gerak-daya 'evolusi'. Sikap terhadap nilai hidup serta ma'na-hidup demikian ini menghendaki bagi penganutnya adanya kesedaran dalam diri manusia sekular akan keinsafan tentang tiada sahnya nilaiannya sendiri sebagai yang benar dan kekal, kerana dia harus insaf-sedar bahawa nilai hidupnya sendiripun bersifat nisbi dan fani jua, dan akan menempuh nasib perubahan abadi. Dia juga harus insaf-sedar akan penerimaan ma'na-hidupnya demikian itu bahawa segala peraturan akhlakiah serta undang-undang dan hukum yang menjelma dari keadaan serta ciptaannya sendiri itu, dan yang merencana serta mengawal dan mengarahkan hidupnya, semua akan menempuh perubahan menurut perubahan zaman dan keturunan pula. Sikap seperti ini menghendaki suatu kesedaran serta keinsafan bagi yang menganuti faham sekular akan apa yang digelarnya sebagai 'kedewasaan diri', dan dari itu maka pensekularan itu merupakan suatu gerak-daya evolusi, kononnya, perihal kewaspadaan insan yang sedar akan perubahannya meningkat dari taraf 'kebudak-budakan' naik ke taraf 'kedewasaan'. Gerak-daya evolusi inilah yang difahamkan sebagai penyingkiran dari dalam peribadi tiap lapisan masharakat akan sikap 'kebudak-budakan' yang zahir sebagai sikap bersandar kepada agama dan kepada hal-hal mengenai hakikat ruhaniah, sehingga dapat dia berdikari menerima tanggungjawab 'kedewasaan'. Pensekularan kononnya mencarakan perjalanan batin 'evolusi' insan. Mereka yang menganuti faham ini percaya bahawa hidup insan itu telah menempuh 'evolusi' dari cara hidup purbakala, ke cara hidup bersuku-suku puak, ke cara hidup berdusun berkampung, seterusnya berbandar, berkota, berbandaraya, meningkat naik mengikut peringkatnya—dari golongan bermasharakat yang berbentuk sederhana ke kumpulan masharakat jelata yang berbentuk rumit. Dan ditilik dari keadaan hidup insani menurut peringkat evolusinya, perubahan dari peringkat hidup purbakala ke peringkat hidup masakini itu bersamaan keadaannya dengan 'perkembangan' insan dari peringkat 'kebudak-budakan' ke peringkat 'kedewasaan'. Keadaan hidup dalam bandar itu merupakan rangka yang

dalamnya berlaku 'kedewasaan' insan; rangka yang dalamnya berlaku pensekularan, yang mencarakan corak tamadun itu serta juga dicarakan olehnya. Maka keadaan di mana pensekularan itu berlaku merujuk kepada tiga tempat dan mauduk: pertama, dia berlaku di bandar-bandar; kedua, dia berlaku di dalam akal; ketiga, dia berlaku dalam bahasa. Yang mereka maksudkan dengan kedewasaan itu justeru tiada lain dari keberanian menghadapi serta menghidupi hayat yang dianggapnya terangkum dalam hakikat penilaian nisbi; yang senantiasa berubah dan harus menempuh perubahan, dan yang harus pula dirobah serta direlai perubahannya. 'Kedewasaan' bererti kesanggupan menempuh penafian segala nilai yang dianggap memberi ma'na pada diri; dia juga pemujaan nasib manusia yang melakoni lakonan tragedi.

§72 Ta'rif mengenai faham sekular dan kejadian pensekularan yang benar-benar memperikan sifatnya bagi kefahaman kita ini memang tepat sekali bersesuaian dengan apa yang sedang berlaku dalam kehidupan ruhani dan akali dan jasmani dan zahiri orang Barat dan kebudayaan serta tamadun Barat. Dan justeru ianya hanya betul benar sebagai kenyataan yang hak apabila kita kenakan kejadiannya semata-mata sebagai memperikan sifat serta keadaan hidup kebudayaan dan tamadun Barat jua. Sanya sesungguhnya benarlah memang pensekularan itu adalah hasil dari sejarah pengalaman lama orang Barat menghidupi ketegangan antara falsafah dan agama—antara pandangan alam yang semata-mata berdasar pada tayangan akal jasmani, dan pandangan alam yang semata-mata berdasar pada tayangan indera khayali. Ketegangan yang terjelma dalam jiwa Barat akibat hidup berwaswas antara dua pandangan alam yang bertentangan itu sudah mulai nyata di Yunani Purbakala kira-kira enam ratus tahun sebelum zaman Nabi 'Īsā, 'alayhi'l-salām: dari zaman Milesia dan Samos dan Elea terus ke zaman Sufasta dan Socrates; dan dari zaman para failasuf Megara sampai ke zaman Plato dan Aristotle; dan kemudian terus pula ke zaman Hellenista yang menjelmakan falsafah golongan Stoa dan Epicuria, kemudian Neo-Platonisme dan agama Kristian.

§73 Dari sejak terjelmanya agama Kristian, maka kebudayaan Rumawi telah mengenakan pengaruhnya mendalam ke dalam jiwa dan tubuhnya; dan telah mengalirkan pengaruhnya itu ke seluruh nadi anggotanya sehingga segala ma'na serta faham yang merencanakan tanggapan akalnya dan rekaan teologinya tercara dalam bahasa Latin. Menerusi bahasa Latin juga diserapkan masuk ke dalam jiwanya mesra falsafah serta pandangan alam yang ditayangkan oleh pemikiran Aristotle dan lain-lain anasir kebudayaan Barat, yang mengosongkan alam tabii secara yang sedemikian menyeluruhnya dari sebarang ma'na ruhani sehingga dia dipandang sebagai benda belaka. Pengosongan alam tabii daripada kandungan sebarang sifat ruhaniah itulah sesungguhnya yang merupakan unsur utama yang memulakan gerak ke arah pensekularan agama Kristian dan dunia Barat. Agama Kristian tiada terdaya menahan kemasukan pengaruh-pengaruh itu, dan gagal dalam segala usaha bagi mengkristiankan anasir luar yang menyerapkan diri ke dalamnya. Dengan tiada disedarinya—dan kemudian apabila disedarinya justeru tiada dimampui pula penolakannya—maka agama Kristian membiarkan sahaja perkembangan pensekularan itu menjangkit ke seluruh anggotanya tanpa menginsafi bahawa segala gejala asing yang sedia terpendam dalam sanubarinya sendiri itu nantinya akan merebak membiak merosak diri. Apabila akibat pensekularan itu terjelma dalam falsafah dan teologi dan metafizika dan sains, merajalelai segala wajah kehidupan Barat sambil menularkan racunnya ke dunia raya, maka nyaris-nyarislah terlambat tibanya kesedaran serta keinsafan—yang baharu kini mengejutkan agama Kristian—akan gentingnya peristiwa yang telah menimpa dirinya dan dunia Barat. Akibat rasionalisme serta pensekularan ilmu-ilmu yang tersebut itu bukan sahaja menerapkan faham kebendaan dalam tanggapan orang Barat terhadap alam tabii, bahkan dia juga telah melenyapkan keruhanian sifat insan itu sendiri, sehingga insan tertampak hanya sebagai haiwan yang berakal jasmani melulu tanpa kaitan dengan sebarang hakikat ruhani. Maka insan telah dijatuhkan dari kemurnian sifatnya yang asal, dan diturunkan ke dunia hina di mana nasib dan dirinya hidup menetap, di mana dia akan terus terbelenggu pada alam

benda yang dipercayai sebagai satu-satunya alam yang hakiki. Pengosongan alam tabii, termasuk alam insani, dari unsur-unsur ruhaniah telah juga mengakibatkan pemisahan yang mutlak antara alam tabii yang zahir sebagai alam jasmani, dan alam ruhani; dan dengan pemisahan itu maka yang diberi keutamaan dalam perhatian serta penelitian hanyalah alam jasmani jua. Alam ruhani semakin dipencilkan keluar dari alam tabii, dan sesudah dikeluarkan maka diteledorkan sehingga akhirnya diabaikan langsung dan dianggap sebagai tiada berwujud hakiki. Pemisahan kedua alam ini, yang tadinya memang dianggap bersatu, dan yang gerak ke arahnya sudah mulai sekurang-kurangnya enam ratus tahun sebelum timbulnya agama Kristian seperti yang tadi telah disebut, lambat-laun menimbulkan falsafah penduaan yang digelar *dualism*; falsafah penduaan yang menjelmakan sifat-sifatnya sejati pada abad ketujuhbelas dengan terserapnya pengaruh Descartes ke dalam falsafah Barat. Alam benda telah dipisahkannya putus dari alam ruh dengan sedemikian cara sehingga tabiat semesta jadi terdedah bagi pemeriksaan serta penelitian sains sekular yang lantas bertindak terhadapnya tanpa takut dan waswas, tanpa tergendala oleh sebarang pantang. Dengan itu maka telah disediakan pentas bagi lakonan drama di mana insan merasa dirinya tinggal sebatang kara dalam alam ini, dan tiada yang lain beserta dengannya; tiada Dalang di balik layar yang memainkan Wayang Agung ini; tiada Tuhan di balik tabir Pameran Tabii ini yang mengatur serta mengawal segala peristiwanya, melainkan bahawa nasib alam itu terletak dalam tangannya sendiri jua. Perkembangan falsafah Barat berarak lancar mengikut perkembangan sainsnya yang mensekularkan semua. Insan semakin dipandang dari segi keutamaan kemanusiaannya dan keperibadiannya dan kebebasan serta kemerdekaannya sebagai diri haiwani. Jikalau dahulu dia telah menghapuskan pupus para dewata di alam purba dengan serangan akal hayawani sehingga alam itu jadi benda biasa bagi tindakan-nya leluasa, maka kini dengan bantuan falsafah dan sains sekular dia harus pula mendesakkan diri merebut kebebasan serta kemer-dekaannya sekalipun dari Tuhan Sarwa Alam, agar dapat dia benar-benar bebas bertindak terhadap alam yang menghadapinya.

Sedangkan pada abad ketujuhbelas dan abad kedelapanbelas para failasuf Kristian masih percaya akan kemungkinan merencanakan suatu metafizika, suatu ilmu bagi membukti serta mentafsirkan kewujudan hakikat ruhaniah termasuk Tuhan dan ruh dan alam ghaib, namun demikian, cara-gaya yang sekular yang dianutinya serta gaya-fikir yang mengalir darinya telah lama diserapkan masuk ke dalam jiwa Kristian—sekurang-kurangnya sejak abad ketigabelas seperti yang disebut di perenggan 70—sehingga mahu tiada mahu pemikiran mereka tetap menuturi nasib yang membawanya ke arah pensekularan jua. Justeru sesungguhnya pada abad kelimabelas dan abad keenambelas, pada zaman dalam sejarah Barat yang digelar zaman *Renaissance*, orang Barat sudah mulai hilang minat terhadap agama Kristian. Mereka telah menumpukan segala usahanya terhadap mengejar ilmu pengetahuan dan menghidupkan semula tamadun Yunani dan Rumawi purba, yang telah lama mereka lupakan dan yang pada masa itu sedang mereka ingati dan kenali semula. Mereka telah lupa akan tamadun purba itu sebab sudah terputus dari sumber-sumber aslinya; dan menjelmanya agama Kristian di kalangan mereka telah membantu membawa kealpaan yang pada zaman *Renaissance* itu dianggap sebagai Zaman Kegelapan dalam sejarah dan tamadun Barat. Dengan terdapatnya semula sumber-sumber purba yang begitu disanjung keutamaannya, maka penerimaan segala nilai ukuran serta cara-gaya dan gaya-fikir falsafah Kristian Abad Pertengahan telah ditolak, dan kewibawaannya telah dipersoalkan. Pandangan alam yang ditayangkan di hadapan renungannya oleh sumber-sumber purba itu sangat mengharukan cita dan rasa seolah-olah dunia dan insan yang tertanggap pada akalnya semata-mata yang baharu belaka; dan teologi serta metafizika Kristian tiada lagi menarik baginya untuk mentafsirkan hakikat semesta, dan hanyalah ilmu yang baharu itu, yang *modern*, yang diterima baik sebagai ganti bagi mentafsirkan hakikat semesta dengan cara dan gaya sains. Justeru nama gelaran *renaissance* itu sebenarnya bererti *lahir semula*, dengan maksud *menjelma ke dalam keadaan baharu*; dan ma'na ini tentulah membayangkan suasana akali zaman itu, di mana orang Barat merasai dirinya lahir semula ke dalam dunia baharu

dan kemungkinan hidup yang baharu serta keinsafan baharu akan kuasa serta kelengkapan yang ada padanya. Zaman Penjelmaan Baharu ini demikian mengandung erti pada Kebudayaan Barat sehingga arusnya menerus dalam sejarah kebudayaannya berabad-abad, dan menimbulkan pula pada abad ketujuhbelas hingga abad kesembilanbelas suatu zaman Kecerahan di Eropah yang mashhur dengan gelaran *European Enlightenment*. Ciri utama yang mensifatkan zaman Kecerahan di Eropah itu merupakan suatu semangat yang sangat kuat bagi menjelmakan insan yang dicita-citakan, yang akan membina suatu masharakat yang diidamkan dalam cita jua, atas dasar kebendaan dan pensekularan. Para failasuf ilmu alam tabii giat menulis menyebarkan fahamannya tentang undang-undang alam tabii dan agama tabii, dan menitik-beratkan kenyataan perihal kemanusiaan, kebebasan, kemerdekaan dan keadilan. Faham-faham mereka itu membenih menjelma sebagai hakikat nyata di Amerika, di mana dia dijadikan falsafah dasar bagi Kemerdekaan. Jikalau *renaissance* bererti *lahir semula*, maka *enlightenment* atau *kecerahan* merujuk kepada 'kecerahan akal' yang mencirikan 'kedewasaan' orang Barat, orang yang tadinya menganggap dirinya dalam keadaan kebudak-budakan dan yang dalam keadaan itu perbuatan dan tindakan serta pemikirannya bersandar pada agama dan lain-lain sepertinya yang dijadikan sandaran, dan yang kini pula menyedari dirinya sebagai sudah dewasa dan waras dan berdaya berdiri sendiri tanpa sebarang sandaran untuk mara mencapai nasib. Jadi sedangkan para failasuf Kristian masih berusaha mencuba mendirikan suatu ilmu metafizika, ilmu mengenai hakikat semesta, mereka sesungguhnya hanyalah membawa ilmu rekaannya itu ke arah menghadapi ajalnya justeru kerana kekaratan ilmiah sudah merosakkannya dari dalam; kekaratan yang menjangkiti seluruh akalnya akibat racun unsur-unsur sekular yang telah beratus-ratus tahun menyerapi tiap susunan dan kaedahnya. Akhirnya agama Kristian dituduh sebagai menghilangkan kepercayaan orang Barat akan agama dan tanzil. Pada abad kedelapanbelas, sesudah tersebarnya pengaruh pemikiran Kant, maka ilmu metafizika itu dianggap sebagai tiada lagi perlu, bahkan sebagai pandu yang

memperdayakan hakikat dan kebenaran, dan yang harus ditinggalkan oleh semua orang yang berakal dan berwaras fikiran, kerana telah dipertunjukkan dengan tegasnya oleh falsafah bahawa sebarang hakikat serta kebenaran ruhaniah itu tiada dapat diketahui dan diperbuktikan, dan bahawa tiada seorangpun yang dapat meyakini wujudnya. Maka jelasnya iaitu bahawa aliran pemikiran falsafah dan sains sekular telah mendorong orang Barat ke arah kepercayaan akan evolusi insan dan perubahannya mengikut perubahan sejarah. Kini, pada zaman kita ini, kepercayaan itu, disertai oleh pensekularan alam tabii dan alam insani, telah hampir-hampir mengambil-alih tempat agama Kristian dalam kalbu dan akal orang Barat. Pengosongan alam tabii dari sebarang ma'na ruhani telah memperbendakan tabiat semesta dan menganggapkannya hanya sebagai benda yang ma'na serta nilainya terletak pada guna dan pergunaannya bagi sains dan teknologi dan bagi insan; dan pengosongan alam insan dari sebarang ma'na ruhani telah memperduniakan insan dan memutuskannya dari sifat luhuran asali; maka yang dititik-beratkan hanyalah kemanusiaan serta kejasmaniannya, keilmuannya yang sekular, kekuasaan serta kebebasannya. Tanggapan demikian terhadap insan membawa ke arah pemujaan serta pendewaannya, dan seterusnya ke arah rasa percaya akan kemampuan akalnya untuk menyelami masalah asal-usul serta nasibnya terakhir, dan akan ilmu yang diperolehinya menerusi tanggapan itu, dan hanyalah diri serta ilmunya itu yang kini dijadikan nilai ukuran yang tunggal bagi mempertimbangkan kebenaran atau kepalsuan pendapatnya sendiri.

§74 Pengosongan alam tabii dari sebarang ma'na ruhani, sebagaimana yang kita fahami telah berlaku dalam perkembangan sejarah falsafah dan sains sekular di Barat, serta pengaruhnya terhadap agama dan teologi Kristian seperti yang telah diringkaskan di perenggan 73, telah menghapuskan dari alam tabii itu pesonanya yang dahulu memikat akal insani dan yang kini terlihat sebagai benda biasa tanpa keistimewaan selain dari yang nyata pada pancaindera. Alam yang terjelma pada tanggapan akali setelah pensekularan seperti yang dialami oleh

Kebudayaan Barat ini tentulah bercanggah dengan pandangan alam yang ditayangkan oleh Islām. Kenyataan Al-Qur'ānu'l-Karīm jelas menerangkan dengan kata-kata yang yakin bahawa seluruh alam ini seakan-akan Kitab Agung yang terbuka, yang ayat-ayatnya harus ditafsir serta dita'wilkan. Dan hanyalah mereka di kalangan bangsa insani yang empunya kefahaman akliah sejati, penilikan batin serta pengenalan dan ilmu yang benar sahajalah yang mengetahui ma'na ayat-ayat Kitab Agung alam tabii ini; justeru kerana Tabiat semesta umpama Kitab yang memberitahu tentang Penciptanya, yang seolah-olah berkata-kata sebagai kenyataan Tuhan Sarwa Alam. Dengan memperikan segala perkara yang mencarakan alam tabii dan alam insani pada zahir-batinnya sebagai ayat-ayat atau kata-kata dan pelbagai kalimat dan tanda yang merupakan perlambangan yang merujuk kepada Hakikat serta Kebenaran, maka Al-Qur'ānu'l-Karīm telah menegaskan bahawa alam dan insan itu mengandung ma'na yang bersifat ruhani jua (sila lihat perenggan 48). Tabiat Semesta, termasuk insan, mengandung ma'na yang menyimpulkannya dengan Penciptanya Tuhan Sarwa Alam; dan oleh kerana itu maka alam seluruhnya harus dimuliakan dengan pandangan yang menghargainya, dan harus dihampiri secara yang tiada gegabah. Insan telah dianugerahi kemuliaan istimewa di kalangan makhluk jelata dengan perlantikannya oleh Allāh, Subḥānahu wa Ta'ālā, sebagai Khalifah, sebagai wakilNya bagi mengawal serta mempergunakan dan memerintah kerajaan alam tabii dengan adil. Perlantikan ini tiada pula bermaksud memberi ma'na bahawa insan harus menganggap dirinya sebagai 'bersekutu' dengan Tuhan dalam perkara mencipta sesuatu, sehingga dia boleh berleluasa mempergunakan alam sesuka hatinya, sebagaimana yang dida'wa oleh setengah golongan failasuf dan ahli teologi Kristian yang beraliran baharu. Dia harus berlaku adil terhadap alam, dan harus mencapai kesaksamaan yang mesra dengannya. Kerajaan alam tabii itu sebenarnya bukan milik insan, tetapi hanyalah diamanahkan kepadanya sejauh mana yang terdaya baginya oleh Yang memiliki Semua; maka dia harus memelihara alam dan mempergunakannya dengan cara yang diredai Allāh Pemilik Semesta Sekalian; dan tiada pula harus dia

bergegabah terhadapnya, menyalahgunakannya sehingga menyebarkan huru-hara dalamnya. Sanya sesungguhnya, jikalau Tabiat Semesta merupakan suatu Kitab Agung yang terbuka, maka insan harus mempelajari pelbagai ma'na ayat-ayat yang terkandung dalamnya nescaya dapat dia memahami maksudnya yang zahir mahupun yang batin; harus dia menyelaraskan diri dengan maksud yang dikehendaki oleh pelbagai ma'na itu, serta mengamalkan telatahnya sehingga tercapai olehnya pengenalan serta pengakuan akan kasih sayang yang telah dilimpahkan kepadanya oleh Penciptanya Yang Mahabijaksana lagi Mahamurah, Yang Munazzah dari sebarang sekutu dan banding. Alam itu lambang yang menyatakan Penciptanya. Pengosongan alam dari sebarang ma'na ruhani, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Kebudayaan Barat dan agama Kristian, telah menafikan hubungan ma'nawinya dengan Tuhan, dan telah menghapuskan sifatnya sebagai lambang kenyataanNya. Yang demikian telah juga menghilangkan penghargaan terhadap alam sehingga dilakukan terhadapnya tindakan sewenang-wenang, yang merosakkan kesaksamaan mesra yang sedia ada antara alam dan insan. Pemutusan insan pula dari hubungannya dengan ma'na ruhani telah mengakibatkan pembelengguannya pada dunia jasmani; kemudian pensekularannya serta penjelmaannya sebagai bersifat benda jasmani yang merupakan hakikat kemanusiaan belaka—ini semua telah menyebabkan orang Barat menyangkal kesucian nilai-nilai insaniah, yang mendorongnya ke arah sikap mempertuhankan manusia dan memanusiakan Tuhan. Kemudian manusia, yang sebenarnya tiada memiliki kewibawaan yang disifatkan padanya itu, diberi peranan sebagai 'pencipta baharu', dan dalam memainkan peranan itu dia telah menzalimi alam, mahupun dirinya sendiri, pada zahir-batinnya. Sesungguhnya Al-Qur'ānu'l-Karīm juga telah melakukan tindakan 'pengosongan' terhadap alam tabii justeru pada saat mulanya ia ditanzilkan. Akan tetapi yang dikosongkan dari alam tabii bukan *sebarang* ma'na ruhani; bukan *semua* yang bersifat ruhaniah itu diusir keluar dari alam; hanyalah yang *menyaru* sebagai hakikat ruhaniah sahajalah yang dikeluarkan dari alam sehingga alam itu menjadi kosong darinya semua. Yang diusir keluar dari alam

hanyalah tuhan-tuhan palsu seperti dewa-dewa yang dipuja oleh manusia purba dan yang dipercayai mensifatkan hakikat ruhaniah, dan juga pelbagai jiwa pujaan yang dianggap orang mendiami alam tabii, seperti yang dianut dalam faham animisme dan lain-lain kepercayaan karut yang ditayangkan oleh pandangan tahyul. Itulah semua yang dikosongkan dari alam; dan pengosongan alam tabii dari ma'na ruhani yang karut itu memanglah sewajarnya, kerana bukan haknya bagi mengisi mendiami alam justeru sebab para dewa dan jiwa pujaan itu semua hanyalah nama yang kosong belaka—kosong dari sebarang ma'na hakiki. Justeru tindakan Islām perihal mengosongkan alam tabii dari sebarang 'ma'na ruhani' yang memang kosong pada pihak zatnya itu sebenarnya membebaskan alam dari yang batil, dan memperlihatkan haknya seperti adanya. Jadi Islām tiada sehabis-habisnya mengosongkan alam tabii dari sebarang ma'na ruhani, kerana dalam menilik hakikat semesta dilihatnya bahawa Ciptaan Raya dalam segala wajahnya—bumi berlapis dan langit berganda dan segala yang di antaranya; mentari dan bulan dan bintang dan pergantian malam dan siang; angin yang meniup membiak tumbuhan dan hujan yang menghidupi bumi nan mati; langit bertanda yang luas mengambang dan laut terhampar yang bergulungkan gelombang; gunung agung dari sungai berkelang dan padang berwarna lebar membentang; padi-padian dan buah-buahan dan haiwan berbagai dan pohon dan logam; gaya wujudnya zahir dan batin dan kuasa ghaib yang mengawal alam; insan berpasangan dan cinta-sayang yang timbul antaranya; kejadian insan dan pengeluaran zuriatnya dan binaan dan kapal dan pelbagai rekaannya; ini semua dan yang tiada terduga dari saujana terjauh dan dalam diri insan sendiri—tiadalah lain melainkan Tanda-tanda Ilahi jua. Maka perwujudan Islām dan kesannya mendalam pada sejarah kebudayaan serta tamadun dunia itu telah membawa akibat pengosongan *yang sewajarnya* terhadap alam tabii dari unsur-unsur yang mempesonakannya secara tahyul. Begitu juga perihal penafian terhadap kuasa politik yang menda'wa kewibawaannya mendatang dari alam ghaib, dari hakikat ruhaniah yang telah melantiknya sebagai kuasa yang sah bagi memerintah serta

membimbing masharakat insani, seperti yang telah disebut di perenggan 71 bahagian 2—Islām tiada sehabis-habisnya menafikan sebarang kuasa politik yang berdasarkan pengesahan dari alam ruhani, sebagaimana yang dinafikan oleh Kebudayaan Barat. Islām hanya menafikan da'waan yang batil perihal kewibawaan politik yang berdasar pada pengesahan dari alam ghaib; dan Islām mengisbatkan pula yang hak yang nyata pada hakikat Islām itu sendiri, justeru kerana Islām sendiri berdasar pada Kewibawaan Ilahi dan kewibawaan suci yang terjelma pada diri Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, yang sebenarnya mencerminkan Kewibawaan Ilahi jua, dan berikut seterusnya pada kewibawaan mereka yang membayangkan tauladan Baginda itu. Maka tiap diri seorang Muslim, dan gabungan diri-diri Muslim sebagai masharakat dan bangsa dan Ummah, semuanya hanya sanya menafikan kesucian kuasa serta kewibawaan politik yang diakui sah oleh tiap seseorang atau kerajaan serta pemerintah, atau sesuatu negara, yang tiada mematuhi sunnah Rasūlu'Llāh, ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam, dan yang tiada menuturi titah serta larangan Hukum dan Undang-undang Suci yang ditanzilkan oleh Allāh. Sanya sesungguhnya, orang Islām itu pada hakikatnya tiada terhutang diri kepada sesiapapun—sekali pun kepada negara dan rajanya yang sah—dan dari itu maka negara dan raja itu tiada pula harus dijadikan sasaran segala kepatuhan dan tumpuan taat-setianya, kecuali apabila negara dan raja itu mematuhi dan menyetiai perintah serta larangan Tuhan Yang Hak dan NabiNya yang Terpilih. Maka dengan ini, yang sebenarnya dipatuhi serta ditaati oleh orang Islām itu akhirnya tiada lain daripada Tuhan dan NabiNya jua. Justeru penafian yang dilakukan oleh Islām itu penafian terhadap kuasa politik yang membuat pengakuan palsu tentang kesucian kewibawaan yang ada padanya; dan penafian seperti yang demikian memang sewajarnya kerana kewibawaan yang benar-benar suci itu adalah yang berdasar pada pengesahan Ilahi, bukan pada pengesahan hukum dan undang-undang manusia serta negara dan masharakat rekaannya, yang semuanya terlibat dalam peristiwa penyemakan serta penggantian demi menepati kehendak perubahan.